05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FAKTOR KEJAYAAN TEKNOUSAHAWAN WANITA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DI MALAYSIA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

JOTHI A/P MUNUSAMY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FAKTOR KEJAYAAN TEKNOUSAHAWAN WANITA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DI MALAYSIA

JOTHI A/P MUNUSAMY

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah √

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **25 FEBRUARI 2025**

i. Perakuan Pelajar

Saya, **JOTHI A/P MUNUSAMY (P20201000882) FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI** Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **FAKTOR KEJAYAAN TEKNOUSAHAWAN WANITA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DI MALAYSIA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **TS. DR. KESAVAN NALLALUTHAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **FAKTOR KEJAYAAN TEKNOUSAHAWAN WANITA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DI MALAYSIA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH.**

25/2/2025
Tarikh

Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: **FAKTOR KEJAYAAN TEKNOUSAHAWAN WANITA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DI MALAYSIA**

No. Matrik /*Matric's No.*: **P20201000882**

Saya / *I* : **JOTHI A/P MUNUSAMY**
(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaanseperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan danpenyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaranantara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done*
☑	**TIDAK TERHAD/*OPEN ACCESS***	

Jothi

(Tandatangan Pelajar/
Signature)

Tarikh: 25/2/2025

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Ts. Dr. Kesavan Nallalingam
Senior Lecturer
Faculty of Management & Economics
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaandengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with periodand reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Tesis ini dapat disempurnakan dengan adanya tunjuk ajar, sokongan, dorongan, bimbingan, nasihat dan perangsang dari pelbagai pihak. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Penyelia Utama Ts. Dr. Kesavan Nallaluthan atas bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan dorongan yang begitu berguna sepanjang kajian ini sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini. Sekalung penghargaan kepada pihak pengurusan SMK Mantin di atas sokongan yang diberikan membolehkan saya melanjutkan pelajaran sehingga ke tahap ini. Terima kasih juga kepada peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini. Tanpa kerjasama anda, sukar untuk saya menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada bonda tercinta Kamalam Subramanian dan Paruvathi Periasamy, yang sentiasa mendoakan kejayaan anakanda. Tanpa kedua-dua bonda saya tidak akan sampai ke tahap ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada suami yang dicintai dan dikasihi, Balamurugan Parumal yang amat memahami akan kesibukan sepanjang proses pengajian dan sentiasa memberikan sokongan dan kata-kata semangat. Tak lupa juga kepada anakanda tersayang Oviyea Balamurugan dan Umaiyal Balamurugan yang mengerti dan memahami akan tugas ibu dalam menyiapkan tesis PhD ini. Juga kepada ahli keluarga yang lain senantiasa memberikan dorongan dan sokongan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, dan pengalaman kerja sebagai faktor kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah korelasi yang melibatkan seramai 302 teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Kaedah pensampelan strata rawak bernisbah (*proportionate stratified random sampling*) dan rawak mudah telah digunakan dalam pemilihan sampel. Data dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS. Kajian mendapati bahawa ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, pengalaman kerja, latihan dan kejayaan teknousahawan berada pada tahap sangat tinggi. Kajian juga mendapati ciri-ciri keusahawanan ($r=0.257$, $p<0.01$), kompetensi ($r=0.248$, $p<0.01$), pengalaman kerja ($r=0.201$, $p<0.01$) dan latihan ($r=0.279$, $p<0.01$) mempunyai hubungan positif dengan kejayaan. Sementara itu, kajian juga didapati bahawa latihan tidak berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara ciri-ciri keusahawanan ($\beta=-1.465$, $t=-1.547$, $p=0.123$), kompetensi ($\beta=-0.073$, $t=-1.358$, $p=0.175$), dan pengalaman kerja ($\beta=-0.019$, $t=-0.339$, $p=0.735$) dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS. Implikasi kajian, latihan tidak berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS. Kesimpulannya, ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, dan pengalaman kerja berperanan sebagai faktor peramal kejayaan tetapi hanya faktor ciri-ciri keusahawanan menyumbang sebanyak 6.6 peratus ke atas pembentukan model kejayaan teknousahawan wanita PKS. Oleh yang demikian perkara ini perlu diberi keutamaan dalam merangka dan melaksanakan pelan pembangunan teknousahawan wanita PKS di Malaysia bagi mencapai matlamat Malaysia Negara Keusahawanan menjelang tahun 2030.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SUCCESS FACTORS OF FEMALE TECHNOPRENEURS IN SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES IN MALAYSIA

ABSTRACT

The aim of this study is to determine entrepreneurial characteristics, competencies, and work experience as success factors for women SME technopreneurs in Malaysia. The study is quantitative in nature, using a correlation method involving 302 female SME technopreneurs in Malaysia. Proportionate stratified random sampling and simple random sampling were used to select the sample. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics with SPSS software. The study found that entrepreneurial characteristics, competencies, work experience, training, and the success of women SME technopreneurs were scored very high. The study also found that entrepreneurial characteristics ($r=0.257$, $p<0.01$), competencies ($r=0.248$, $p<0.01$), work experience ($r=0.201$, $p<0.01$), and training ($r=0.279$, $p<0.01$) have positive relationship with success. Meanwhile, training did not act as a moderator in the relationship between entrepreneurial characteristics ($\beta=-1.465$, $t=-1.547$, $p=0.123$), competencies ($\beta=-0.073$, $t=-1.358$, $p=0.175$), and work experience ($\beta=-0.019$, $t=-0.339$, $p=0.735$) with the success of female SME technopreneurs. The study implies that training does not serve as a moderator in the relationship between entrepreneurial characteristics, competencies, and work experience with the success of female SME technopreneurs. In conclusion, entrepreneurial characteristics, competencies, and work experience act as predictors of success, but only entrepreneurial characteristics contribute 6.6% to the formation of the success model of female SME technopreneurs. Therefore, this should be given high priority when designing and implementing development plans for female SME technopreneurs in Malaysia to achieve the goal of making Malaysia an Entrepreneurial Nation by 2030.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xx
SENARAI SINGKATAN	xxi
SENARAI LAMPIRAN	xxiii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Penyataan Masalah	15
1.4 Objektif Kajian	22
1.5 Persoalan Kajian	23
1.6 Hipotesis Kajian	25
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	27
1.8 Definisi Operasional	30
1.8.1 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	31
1.8.2 Teknologi	31

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3 Teknokeusahawanan 32

1.8.4 Teknousahawan Wanita 32

1.8.5 Ciri-ciri Keusahawanan 33

1.8.5.1 Motivasi Kendiri 33

1.8.5.2 Pemikiran Inovatif 34

1.8.5.3 Kerohanian 34

1.8.6 Kompetensi Teknousahawan 35

1.8.6.1 Kompetensi Mencari Peluang 36

1.8.6.2 Kompetensi Hubungan 36

1.8.6.3 Kompetensi Kepimpinan 37

1.8.6.4 Kompetensi Strategik 37

1.8.6.5 Kompetensi Komitmen 37

1.8.6.6 Kompetensi Mencari Idea Baharu 38

1.8.7 Pengalaman Kerja 38

1.8.8 Latihan Teknousahawan 39

1.8.9 Kejayaan 39

1.9 Skop Kajian 40

1.10 Batasan Kajian 42

1.11 Kepentingan Kajian 43

1.12 Organisasi Tesis 46

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 48

2.2 Teori dan Model Asas 49

2.2.1 Teori Kognitif Sosial Kerjaya 49

2.2.2 Teori Pembangunan Keusahawanan 52

2.2.2.1 Teori Schumpeter (Pendekatan Ekonomi) 52

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		2.2.2.2 Teori McClelland (Pendekatan Psikologi)	54
		2.2.2.3 Teori Max Weber (Pendekatan Sosiologi)	56
	2.2.3	Teori Kompetensi Keusahawanan	58
	2.2.4	Teori Modal Insan	61
	2.2.5	Model Daya Saing IKS	64
2.3	Teknousahawan Wanita		65
	2.3.1	Definisi Teknousahawan Wanita	66
	2.3.2	Definisi Teknologi	68
	2.3.3	Teknokeusahawanan dan Keusahawanan	72
	2.3.4	Perbezaan antara Teknousahawan dengan Usahawan	74
	2.3.5	Perkembangan Teknokeusahawanan di Malaysia	76
	2.3.6	Kajian Lepas Teknousahawan di Dalam Negara	86
	2.3.7	Perkembangan Teknokeusahawanan di Luar Negara	89
	2.3.8	Kajian Lepas Teknousahawan di Luar Negara	93
	2.3.9	Kajian Lepas Mengenai Faktor Kejayaan Teknousahawan	99
	2.3.10	Kepentingan Teknousahawan Kepada Negara	103
2.4	Kejayaan Teknousahawan Wanita		106
	2.4.1	Pengukuran Kejayaam	106
	2.4.2	Pengukuran Kewangan dan Bukan Kewangan	109
		2.4.2.1 Pengukuran Kewangan	109
		2.4.2.2 Pengukuran Bukan Kewangan	110
	2.4.3	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Dimensi Pengukuran Kejayaan	114
2.5	Ciri-ciri Keusahawanan		117

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	2.5.1	Definisi Ciri-ciri Keusahawanan	117
	2.5.2	Persamaan dan Perbezaan Antara Ciri Usahawan dan Teknousahawan yang Berjaya	118
	2.5.3	Kajian Lepas Berkaitan Hubungan Ciri-ciri Keusahawanan dengan Kejayaan	130
	2.5.4	Dimensi Ciri-ciri Keusahawanan	137
2.6	Kompetensi Teknokeusahawanan		144
	2.6.1	Definisi Kompetensi Teknousahawan	144
	2.6.2	Kajian Lepas Berkaitan Hubungan Kompetensi Teknousahawan dengan Kejayaan.	147
	2.6.3	Dimensi Kompetensi Teknousahawan	152
2.7	Pengalaman Kerja		156
	2.7.1	Pengalaman Kerja	156
	2.7.2	Kajian Lepas yang Berkaitan Hubungan Pengalaman Kerja dengan Kejayaan	158
2.8	Latihan Teknousahawan Sebagai Moderator		162
2.9	Perusahaan Kecil dan Sederhana		168
	2.9.1	Definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana	168
	2.9.2	Definisi Usahawan Wanita PKS	172
	2.9.3	Perusahaan Kecil dan Sederhana di Global	173
	2.9.4	Perusahaan Kecil dan Sederhana Di Malaysia	175
	2.9.5	Cabaran PKS di Malaysia	181
	2.9.6	Transformasi PKS Ke Arah Ekonomi Baharu	186
	2.9.7	Kajian Lepas Berkaitan Kejayaan Wanita dalam PKS	189
2.10	Pembangunan Hipotesis		196
2.12	Ringkasan Kajian Lepas		203
2.13	Rumusan Bab		214

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 215

3.2 Paradigma Kajian 216

3.3 Prosedur Kajian 217

3.4 Reka Bentuk Kajian 219

3.5 Populasi Kajian 222

3.6 Sampel Kajian 224

3.7 Penentuan Saiz Sampel Kajian 227

3.8 Teknik Pensampelan 228

3.9 Lokasi Kajian 232

3.10 Instrumen Kajian 233

3.10.1 Demografi 235

3.10.2 Instrumen Ciri-ciri Keusahawanan 235

3.10.3 Instrumen Kompetensi Teknousahawan 239

3.10.4 Instrumen Pengalaman Kerja 244

3.10.5 Instrumen Latihan Teknousahawan 246

3.10.6 Instrumen Kejayaan 247

3.11 Analisis Kesahan 250

3.12 Kajian Rintis 252

3.13 Analisis Kebolehpercayaan 254

3.14 Penerokaan Analisis Faktor 256

3.14.1 Penulenan Konstruk Ciri-ciri Keusahawanan 256

3.14.2 Penulenan Konstruk Kompetensi Teknousahawan 253

3.14.3 Penulenan Konstruk Pengalaman Kerja 263

3.14.4 Penulenan Konstrak Latihan Teknousahawan 265

3.14.5 Penulenan Konstrak Kejayaan Teknousahawan 267

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15 Tatacara Pengumpulan Data 269

3.16 Tatacara Penganalisian Data 272

3.16.1 Analisis Diskriptif 273

3.16.2 Analisis Korelasi 274

3.16.3 Analisis Regrasi 275

3.16.4 Analisis Moderator Berganda Regrasi Hirarki 277

3.17 Rumusan Bab 279

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 281

4.2 Kadar Maklum Balas 282

4.3 Demografi Responden 285

4.4 Tahap Berdasarkan Pemboleh Ubah 289

4.5 Tahap Dimensi Pemboleh Ubah Ciri-ciri keusahawanan 290

4.6 Tahap Dimensi Pemboleh Ubah Kompetensi Teknousahawan 291

4.7 Tahap Dimensi Pemboleh Ubah Kejayaan Teknousahawan 292

4.8 Proses Analisis Data 293

4.8.1 Missing Value 293

4.8.2 Ujian Normaliti 295

4.8.2.1 Kepencongan dan Kurtosis 296

4.8.2.2 Plot Q-Q Normal 297

4.8.2.3 Boxplot 299

4.8.2.4 Histogram 301

4.8.3 Ujian Multikolineariti 304

4.8.4 Penentuan Homoscedasticity 305

4.9 Hubungan Antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Dengan Kejayaan Teknousahawan Wanita 307

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.10 Analisis Moderator Regrasi Linear Hirarki 309

4.10.1 Latihan Sebagai Moderator Dalam Hubungan Antara Ciri-ciri keusahawanan dan Kejayaan Teknousahawan 310

4.10.2 Latihan Sebagai Moderator Dalam Hubungan Antara Kompetensi Teknousahawan dan Kejayaan Teknousahawan 314

4.10.3 Latihan Sebagai Moderator Dalam Hubungan Antara Pengalaman Kerja Teknousahawan dan Kejayaan Teknousahawan 318

4.11 Penentuan Faktor Peramal Terhadap Kejayaan Teknousahawan Wanita 322

4.12 Penentuan Model dan Sumbangan Faktor Peramal Kejayaan Teknousahawan Wanita 325

4.13 Ringkasan Dapatan Kajian 327

4.14 Rumusan Bab 333

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 334

5.2 Rumusan Kajian 335

5.3 Perbincangan 337

5.3.1 Demografi Kajian 337

5.3.2 Tahap ciri-ciri keusahawanan 340

5.3.3 Tahap kompetensi teknousahawan 344

5.3.4 Tahap pengalaman kerja 347

5.3.5 Tahap latihan teknousahawan 349

5.3.6 Tahap kejayaan teknousahawan wanita 350

5.3.7 Hubungan ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan 351

5.3.8 Hubungan Kompetensi Teknousahawan dengan kejayaan 356

5.3.9 Hubungan pengalaman kerja dengan kejayaan 358

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	5.3.10	Hubungan latihan teknousahawan dengan kejayaan	360
	5.3.11	Pengaruh Latihan sebagai moderator	363
	5.3.12	Ciri-ciri keusahawanan, Kompetensi Teknousahawan dan Pengalaman Kerja Sebagai Faktor Peramal	367
5.4	Implikasi Kajian		370
	5.4.1	Implikasi terhadap praktis	371
	5.4.2	Implikasi terhadap teori	376
5.5	Limitasi Kajian		379
5.6	Cadangan Sumbangan Hasil Kajian		381
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan		385
5.8	Kesimpulan		387
RUJUKAN			390
LAMPIRAN			424

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai Teknousahawan Terkaya di Dunia	2
1.2	Senarai Teknousahawan Wanita yang Berjaya	8
1.3	Peratusan Perniagaan PKS Wanita yang Berdaftar Mengikut Sektor di Malaysia	11
2.1	Ringkasan Perbezaan Antara Teknousahawan dengan Usahawan	76
2.2	Agensi Kerajaan yang Terlibat dalam Pembentukan dan Pembangunan Teknousahawan di Malaysia	83
2.3	Pusat Inkubator Teknousahawan di Malaysia	84
2.4	Senarai Teknousahawan Terkaya di Dunia	90
2.5	Ringkasan Faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Teknousahawanan	102
2.6	Ringkasan Pengukuran Kejayaan	114
2.7	Senarai Ciri-ciri keusahawanan Usahawan yang Berjaya	119
2.8	Ciri-ciri keusahawanan Usahawan yang Berjaya	121
2.9	Ringkasan Dapatan Kajian Ciri-ciri keusahawanan Usahawan Berjaya	123
2.10	Ciri-ciri keusahawanan Persamaan antara Usahawan dengan Teknousahawan	126
2.11	Ciri-ciri keusahawanan Persamaan antara Usahawan dan Teknousahawan	127
2.12	Perbandingan Antara Usahawan dengan Teknousahawan	129
2.13	Hubungan Antara Ciri-ciri keusahawanan dengan Kejayaan	135

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.14	Ringkasan Dimensi Ciri-ciri keusahawanan	141
2.15	Ringkasan Konsep Kompetensi	145
2.16	Ringkasan Hubungan Kompetensi Teknousahawan dengan Kejayaan	150
2.17	Dimensi Kompetensi Teknousahawan	153
2.18	Hubungan Pengalaman Kerja dengan Kejayaan	161
2.19	Klasifikasi Perusahaan Kecil dan Sederhana	169
2.20	Kadar Pertumbuhan KDNK PKS dan Bukan PKS	176
2.21	Peratusan Sumbangan Jenis Aktiviti Ekonomi bagi Tahun 2019 hingga 2021.	178
2.22	Hubungan Ciri-ciri keusahawanan dengan Kejayaan	196
2.23	Hubungan Kompetensi Teknousahawan dengan Kejayaan	197
2.24	Hubungan Pengalaman Kerja dengan Kejayaan	198
2.25	Hubungan Latihan Teknousahawan dengan Kejayaan	199
2.26	Latihan Teknousahawan sebagai Moderator	199
2.27	Ringkasan Kajian-Kajian Lepas	204
3.1	Paradigma Kajian	216
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	230
3.3	Skala Likert Lima Mata	234
3.4	Jumlah Item bagi Setiap Pemboleh Ubah	234
3.5	Dimensi Ciri-ciri keusahawanan	236
3.6	Item bagi Ukuran Bahagian B (Ciri-ciri keusahawanan)	236
3.7	Dimensi Kompetensi Teknousahawan	239
3.8	Item bagi Ukuran Bahagian C (Kompetensi Teknousahawan)	240
3.9	Item Pengalaman Kerja	245

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10	Item bagi Ukuran Bahagian D (Pengalaman Kerja)	245
3.11	Dimensi Latihan Teknousahawan	246
3.12	Item bagi Ukuran Bahagian E (Latihan Teknousahawan)	246
3.13	Dimensi Kejayaan	248
3.14	Item bagi Ukuran Bahagian F (Kejayaan Teknousahawan)	248
3.15	Peratus Pencapaian Kesahan Kandungan	252
3.16	Nilai Alpha Cronbach Instrumen	255
3.17	Ujian KMO dan Bartlett's Konstruk Ciri-ciri keusahawanan	257
3.18	Jumlah Varian Ciri-ciri keusahawanan	257
3.19	Pembentukan Komponen Faktor Konstruk Ciri-ciri keusahawanan	258
3.20	Ujian KMO dan Bartlett's Konstruk Kompetensi Teknousahawan	260
3.21	Jumlah Varian Kompetensi Teknousahawan	261
3.22	Pembentukan Komponen Faktor Konstruk Kompetensi Teknousahawan	261
3.23	Ujian KMO dan Bartlett's Konstruk Pengalaman Kerja	264
3.24	Jumlah Varian Pengalaman Kerja Teknousahawan	264
3.25	Pembentukan Komponen Faktor Konstruk Pengalaman Kerja Teknousahawan	265
3.26	Ujian KMO dan Bartlett's Konstruk Latihan Teknousahawan	266
3.27	Jumlah Varian Latihan Teknousahawan	266
3.28	Pembentukan Komponen Faktor Konstruk Latihan Teknousahawan	267
3.29	Ujian KMO dan Bartlett's Konstruk Kejayaan Teknousahawan	268

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.30	Jumlah Varian Kejayaan Teknousahawan	268
3.31	Pembentukan Komponen Faktor Konstruk Kejayaan Teknousahawan	269
3.32	Interpretasi Skor Min	273
3.33	Nilai Pekali Korelasi dan Kekuatan Hubungan	275
4.1	Ringkasan Kadar Respons	285
4.2	Demografi Responden	287
4.3	Tahap Keseluruhan Berdasarkan Pemboleh Ubah	290
4.4	Tahap Berdasarkan Dimensi Ciri-ciri keusahawanan	291
4.5	Tahap Berdasarkan Dimensi Kompetensi Teknousahawan	292
4.6	Tahap Berdasarkan Dimensi Kejayaan Teknousahawan	293
4.7	Andaian Normaliti Berasaskan Kepencongan dan Kurtosis	296
4.8	Nilai Konstruk dan Hubungan Koefisien Pearson	304
4.9	Toleransi dan Varians Inflation Factor (VIF)	305
4.10	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Peramal Dengan Pemboleh Ubah Kejayaan Teknousahawan	308
4.11	Dapatan Analisis Korelasi Antara Faktor-Faktor Peramal Dengan Kejayaan Teknousahawan Wanita.	309
4.12	Analisis Regrasi Linear Hirarki (Ciri-ciri keusahawanan)	311
4.13	Analisis Regrasi Linear Hirarki (Kompetensi Teknousahawan)	316
4.14	Analisis Regrasi Linear Berganda Hirarki Pengalaman Kerja	320
4.15	Analisis Ujian F	323
4.16	Analisis Ujian T	324
4.17	Pengaruh Faktor Peramal Kejayaan Teknousahawan	325

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.18	Regrasi Linear Berganda Peramal Kejayaan Teknousahawan Wanita	326
4.19	Regrasi Linear Berganda Peramal Kejayaan Teknousahawan Wanita	326
4.20	Regrasi Linear Berganda Peramal Kejayaan Teknousahawan Wanita	327
4.21	Ringkasan Pengujian Hipotesis Kajian	328

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	29
2.1	Model Daya Saing IKS	64
2.2	Perubahan Peratusan Tahunan Eksport PKS Mengikut Sektor bagi Tahun 2017-2021	177
2.3	Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga PKS dari Tahun 2016 hingga Tahun 2021	180
2.4	Kerangka Konsep yang Dicadangkan	202
3.1	Prosedur Kajian	219
3.2	Reka Bentuk Kajian	221
3.3	Pengumpulan Data Kajian	270
4.1	Taburan Plot Q-Q Normal	298
4.2	Taburan Data Boxplot	300
4.3	Taburan Data Histogram	302
4.4	Taburan Keseluruhan Pemboleh Ubah	303
4.5	Kesan Latihan sebagai Moderator Dalam Hubungan Antara Ciri-ciri keusahawanan dan Kejayaan Teknousahawan Wanita	313
4.6	Kesan Latihan sebagai Moderator Dalam Hubungan Antara Kompetensi Teknousahawan dan Kejayaan Teknousahawan Wanita	317
4.7	Kesan Latihan sebagai Moderator Dalam Hubungan Antara Pengalaman Kerja dan Kejayaan Teknousahawan Wanita	321

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

CECD	Organisation for Economic Co-Operation and Development
CPPS	Cyber Physical Production Systems
DeWI	Development of Women Entrepreneurship Initiative Programme
GCR	Global Competitiveness Report
GEI	Global Entrepreneurship Index
GEM	Global Entrepreneurship Monitor
GII	Global Innovation Index
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
JPM	Jabatan Penerangan Malaysia
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
MECD	Kementerian Usahawan dan Keperasi Pembangunan
MECD	Kementerian Usahawan dan Koperasi Pembangunan
MFECO	Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat
MITI	Ministry of International Trade and Industry
MSC	Multimedia Super Corridor
MTDC	Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia
PKS	Perindustrian Kecil & Sederhana
PPWN	Pejabat Pembangunan Wanita Negeri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RMK – 12	Rancangan Malaysia Ke-12
SMIDEC	Small and Medium Industries Development Corporation
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
TQM	Pengurusan Kualiti Menyeluruh
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
WEDP	Women Exporters Development Programme
WEF	Forum Ekonomi Dunia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970)
B	Borang Soal Selidik
C	Kebenaran Instrumen Ciri-ciri keusahawanan dan Kompetensi Teknousahawan
D	Borang Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen
E	Surat Pelantikan Pakar
F	Cadangan Penambahbaikan Pakar Keseluruhan (Pakar 1)
G	Cadangan Penambahbaikan Pakar Keseluruhan (Pakar 2)
H	Cadangan Penambahbaikan Pakar Keseluruhan (Pakar 3)
I	Cadangan Penambahbaikan Pakar Keseluruhan (Pakar 4)
J	Cadangan Penambahbaikan Pakar Keseluruhan (Pakar 5)
K	Nilai Alpha Cronbach Instrumen (Kajian Rintis)
L	Nilai Alpha Cronbach Instrumen (Kajian Sebenar)
M	Penerokaan Analisis Faktor
N	Sijil Penyertaan Taklimat Etika Kajian
O	Surat Kelulusan Unit RMIC
P	Borang Permohonan Mendapatkan Data dan Kebenaran Menggunakan Data
Q	Dapatan Demografi Kajian
R	Tahap Pemboleh Ubah
S	Tahap Dimensi Pemboleh Ubah Kajian
T	Andaian Normaliti Berasaskan Kepencongan dan Kurtosis, Q-Q Plot, Histogram dan Boxplot.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

U Ujian Multikolineariti Dan Penentuan Homoscedasticity

V Analisis Moderator Regrasi Linear Hirarki

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan pengenalan kepada tajuk kajian yang berkaitan teknokeusahawanan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Selain itu, bab ini juga menghuraikan kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, skop kajian, definisi operational serta diakhiri dengan rumusan Bab 1.

Pembangunan teknokeusahawanan merupakan isu semasa yang semakin mendapat perhatian bukan sahaja pada peringkat tempatan tetapi juga pada peringkat global. Sejak konsep ini diperkenalkan pada tahun 1964 oleh Ducler, teknokeusahawan telah berkembang dengan pesat memberikan impak yang positif dengan mewujudkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persaingan dan transformasi dalam perniagaan (Ali Abdulhassan Abbas, 2018). Kreativiti dan innovasi merupakan asas kepada bidang teknokeusahawanan.

Menurut Nurin Asyikin Ahmad (2021) sejak pengadaptasian inovasi dalam ekonomi, teknokeusahawanan berkembang dengan pesatnya dipacu oleh beberapa buah negara maju seperti Amerika Syarikat, Jerman, China dan Jepun. Teori Kreatif Diskriptif oleh John Schumpeter (1934) telah mengubah teori konvensional ekonomi kepada teori ekonomi yang berasaskan inovasi dan telah melahirkan beberapa teknousahawanan yang terkenal seperti Elon Musk, Jeff Bezos, Bill Gates dan Mark Zuckerberg pada peringkat global (Aghion dan Festré, 2017). Jadual 1.1 menunjukkan senarai terkini teknousahawan yang terkaya di dunia yang diadaptasi dari majalah *Forbes* pada tahun 2022.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Senarai Teknousahawan Terkaya di Dunia

Nama	Nilai Kekayaan (RM)	Produk	Industri
Elon Musk	932 B	Tesla, SpaceX	Teknologi
Jeff Bezos	562 B	Amazon	Teknologi
Bill Gates	503 B	Microsoft	Teknologi
Larry Page	435 B	Google	Teknologi
Sergey Brin	417 B	Google	Teknologi
Larry Ellison	387 B	Software	Teknologi
Mark Zuckerberg	271 B	Facebook	Teknologi

Diadaptasi dari majalah *Forbes,* 2022, https://www.forbes.com/billionaires

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1 jelas menunjukkan bahawa teknousahawan telah merancakkan industri yang diceburi dengan menggunakan teknologi baharu serta berjaya mengaut keuntungan yang tinggi.

Pembangunan bidang teknokeusahawanan semakin pesat pada peringkat global setelah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Banga Bersatu (UNESCO) melancarkan beberapa gagasan seperti, *Millennium Development Goals* (MDG) dan *Sustainable Development Goals* (SDG). UNESCO mengambil inisiatif untuk meningkatkan bilangan teknousahawan di negara-negara membangun melalui pendidikan teknikal dan vokasional. Intipati strategi pendidikan teknikal dan vokasional ini menekankan tiga aspek utama iaitu meningkatkan keusahawanan dan kemahiran unik, menggalakkan kesaksamaan gender dan ekuiti serta menggalakkan peralihan kepada ekonomi dan masyarakat yang mampan (Janain Burut, 2018). Oleh itu, matlamat 4.4 *Sustainable Development Goals* menyasarkan bahawa menjelang tahun 2030, jumlah orang dewasa yang mempunyai kemahiran teknikal dan vokasional ditingkatkan secara aktif melalui institusi Pendidikan dan Latihan Vokasional.

Gagasan-gagasan yang dicadangkan telah menjadi asas serta menggalakkan masyarakat antarabangsa menyertai dalam bidang keusahawanan berasaskan teknologi. Pembangunan industri ini telah memberi kesedaran tentang peranan dan kepentingan teknousahawan untuk mempromosikan industri negara kita agar seiring dengan negara maju. Idea tersebut dilihat sebagai motivasi dan wadah kepada teknousahawan di seluruh negara untuk menyumbang dan mengetengahkan inovasi-inovasi baharu yang mencipta peluang-peluang pekerjaan baharu, mempunyai nilai komersial yang tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk dipasarkan di seluruh dunia, dan meningkatkan penggunaan teknologi tinggi dalam industri negara (Dasar Keusahawanan Negara 2030, 2019)

Teknousahawan ialah usahawan yang pintar teknologi, kreatif, inovatif, dinamik, berani menanggung risiko disebabkan sangat meminati pekerjaannya. Pada masa yang sama, teknousahawan mengoperasikan perniagaan mereka berbeza daripada perniagaan ekonomi yang ada dengan mengoptimumkan penggunaan teknologi untuk menginovasikan produk dan perkhidmatan baharu. Teknousahawan merupakan individu yang berusaha mengadaptasi teknologi baharu yang diperkenalkan oleh pihak lain dan menyesuaikannya dengan keupayaannya untuk mengubah perniagaan dan industri yang dijalankannya (Romy Abd Kadir, 2019). Melalui gabungan teknologi dan kemahiran keusahawanan, teknousahawan mampu memanfaatkan kelebihan teknologi dalam proses pengeluaran produk dan penyediaan perkhidmatan (Manasa Gurana, 2022).

Selain itu, terdapat pandangan yang berbeza berkaitan definisi keusahawanan dan teknokeusahawanan. Dorf dan Byers (2005) menggariskan teknousahawanan sebagai gaya kepimpinan perniagaan yang melibatkan sumber manusia berkemampuan tinggi, permodalan, peluang komersial berorientasikan teknologi, pengurusan pertumbuhan perniagaan dengan cepat, dan pengambilan risiko yang munasabah. Menurut Shane dan Venkataraman (2004), teknokeusahawanan ialah proses mengumpulkan sumber, sistem, dan strategi teknikal untuk mencari peluang baharu. Sementara itu, Dutse et al. (2013) menyatakan bahawa teknokeusahawanan merujuk kepada keusahawanan yang bergantung pada teknologi atau aspek teknikal, sama ada dalam proses, pengeluaran produk atau pengurusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbeza dengan definisi teknousahawanan, Kuratko, Michael dan Jeffrey (2012) mendefinisikan keusahawanan sebagai satu proses inovasi dan penciptaan perniagaan baharu melalui empat konstruk iaitu proses, individu, persekitaran, dan organisasi yang dibantu oleh pendidikan dan institusi-institusi, jaringan, kerjasama, serta bantuan dan sokongan kerajaan. Selain itu, mengikut pandangan Coulter (2000), teknokeusahawanan ialah satu proses yang melibatkan individu atau kumpulan individu mencari peluang, mencipta nilai, dan menuju ke arah pertumbuhan dengan menggunakan perantara untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

Menurut Janain Burut (2018) terdapat dua jenis teknousahawan atau usahawan teknologi berasaskan ciri perniagaan yang berbeza, iaitu pemaju teknologi dan pengguna teknologi. Pemaju teknologi merujuk kepada usahawan yang membangunkan teknologi yang unik dan mampu menyelami perniagaan baharu. Pengguna teknologi pula merujuk kepada usahawan yang menggunakan pembangunan teknologi baharu dan memahami cara yang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan dan kelebihan strategik perniagaan mereka. Teknousahawan jenis ini merujuk bidang keusahawanan yang mengguna pakai teknologi di dalam pengeluaran produk, pengurusan perniagaan, pemasaran dan pembuatan keputusan berkaitan perniagaan.

Teknokeusahawanan telah merancakkan industri di negara-negara maju dan membangun dengan cara meningkatkan reka bentuk perindustrian serta paten yang berasaskan teknologi. Peranan yang dimainkan oleh teknousahawan ini bukan sahaja menjana ekonomi, malah telah dapat menggemblengkan usaha ke arah melahirkan modal insan yang berinovasi dan kompeten (Muhammad Ridhuan Abdul Rahman,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2019). Di samping itu, bidang teknokeusahawanan berpotensi untuk menyumbang tenaga kepada pembangunan sosioekonomi dan produktiviti negara melalui transformasi teknologi dalam operasi perniagaan. Bidang ini mampu mengagihkan pendapatan yang lebih saksama, meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan masyarakat, dan seterusnya membawa kebaikan sosial kepada masyarakat. Pertumbuhan ekonomi yang mampan digalakkan mampu melalui keusahawanan yang inovatif dan kreatif yang serta disokong oleh teknologi baharu (Dasar Keusahawanan Negara 2030, 2019).

Selain itu, pada peringkat global, negara seperti Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK), Kanada, Jerman, Singapura, Thailand, Vietnam dan Indonesia telah memperkenalkan dasar keusahawanan yang bertumpu kepada teknousahawan dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan menitikberatkan usaha untuk mengarusperdanakan agenda keusahawanan (Dasar Keusahawanan Negara 2030, 2019). Kebanyakan negara maju menerapkan dasar keusahawanan mereka dalam pelan tindakan inovasi dan strategi industri masing-masing untuk memupuk ekosistem inovasi yang kondusif bagi menyokong pembangunan teknousahawan negara.

Keusahawanan dan teknologi merupakan dua perkara penting yang saling berkaitan dalam memacu transformasi ekonomi negara. Negara maju meletakkan teknologi sebagai prasyarat penting untuk pertumbuhan keusahawanan yang mampan (Noorhassidah Mohd Radzi, 2020). Dasar keusahawanan memudahkan cara proses pembudayaan teknousahawan dengan menggalakkan penciptaan produk-produk yang berinovatif. Maka, golongan ini dijangka akan berpotensi menjadi nadi transfomasi dunia perniagaan yang lebih cemerlang dan terbaik pada masa akan datang (Dasar Keusahawanan Negara 2030, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian seterusnya membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, dan rumusan secara keseluruhannya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dunia hari ini menyaksikan perkembangan peranan dan kuasa wanita yang semakin hebat dalam dunia keusahawanan teknologi pada peringkat global dan lokal. Wanita telah menyumbang peranan secara signifikan dalam aktiviti ekonomi. Golongan wanita terlibat secara aktif dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk membina produk, perkhidmatan inovatif dan mencipta nilai ekonomi untuk individu dan masyarakat (Marina Abu Bakar et al., 2020).

Peranan wanita dalam ekonomi meningkat dari semasa ke semasa mengikut arus perkembangan dunia pendigitalan. Hampir 9.5% syarikat permulaan (Start-Up) mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengasas wanita, dan jumlah itu menjadi hampir dua kali ganda kepada 18 peratus pada tahun 2017 (Artee Aggrawal, 2019). Selain itu, jumlah pengasas wanita dalam syarikat di seluruh dunia turut meningkat daripada 25.8 peratus pada tahun 2015 kepada 30 peratus pada tahun 2021 (Berita Harian, Mac 2021). Lebih menarik lagi, mengikut laporan daripada Majalah *Forbes* pada tahun 2022, ramai wanita berjaya dalam keusahawanan berasaskan teknologi sehingga mengaut nilai kekayaan sebanyak RM 28.97B. Jadual 1.2 menunjukkan senarai wanita yang berjaya dalam bidang teknokeusahawanan pada peringkat global.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

Senarai Teknousahawan Wanita yang Berjaya

Nama	Nilai Kekayaan (RM)	Sumber	Industri
Judy Faulkner	29B	Epic System	Teknologi
Meg Whitman	28B	eBay	Teknologi
Thai Lee	18B	IT provider	Teknologi
Sheryl SandBerg	8.4B	COO Facebook	Teknologi
Jayshree Ullal	7.6B	CEO Arista Network	Teknologi
Neha Narkheda	4125M	Software	Teknologi
Susan Wojcicki	3634M	YouTube	Teknologi
Marissa Mayer	3567M	Google, Yahoo	Teknologi
Katrina Lake	3888M	Online Retail	Teknologi
Pamela M.Lopker	3366M	Software	Teknologi

Diadaptasi dari Majalah *Forbes*,2022, https://www.forbes.com/billionaires/

Pada Ogos 1996 Malaysia telah melancarkan Koridor Raya Multimedia (MSC). Selaras dengan pelancaran ini, penggunaan konsep “teknousahawan” (technopreneur) mula dikenali dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Menurut Azahari Jamaludin Abd Razak et al. (2013), teknousahawan di Malaysia biasanya merujuk usahawan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Teknousahawan menggunakan teknologi sebagai faktor mengubah sumber kepada barangan dan perkhidmatan, mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan industri yang merupakan proses penggabungan kehebatan teknologi dan bakat keusahawanan serta kemahiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peranan wanita dalam keusahawaan teknologi sebenarnya dapat diposisikan kepada mempromosikan amalan lestari dalam ekonomi, sistem sosial dan alam sekitar, untuk mencapai pembangunan yang mampan (Kalpana Aparna, 2018; Artee Aggrawwal, 2019). Menyedari akan kepentingan wanita dalam kegiatan keusahawanan, negara-negara di dunia menerapkan agenda keusahawanan dalam dasar makro mereka, seperti pelan pembangunan jangka pendek, dasar perindustrian dan dasar inovasi bagi memberikan peluang kepada wanita menceburi serta membangunkan perniagaan mereka (Dasar Keusahawanan Negara 2030, 2019).

Selaras dengan pembangunan wanita global, wanita Malaysia juga tidak ketinggalan mengukir nama mereka dalam dunia keusahawanan teknologi. Golongan wanita mampu menguasai bidang keusahawanan dengan menerokai ruang dan peluang pasaran yang wujud dalam sektor tersebut (Bernama, September 2023). Pengusaha wanita dalam bidang teknologi dan keusahawanan di Malaysia telah mencapai beberapa kejayaan yang mengagumkan. Mereka tidak hanya berjaya mengatasi cabaran dalam industri yang sering didominasi oleh lelaki, tetapi juga telah berjaya mencipta impak yang signifikan dalam pembangunan ekonomi negara.

Rozita Mohd. Saleh adalah salah seorang pengasas aplikasi pemesanan teksi iaitu *MyTeksi* atau *Grab* terbesar di Asia Tenggara, *Grab*. Dengan visi dan kepimpinannya, aplikasi ini berkembang pesat di Malaysia dan rantau Asia Tenggara, mengubah cara masyarakat bergerak dalam bandar. Selain itu, Datin Paduka Marina Mahathir (Zubedy) ialah pengasas syarikat pemasaran dan konsultansi Zubedy. Selain perniagaannya, Marina Mahathir juga memainkan peranan penting dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempromosikan kesedaran sosial dan hak wanita di Malaysia (Nurin Asyikin Ahmad, 2021).

Nadira Yusoff (Katsana) merupakan pengasas Katsana, syarikat teknologi yang mengkhusus dalam keselamatan dan pengurusan kenderaan bermotor. Produk tersebut membantu pemilik kenderaan mengawal dan memantau kenderaan mereka melalui teknologi GPS. Tambahan pula Yasmin Mahmood (FutureReadyConsulting) adalah pengasas FutureReadyConsulting, syarikat konsultansi yang membantu organisasi mengurus perubahan dan inovasi. Beliau juga merupakan personaliti terkenal dalam bidang teknologi dan keusahawanan di Malaysia. Vivy Yusof (FashionValet) adalah pengasas '*FashionValet*', platform e-dagang yang terkenal dengan koleksi fesyen terkini. Beliau berjaya menjadikan '*FashionValet*' sebagai destinasi utama untuk beli-belah dalam talian di Malaysia (Nurin Asyikin Ahmad, 2021).

Perkembangan dan pembangunan PKS di Malaysia merupakan titik permulaan terhadap perkembangan keusahawanan dalam kalangan wanita (Syed Khurram Ali Jafri & Wafa Khurram, 2019). Laporan khas SME Corp menjelaskan bahawa terdapat sebanyak 187,265 pertubuhan milikan wanita menyumbang 20.3 peratus daripada keseluruhan sektor ekonomi pada tahun 2015. Jadual 1.3 menunjukkan peratusan perniagaan milikan wanita yang berdaftar mengikut lima sektor utama PKS pada tahun 2016.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.3

Peratusan Perniagaan PKS Wanita yang Berdaftar Mengikut Sektor di Malaysia

Sektor PKS	**Sumbangan (%)**
Perkhidmatan	92.7
Pembuatan	5.1
Pertanian	0.8
Perlombongan & Pengkuarian	0.01
Pembinaan	1.4
Jumlah	**100%**

Diadaptasi daripada SME Corp, 2022, *http://www.smecorp.gov.my/index.php/en/*

Kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan wanita dalam proses pembangunan negara dengan membuka peluang-peluang yang lebih luas kepada mereka bagi menceburi bidang sosial, ekonomi atau politik. Sehubungan dengan itu, beberapa institusi telah ditubuhkan untuk mengintegrasikan wanita dalam aliran utama pembangunan. Kerajaan telah berusaha keras untuk memupuk keusahawanan dalam kalangan wanita melalui pelaburan dalam bidang pendidikan, latihan dan keusahawanan serta juga dari segi bantuan kewangan oleh pelbagai agensi kerajaan (JPM, 2020). Penubuhan Kementerian Usahawan dan Koperasi Pembangunan (MECD), KPWKM dan *Small and Medium Industries Development Corporation* (SMIDEC) masing-masing mempunyai matlamat untuk mempromosikan keusahawanan wanita di dalam negara.

Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) (2021) melaporkan bahawa, sebanyak 130 syarikat yang dimiliki oleh wanita telah menyertai *Women Exporters*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Development Programme (WEDP) di bawah MATRADE yang bertujuan untuk membantu usahawan wanita dalam membangunkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menembusi dan mengembangkan pasaran eksport di luar negara. Terdapat lebih enam ribu peserta wanita yang menyertai program kemahiran I-KeuNita WANITA dan *Development of Women Entrepreneurship Initiative Programme* (DeWI) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang bertujuan untuk membantu wanita meningkatkan potensi mereka untuk berdikari dalam menambahbaik ekonomi selepas memperoleh kemahiran melalui latihan yang dijalankan di setiap Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). Usahawan wanita yang berjaya dilahirkan memperoleh pendapatan bulanan RM3,500 atau lebih (JPM, 2021).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Teknokeusahawanan juga merupakan antara bidang keutamaan di bawah Rancangan Malaysia ke-12. Rancangan ini memperuntukkan lebih RM20 bilion untuk memacu agenda transformasi pendigitalan dan teknologi (Utusan Malaysia, Oktober 2022). Di samping itu, kerajaan juga meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor teknokeusahawan melalui kerjasama dengan institusi pengkajian dan perusahaan berasaskan teknologi yang lebih besar.

Namun demikian, bekas Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, mengatakan bahawa Laporan Jurang Gender Global 2021 yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) menunjukkan bahawa Malaysia berada pada kedudukan ke-104, daripada 156 negara dari segi penyertaan wanita dalam sektor ekonomi. Seterusnya, hanya 10.6 peratus graduan memilih keusahawanan sebagai kerjaya, sementara 44.5 peratus memilih untuk bekerja di sektor swasta tempatan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sektor kerajaan atau institusi berkanun sebanyak 20.6 peratus, syarikat multinasional swasta 17.70 peratus, badan bukan kerajaan atau lain-lain sebanyak. 6.6 peratus (Suhaila Nadzri, Salmy Edawaty Yaacob & Siti Syuhada Abd Rahman, 2020). Lebih menyedihkan, Suzana Md Samsudi (2022) pula menyatakan hanya 13.1 peratus dari 61 orang graduan sarjana wanita muda keusahawanan memulakan perniagaan sendiri dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Namun begitu, disebalik isu kecenderungan rakyat Malaysia untuk "makan gaji' berbanding menjadi usahawan, masih terdapat ramai usahawan PKS terdiri daripada kalangan usahawan wanita.

Tambahan pula, kerajaan sentiasa berusaha untuk mengoptimumkan potensi wanita dalam pembangunan negara. Namun demikian, menurut Ahmad Raflis Che Omar et al. (2020) pengembangan teknousahawan wanita Malaysia tidak konsisten, dan terdapat pembaziran sumber. Hal ini kerana, langkah pembangunan dilaksanakan oleh pelbagai kementerian, agensi dengan pelaksanan yang berbeza mengakibatkan kegagalan untuk menerapkan kompetensi dan kemahiran dalam kalangan teknousahawan wanita. Di samping itu, kursus yang dijalankan juga tidak menumpukan pada kemahiran teknikal, perniagaan dan pemikiran inovatif yang menjadi teras kejayaan dalam bidang teknokeusahawanan Oleh itu, bagi melahirkan ramai teknousahawan wanita yang berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburi, usaha untuk memahami faktor yang mendorong kejayaan teknousahawan adalah sesuatu yang wajar dilakukan.

Menurut Ellen Rusliati et al. (2022), bidang teknokeusahawanan adalah pendorong inovasi yang merangsang idea-idea baharu untuk berjaya. Oleh itu, kejayaan wanita, terutamanya dalam bidang teknokeusahawanan harus diberi perhatian yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khusus. Hal ini menjelaskan bahawa masih banyak ruang dan peluang yang boleh diterokai dalam mengandakan bilangan wanita yang berjaya dalam bidang teknokeusahawanan di Malaysia. Terdapat banyak faktor kejayaan yang mendorong seseorang wanita melibatkan diri dalam bidang teknousahawan. Kajian Anis Solehin Hussain@Othman & Sharifah Rohayah Sheik Dawood, (2020) menyatakan bahawa faktor kejayaan wanita dipengaruhi oleh keunikan seseorang peniaga dalam melestarikan perniagaan mereka sejak turun-temurun. Keunikan budaya yang berbeza merangkumi sikap, cara berniaga, dan aspek-aspek yang dititikberatkan dalam perniagaan sehingga mampu bertahan walaupun dihimpit pelbagai masalah ekonomi negara.

Selain itu, faktor-faktor kejayaan banyak dipengaruhi oleh pelbagai sebab sama ada dipengaruhi oleh faktor dalaman ataupun luaran. Antara faktor kejayaan teknousahawan yang dikenal pasti adalah pembaharuan dalam produk yang ditawarkan, memahami perubahan pasaran dengan tepat, mempunyai daya usaha dan daya saing yang tinggi, semangat keusahawanan yang jitu, proaktif, dan motivasi kendiri yang tinggi untuk berjaya (Kesavan Nallaluthan, 2022). Di samping itu Siti Faridzah Nor Pazil et al. (2021) pula menyatakan bahawa faktor intrinsik, seperti motivasi, suka akan pembaharuan, kecekalan dan berani mangambil risiko juga merupakan faktor tarikan yang mendorong kejayaan teknousahawan wanita. Faktor ekstrinsik pula adalah seperti sumber kewangan, sumber pengeluaran, dan faktor persekitaran yang menjadi faktor tolakan yang menggalakkan wanita terlibat dan berjaya dalam bidang teknokeusahawanan (Zaleha Embong & Fairuz A'dilah Rusdi, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, melihat kepada kepentingan teknousahawan wanita dalam sektor PKS di Malaysia serta kekangan yang dihadapi oleh teknousahawan wanita untuk berjaya, satu kajian yang menyeluruh berkaitan faktor-faktor kejayaan perlu dilakukan bagi meningkatkan penglibatan serta meningkatkan bilangan wanita yang berjaya dalam bidang teknokeusahawanan. Dengan demikian, pengkaji akan mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia kerana kejayaan kaum wanita ini menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

1.3 Penyataan Masalah

Kejayaan wanita dalam bidang teknokeusahawanan menjadi satu persoalan yang harus ditelusi. Hal ini kerana, laporan Jurang Gender Global yang dilaporkan oleh Forum Ekonomi Dunia pada tahun 2024, memperlihatkan Malaysia berada pada kedudukan ke-102 daripada 146 buah negara dari segi penyertaan wanita dalam sektor ekonomi. Ini menunjukkan penurunan berbanding dengan tahun 2023 kerana penyertaan wanita dalam sektor ekonomi berada pada kedudukan ke-89. Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) pada November 2022 juga menunjukkan bahawa hanya 45.5 peratus wanita yang menyertai bidang ekonomi di Malaysia dan ini turut diburukkan lagi dengan anggaran perolehan gaji yang berbeza di mana lelaki menerima anggaran pendapatan sekitar RM37,020, berbanding wanita di paras RM35,616 (JPM, 2022).

Seterusnya, laporan khas SME Corp juga menjelaskan bahawa terdapat sebanyak 187,265 pertubuhan milikan wanita di Malaysia yang hanya menyumbang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebanyak 20.3 peratus daripada keseluruhan sektor ekonomi (SME Corp, 2022). Laporan tersebut juga menyatakan bahawa 92.7 peratus wanita hanya terlibat dalam sektor perkhidmatan berbanding dengan sektor ekonomi lain yang menunjukkan penglibatan serta kejayaan wanita yang tidak seimbang. Kajian Nor Azira Ayob et. al (2023) menyatakan bahawa penurunan kadar penyertaan wanita dalam sektor ekonomi Malaysia bukan sahaja menjejaskan pertumbuhan ekonomi tetapi juga mengurangkan bilangan wanita yang berjaya dalam sektor ekonomi, terutamanya dalam bidang keusahawanan yang berteknologi tinggi.

Wanita dikaitkan dengan tanggungjawab mereka terhadap keluarga dan pekerjaan. Laporan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2020 menunjukkan bahawa lebih daripada 60 peratus usahawan wanita di Malaysia mengakui bahawa tanggungjawab keluarga merupakan salah satu penghalang terbesar kepada kejayaan perniagaan mereka (Haslinda Abdullah, 2023). Mereka juga sering disosialisasikan dengan isu perkahwinan, rumah tangga dan tanggung jawab sebagai seorang isteri serta ibu (Zaleha Embong & Fairuz A'dilah Rusdi, 2021). Menurut Guych Nuryyev et al. (2020) usahawan wanita di Asia Tenggara, termasuk Malaysia sering mengorbankan masa untuk memenuhi tanggungjawab keluarga berbanding dengan kerjaya dan keadaan ini menghalang mereka daripada mengambil peluang yang boleh membawa kepada kejayaan perniagaan. Kesukaran mengimbangi tuntutan kerja dengan tanggungjawab terhadap keluarga pada masa yang sama menyebabkan teknousahawan wanita gagal mengekal, mengurus serta berjaya dalam bidang teknokeusahawanan. Akibatnya, wanita memilih untuk mengekalkan perniagaan mereka dalam skala yang kecil kerana lebih mudah untuk mengendalikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan mengurus tuntutan kerja dan keluarga pada masa yang sama (Syed Khurram Ali Jafri & Wafa Khurram, 2019).

Teknousahawan wanita juga mengamalkan budaya pemikiran *fixed mindset* iaitu gagal berfikir di luar kotak yang boleh membawa kepuasan kendiri. Hal ini disokong oleh Artee Aggrawal (2017) yang menyatakan bahawa teknousahawan wanita menceburi bidang perniagaan semata-mata kerana ingin mendapatkan pendapatan untuk menyara kehidupan. Cabaran ini merupakan salah satu penghalang terhadap kejayaan dari perspektif bukan kewangan. Kajian lepas menunjukkan bahawa wanita sering merasa kurang puas dengan pencapaian mereka berbanding lelaki, walaupun mereka bekerja keras dan berjaya mencapai objektif perniagaan tertentu (Nurul Amira Omar et al., 2022). Faktor seperti ketidakseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi, persepsi masyarakat terhadap peranan wanita, serta tekanan untuk memenuhi jangkaan sosial boleh menurunkan tahap kepuasan kendiri mereka. Keadaan ini boleh menyebabkan mereka kurang yakin untuk meneroka peluang baru, mengambil risiko, atau meluaskan perniagaan, yang seterusnya menghalang kejayaan jangka panjang mereka.

Kajian lepas juga menunjukkan bahawa usahawan wanita lebih cenderung menghadapi tekanan emosi dan psikologi yang lebih tinggi berbanding lelaki, disebabkan oleh tuntutan dari kedua-dua aspek perniagaan dan keluarga (Artee Aggrawal, 2019). Budaya dan harapan sosial yang menuntut wanita untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam urusan rumah tangga, walaupun mereka terlibat dalam perniagaan menyebabkan menghadapi tekanan atau stres yang tinggi. Ini termasuk kekurangan kerjasama dalam pengurusan rumah tangga, kurangnya pemahaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap keperluan perniagaan, dan keengganan suami untuk membenarkan mereka meluangkan lebih banyak masa untuk perniagaan. Kajian oleh Thuaibah @ Suaibab Abu Bakar et al. (2017) menunjukkan bahawa usahawan wanita yang tidak dapat menguruskan stres dengan baik sering kali mengalami penurunan produktiviti, ketidakupayaan untuk membuat keputusan yang berkesan, dan akhirnya menjejaskan pertumbuhan perniagaan mereka. Laporan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2020) juga menunjukkan bahawa 45 peratus usahawan wanita di Malaysia melaporkan stres sebagai salah satu faktor utama yang menghalang kemajuan mereka dalam perniagaan.

Cabaran berkaitan dengan masalah kesukaran penyerapan teknologi canggih yang menghalang kejayaan teknousahawan wanita. Laporan Perbadanan Digital Malaysia (MDEC) menunjukkan bahawa walaupun wanita merangkumi 55.1 peratus daripada tenaga kerja Malaysia pada tahun 2022, hanya 35 peratus wanita mewakili industri keusahawanan digital (*The Star*, Mac 2024). Hal ini juga disokong oleh kajian Irene (2019) yang menyatakan bahawa platform maya dan kewujudan pelbagai e-pasaran menjadi satu cabaran yang rumit kepada teknousahawan wanita untuk menguruskan perniagaan. Tambahan pula, laporan GEI pada tahun 2019 melaporkan bahawa, teknousahawan wanita memperoleh markah yang terendah bagi kategori *technology absorption* iaitu sebanyak sembilan peratus. Ini menunjukkan bahawa, terdapat jurang ketara dalam penyerapan teknologi yang mengekang daya saing dan kejayaan teknousahawan wanita (Nurin Asyikin Ahmad, 2021).

Inovasi adalah intipati kepada kejayaan seseorang teknousahawan wanita. Sungguhpun demikian, kesedaran tentang keperluan inovasi dalam penciptaan produk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau perkhidmatan dalam kalangan teknousahawan wanita masih berada pada tahap yang rendah berbanding dengan kaum lelaki (Nurin Asyikin Ahmad, 2021). Keadaan ini terbukti menerusi perincian kedudukan wanita Malaysia dalam pelbagai indeks global berkaitan dengan inovasi. Teknousahawan wanita jauh ketinggalan dari segi *knowledge creation, product innovation* dan *high growth* berbanding dengan kaum lelaki. Bagi kategori *product innovation* Malaysia memperoleh markah 12 peratus (DKN 2030, 2019).

Motivasi kejayaan yang rendah dalam kalangan teknousahawan wanita menyebabkan mereka malas mencari dan mencuba peluang baharu bagi mengembangkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi (Janain Burut, 2018). Hal ini bersesuaian dengan pendapat Syed Khurram Ali Jafri & Wafa Khurram (2019) menyatakan bahawa teknousahawan wanita di Malaysia cenderung menceburi dalam bidang teknokeusahawanan yang tidak memerlukan kemahiran yang kompleks, modal yang kecil, penggunaan teknologi yang sederhana serta berisiko rendah. Menurut Ketua Eksekutif Usanita Sdn Bhd, Datin Adzliana Prof. Dato Seri Dr. Hassan berkata era pendigitalan sudah mendominasi dunia, namum masih ada sebahagian daripada wanita yang menolak kemudahan canggih kerana terlalu selesa dengan sistem konventional (Sinar Harian, Oktober 2022).

Selanjutnya, kegagalan teknousahawan wanita untuk mengekalkan daya saing dan membawa perniagaan ke tahap yang lebih tinggi disebabkan oleh aspek kompetensi teknousahawan yang rendah (Md Isa Yusuff, 2022). Isu yang terbesar dalam aspek kompetensi teknousahawan adalah kesukaran mengimbangi penawaran dan permintaan jenis kompetensi yang diperlukan oleh teknousahawan wanita dalam pelbagai sektor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Muhammad Ridhuan Abdul Rahman, 2019). Hal ini menyebabkan ramai teknousahawan wanita terperangkap dalam situasi di mana mereka memilih perniagaan teknokeusahawanan yang tidak sepadan dengan kompetensi yang dimiliki. Maka, pergantungan kepada teknousahawan wanita yang berkemahiran rendah mengganggu pertumbuhan produktiviti yang stabil.

Kadar penglibatan teknousahawan wanita dalam program latihan teknousahawan adalah rendah dan tidak berfokus pada keperluan pasaran semasa. Statistik daripada MDEC, menunjukkan bahawa dalam tempoh masa lapan tahun hanya 57 peratus usahawan wanita menyertai Program eUsahawan iaitu dari tahun 2015 hingga 2023 (*The Star*, Mac 2024). Selain itu, penglibatan wanita hanya tertumpu kepada latihan asas dalam bidang-bidang tertentu iaitu 30 peratus dalam sektor pembuatan, 16 peratus dalam kecantikan dan kesihatan serta 10 peratus dalam bidang reka bentuk pakaian (*The Star*, Mac 2024). Penglibatan wanita dalam latihan teknokeusahawanan adalah tidak menyeluruh serta tidak berfokus dalam bidang latihan seperti bimbingan teknologi berbentuk praktikal dan teori, perundingan teknikal, rekabentuk dan pembangunan produk, kemudahan dan sokongan pengkajian, ruang inkubator teknologi, sangkutan (*attachment*), rundingcara perniagaan, promosi dan pemasaran atas talian (Meor Riduwan Meor Ahmad, 2022).

Laporan Khas SME Corp. pada tahun 2022 menunjukkan bahawa 26 peratus perusahaan yang diterajui oleh wanita dilaporkan menghadapi risiko ditutup secara kekal dalam tempoh tiga bulan berbanding dengan 18 peratus perusahaan yang diterajui oleh lelaki. Hal ini kerana perusahaan yang diterajui oleh wanita lebih rentan serta kurang kemampuan mengatasi risiko perniagaan disebabkan oleh tiada pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerja lepas, kemahiran yang rendah, serta kekurangan produk yang berinovatif (Syed Khurram Ali Jafri & Wafa Khurram, 2019). Selain itu, terdapat juga beberapa kajian terdahulu yang menyatakan bahawa masih kurang kajian yang berkaitan dengan pengaruh pengalaman kerja dengan kejayaan (Mai & Gu, 2012; Shamsul Hana Abd Rani, 2019). Bagi mengisi kekosongan ini, kajian ini menentukan hubungan pengalaman kerja dengan kejayaan wanita dalam konteks teknokeusahawanan.

Sehingga kini, kajian tentang hubungan ciri-ciri keusahawanan dan kejayaan teknousahawan wanita di Malaysia masih kurang. Tambahan pula, kajian terdahulu menyatakan bahawa masih terdapat ketidakpastian tentang ciri-ciri keusahawanan yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan wanita (Shamsul Hana Abd Rani, 2019). Perkara ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Anim Zalina Azizan et al. (2021) yang menyatakan bahawa kajian berkaitan dengan kejayaan teknousahawan, terutamanya dalam kontaks teknousahawan wanita PKS adalah kurang. Selain itu, terdapat beberapa kajian tentang hubungan kejayaan teknousahawan wanita dengan kompetensi (Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof & Zurinah Tahir, 2021) yang dilakukan secara umum. Namun begitu, terdapat juga beberapa kajian terdahulu yang menyatakan bahawa masih kurang kajian yang berkaitan dengan kompetensi teknousahawan wanita PKS (Romy Abd Kadir, 2019; Janain Burut, 2018). Maka, bagi mengisi jurang kajian tersebut, pengkaji menjalankan kajian ini bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

Dalam bidang teknokeusahawanan, kejayaan wanita sebagai seorang teknousahawan adalah sesuatu yang positif untuk pembangunan ekonomi negara. Menurut Syed Khurram Ali Jafri & Wafa Khurram (2019), peranan wanita dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ekonomi meningkat dari semasa ke semasa dan kumpulan ini memainkan peranan yang penting dalam memacu pembangunan ekonomi negara Malaysia. Oleh itu, adalah amat merugikan sekiranya perspektif kejayaan wanita dalam perkembangan bidang teknokeusahawan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ialah sasaran sebenar serta tujuan khusus yang perlu dicapai dalam meyelesaikan sesuatu pengkajian (Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor, 2021). Oleh itu, seseorang pengkaji harus menyatakan objektif dengan jelas. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri, kompetensi dan pengalaman kerja sebagai faktor kejayaan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti yang berikut:

1.3.1 Mengenal pasti tahap pemboleh ubah dan dimensi ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan, pengalaman kerja, latihan teknousahawan dan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia;

1.3.2 Menentukan hubungan antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan, pengalaman kerja dan latihan teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia;

1.3.3 Menentukan latihan teknousahawan sebagai moderator dalam hubungan antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan dan pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia; dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3.4 Menentukan ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan dan pengalaman kerja sebagai faktor peramal terhadap kejayaan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi memberikan penumpuan penuh kepada tujuan pengkajian ini, objektif-objektif di atas dinyatakan dalam bentuk persoalan seperti berikut:

1.4.1 Apakah tahap ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.2 Apakah tahap kompetensi teknousahawan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.3 Apakah tahap pengalaman kerja dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.4 Apakah tahap latihan teknousahawan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.5 Apakah tahap kejayaan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.6 Apakah tahap dimensi motivasi kendiri dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.7 Apakah tahap dimensi pemikiran inovatif dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4.8 Apakah tahap dimensi kerohanian dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.9 Apakah tahap dimensi kompetensi mencari peluang dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.10 Apakah tahap dimensi kompetensi kepimpinan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.11 Apakah tahap dimensi kompetensi strategik dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.12 Apakah tahap dimensi kompetensi komitmen dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.13 Apakah tahap dimensi kompetensi hubungan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.14 Apakah tahap dimensi kompetensi mencari idea baharu dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.15 Apakah tahap dimensi kepuasan kendiri dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.16 Apakah tahap dimensi keseimbangan kerja-keluarga dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.17 Adakah terdapat hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.18 Adakah terdapat hubungan antara kompetensi teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.19 Adakah terdapat hubungan antara pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4.20 Adakah terdapat hubungan antara latihan teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.21 Adakah latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.22 Adakah latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara kompetensi dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.23 Adakah latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.24 Adakah ciri-ciri keusahawanan berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.25 Adakah kompetensi teknousahawan berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.26 Adakah pengalaman kerja berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.4.27 Adakah ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan dan pengalaman kerja berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia?

1.6 Hipotesis Kajian

Menurut Zaki & Saiman (2021), hipotesis kajian ialah suatu pernyataan atau saranan sementara tentang hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah. Tambahan pula,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setiap hipotesis harus spesifik serta boleh diuji tentang perkara yang dijangka akan berlaku dalam kajian. Hipotesis juga dikenali sebagai teori sementara yang mungkin benar atau tidak. Benar atau tidak bergantung kepada hasil dapatan yang akan diperoleh dalam kajian (Fauzi Hussin, Jamal Ali, & Mohd Saifoul Zamzuri Noor, 2021). Jadi, berdasarkan persoalan kajian di atas, hipotesis kajian adalah seperti berikut;

H_{a1}: Terdapat hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a2}: Terdapat hubungan antara kompetensi teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a3}: Terdapat hubungan antara pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a4}: Terdapat hubungan antara latihan teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a5}: Latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a6}: Latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara kompetensi dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a7}: Latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a8}: Ciri-ciri keusahawanan berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a9}: Kompetensi teknousahawan berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{a10}: Pengalaman kerja berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a11}: Ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan dan pengalaman kerja berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Hasil daripada penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian dan tinjauan literatur, bahagian ini menjelaskan kerangka konsep kajian ini. Kerangka konsep menghuraikan persoalan kajian berhubungan dengan penulisan yang relevan yang perlu mengandungi idea asas yang dikaji, pemboleh ubah yang terlibat dan sampel kajian (Simon, Maribel & Andrew, 2016). Kerangka konseptual kajian akan menghuraikan rangka kerja yang akan menyumpang kepada laporan pengkajian dalam dua elemen iaitu mengenal pasti pemboleh ubah kajian serta menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah (Fauzi Hussin, Jamal Ali, & Mohd Saifoul Zamzuri Noor, 2021).

Kerangka konseptual kajian ini terdiri daripada pemboleh ubah tidak bersandar, pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah moderator yang diadaptasi daripada beberapa teori dan model keusahawanan. Teori dan model keusahawanan yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Sosial Kognatif Kerjaya (Bandura, 1986), Teori Pembangunan Keusahawanan (McClelland, 1985; Joseph A.Schumpter, 1934; Max Weber, 1930), Teori Modal Insan (Becker, 1993) dan Model Daya Saing IKS (Man et al., 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada konstruk ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja manakala pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah kejayaan teknousahawan wanita. Dimensi-dimensi yang terkandung dalam ciri-ciri keusahawanan adalah motivasi kendiri, pemikiran inovatif dan kerohanian dan diadaptasi daripada Teori Pembangunan Keusahawanan.

Seterusnya, dimensi kompetensi teknousahawan adaptasi daripada Model Daya Saing IKS (Man et al., 2002). Model Daya Saing ini merangkumi enam kompetensi utama iaitu kompetensi mencari peluang, kompetensi kepimpinan, kompetensi strategik, kompetensi komitmen, kompetensi hubungan dan kompetensi mencari idea baharu. Pemboleh ubah tidak bersandar yang ketiga ialah pengalam kerja yang dikenal pasti berdasarkan kajian-kajian lepas. Konstruk ini disokong oleh Teori Modal Insan (Becker, 1993). Latihan teknousahawan pula merupakan pemboleh ubah moderator kajian ini dan dikenal pasti berdasarkan kajian-kajian lepas.


Semua teori dan model ini menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengenal pasti ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan, pengalaman kerja dan latihan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan untuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Rajah 1.1 di atas, Teori Sosial Kognatif Kerjaya oleh Bandura (1986), menerangkan tentang hubungan antara kemajuan kerjaya wanita atau kejayaan dengan faktor individu dan faktor persekitaran. Faktor individu seperti ciri-ciri keusahawanan, kemahiran dan pengalaman kerja manakala faktor persekitaran seperti pengaruh kontekstual, sokongan organisasi dalam bentuk penyediaan aktiviti-aktiviti latihan dan kepuasan kerja.

Kerangka konseptual ini turut disokong oleh teori lain iaitu Teori Pembangunan Keusahawanan (McClelland, 1985; Schumpter, 1934; Weber, 1930) dan Teori Modal Insan (Becker,1993). Teori Pembangunan Keusahawanan menerangkan tiga pendekatan iaitu pendekatan ekonomi, sosiologi dan psikologi yang mempengaruhi kejayan seseorang usahawan. Pendekatan ekonomi oleh Joseph A.Schumpter (1934)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menekankan bahawa ciri pemikiran inovatif penting bagi pencapaian tinggi manakala pendekatan sosiologi oleh Max Weber (1930) pula menekankan ciri kerohanian sebagai asas untuk mencapai kejayaan dalam kegiatan ekonomi (Janain Burut, 2018).

Pendekatan psikologi oleh McClelland (1985) pula menekankan bagaimana motivasi kendiri mempengaruhi pencapaian prestasi kerja. Teori Modal Insan (Becker, 1993) pula menjelaskan hubungan antara pengalaman kerja dan latihan dengan kejayaan keusahawanan wanita. Dimensi kompetensi pula diadaptasi daripada Model Daya Saing IKS (Man et al., 2002). Model Daya Saing IKS (Man et al., 2002) menyatakan bahawa kompetensi yang penting kepada seorang usahawan adalah kompetensi mencari peluang, kompetensi hubungan, kompetensi mencari idea baharu, kompetensi kepimpinan, kompetensi strategik dan kompetensi komitmen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional ialah menjelaskan pengertian item yang dikaji (Ming & Zaidi, 2021). Definisi yang digunakan dalam kajian ini adalah bersumberkan definisi yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dan diadaptasikan dalam kajian ini. Definisi operational yang digunakan dalam kajian ini perlu dijelaskan dengan terperinci supaya dapat memberikan kefahaman yang realistik kepada pembaca. Antaranya ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Menurut Janain Burut (2018), PKS sering diklasifikasikan berdasarkan jumlah pekerja dan/atau oleh nilai aset mereka dan pengelasan saiz adalah berbeza-beza mengikut kawasan dan negara relatif dengan saiz ekonomi itu. Takrifan PKS telah dikemas kini pada tahun 2013 berdasarkan jumlah jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa (SME Corp, 2013). PKS di dalam kajian ini adalah merujuk kepada jumlah pekerja sepenuh masa dalam sesebuah syarikat mengikut kategori yang ditetapkan iaitu tidak melebihi 200 orang.

1.8.2 Teknologi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2023), edisi keempat membawa maksud teknologi, satu aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetuhuan sains untuk tujuan praktis dalam industri, pertanian, perubatan, perniagaan, sains gunaan dan lain-lain; kaedah atau proses menangani sesuatu masalah teknikal; maklumat secara elektronik; maklumat dan komunikasi teknologi yang berkaitan dengan pemerolehan, penyimpanan, pemprosesan dan penyebaran maklumat melalui penggunaan teknologi komputer dan telekomunikasi; teknologi yang berasaskan kajian saintifik termaju seperti penggunaan peralatan elektronik yang canggih. Teknologi dari perspektif perniagaan merujuk kepada pembangunan dan penggunaan teknologi komputer dan peralatan elektronik yang canggih seperti e-mel, laman web, perisian, perkakasan elektronik, sistem yang mempengaruhi peningkatan kualiti dan kuantiti keluaran yang dihasilkan (Janain Burut, 2018). Teknologi dalam kajian ini merujuk kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan aplikasi sosial, e-mel, laman web, perisian *Microsoft office*, perisian grafik, perisian reka bentuk, jentera, perkakasan teknologi dan sistem penjualan dan pembelian atas talian yang diguna pakai oleh teknousahawan wanita PKS dalam penghasilkan produk, penawarkan perkhidmatan, mereka bentuk produk, pembungkusan, promosi dan pemasaran.

1.8.3 Teknokeusahawanan

Menurut Salpiah Suradi et al. (2017), teknokeusahawanan merujuk aktiviti keusahawanan yang bersandarkan teknologi, sama ada dalam pengurusan, proses mahupun pengeluaran produk. Romy Abd Kadir (2019) menyatakan bahawa teknokeusahawanan merupakan satu proses dan pembentukan perniagaan baharu yang melibatkan teknologi sebagai asasnya, dengan harapan penciptaan strategi dan inovasi yang sesuai. Oleh itu, teknokeusahawanan ialah aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh usahawan wanita PKS berteraskan teknologi terbaharu.

1.8.4 Teknousahawan Wanita

Menurut Dutse et al. (2013) mendefinisikan teknousahawan wanita sebagai usahawan wanita yang menggabungkan kemahiran keusahawanan dan teknologi. Sementara itu, Syed Khurram Ali Jafri & Wafa Khurram (2019) menyatakan bahawa teknousahawan wanita adalah seorang usahawan wanita yang berusaha menjadi orang pertama yang menggunakan teknologi terkini yang diperkenalkan oleh pihak lain, dan menyelaraskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaannya dengan keupayaannya untuk disesuaikan dengan keupayaan yang merevolusikan perniagaan dan industri yang dijalankan. Oleh itu, teknousahawan wanita dalam kajian ini adalah usahawan wanita PKS yang menggunakan teknologi untuk tujuan perniagaan dan melibatkan diri dalam bidang perniagaan yang menggunakan teknologi terkini sama ada dalam urusan penghasilan produk, penawaran perkhidmatan, merekabentuk produk, pembungkusan, promosi dan pemasaran.

1.8.5 Ciri-ciri Keusahawanan

Ab. Aziz Yusof (2016) menyatakan ciri-ciri keusahawanan adalah sifat-sifat unik yang terdapat dalam diri seseorang individu yang terlibat dan berjaya dalam bidang keusahawanan. Janain Burut (2018) mendefinisikan bahawa ciri-ciri keusahawanan adalah ciri-ciri unik seperti mengambil risiko, bermotivasi, berfikiran inovatif dan kreatif, mempunyai inisiatif dan kecekalan, kerohanian yang tinggi, komitmen mutu kerja yang tinggi serta suka kepada pembaharuan yang memiliki oleh teknousahawan Bumiputera. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, ciri-ciri keusahawanan PKS merujuk kepada motivasi kendiri, pemikiran inovatif dan kerohanian.

1.8.5.1 Motivasi Kendiri

Menurut McClelland (1961), faktor motivasi kendiri merupakan satu set proses yang memberikan tenaga kepada tingkah laku seseorang dan menjuruskan tingkah laku itu kepada satu matlamat. Maulana, Soegoto dan Syahputra (2021) pula menyatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa motivasi kendiri ialah keinginan atau kecenderungan seseorang untuk melakukan sesuatu dengan tabah. Dalam konteks kajian ini, motivasi kendiri merujuk ciri teknousahawan wanita yang berani mengambil tanggungjawab untuk mencapai sesuatu matlamat dengan daya usaha sendiri.

1.8.5.2 Pemikiran Inovatif

Menurut Amirul Shahnoel Noeh et al. (2022), pemikiran inovatif ialah membangunkan perkara-perkara baharu dengan menggunakan teknik dan kaedah baharu serta bersedia untuk mencuba penyelesaian yang berbeza dengan tujuan untuk membawa pelbagai idea kreatif. Pemikiran inovatif juga adalah proses menyelesaikan masalah dengan menemui, menggabungkan dan mengatur pandangan, idea-idea serta kaedah dalam cara yang baharu (Janain Burut, 2018). Dalam konteks kajian ini, ciri pemikiran inovatif ialah keupayaan teknousahawan wanita untuk mencetuskan idea bernas untuk mencipta, menambah baik atau mengubah suai suatu produk atau sistem yang bertujuan untuk meraih keuntungan serta berjaya dalam keusahawanan berteraskan teknologi.

1.8.5.3 Kerohanian

Kerohanian berkait rapat dengan pembentukan seseorang usahawan yang berjaya (Suzana Md Samsudi, 2022). Kekuatan kerohanian pula merujuk kepada sentiasa berdoa, berusaha gigih tanpa mengenal putus asa, mempunyai sikap istiqomah dan bertawakal setelah berusaha (Romy Abd Kadir, 2019). Dalam konteks kajian ini, ciri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerohanian ialah aspek dalaman yang berkaitan dengan jiwa, pegangan, etika, akhlak, nilai dan prinsip spiritual yang diajar oleh agama masing-masing dalam membantu teknousahawan PKS wanita menguruskan aktiviti perniagaan, mencari rezeki yang halal dan sebagai sokongan dalaman.

1.8.6 Kompetensi Teknousahawan

Diepolder, Weitzel, & Huwer (2021) menyatakan bahawa kompetensi merujuk gabungan sikap dan tingkah laku yang membolehkan seorang teknousahawan mencapai dan mengekalkan kejayaan dalam perniagaannya. Menurut Man et al. (2002) kompetensi adalah merupakan sifat, personaliti, sikap, peranan sosial dan imej diri yang dikategorikan kepada kemahiran, pengetahuan dan pengalaman. Kompetensi teknousahawan merujuk kepada kompetensi mencari peluang, kompetensi hubungan, kompetensi kepimpinan, kompetensi strategik, kompetensi komitment dan kompetensi mencari idea baharu yang membantu teknousahawan Bumuputera IKS dalam mengendalikan perniagaannya sehingga berjaya (Janain Burut, 2018). Dalam konteks kajian ini, kompetensi merujuk kepada kompetensi mencari peluang, kompetensi hubungan, kompetensi kepimpinan, kompetensi strategik, kompetensi komitment dan kompetensi mencari idea baharu yang membantu teknousahawan wanita PKS mejalankan perniagaan dengan berjaya. Definisi istilah bagi dimensi-dimensi tersebut adalah seperti di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.6.1 Kompetensi Mencari Peluang

Kompetensi mencari peluang ialah kebolehan usahawan untuk mengenal pasti dan membangunkan peluang yang berkualiti dengan mengambil kira elemen inovasi dan kreatif (Juzaimi Nasuredin, 2017). Kompetensi mencari peluang ialah keupayaan untuk mengenal pasti peluang perniagaan dan pasaran untuk melakukan inovasi (Janain Burut, 2018). Dalam kajian ini, kompetensi mencari peluang merujuk kepada keupayaan teknousahawan wanita PKS untuk mencari, membangun dan menilai peluang-peluang yang berkualiti tinggi yang terdapat di pasaran untuk mencapai kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.6.2 Kompetensi Hubungan

Kompetensi hubungan berkaitan dengan kemahiran hubungan komunikasi antara individu ke individu atau interaksi individu ke kumpulan yang berpusat (Man et al., 2002). Kompetensi hubungan adalah kemampuan untuk berkomunikasi dan juga membina jaringan sama ada dengan pekerja, pelanggan atau orang lain (Janain Burut, 2018). Dalam kajian ini, kompetensi hubungan merujuk kepada kemampuan teknousahawan wanita PKS untuk berkomunikasi dan membina jaringan dengan pihak-pihak berkepentingan dalam perniagaan, iaitu pelanggan, pembekal, pembiaya, pemodal, kerajaan, pekerja dan masyarakat bagi mencapai kejayaan dalam perniagaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.6.3 Kompetensi Kepimpinan

Suraiya Shafiee @ Ismail et al. (2022) menyatakan bahawa kompetensi kepimpinan adalah untuk memimpin, mengawal, memantau, menyusun dan membangunkan sumber-sumber dalaman dan luaran serta membentuk keupayaan perniagaan itu. Kompetensi kepimpinan ialah keupayaan untuk memimpin syarikat mereka ke arah kejayaan (Janain Burut, 2018). Dalam kajian ini, kompetensi kepimpinan ialah keupayaan teknousahawan wanita PKS untuk memimpin syarikat dari segi pengurusan, perancangan, pengawalan, dan pengorganisasian ke arah kejayaan.

1.8.6.4 Kompetensi Strategik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kompetensi strategik berkaitan dengan penetapan, penilaian dan pelaksanaan strategik syarikat (Engmann & Ngwakwe, 2021). Menurut Janain Burut (2018) kompetensi strategik ialah keupayaan untuk merancang dan melaksanakan perancangan tersebut. Dalam kajian ini, kompetensi strategik ialah keupayaan teknousahawan wanita PKS untuk merancang dan melaksanakan perancangan ke arah kejayaan.

1.8.6.5 Kompetensi Komitmen

Kompetensi komitmen mencerminkan sikap atau tingkah laku seseorang usahawan dalam melakukan sesuatu kerja dengan bersungguh-sungguh (Suraiya Shafiee @ Ismail et al., 2022). Menurut Janain Burut (2018) kompetensi komitmen ialah kemampuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berusaha dan menggemblengkan tenaga untuk memajukan syarikat. Dalam kajian ini, kompetensi komitmen merujuk kebolehan teknousahawan wanita PKS untuk berusaha dan menggemblengkan tenaga mereka bagi memajukan syarikat sehingga berjaya.

1.8.6.6 Kompetensi Mencari Idea Baharu

Kompetensi mencari idea baharu mewakili keupayaan usahawan secara kreatif memikirkan sesuatu yang boleh dikaitkan dengan corak pemikiran baharu dan kemungkinan muncul dengan konsep dan idea-idea baharu (Mamun et al., 2016). Menurut Janain Burut (2018) menyatakan bahawa kompetensi mencari idea baharu ialah keupayaan mencari idea kreatif dan inovatif dan bagaimana mereka mengkomersialkan idea tersebut . Dalam kajian ini, kompetensi mencari idea baharu ialah keupayaan teknousahawan PKS wanita mencari idea kreatif dan inovatif serta mengkomersialkan idea tersebut untuk melakukan pembaharuan yang membawa kepada kejayaan.

1.8.7 Pengalaman Kerja

Pengalaman kerja merujuk kepada peristiwa yang dialami oleh individu yang mempunyai kaitan dengan prestasi mereka dalam sesuatu pekerjaan (Stefan et al., 2021). Pengalaman kerja juga ditakrifkan sebagai pengetahuan atau keupayaan yang diperoleh oleh seorang individu daripada sesuatu pekerjaan, organisasi, atau industri dalam suatu tempoh masa tertentu (Shamsul Hana Abd Rani, 2019). Dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempertimbangkan definisi terdahulu, pengalaman kerja dalam konteks kajian ini merujuk kepada pengetahuan atau keupayaan yang diperoleh oleh teknousahawan wanita PKS daripada mana-mana pekerjaan yang diceburi dalam suatu tempoh masa tertentu.

1.8.8 Latihan Teknousahawan

Latihan ialah satu proses mengajar kemahiran atau tingkah laku tertentu yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan (Zurinah Tahir et al., 2019). Selain itu, Njoroge & Guthunga (2013) mentakrifkan latihan sebagai usaha yang dirancang dan sistematik, yang membantu mengubah atau mengembangkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai prestasi yang baik dalam apa-apa aktiviti melalui pengalaman pembelajaran. Shamsul Hana Abd Rani (2019) yang mentakrifkan latihan sebagai hasil yang diharapkan oleh usahawan selepas penglibatan mereka dalam latihan. Maka, dalam konteks kajian ini, latihan merujuk sebagai hasil yang diharapkan oleh teknousahawan wanita PKS selepas mengikuti latihan yang mempengaruhi kejayaan.

1.8.9 Kejayaan

Pengukuran kejayaan dari perspektif bukan kewangan merujuk kepada penilaian seseorang terhadap kejayaan kerjaya yang diukur melalui piawaian yang ditentukan sendiri dan pengukuran ini dikenali sebagai subjektif (Nurul Amira Omar et al., 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Shamsul Hana Abd Rani (2019) menyatakan bahawa kejayaan dari perspektif bukan kewangan merujuk kepada kejayaan mengimbangi kerja-keluarga serta memperoleh kepuasan kendiri. Maka, kejayaan dalam konteks kajian ini merujuk kepada kejayaan teknousahawan wanita PKS yang dipengaruhi oleh keseimbangan kerja-keluarga dan kepuasan kendiri.

1.9 Skop Kajian

Kajian mengenai hubungan ciri, kompetensi dan pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita kurang dijalankan (Shamsul Hana Abd Rani, 2019; Romy Abd Kadir, 2019; Janain Burut, 2018). Maka, skop kajian ini memfokuskan kepada pemboleh ubah ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan dan pengalaman kerja sebagai faktor kejayaan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Ciri-ciri keusahawanan (motivasi kendiri, pemikiran inovatif, kerohanian), kompetensi teknousahawan (kompetensi mencari peluang, kompetensi hubungan, kompetensi kepimpinan, kompetensi strategik, kompetensi komitmen, kompetensi mencari idea baharu) dan pengalaman kerja adalah pemboleh ubah bebas manakala kejayaan wanita adalah pemboleh ubah bersandar dan latihan teknousahawan sebagai pemboleh ubah moderator.

Sampel kajian ini terdiri daripada teknousahawan wanita yang dikenal pasti dari direktori Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), dan *Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation* (MRANTI) sebelum ini dikenali sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC). Ketiga-tiga agensi kerajaan ini memberikan sokongan khusus serta menyediakan platform pemasaran kepada teknousahawan wanita yang beroperasi dalam sektor PKS (Noorul Hafizah Hashim, Hisham Mohammad & Md Mahmudul Alam, 2023). Pemilihan sampel kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa kriteria.

Pertama, sampel kajian ini terdiri daripada teknousahawan wanita PKS yang merupakan pemilik atau pengurus syarikat. Kedua, kajian ini memberi tumpuan kepada sample kajian yang mempunyai tempoh atau usia perniagaan yang sekurang-kurangnya tiga tahun dan ke atas. Ketiga dalam kajian ini, teknousahawan wanita adalah usahawan wanita PKS yang menggunakan teknologi untuk tujuan perniagaan dan melibatkan diri dalam bidang perniagaan yang menggunakan teknologi terkini sama ada dalam urusan penghasilan produk, penawaran perkhidmatan, merekabentuk produk, pembungkusan, promosi dan pemasaran.

Keempat, teknousahawan wanita PKS dikenal pasti melalui jenis penggunaan teknologi yang merujuk kepada penggunaan aplikasi sosial, e-mel, laman web, perisian *Microsoft office*, perisian grafik, perisian reka bentuk, jentera, perkakasan teknologi dan sistem penjualan dan pembelian atas talian yang diguna pakai dalam penghasilkan produk, penawarkan perkhidmatan, merekabentuk produk, pembungkusan, promosi dan pemasaran. Menurut Janain Burut (2018), elemen penggunaan jenis teknologi membantu mengenal pasti kemahiran penyerapan teknologi dalam kalangan teknousahawan. Akhir sekali, pengkaji memilih sampel kajian yang terlibat dalam perniagaan PKS di Malaysia yang terdiri daripada sektor perkhidmatan, pembuatan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian, serta pembinaan. Soal selidik yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menepati kriteria digunakan dalam proses analisis data. Kajian ini banyak bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan para responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan kepada mereka melalui *Google form*.

1.10 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang telah dikenal pasti dalam kajian ini. Sampel yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada teknousahawan wanita PKS yang mempunyai pelbagai ciri dan latar belakang demografi yang berbeza. Oleh itu, pengkaji menghadapi kesukaran dalam mengesan sampel kajian yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan pemilihan teknousahawan PKS (Ruhaizan Mohd Yasin & Mohammad Sattar Rasul, 2017; Janain Burut, 2018; Romy Abd Kadir, 2019) item-item demografi atau profil digunakan untuk memilih sampel kajian. Pengkaji menetapkan ciri-ciri keusahawanan pemilihan seperti, sampel kajian merupakan pemilik atau pengurus syarikat, tempoh masa perniagaan sekurang-kurangnya tiga tahun dan ke atas serta menjalankan perniagaan PKS yang terdiri daripada sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian dalam bahagian demografi kajian.

Kajian ini terbatas kepada ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja sebagai faktor kejayaan yang wujud dalam diri peserta kajian. Dimensi ciri-ciri keusahawanan dalam kajian ini memberi tumpuan kepada tiga dimensi sahaja iaitu motivasi kendiri, pemikiran inovatif dan kerohanian. Manakala dimensi yang terkandung dalam kompetensi teknousahawan dalam kajian ini pula memfokuskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada enam dimensi kompetensi iaitu kompetensi mencari peluang, kompetensi hubungan, kompetensi mencari idea baharu, kompetensi kepimpinan, kompetensi strategik dan kompetensi komitmen. Peserta kajian ini tertumpu kepada teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

Jadi segala hasil kajian yang melibatkan konstruk-konstruk atas hanya terbatas kepada wanita. Dapatan kajian ini hanya tertakluk kepada kejujuran teknousahawan wanita PKS. Sabrina Saad, Abu Shams Mohammad Mahmud Hoque & Zainudin Awang (2019) menyatakan bahawa pemilihan sampel kajian yang layak banyak bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan para responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan kepada mereka. Oleh itu, sebarang pemberian maklumat yang palsu atau bias akan mempengaruhi proses kenal pasti, analisis hubungan dan regrasi setiap pemboleh ubah sebagai faktor kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Secara umumnya, kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkaitan, seperti teknousahawan wanita yang ingin berjaya, kerajaan, institusi pendidikan, komuniti wanita, serta pelajar dari segi teoritikal dan praktikal.

Menurut Syed Khurram Ali Jafri & Wafa Khurram (2019), teknousahawan merupakan salah satu golongan yang menyokong pembangunan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, kajian ini dijangka akan memberi idea kepada teknousahawan wanita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PKS yang ingin berjaya dalam bidang yang diceburi. Hasil kajian mungkin menjadi sumber rujukan untuk mengukuhkan diri mereka dari sudut persediaan diri, kaedah pengurusan, strategi perniagaan serta kemahiran pengoperasian perniagaan. Pada masa yang sama, kajian ini juga akan membantu teknousahawan wanita PKS mengesan kelemahan dan kekurangan yang menghalang kejayaan mereka. Hal ini secara langsung akan meningkatkan prestasi perniagaan.

Hasil kajian ini dapat membantu pihak kerajaan dalam mengenal pasti program dan latihan pembangunan bagi wanita dalam meningkatkan prestasi mereka serta membolehkan mereka bersaing dengan kaum lelaki yang sudah mendominasi bidang teknokeusahawanan. Hal ini akan meningkatkan bilangan teknousahawan wanita yang berjaya di Malaysia serta menjadi inspirasi dan dorongan kepada usahawan wanita yang lain. Selain itu, agensi kerajaan seperti, MDEC, KPWKM dan SMIDEC serta agensi-agensi kerajaan yang lain dalam mengenal pasti jenis-jenis latihan, program, atau kemahiran yang sesuai pada masa hadapan untuk merangka pelan tindakan demi meningkatkan penglibatan kaum wanita dalam bidang teknokeusahawanan. Natijahnya, lebih ramai teknousahawan berjaya dapat mewujudkan peluang pekerjaan serta mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara (Romy Abd Kadir, 2019; Janain Burut, 2018). Dapatan kajian akan membantu pihak kerajaan untuk merancang dan merangka hala tuju pembangunan wanita dalam bidang teknokeusahawanan.

Kajian ini juga dilihat sebagai usaha untuk menambah jumlah pengkajian yang sedia ada dalam bidang yang berkaitan khususnya dalam bidang teknokeusahawanan wanita. Hal ini demikian kerana, dapat dilihat bahawa kajian terhadap teknousahawan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wanita adalah sangat terhad. Ramai pengkaji yang cenderung untuk menggunakan teknousahawan lelaki sebagai responden mereka. Impaknya, kurang kajian terhadap teknousahawan wanita PKS di Malaysia (Muhammad Ridhuan Abdul Rahman, 2019). Oleh itu, kajian ini akan menyumbang kepada literatur teknokeusahawanan berkaitan hubungan ciri, kompetensi dan pengalaman kerja dengan kejayaan.

Kajian ini juga mampu memberi sumbangan kepada institusi pendidikan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Hal ini demikian kerana, kajian ini dapat membantu menambah bahan rujukan dalam bidang teknokeusahawanan kepada para pelajar dan para pensyarah dalam usaha mereka untuk menghasilkan pengkajian yang lebih baik. Selain itu, hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai bahan ilmiah dan rujukan tambahan kepada pihak yang ingin melalukan pengkajian berkaitan dengan teknokeusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga perlu dilakukan untuk membantu teknousahawan wanita PKS mengesan kelemahan mereka dan diharapkan kajian sebegini dapat menyuntik semangat baharu dalam perusahaan mereka. Pada masa yang sama, hasil kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada komuniti wanita yang terlibat dalam PKS, berkaitan era pendigitalan dan kepentingan teknologi dalam keusahawanan. Faktor-faktor kejayaan yang dikenal pasti dalam kajian ini akan meningkatkan semangat keusahawanan yang jitu untuk membangun berdaya saing dengan teknousahawan di peringkat global (Nurulain Najwa Mohamad Ghazali, & Mohd Zarir Yusoff, 2023).

Selanjutnya, hasil kajian ini dijangka dapat meningkatkan aspirasi dan motivasi pelajar serta graduan wanita untuk memilih bidang keusahawanan berteraskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknologi sebagai kerjaya pada masa hadapan. Melalui pendekatan ini, pelajar serta calon teknousahawan wanita akan dapat mempersiapkan diri dan melengkapkan kemahiran untuk mencapai kejayaan dalam bidang ini. Harapannya, temuan kajian ini juga akan memberi sumbangan kepada guru, institusi pendidikan, penggubal kurikulum, dan pihak berkepentingan lain dalam mengenal pasti elemen- elemen positif serta kemahiran yang kritikal yang perlu diterapkan sejajar dengan pembangunan dalam bidang teknokeusahawanan yang sedia ada.

Oleh hal yang demikian, kajian sebegini adalah perlu untuk melihat faktor-faktor kejayaan teknousahawan dalam kalangan teknousahawan wanita. Dengan ilmu yang dimiliki oleh golongan teknousahawan wanita diharapkan dapat membantu golongan ini menguruskan perniagaan mereka yang berasaskan teknologi serta maju dalam bidang teknousahawanan pada peringkat global.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12 Organisasi Tesis

Kajian ini merangkumi lima bab secara keseluruhan. Bab satu merupakan pengenalan kepada tajuk kajian, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Seterusnya, dalam bab ini juga membincangkan kerangka konseptual kajian, kepentingan, skop, batasan kajian, definisi operational kajian serta diakhiri dengan rumusan kajian.

Bab dua pula menghuraikan berkaitan sorotan kajian yang merangkumi pengukuran kejayaan, ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman kerja. Pada masa yang sama, bab ini juga membincangkan latihan teknousahawan sebagai pemboleh ubah moderator secara terperinci. Selanjutnya, dalam bab ini juga menjelaskan mengenai teori, model yang telah dijadikan sebagai panduan serta pembentukan hipotesis berpandukan kajian-kajian lepas.

Bab tiga adalah berkaitan metodologi kajian yang membincangkan paradigma kajian, reka bentuk kajian, prosedur kajian, populasi kajian, sampel dan saiz kajian. Seterusnya, menghuraikan mengenai teknik pensampelan, instrument kajian, analisis kesahan, analisi kebolehpercayaan dan kajian rintis. Bahagian seterusnya pula menjelaskan penerokaan analisis faktor, prosedur pengumpulan data, proses analisis data dan disudahi dengan rumusan secara keseluruhan.

Bab empat pula bab yang membincangkan dapatan kajian. Dalam bab ini pengkaji menjelaskan kadar maklum balas, proses analisis data, demografi responden, tahap berdasarkan pemboleh ubah dan dimensi pemboleh ubah. Seterusnya, membincangkan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan kejayaan teknousahawan wanita, analisis moderator, penentuan faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita, penentuan model dan sumbangan faktor peramal kejayaan teknousahawan wanita, ringkasan dapatan kajian dan disudahi dengan rumusan bab. Bab yang terakhir ialah bab perbincangan, rumusan dan cadangan. Dalam bab ini membincangkan perbincangan secara umum mengenai rumusan kajian, perbincangan, implikasi kajian, limitasi kajian, cadangan sumbangan hasil kajian, cadangan kajian lanjutan dan kesimpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dan menghuraikan kajian lepas yang melibatkan lima pemboleh ubah utama kajian iaitu ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, pengalaman kerja, latihan dan kejayaan teknousahawan. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini terdiri daripada faktor kejayaan manakala pembolehubah tidak bersandar pula terdiri daripada ciri, kompetensi dan pengalaman kerja teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Pemboleh ubah moderator dalam kajian ini adalah latihan.

Bahagian pertama membincangkan teori dan model asas yang berkaitan dengan kajian ini. Bahagian kedua pula membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang berkaitan teknousahawan wanita serta perkembangan di peringkat Malaysia dan dunia. Seterusnya, bahagian ketiga pula membincangkan mengenai pemboleh ubah bersandar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu kejayaan secara terperinci. Bahagian keempat pula mengupas definisi, dimensi dan hubungan antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan, pengalaman kerja dan latihan teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Selanjutnya, definisi, peranan, perkembangan, cabaran dan kajian lepas berkaitan PKS diterangkan dalam bahagian kelima. Bahagian keenam pula membincangkan pembentukan hipotesis serta ringkasan kajian-kajian lepas yang dibincang dalam kajian ini. Rumusan keseluruhan kajian ini akan dibincangkan pada akhir bahagian ini.

2.2 Teori dan Model Asas

Bahagian ini membincangkan teori dan model asas yang dijadikan sebagai panduan dan sandaran utama kajian ini. Antara tiga teori dan model yang telah digunakan untuk menyokong kajian ini ialah Teori Kognitif Sosial Kerjaya (Bandura, 1986), Teori Pembangunan Keusahawanan (Schumpeter, 1934; McChelland, 1987: Weber), Teori Kompetensi Keusahawanan (Boyatzis, 1982), Teori Modal Insan (Becker, 1934) dan Model Daya Saing IKS (Man et al., 2002). Teori utama untuk kajian ini ialah Teori Kognitif Sosial Kerjaya dan tiga teori lain bertindak sebagai teori sokongan.

2.2.1 Teori Kognitif Sosial Kerjaya

Teori Kognitif Sosial Kerjaya menerangkan tentang kemajuan kerjaya wanita atau kejayaan dalam bidang keusahawanan. Teori ini diasaskan oleh Bandura (1986) dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjelaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui interaksi dengan orang lain dan persekitaran. Lent dan Brown (1996) telah membangunkan model daripada teori ini yang mencadangkan bahawa penentu peribadi bergabung dengan penentu persekitaran dan membawa kepada penentu tingkah laku. Maka secara kesimpulannya, teori ini menggabungkan pengaruh peribadi, persekitaran, pengalaman pembelajaran, interaksi antara dua pihak dan faktor persekitaran dalam membentuk tingkah laku kerjaya.

Menurut Lent dan Brown (1996), teori ini terbahagi kepada dua komponen utama iaitu pengalaman pembelajaran dan faktor luaran. Komponen pertama ialah pengalaman pembelajaran yang menerangkan tentang bagaimana faktor latar belakang individu berinteraksi dengan persekitaran dalam bentuk pengalaman pembelajaran yang berkesan. Manakala komponen kedua iaitu faktor luaran seperti faktor organisasi atau faktor sosial. Selain itu, teori ini menekankan bahawa bagaimana sesuatu pembolehubah berinteraksi dengan individu dan persekitaran untuk mencapai kejayaan kerjaya. Roziah Mohd Rasdi et al. (2009) menyatakan bahawa teori Bandura juga membincangkan kepentingan situasi terhadap pembuatan keputusan kerjaya. Norma sosial, peluang dalam persekitaran kerja dan sokongan social merupakan antara faktor persekitaran yang mempengaruhi kejayaan kerjaya. Nordin Khadijah et al. (2021) menambah, teori ini sangat membantu apabila mengenal pasti faktor kemajuan kerjaya atau kejayaan kerjaya kerana memberi pemahaman yang berguna berkaitan fenomena kemajuan kerjaya dalam kalangan wanita.

Selain itu, teori ini telah diaplikasikan dalam beberapa kajian lepas yang membincangkan tentang kemajuan kerjaya. Menurut Thudam et al. (2015) kemajuan kerjaya atau kejayaan kerjaya mengukur pencapaian dan meningkatkan kualiti hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada asasnya teori ini terdiri daripada input, pengaruh kontekstual dan *output* jangkaan. Dalam konteks pengkajian ini, input dirujuk kepada faktor individu, yang merangkumi faktor peribadi seperti ciri usahawan dan pengalaman pembelajaran yang datang daripada pengalaman kerja dan menghadiri latihan; pengaruh kontekstual yang diwakili oleh faktor persekitaran dan output jangkaan oleh kejayaan keusahawanan (Nordin Khadijah et al., 2021). Dalam kajian ini, faktor persekitaran yang dianggap sebagai faktor luaran merujuk kepada kompetensi keusahawanan. Aspek persekitaran ini akan mempengaruhi keupayaan individu untuk menyelesaikan tingkah laku mereka dengan jayanya. Secara ringkasnya, ciri-ciri keusahawanan dan pengalaman yang dimiliki oleh seseorang usahawan tersebut sehingga membawa kepada kejayaan.

Kajian ini membincangkan kajian-kajian terdahulu dalam usaha untuk meningkatkan lebih kefahaman tentang kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Oleh yang demikian, teori ini digunakan dalam kajian ini untuk menjelaskan fenomena kejayaan usahawan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia (Soriano, 2017). Dalam kajian ini, Teori Kognitif Sosial kerjaya menjelaskan hubungan antara faktor peribadi yang merangkumi ciri-ciri keusahawanan usahawan wanita, pengalaman pembelajaran yang diperolehi daripada pengalaman kerja dan latihan serta faktor persekitaran yang diwakili oleh kompetensi usahawan wanita dan hasil yang menjadi kejayaan di kalangan teknousahawan wanita PKS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Teori Pembangunan Keusahawanan

Teori pembangunan keusahawanan membincangkan tiga pendekatan utama iaitu pendekatan ekonomi, pendekatan psikologi dan pendekatan sosial.

2.2.2.1 Teori Schumpeter (Pendekatan Ekonomi)

Joseph Schumpeter ialah seorang ahli institut ekonomi Austria yang telah membina satu model keusahawanan pada tahun 1934. Model yang diutarakan oleh Schumpeter ini meletakkan inovasi sebagai ciri keusahawanan. Peranan inovasi atau ubah suai yang dimaksudkan oleh beliau merangkumi semua kegiatan atau usaha yang membawa kepada satu pembaharuan (Purnomo et al., 2021). Pada peringkat awalnya, kebanyakan teori keusahawanan dikemukakan dari perspektif ekonomi. Hal ini kerana keusahawanan merupakan suatu topik perbincangan dan analisis yang telah diperkenalkan oleh ahli-ahli ekonomi pada abad ke-18 dan berterusan hingga abad ke-19. Sehingga tahun 1950, majoriti definisi dan juga rujukan bidang keusahawanan adalah daripada ahli-ahli ekonomi seperti Schumpeter (1934). Kesemua ahli ekonomi ini menulis mengenai keusahawanan dan impaknya ke atas pembangunan ekonomi sesebuah masyarakat.

Bagi Schumpeter, usahawan dianggap sebagai seorang pencetus inovasi yang tidak akan membiarkan sistem ekonomi berada di dalam suasana yang beku. Beliau juga menyatakan bahawa tindakan usahawan diibaratkan sebagai tindakan membina atau *creative destruction* (Henrekson & Sanandaji, 2020). Schumpeter juga mengaitkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

inovasi tersebut dengan peristiwa-peristiwa yang membawa perubahan yang besar atau *revolutionary change* yang memberikan kesan signifikan kepada sesuatu industri. Beliau memberikan contoh ciptaan *wireless* oleh Marconi yang merevolusikan industri perhubungan serta meningkatkan kegiatan ekonomi secara keseluruhan. Bagi Schumpeter, usahawan dianggap sebagai seorang pengubah suai yang memastikan sistem ekonomi stabil dan tidak mengalami perubahan. Seperti ahli-ahli ekonomi yang lain, Schumpeter turut membincangkan tentang soal keseimbangan atau *equilibrium* (Callegari, 2018).

Seterusnya, pendekatan ekonomi menekankan kekayaan dan keuntungan adalah sebab utama seseorang menjadi usahawan. Usahawan cuba mencari peluang untuk mendapatkan keuntungan melalui peranannya sebagai orang tengah dan inovasi menjadi pemangkin kepada perubahan teknologi. Inovasi yang dimaksudkan merangkumi proses, teknologi dan produk baharu. Seorang usahawan yang berinovatif akan berusaha untuk memperkenal dan mengembangkan teknologi baharu (Laplume & Yeganegi, 2018).

Menurut Schumpeter persoalan “siapakah atau apakah” membawa keseimbangan tetapi soal “mengapakah” menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan. Beliau juga menyatakan bahawa keseimbangan ini berlaku disebabkan oleh tindakan usahawan melalui daya inovasi dan kreativiti (Aghion & Festre, 2017). Selanjutnya, usahawan yang berinovatif tinggi mampu mengoptimakan faktor-faktor pengeluaran seperti modal insan, modal, teknologi dan bahan mentah dalam menghasilkan barangan atau perkhidmatan yang berguna. Oleh yang demikian, menurut Schumpeter (1934)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

usahawan yang berinovatif akan sentiasa berusaha untuk memperkenal dan memgembangkan teknologi baharu.

Maka, secara kesimpulannya, usahawan yang berinovatif akan memperkenalkan sesuatu yang baharu atau tidak akan membiarkan sistem ekonomi berada dalam suasana statik melalui pempelbagaian produk yang dicipta. Teknousahawan adalah ejen kepada perubahan dan pembangunan ekonomi. Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih dimensi pemikiran inovatif yang dibincangkan oleh Schumpeter (1934) sebagai salah satu dimensi ciri-ciri keusahawanan bagi mengkaji kejayaan teknousawan wanita PKS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2.2 Teori McClelland (Pendekatan Psikologi)

Mengikut McClelland (1985), individu-individu yang mempunyai kehendak pencapaian yang tinggi merupakan golongan yang lebih suka mengambil tanggungjawab ke arah mencapai sesuatu matlamat dengan usaha sendiri. Teori tersebut, mengkaji usahawan dari sudut personaliti dan berpendapat bahawa usahawan yang berjaya mempunyai sifat yang sama dengan orang yang motivasi pencapaian mereka adalah tinggi (Rosiana, 2021). Pendekatan McClelland (1985) menekankan bahawa usahawan yang bermotivasi tinggi mempunyai kehendak pencapaian yang tinggi serta berani memikul tanggungjawabnya.

Selain itu, kajian McClelland (1985) dalam motivasi pencapaian memperlihatkan bagaimana ciri-ciri keusahawanan individu yang bersifat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan mempengaruhi pencapaian prestasi kerja. Seseorang yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi akan berusaha bersungguh-sungguh agar berjaya dalam sesuatu pekerjaan yang diusahakannya. Antara ciri-ciri keusahawanan yang dimiliki oleh individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi termasuklah sikap bertanggungjawab iaitu lebih suka menyelesaikan masalah secara sendirian berbanding dengan melibatkan campur tangan daripada pihak lain. Individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi juga merupakan seorang yang berani mengambil risiko.

Seterusnya, individu ini juga suka akan maklum balas terhadap prestasi yang ditunjukkan. Kajian McClelland (1985) juga mendapati bahawa individu yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi lebih suka akan persekitaran yang mencabar serta penuh dengan persaingan. Kesan dorongan ini akan memperlihatkan prestasi kerja yang berjaya dan cemerlang. Bagi individu yang tidak mempunyai ciri-ciri keusahawanan motivasi pencapaian yang tinggi pula akan gagal dalam persekitaran sedemikian. Secara ringkasnya, mereka akan dikelilingi dengan persekitaran kerja yang lemah. Memandangkan dunia perniagaan pada hari ini sentiasa mengalami perubahan dalam persaingan yang terbuka dan semakin sengit, kebiasaannya individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi akan lebih berjaya berbanding dengan individu yang kurang bermotivasi dari segi pencapaian.

McClelland (1985), mencadangkan bahawa kunci kepada peribadi keusahawanan berjaya terletak pada unsur motivasi. Keperluan untuk pencapaian yang tinggi ialah laluan kepada kejayaan bagi mencapai matlamat atau boleh dikatakan sebagai satu set standard yang ditetapkan. Beliau mengatakan bahawa seseorang yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengimpikan kejayaan akan meluangkan lebih banyak masa memikirkan bagaimana untuk melakukan sesuatu dengan lebih baik atau mencapai sesuatu yang penting untuk dirinya.

Menurut Andrews (2021) kajian pertama yang dilakukan oleh McCelland (1961) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah kehendak pencapaian dengan perlakuan keusahawanan belia di Amerika Syarikat. Kajian keduanya mendapati bahawa sebahagian besar daripada graduan yang menceburi bidang keusahawanan sama ada secara langsung atau tidak menunjukkan kehendak pencapaian yang tinggi. Kajiannya yang ketiga pula menunjukkan bahawa individu yang mengikuti program untuk meningkatkan keperluan kepada pencapaian telah mencatatkan kegiatan perniagaan yang menguntungkan. Maka, teori ini menekankan bahawa sesorang usahawan yang mempunyai motivasi kendiri yang tinggi akan berani memikul tanggungjawabnya. Dalam konteks kajian ini, pengkaji merumuskan bahawa motivasi kendiri adalah ciri teknousahawan wanita yang berani mengambil tanggungjawab untuk mencapai sesuatu matlamat dengan daya usaha sendiri.

2.2.2.3 Teori Max Weber (Pendekatan Sosiologi)

Pendekatan sosiologi menerangkan keadaan atau situasi yang boleh mempengaruhi kejayaan usahawan. Sebagai contohnya, faktor-faktor sosial seperti galakan masyarakat, budaya, latar belakang pendidikan dan pengalaman (Mohd Zain Mubarak et al., 2015). Max Weber (1958) merupakan ahli sosiologi yang berbangsa Jerman telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengemukakan satu model keusahawanan pada tahun 1958 berkaitan dengam faktor sosiologi. Beliau telah menekankan eleman keagamaan sebagai asas untuk mencapai kejayaan di dalam kegiatan ekonomi.

Keusahawanan dari perspektif sosiologi adalah berdasarkan kepada model yang dikemukakan oleh Max Weber (1958) yang melibatkan dua golongan agama iaitu Protestant dan Katolik. Beliau berpendapat, kejayaan golongan *Protestant* disebabkan oleh pegangan yang kuat kepada etika agama mereka. Etika *Protestant* digambarkan oleh Max Weber sebagai aktiviti yang mengabdikan diri dalam konteks hubungannya dengan keduniaan. Teori Max Weber (1958) memasukkan elemen keagamaan sebagai asas untuk mencapai kejayaan dalam kegiatan ekonomi. Model yang dikemukakan oleh Max Weber ini adalah berasaskan pada kajian ke atas golongan *Protestant* dan kejayaan mereka di dalam bidang ekonomi (Romy Abd Kadir, 2019).

Beliau mengatakan bahawa kejayaan golongan *Protestant* dalam kegiatan ekonomi disebabkan oleh ajaran yang terdapat dalam agama *Protestant*. Beliau cuba menunjukkan bahawa kejayaan golongan ini disebabkan oleh pegangan yang kuat kepada agama. Hal ini menjadi dorongan utama kepada golongan tersebut untuk mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi. Max Weber telah menulis dengan panjang lebar tentang model keusahawanan dalam buku yang bertajuk *The Protestant Ethics and The Spirit of Capitalism*. Bagi Max Weber, kegiatan ekonomi adalah dalam konteks sistem kapitalisme. Ahli sosiologi dari Jerman ini cuba menunjukkan bahawa kejayaan golongan *Protestant* ini adalah disebabkan oleh pegangan yang kuat kepada etika *Protestant* (Abu Yazid Abdul Kadir et al., 2022). Etika *Protestant* digambarkan oleh Max Weber sebagai aktiviti mengabdikan diri dalam konteks hubungan dengan Tuhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan bergerak aktif (tidak hanya menumpukan pada aktiviti ritual semata-mata) dalam hubungannya dengan keduniaan. Model keusahawanan yang dikemukakan oleh Max Weber ini boleh dianggap sebagai satu percubaan untuk menunjukkan hubungan agama atau kepercayaan dengan keusahawanan.

Secara kesimpulannya, keusahawanan sering kali berkait rapat dengan perspektif sosiologi. Pendekatan sosiologi telah mengaitkan keusahawanan dengan elemen keagamaan yang dijadikan landasan untuk mencapai kejayaan dalam aktiviti ekonomi. Nilai-nilai keagamaan yang sejagat seperti kejujuran menjadi faktor yang penting dalam menggerakkan aktiviti keusahawanan. Kepercayaan dalam kehidupan beragama ini melahirkan sikap tekun dan bertanggungjawab dalam bekerja dan menjadi pendorong kepada pengumpulan asset yang produktif. Pegangan yang kuat terhadap agama telah menjadi dorongan kepada usahawan untuk mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi. Maka dalam konteks kajian ini, pengkaji mengkaji dimensi kerohanian yang merujuk kepada aspek dalaman yang berkaitan dengan jiwa, pegangan, etika, akhlak, nilai dan prinsip spiritual yang diajar oleh agama masing-masing dalam membantu teknousahawan PKS wanita menguruskan aktiviti perniagaan, mencari rezeki yang halal dan sebagai sokongan dalaman.

2.2.3 Teori Kompetensi Keusahawanan

Teori kompetensi keusahawanan dikembangkan oleh Boyatzis (1982) berdasarkan teori pengurusan dan konsep kompetensi. Konsep dan bukti kompetensi yang dibincangkan oleh Boyatzis(1982) tidak memfokuskan elemen keusahawanan. Oleh itu, kompetensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan ini dikembang dan ditambah oleh Bird (1988). Kemudian, teori kompetensi keusahawanan dihasilkan dengan mengambil kira konsep dan keperluan kompetensi bagi seseorang usahawan. Pengembangan yang dilakukan dalam konsep kompetensi keusahawanan yang melibatkan ikatan keusahawanan, penyusunan semula hubungan dan penciptaan mempengaruhi perniagaan (Bird, 1995).

Menurut Salpiah Suradi (2017) teori kompetensi membincangkan keperluan individu terhadap kemahiran, sikap dan pengetahuan yang bertindak dalam membantu keluarga, masyarakat dan diri sendiri. Kompetensi keusahawanan merujuk kepada ciri-ciri keusahawanan individu seperti imej diri, pengetahuan, peranan sosial dan kemahiran yang membantu meneroka dan mengembangkan perniagaan. Seterusnya, Bird (1995) juga menerangkan bahawa faktor latar belakang, keluarga, pengalaman kerja dan pendidikan mempengaruhi kejayaan sesuatu perniagaan.

Teori kompetensi keusahawanan digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam kajian untuk memahami keperluan kompetensi dalam menguruskan perniagaan (Man et al. 2002; Sanchez, 2011; Mohamad Hanif Baharudin et al., 2021). Kajian yang dilakukan oleh Man et al. (2002), menjelaskan bahawa pengalaman yang diperoleh melalui pekerjaan atau pembelajaran secara praktikal mahupun teori dapat mewujudkan kompetensi keusahawanan. Seseorang individu berpeluang membelajari memulakan perniagaan, mengurus, mengawal serta mengembangkan menerusi pengalaman pekerjaan (Bird, 1995).

Noor Hazlina et al. (2010) telah mengaplikasikan teori ini dalam kajian bagi menerangkan hubungan antara tingkah laku dan sifat usahawan yang mempengaruhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kejayaan dan kegagalan sesuatu perniagaan. Manakala Adznir Mokhtar (2017) pula mengaplikasikan teori kompetensi ini bagi menerangkan kepentingan kompetensi terhadap kelangsungan perniagaan dalam jangka masa panjang. Hasil kajiannya telah mengenal pasti kompetensi teknikal, kompetensi tempat kerja, kompetensi akademik, kompetensi personal dan kompetensi peruncitan yang mempengaruhi kejayaan perniagaan.

Selain itu, Bird (2002) juga menyatakan bahawa, pendedahan keusahawanan akan memberi pengalaman kepada usahawan. Hal ini akan meningkatkan inovasi, kreativiti, motivasi dan kebolehan usahawan dalam menjalankan perniagaan. Pendedahan keusahawanan melalui latihan asas yang bersesuaian membantu mengembangkan kompetensi yang diperlukan dalam memulakan perniagaan. Oleh demikian, latihan dan pengalaman mengembangkan kompetensi keusahawanan yang diperlukan oleh seseorang usahawan (Wickramaratne, Kimianami & Yagi, 2014).

Sehubungan ini, teori ini telah dijadikan salah satu asas dalam pembentukan kerangka kajian memandangkan teori ini menjelaskan pembangunan kompetensi keusahawanan melalui pengalaman. Selain daripada itu, teori ini juga memperjelaskan hubungan kompetensi dengan kejayaan sesebuah perniagaan. Kompetensi merupakan salah satu konstruk yang dikaji dalam konteks teknousahawan wanita PKS memandu perniagaan mereka ke arah kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.4 Teori Modal Insan

Peranan modal insan dalam mempengaruhi prestasi organisasi telah menarik minat para pengkaji sejak tahun 1960-an. Berdasarkan Bagdadli et al. (2021) terma "modal insan" telah diperkenalkan oleh ahli ekonomi, Gary Becker pada tahun 1965 dan Jacob Mincer pada tahun 1974 menerusi teori modal insan. Pada fasa awal pengenalan teori ini, pelbagai kritikan telah dihujahkan, terutamanya daripada para pengkaji yang berfahaman liberal dengan mengaitkan teori modal insan dengan sistem perhambaan. Namun, selari dengan peredaran masa, konsep ini telah dibincangkan dengan lebih komprehensif oleh pengkaji-pengkaji dan mula diterima dalam era pengkajian moden.

Menurut Buzavaite dan Korsakiene (2019) konsep modal insan telah dibincangkan secara ekstensif oleh pengkaji di seluruh dunia dan telah diintegrasi dalam pelbagai cabang pengkajian seperti ekonomi, perniagaan dan keusahawanan. Teori modal insan dibangunkan oleh Gary Becker menekankan pengetahuan, kemahiran, pengalaman, latihan dan motivasi manusia sebagai faktor pembangunan modal individu. Modal insan sebagai pemacu kejayaan usahawan dengan meningkatkan keupayaan usahawan untuk melaksanakan tugas dan mengeksploitasi peluang perniagaan.

Selain daripada itu, Idris dan Triani (2023) menerangkan bahawa teori modal insan ialah teori pendapatan, di mana pendapatan merupakan salah satu penentu utama kemiskinan. Teori ini menerangkan keputusan seseorang untuk melabur dalam modal insan (latihan dan pendidikan) serta corak pendapatan sepanjang hayat seseorang. Hal ini juga menerangkan bahawa pelaburan yang dilakukan ke atas latihan dan pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah berbeza dari segi pulangan yang diinginkan oleh seseorang individu mengikut keperluan. Menurut Ramadhanninta (2021) modal insan yang kompeten dibentuk melalui elemen pengetahuan, kemahiran, idea dan maklumat dan pembentukan ini perlu dilakukan secara berterusan kerana modal insan boleh meningkat atau berkurangan jika kemahiran, latihan, pengetahuan dan pengalaman yang ada ketinggalan zaman dan tidak digunakan.

Terdapat pelbagai cara untuk mengklasifikasikan modal insan yang bergantung kepada kriteria yang digunakan. Salah satu pendekatan klasifikasi adalah mengkategorikannya berdasarkan jenis, manakala pendekatan lain adalah mempertimbangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukannya. Dalam monograf Smirnov, Soshnikov, Romanchin, & Skoblyakova (2005) membincangkan bahawa terdapat tiga jenis modal insan iaitu individu, syarikat, dan negara. Modal insan individu merangkumi pelbagai elemen seperti kesihatan, kecerdasan, potensi tenaga kerja, pembangunan budaya dan moral, serta kemahiran organisasi dan pengalaman keusahawanan seseorang pekerja.

Ahli ekonomi, ahli sosiologi, dan ahli psikologi mengkaji secara menyeluruh mengenai modal insan untuk mengembangkan kaedah penilaiannya. Oleh itu, pengkajian mengenai modal insan individu menjadi asas kepada penentuan faktor yang mempengaruhi kejayaan seseorang pekerja. Pada pendapat Pirozhkova (2014) antara faktor penentuan modal insan yang berjaya adalah jantina pekerja, tahap kelayakan, tempoh pekerjaan berterusan, pengiktirafan jawatan yang diambil oleh pekerja, umur, status perkahwinan, usaha berterusan untuk membangunkan kemahiran profesional, keperluan pendidikan kendiri, kekerapan pertukaran pekerjaan, motivasi yang tinggi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan kreatif terhadap kerja, kebolehan membuat keputusan yang kompleks dan tidak standard, pengalaman kerja lepas, kemahiran komputer dan kebolehan bekerja dalam pasukan.

Dalam kajian ini, teori modal insan menjelaskan hubungan pengalaman kerja dan latihan dengan kejayaan keusahawanan. Hal ini disokong oleh Galiakberova (2019) yang menyatakan bahawa pengalaman kerja dan latihan mempengaruhi kejayaan keusahawanan. Mengikut kajian ini, modal insan merujuk kepada orang yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan tertentu yang berkaitan dengan pengalaman kerja terdahulu. Pengalaman kerja diperoleh dengan mengikuti latihan yang merangkumi aspek berkaitan dengan perniagaan atau pengurusan. Oleh itu, individu yang mempunyai modal insan yang lebih tinggi atau lebih berkualiti akan mencapai prestasi yang lebih tinggi dalam tugasan yang berkaitan. Latihan dan pendidikan boleh meningkatkan produktiviti seseorang dengan menyediakan pengetahuan dan kemahiran yang menguntungkan.

Maka, berdasarkan perspektif kajian-kajian lepas yang membincangkan konsep modal insan pada peringkat organisasi dan merangkumi lima komponen utama, modal insan didefinisikan sebagai kombinasi pengetahuan, kemahiran, pengalaman, pendidikan dan latihan ahli-ahli organisasi dalam menjana aktiviti perniagaan dengan lebih berkesan untuk mencapai matlamat organisasi. Secara khususnya kajian ini membincangkan komponen pengalaman dan latihan bagi mengkaji hubungan signifikan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.5 Model Daya Saing IKS

Model daya saing IKS merangkumi sifat, kemahiran dan pengetahuan yang memainkan peranan penting untuk melaksanakan kerja dengan jayanya. Man et al. (2002) telah mengenal pasti dan mengategorikan kompetensi keusahawanan kepada enam komponen yang utama, iaitu kompetensi strategik, kompetensi komitmen, kompetensi mencari idea baharu, kompetensi peluang, kompetensi kepimpinan dan kompetensi hubungan. Rajah 2.1 menunjukkan Model Daya Saing IKS yang memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi syarikat.

Rajah 2.1

Model Daya Saing IKS (Man et al., 2002)



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Daya Saing IKS yang diperkenalkan oleh Man et al. (2002) menjelaskan bahawa kompetensi keusahawanan memainkan peranan penting dalam mencapai prestasi syarikat dengan tiga aspek utama, iaitu: (i) menentukan skop persaingan, (ii) membentuk keupayaan organisasi, dan (iii) merumuskan matlamat serta mengambil tindakan. Menurut Man et al. (2002), kepentingan dan keperluan kompetensi keusahawanan bagi usahawan adalah tidak dapat dipertikaikan, kerana kompetensi keusahawanan berkait rapat dengan prestasi dan daya saing, yang mempengaruhi kejayaan sesuatu perniagaan yang diceburi.

Kajian lepas yang berkaitan dengan kompetensi telah mengkaji dimensi kompetensi yang yang dicadangkan dalam Model IKS oleh Man et al. (2002) dalam konteks kejayaan teknousahawan (Janain Burut, 2018; Romy Abd Kadir, 2019; Tittel & Terzidis, 2020) serta hasil kajian juga menunjukkan hubungan yang signifikan dengan kejayaan teknousahawan. Maka, dimensi Modal Daya Saing IKS iaitu kompetensi strategik, kompetensi komitmen, kompetensi mencari idea baharu, kompetensi peluang, kompetensi kepimpinan dan kompetensi hubungan dipilih untuk menentukan hubungan kompetensi dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS.

2.3 Teknousahawan Wanita

Bahagian ini membincangkan definisi teknousahawan wanita, keusahawanan, teknologi; perkembangan teknousahawan di Malaysia dan global; kajian lepas yang berkaitan dengan faktor kejayaan teknousahawan; dan perbezaan antara teknousahawan dengan usahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1 Definisi Teknousahawan Wanita

Pelbagai istilah digunakan untuk menggambarkan definisi keusahawanan yang berasaskan teknologi, yang dikenali sebagai teknousahawan. Istilah yang serupa untuk teknousahawan (*technopreneur*) telah digunakan di negara Malaysia dan Singapura, yang mendefinisikan teknousahawan sebagai seorang individu yang sentiasa bersedia untuk mengambil risiko yang melibatkan aspek teknikal dan kejuruteraan bagi menghasilkan pendapatan (Romy Abd Kadir, 2019). Di Amerika Syarikat, teknousahawan juga dikenali sebagai keusahawanan teknologi tinggi (*high technology entrepreneurship*) (Robert & Aaron, 2011). Selain itu, terdapat beberapa istilah lain yang digunakan di negara-negara lain, seperti keusahawanan teknikal, keusahawanan digital, keusahawanan berasaskan teknologi, dan keusahawanan dalam ekosistem teknologi (Janain Burut, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Bailetti (2012), seseorang usahawan dikenal pasti sebagai teknousahawan berdasarkan beberapa aspek seperti berikut:

(i) membentuk firma *spin-off* yang dimiliki oleh jurutera atau saintis;
(ii) mencari dan mengenal pasti masalah atau aplikasi untuk teknologi tertentu;
(iii) memulakan usaha baharu dengan mengeksploitasi hasil kajian terkini di universiti;
(iv) bekerjasama (kolaborasi) dengan pelabur untuk menghasilkan teknologi baharu.

Giones dan Brem (2017) menyatakan teknousahawan wanita sebagai gaya kepimpinan perniagaan yang melibatkan sumber manusia berpotensi tinggi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

permodalan, peluang komersial berorientasikan teknologi, menguruskan pertumbuhan perniagaan yang pantas dan pengambilan risiko yang munasabah. Menurut Scarlat (2014) pula merujuk proses mengumpulkan sumber, sistem dan strategi teknikal untuk mencari peluang baharu manakala manakala Dutse et al. (2013) pula mendefinisikan teknousahawan wanita sebagai usahawan wanita yang menggabungkan kemahiran keusahawanan dan teknologi. Sementara, Syed Khurram Ali Jafri dan Wafa Khurram (2019) menyatakan bahawa teknousahawan wanita adalah seorang usahawan wanita yang berusaha menjadi orang pertama yang menggunakan teknologi terkini yang diperkenalkan oleh pihak lain, dan menyelaraskan penggunaannya dengan keupayaannya untuk disesuaikan dengan keupayaan yang merevolusikan perniagaan dan industri yang dijalankan.

Maulana, Soegoto dan Syahputra (2021) memberikan definisi ringkas tentang teknousahawan sebagai individu yang menganjurkan, menguruskan dan menanggung risiko semasa menjalankan perniagaan berasaskan teknologi. Menurut Janain Burut (2018) teknousahawan ialah individu usahawan Bumiputera IKS yang menggunakan pemikiran inovatif untuk membina (pencipta) atau melakukan inovasi untuk tujuan perniagaan yang berteraskan teknologi baharu, sama ada dalam urusan penghasilan, pemasaran ataupun pengurusan atau mengubah suai (*uppgrading*) teknologi sedia ada menjadi lebih baik sesuai dengan kehendak semasa. Menurut Bahadur Ali Soomro dan Naimatullah Shah (2021), teknousahawan wanita ialah individu yang mempunyai kemahiran dalam bidang masing-masing dan menggunakan teknologi dalam menghasilkan atau mengeluarkan produk, menguruskan perniagaan dan membuat keputusan berkaitan dengan perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya menurut Azahari Jamaludin et al. (2013) terdapat dua kategori utama teknokeusahawanan, iaitu pembangun teknologi dan pengguna teknologi. Pembangun teknologi ialah usahawan yang membangunkan teknologi unik untuk memacu perniagaan baharu (penciptaan), manakala pengguna teknologi ialah usahawan yang melihat pembangunan teknologi baharu dan memahami bagaimana ia boleh digunakan untuk memenuhi keperluan pasaran (penginovasian).

Maka, dalam konteks kajian ini teknousahawan wanita merujuk kepada usahawan wanita PKS yang menggunakan teknologi untuk tujuan perniagaan dan melibatkan diri dalam bidang perniagaan yang menggunakan teknologi terkini sama ada dalam urusan penghasilan produk, penawaran perkhidmatan, merekabentuk produk, pembungkusan, promosi dan pemasaran. Bahagian seterusnya menerangkan defini teknologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Definisi Teknologi

Teknologi ditakrifkan sebagai keupayaan untuk melaksanakan transformasi yang produktif yang memberi kesan kepada urusan harian. Hal ini termasuk keupayaan untuk bertindak, kecekapan untuk melaksanakan; serta teknologi mengubah bahan, tenaga dan maklumat. Teknologi juga merujuk kepada elemen penting dalam mencapai daya saing. Oleh itu, menurut Faradillah Iqmar Omar et al. (2022) pembelajaran dan penggunaan teknologi digalakkan dalam pengurusan syarikat PKS yang membantu perkembangan perniagaan ke arah sistem yang lebih efektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, teknologi juga merupakan salah satu faktor utama dalam aktiviti keusahawanan dan merupakan satu elemen yang digunakan secara meluas. Dalam konteks keusahawanan, teknologi merujuk kepada penggunaan sistem, kaedah atau peralatan yang memudahkan pelancaran perniagaan dan penggunaan teknologi adalah berbeza mengikut keperluan. Wagner et al. (2015) mendefinisikan teknologi sebagai satu set alat yang direka untuk memanipulasi dunia semula jadi dan memanjangkan niat manusia. *The International Association for Technology Education* percaya bahawa teknologi, secara amnya, ialah cara manusia mengubah dunia semula jadi agar sesuai dengan tujuan mereka bagi memenuhi kehendak dan cita rasa.

Di samping itu, Romy Abd Kadir (2019) mendefinisikan teknologi sebagai enjin pertumbuhan, dan merujuk kepada aplikasi sains dan pengetahuan untuk tujuan kegunaan manusia atau memenuhi keperluan harian. Keadaan ini merujuk kepada penggunaan kemahiran, alat, dan bahan untuk menyelesaikan masalah bagi mencapai objektif tertentu. Selanjutnya, teknologi juga merujuk kepada proses dan produk yang terhasil daripada pengkajian saintifik dan penyerapan teknologi. Dalam konteks yang lebih luas, teknologi tidak hanya merangkumi perkakasan fizikal atau peranti, tetapi juga perisian, proses, dan sistem yang digunakan untuk mencapai hasil yang diingini (Nurulain Najwa Mohamad Ghazali & Mohd Zarir Yusoff, 2023).

Teknologi dari perspektif perniagaan pula merujuk kepada pembangunan dan penggunaan alatan, mesin, bahan dan proses yang mempengaruhi peningkatan kualiti dan kuantiti keluaran yang dihasilkan (Maulana et al., 2021). Menurut Surti et al. (2022) teknologi sebagai pengetahuan yang berguna yang berhubung dengan kaedah pengeluaran dengan menekankan kepada pembaikan dalam penghasilan produk,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penawaran perkhidmatan, reka bentuk, ‘sophistication’, pemasaran, dan inovasi. Selain itu, teknologi juga dianggap sebagai rangka kerja yang khusus yang dibangunkan melalui kemahiran inovatif (Suhaini Mat Daud & Azlini Awang, 2023).

Teori pembangunan ekonomi Schumpeter (1912) menerangkan bahawa terdapat hubungan langsung antara usahawan dengan penjanaan teknologi. Teknologi menyumbang kepada ciptaan baharu yang mempengaruhi hasil serta pembangunan ekonomi (Muhammad Ammar Shafi & Nur Syazwani Mohtar, 2021). Maka, sekiranya seseorang usahawan mempunyai niat menghasilkan ciptaan baharu, usahawan akan mencari dan melaksanakan teknologi yang menyokong ciptaan baharu. Dalam hal ini, usahawan memainkan peranan penting dalam mencipta ciptaan baharu melalui pelaksanaan teknologi yang sesuai (Janain Burut, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknologi bermaksud satu set proses, prosedur dan pengetahuan yang berbeza yang digunakan oleh orang ramai untuk terus meningkatkan keupayaan mereka untuk memenuhi keperluan dan keinginan mereka. Hal ini cukup luas tetapi memerlukan beberapa penjelasan untuk menunjukkan proses, pengetahuan dan keperluan. Funk (1999), memberikan lima definisi yang berbeza teknologi untuk menggambarkan perspektif yang berbeza. Pertama, teknologi ialah proses rasional untuk mencipta cara memesan dan mengubah jirim, tenaga, dan maklumat untuk mencapai beberapa matlamat yang berharga. Kedua, teknologi ialah koleksi cara (alat, peralatan, sistem, kaedah, prosedur) yang dicipta oleh proses teknikal.

Ketiga teknologi ialah pengetahuan tentang proses pembuatan sesuatu produk. Hal ini terdiri daripada fakta dan prosedur yang diperlukan untuk rujukan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melibatkan pelaksanaan manipulasi bahan, tenaga dan maklumat, serta menemui satu cara baru untuk melakukan transformasi. Keempat, teknologi ialah subset objek teknikal dan pengetahuan yang berkaitan. Teknologi komputer dan teknologi perubatan adalah contoh teknologi. Akhir sekali, teknologi ialah sistem yang terdiri daripada proses teknikal, objek teknikal, pengetahuan teknikal, pembangun objek teknikal, pengguna objek teknikal, dan pandangan dunia yang timbul daripada dan memacu proses teknikal.

Kajian yang dilakukan oleh Taiwo dan Esther (2021), dengan pemahaman yang sama, dapat disimpulkan bahawa teknologi adalah aplikasi pengetahuan saintifik untuk menyelesaikan masalah operasi harian dalam industri atau rumah tangga. Oleh itu, teknologi boleh disamakan dengan sains gunaan atau pengetahuan saintifik dengan tujuan dan alat interaktif, seperti kepakaran teknikal, peraturan, dasar dan prosedur, strategi, perkakasan dan perisian. Ia juga boleh dilihat sebagai aplikasi ilmu dalam kehidupan manusia. Tujuan sains dan teknologi adalah untuk meningkatkan kualiti hidup manusia secara berterusan.

Oleh itu, dalam konteks kajian ini, teknologi merujuk kepada penggunaan aplikasi sosial, e-mel, laman web, perisian *Microsoft office*, perisian grafik, perisian reka bentuk, jentera, perkakasan teknologi dan sistem penjualan dan pembelian atas talian yang diguna pakai oleh teknousahawan wanita PKS dalam penghasilkan produk, menawarkan perkhidmatan, mereka bentuk produk, pembungkusan, promosi dan pemasaran. Oleh itu, teknologi dilihat sebagai alat yang membolehkan aktiviti teknokeusahawanan dijalankan dengan berkesan untuk mencapai kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Teknokeusahawanan dan Keusahawanan

Teknokeusahawanan ialah gabungan perkataan teknologi dan keusahawanan. Makna teknologi sebenarnya berasal dari Bahasa Perancis ialah *La Teknique* yang boleh ditafsirkan sebagai semua proses yang dijalankan dalam usaha merealisasikan sesuatu secara rasional. Dalam konteks ini teknologi menjadi satu sistem atau struktur dalam kewujudan manusia di dunia. Teknologi bukan lagi sekadar sesuatu yang hasil daripada kreativiti, tetapi merujuk kepada kuasa yang membentuk dan mewujudkan satu lagi komuniti manusia (Yuliana, 2021).

Menurut Romy Abd Kadir (2019) menyatakan bahawa teknokeusahawanan merupakan satu proses dan pembentukan perniagaan baharu yang melibatkan teknologi sebagai asasnya, dengan harapan penciptaan strategi dan inovasi yang sesuai. Di samping itu, teknologi diletakkan sebagai faktor pembangunan ekonomi negara. Menurut Taiwo & Esther (2021) teknokeusahawanan ialah gabungan dua perkataan iaitu teknologi dan keusahawanan yang merujuk kepada cara atau proses menggunakan teknologi yang sedang berkembang pesat untuk mengubahnya menjadi peluang yang menyokong pertumbuhan perniagaan. Tambahan pula menurut Salpiah Suradi et al. (2017), teknokeusahawanan merujuk keusahawanan yang bersandarkan teknologi, sama ada dalam pengurusan, proses mahupun pengeluaran produk.

Menurut Suhaila Nadzri, Salmy Edawaty Yaacob dan Siti Syuhada Abd Rahman (2020) keusahawanan merujuk kepada proses penubuhan dan menjalankan perniagaan. Manakala Solahuddin Abdul Hamid, Mohd Sobhi Ishak & Hydzulkifli Hashim (2017) pula menyatakan bahawa keusahawanan ialah ciri-ciri keusahawanan yang dibentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan diasah dalam diri individu. Ciri-ciri keusahawanan itu boleh ditunjukkan di dalam dan luar organisasi perniagaan yang bukan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Keusahawanan berasal daripada perkataan usahawan yang merujuk kepada seseorang atau individu yang mencipta perniagaan dengan berani menanggungnya risiko dan ketidakpastian untuk mencapai keuntungan. Pada masa yang sama, keusahawanan juga merupakan satu proses yang menitik beratkan pertumbuhan dengan mengenal pasti peluang-peluang sedia ada atau baharu.

Keusahawanan seperti yang ditakrifkan oleh Yahya Ibrahim (2014) adalah proses mencari cara atau kaedah baharu untuk menggabungkan faktor-faktor pengeluaran seperti modal, modal insan, dan bahan mentah. Menurut Rohayu Zainon et al. (2021) pula, keusahawanan merujuk kepada penghasilan produk baharu atau penawaran perkhidmatan baharu yang memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan dan pasaran. Manakala, Nurul Yasmin Nazri & Nazri Halim (2021) mendefinisikan keusahawanan sebagai proses di mana peluang untuk menghasilkan barangan masa depan dan perkhidmatan yang ditemui dapat memenuhi kepuasan pelanggan. Selanjutnya keusahawanan ini bukan sekadar satu proses yang merujuk kepada pengasasan perniagaan baharu tetapi merupakan satu proses penciptaan nilai dan pengagihan sumber tanpa pembaziran (Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof & Zurinah Tahir, 2021).

Jadi, dapat disimpulkan bahawa teknokeusahawan adalah satu proses pembentukan dan kolaborasi antara bidang perniagaan dan penerapan teknologi sebagai instrumen sokongan dan sebagai asas perniagaan itu sendiri, dalam proses, sistem dan pihak berkepentingan. Manakala keusahawanan adalah mengenai pemikiran kreatif,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses mencipta dan membuat pembaharuan. Keusahawanan melalui penerapan teknologi melahirkan teknousahawan yang lengkap serta berani menghadapi risiko perubahan semasa.

2.3.4 Perbezaan antara Teknousahawan dengan Usahawan

Walaupun usahawan dan teknousahawan berkait rapat dengan dunia perniagaan dan keusahawanan tetapi terdapat sedikit perbezaan dari segi konsep. Perkataan usahawan atau *entrepreneur* dapat diertikan sebagai orang yang berani mengambil risiko dalam perniagaan. Sementara, teknousahawan pula dilahir melalui kepakaran, kemahiran, pendidikan dan latihan yang diperoleh. Teknologi adalah elemen utama yang digunakan untuk membangunkan produk yang berjaya. Individu dikenali sebagai teknousahawan apabila mereka menguasai inovasi dan kreativiti dengan kompeten serta menghasilkan produk yang berkualiti tinggi.

Kajian yang dilalukan oleh Yaacob Zulnaidi (2023) telah menyenaraikan beberapa perbezaan antara usahawan dengan teknousahawan. Atribut tahap inovasi dan kreativiti, model perniagaan, pengunaan teknologi, pengambilan risiko serta pendekataan kepada pasaran dijadikan dimensi utama dalam membincangkan perbezaan antara usahawan dengan teknousahawan.

Tahap kreativiti dan inovasi adalah asas kepada pertumbuhan sesuatu perniagaan. Usahawan melakukan kreativiti dan inovasi dalam perniagaan tetapi elemen ini tidak diberi keutamaan serta tahap kreativiti dan inovasi yang dilalukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berada dalam tahap yang rendah. Malah teknousahawan sentiasa berusaha meghasilkan penemuan baharu dengan menggunakan teknologi yang efektif. Tahap kreativiti dan inovasi adalah tinggi dalam kalangan teknousahawan. Kajian yang dilakukan oleh Janain Burut (2018), menekankan bahawa pemikiran inovatif menjadi prasyarat kepada pembangunan teknousahawan Bumiputera PKS dan pemikiran inovatif yang tinggi mempengaruhi prestasi serta membezakan diri mereka dengan usahawan.

Selain itu, usahawan merancang dan mempunyai model perniagaan traditional yang hanya tertumpu kepada aktiviti seperti jualan langsung, perkhidmatan bersemuka atau pengeluaran produk fizikal. Berbeza dengan usahawan, teknousahawan cenderung mempunyai model perniagaan yang berasaskan kepada platform digital, layanan atau langganan atas talian. Seterusnya, dari segi penggunaan teknologi usahawan menggunakan teknologi semata-mata untuk tujuan operasi perniagaan dan mereka tidak terlibat dalam pembangunan teknologi. Hal ini disokong oleh hasil kajian Sofiah Mohamad (2020) yang menyatakan bahawa majoriti usahawan menggunakan komputer dan Internet untuk urusan biasa dan bukannya untuk tujuan pembangunan. Manakala bagi teknousahawan pula teknologi adalah asas kepada perniagaan dan terlibat dalam pembangunan, penambahbaikan dan penciptaan produk baharu melalui penyerapan teknologi.

Di samping itu, usahawan mengambil risiko yang rendah dan tidak berani menanggung risiko yang tinggi. Mereka lebih cenderung terlibat dalam perniagaan yang memrlukan modal yang rendah atau berisiko rendah. Teknousahawan suka mengambil risiko yang tinggi dan terlibat dalam perniagaan yang memerlukan modal yang besar. Pendekatan usahawan untuk mencapai pasaran adalah lebih bersifat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tradisional manakala teknousahawan menggunakan pendekatan yang bersifat digital, berteknologi tinggi serta penggunaan media sosial untuk mencapai pasaran mereka. Jadual 2.1 menunjukkan ringkasan perbezaan antara usahawan dan teknousahawan.

Jadual 2.1

Ringkasan Perbezaan Antara Teknousahawan dengan Usahawan

Dimensi	**Usahawan**	**Teknousahawan**
Tahap inovasi dan kreativiti	• rendah	• sangat tinggi
Model perniagaan	• model perniagaan traditional yang hanya tertumpu kepada aktiviti perniagaan.	• model perniagaan yang berasaskan teknologi
Pengunaan teknologi	• teknologi digunakan untuk operasi perniagaan dan tidak terlibat dalam pembangunan teknologi.	• penggunaan teknologi canggih dan terlibat dalam pembangunan teknologi
Pengambilan risiko	• rendah	• tinggi
Pendekatan pasaran	• pendekatan pasaran adalah bersifat tradisional dan tidak mencari peluang-peluang baharu dalam pasaran	• pendekatan pasaran bersifat teknologi dan suka mencari peluang-peluang baharu.

Note: Diadaptasi dan diubahsuai daripada buku " *Technopreneurship*", Azahari Jamaludin et al.(2018; p.2-4)

2.3.5 Perkembangan Teknokeusahawanan di Malaysia

Penggunaan istilah 'teknousahawan' di Malaysia bermula seiring dengan pelancaran Koridor Raya Multimedia (MSC) pada Ogos 1996. Menurut Azahari Jamaludin et al.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2013), teknousahawan di Malaysia kebiasaannya merujuk kepada usahawan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan PKS multimedia, ICT peringkat permulaan dan syarikat multimedia.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah memutuskan untuk meningkatkan pertumbuhan PKS dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi melalui pelbagai program bantuan. Selain itu, kerajaan telah meletakkan peluang yang sama kepada usahawan berasaskan teknologi dan PKS ICT untuk menyertai pasaran ICT tempatan dalam mengembangkan ekonomi. Selain itu, kerajaan menyokong aktiviti keusahawanan di seluruh negara dengan mengadakan pelbagai program pertanian, seperti sebagai program inkubator dan program komunikasi untuk usahawan teknologi berkembang (Salpiah Suradi et al., 2017). Malaysia mempunyai Pelan Strategik MARA (2011-2015) yang menetapkan sasaran untuk melatih 40,000 usahawan baharu pada tahun 2015. Dasar kerajaan yang menjadi asas kepada pelaksanaan program teknousahawan sebagai komponen MARA adalah seperti Pelan Induk Perindustrian Negara, Dasar Sains dan Teknologi Negara, Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, Bidang Ekonomi Utama Negara dan Rancangan Transformasi Ekonomi (Salpiah Suradai et al., 2017).

Teknousahawan di Malaysia menggunakan teknologi sebagai faktor yang mempengaruhi mereka untuk mengubah sumber kepada barangan dan perkhidmatan, mencipta persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan industri, dan merupakan satu proses yang menggabungkan kehebatan teknologi, bakat keusahawanan, serta kemahiran (Azahari Jamaluddin et al., 2013). Di Malaysia, beberapa bidang teknokeusahawanan yang sedang berkembang pesat termasuk bioteknologi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

agroteknologi, ICT, automotif, dan aeroangkasa. Walaupun begitu, kebanyakan teknousahawan turut terlibat dalam sektor perkilangan seperti pengeluaran produk makanan dan pakaian, serta dalam bidang kejuruteraan seperti elektrik dan mekanikal. Malaysia juga mempunyai teknousahawan lelaki dan wanita yang berjaya dan telah memperluaskan perniagaan mereka ke peringkat global.

Menurut Sathesh Raj (2015), Zulkifli Harun adalah salah seorang peneraju dalam bidang teknousahawanan selepas menubuhkan syarikat *Zull Design Autotronic* (ZDA) dan menghasilkan produk di bawah jenama ZDA. Syarikat beliau mengeluarkan produk berdasarkan permintaan dan spesifikasi pelanggan (*customize*) yang berteraskan teknologi robotik dan automasi, seperti mesin pembuat kuih untuk kegunaan PKS, dan kerusi roda automatik. Selanjutnya, Mark Chang juga seorang teknousahawan Malaysia, telah melancarkan syarikat pencarian pekerjaan dalam talian yang dikenali sebagai *Jobstreet* dan menjadi syarikat pencarian pekerjaan dalam talian terbesar di Asia Tenggara (Janain Burut, 2018).

Seterusnya, Tengku Farith Rithaudden merupakan bekas pegawai bank yang memperoleh idea untuk membantu kerajaan mengurangkan kos dan meningkatkan perkhidmatan melalui aplikasi *e-government.* Idea ini kemudiannya diperluaskan kepada e-perniagaan. Beliau juga berjaya melancarkan satu laman web berdasarkan teknologi pencarian *Alta Vista* yang pada suatu ketika dahulu merupakan laman yang paling popular di dunia sebelum kemunculan *Yahoo!* dan *Google* (Janain Burut, 2018).

Richard Tan merupakan pengasas syarikat Interbase Resources Sdn. Bhd pada tahun 1999 dengan perniagaan portal lelongan online terbesar, iaitu lelong.my, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pusat e-dagang harga tetap dalam talian, iaitu *SuperBuy.my* (Ferraz & Fernandez, 2019). Seorang teknousahawan muda, Ganesh Kumar Bangah, juga mendapat idea untuk membangunkan sistem pembayaran secara *online* (atas talian) *money online* (MOL) yang digunakan untuk pembelian dan pembayaran permainan *online* (Techniasia, 2013). Tony Fernandes, yang terkenal dengan slogan "*now everyone can fly*," merupakan seorang lagi teknousahawan yang terkenal dalam bidang perkhidmatan penerbangan (Fitriyana et al., 2022). Penerbangan tambang murah adalah sinonim dengan Tony.

Selain teknousahawan lelaki, terdapat juga beberapa teknousahawan wanita yang terkenal di Malaysia. Tudung jenama Naelofa Hijab yang dimiliki oleh pelakon dan pengacara terkenal, Neelofa sememangnya mendapat sambutan hangat sejak berada di pasaran. Koleksi selendang dari Syarikat Naelofar Hijab menjual produknya secara dalam talian dan dieksport ke lebih 30 buah negara termasuk Brunei, Australia, United Kingdom, Belanda, dan Amerika Syarikat yang menjadikan Naelofar Hijab sebagai jenama global (Nur Fazliana Suhaili Mohamad Rudin, 2021). Sampa Kundu dan Arpita Singh (2023) menyatakan bahawa Tan Hooi Ling merupakan Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Operasi Grab Holdings Inc. Syarikat Grab ini pada awalnya bermula sebagai penyedia perkhidmatan teksi, dan berkembang menawarkan perkhidmatan penghantaran makanan dengan memperkenalkan perkhidmatan pembayaran digital.

Seterusnya, Datin Vivy Yusof terkenal yang dalam dunia *fesyen* pula tersenarai dalam *The Forbes 30 under 30 Asia* pada tahun 2017 bagi kategori *Retail & E-commerce* menawarkan pelbagai produk di bawah platform FashionValet (Carla, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penghasilan produk dan perkhidmatan baharu yang berasaskan teknologi menyumbang kepada rakyat Malaysia seperti, menyediakan kemudahan beli belah, membantu meningkatkan produktiviti dalam kalangan PKS, menyediakan peluang pekerjaan, memenuhi keperluan pelanggan dan juga memudahkan urusan perkhidmatan kerajaan (Janain Burut, 2018). Sistem perniagaan yang digunakan oleh teknousahawan tempatan menjadi contoh dan rujukan kepada usahawan tempatan yang lain bagi mentrasformasikan perniagaan mereka berasaskan teknologi.

Oleh hal yang demikian, bagi negara yang sedang menuju ke arah ekonomi digital menjelang tahun 2030 dan ke arah negara berpendapatan tinggi, kepentingan teknokeusahawanan tidak dapat disangkal lagi kerana ini akan menjadi pemangkin yang utama. Teknokeusahawanan merupakan sumber utama kemajuan ekonomi dan sosial dengan kewujudan peluang pekerjaan baharu, menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, menjana kekayaan kepada pemiliknya, seterusnya meningkatkan pendapatan negara. Kerajaan Malaysia telah melancarkan program pembangunan teknousahawan yang memberi penekanan pada pembangunan budaya, pewujudan persekitaran yang sesuai, program latihan teknousahawan dan program sokongan teknousahawan.

Selain itu, menurut Sahadah Haji Abdullah et al.(2016) antara program dan aktiviti keusahawanan berasaskan teknologi yang dijalankan oleh kementerian, organisasi dan agensi swasta ialah Program Pelaburan Cradle (CIP) oleh MAVCAP, *Technopreneur Development Flagship* (TDF) oleh MSC, *Start Your Own Business* (SYOB) oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), dan program PHASER oleh MECD. Program Pelaburan Cradle (CIP) telah dilancarkan pada Mei 2003 oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kementerian Kewangan, dan diuruskan oleh MAVCAP dengan tujuan merangsang pertumbuhan usahawan teknologi dan penjanaan idea untuk masyarakat yang inovatif dan berpengetahuan.

MAVCAP melantik Persatuan Usahawan Tekno Malaysia (TeAM) sebagai Rakan Komuniti rasminya untuk CIP bagi menerajui pelaburan benih, memupuk pembangunan keusahawanan, mencipta kumpulan idea berorientasikan teknologi, dan menjana peluang baharu mengenai Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Secara khusus, program CIP menyediakan pembiayaan pra-benih dan sokongan keusahawanan untuk menjana idea dan inovasi baharu daripada individu, pengkajian dan institusi pengajian tinggi; mewujudkan pekerjaan melalui pembangunan usaha; dan mengkomersialkan produk (Sahadah Haji Abdullah et al., 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PHASER merupakan program anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Program PHASER bertujuan untuk membangunkan sekumpulan usahawan Bumiputera yang berdaya tahan dan berdaya saing sama ada di pasaran tempatan mahupun antarabangsa. Kaedah yang digunakan adalah berpusatkan usahawan, di mana usahawan yang berpengalaman akan membimbing calon usahawan baharu. Penekanan adalah kepada usahawan kepada usahawan pembelajaran melalui pengalaman. Dalam program ini, teknousahawan dianggap sebagai individu yang membangunkan produk, perkhidmatan atau proses baharu untuk memenuhi keperluan pasaran semasa dan kemudian meningkatkannya melalui penggunaan teknologi.

Seterusnya, Sahadah Haji Abdullah et al. (2016) juga menyatakan bahawa Mulakan Perniagaan Anda Sendiri (SYOB) ialah program lima hari yang dianjurkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia untuk membantu graduan daripada disiplin ICT untuk menjadi teknousahawan. Program ini dijalankan dalam bentuk bengkel yang terdiri daripada enam modul. Modul-modul adalah keseimbangan antara pengetahuan teknologi dan perniagaan. Setelah selesai bengkel, peserta yang layak menghadiri program penting lain yang berkaitan yang boleh menyediakan mereka dengan lebih baik untuk memulakan perniagaan. Secara tidak langsung, program SYOB telah membolehkan para peserta mencipta peluang pekerjaan sendiri. Sesungguhnya, program SYOB adalah selaras dengan pemacu negara ke arah wawasan 2020, iaitu penubuhan industri ICT yang bertenaga di Malaysia.

Selain itu, menurut Salpiah Suradi et al. (2017) terdapat beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia yang telah memulakan program dan kursus keusahawanan berasaskan teknologi. Sebagai contoh, MARA menjalinkan kerjasama dengan dua universiti awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk menawarkan program keusahawanan berasaskan teknologi di peringkat pasca siswazah, Sarjana Sains dalam Keusahawanan Teknologi. Universiti Kuala Lumpur (UniKL) juga menjalankan kursus keusahawanan berasaskan teknologi yang relevan tetapi di peringkat diploma dan ijazah di pelbagai kampus cawangannya untuk membangunkan mentaliti dan sikap *'technopreneurial'* dalam kalangan belia. Universiti Multimedia (MMU) telah menjalankan sejenis program keusahawanan teknologi yang berbeza iaitu pertandingan rancangan perniagaan secara tahunan bagi menggalakkan penyertaan pelajar dan orang ramai dalam aktiviti keusahawanan teknologi (Janain Burut, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Malaysia juga terdapat agensi-agensi kerajaan yang menganjurkan program pembangunan dan pembentukan teknousahawan (Azahari Jamaludin et al., 2018). Jadual 2.2 menunjukkan antara program pembangunan yang dianjurkan oleh beberapa agensi kerajaan di Malaysia. MARA menganjurkan program-program seperti Program Usahawan Teknikal (PUTEK), Inkubator Teknologi Perkilangan Bumiputera (Intep), Pusat Teknologi Industri Perabot (Fitec) dan Teknousahawan bagi menggalakkan para pelajar memilih teknousahawan sebagai kerjaya mereka. Selain MARA, Universiti Kuala Lumpur juga menganjurkan *Teknoputra Grooming Big Programme* bagi mewujudkan kesedaran tentang kepentingan teknousahawan sebagai kerjaya. Jadual 2.2 menunjukkan antara agensi kerajaan yang terlibat dalam pembentukan dan pembangunan teknousahawan di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2

Agensi Kerajaan yang Terlibat dalam Pembentukan dan Pembangunan Teknousahawan di Malaysia.

Agensi	**Program**
MARA	• Program Usahawan Teknikal (PUTEK) • Inkubator Teknologi Perkilangan Bumiputera (Intep) • Pusat Teknologi Industri Perabot (Fitec) • Teknousahawan
Universiti Kuala Lumpur	• *Teknoputra Grooming Big Programme*
Kementerian Sains dan Teknologi Hijau (MOSTI)	• Dana pengkajian (R&D) kepada teknousahawan

Note: Diadaptasi dan diubahsuai daripada buku "*Technopreneurship*", oleh Azahari Jamaludin et al.(2018; p.18)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain program pembentukan dan pembangunan teknousahawan, kerajaan juga telah membina pusat inkubator yang kebanyakkannya tertumpu di negeri Selangor dan Kuala Lumpur (Azahari Jamaludin et al., 2018). Pusat inkubator memainkan peranan dan sangat mempengaruhi kemajuan teknousahawan dalam semua bidang yang diceburinya. Jadual 2.3 menunjukkan pusat inkubator teknousahawan yang terdapat di Malaysia.

Jadual 2.3

Pusat Inkubator Teknousahawan di Malaysia

Pusat Inkubator	**Bidang/ Teknologi**	**Lokasi**
MSC Malaysia Technology Commercialisation Centre	ICT/ Multimedia	Cyberjaya, Selangor
BT Multimedia (Malaysia) Sdn. Bhd	ICT/ Multimedia	Cyberjaya, Selangor
N2N Venture Solution Sdn. Bhd	ICT/ Multimedia	Kuala Lumpur
YTL E- Solutions Sdn. Bhd	ICT/ Multimedia	Kuala Lumpur
Ispring Capital Sdn. Bhd	ICT/ Multimedia	Petaling Jaya, Selangor
BioEnterprise Asia Sdn. Bhd	Bio- Technology/ Life Sciences	Kuala Lumpur
SIRIM Technology Incubator	Biotechnology/ electrical & electronic, ICT	Sepang, Selangor
SKALI E-Ventures Sdn. Bhd	ICT/ Biotechnology/ e-business, Virtual based incubator	Serdang, Selangor
Bureau of Innovation & Consultancy (BIP)	ICT/ Advanced Manufacturing	Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Note: Diadaptasi dan diubahsuai daripada buku " *Technopreneurship*", oleh Azahari Jamaludin et al.(2018; p.13)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Inkubator adalah pusat yang direka untuk menyokong pembangunan perusahaan. Pusat inkubator sering menawarkan infrastruktur perniagaan fizikal, perkhidmatan sokongan perniagaan dan peluang rangkaian. Tambahan pula, pusat inkubator juga menyediakan bangunan modular dengan kemudahan biasa serta sokongan pengurusan dan perkhidmatan. Selain itu, inkubator juga bertujuan untuk membantu penciptaan produk baharu, menyediakan ruang kerja yang kondusif, khidmat kaunseling, latihan, jaringan untuk kumpulan keusahawanan (Lalkaka, 2002). Kerajaan juga mewujudkan pust-pusat inkubator untuk meningkatkan peluang pertumbuhan dan survival firma-firma baharu. Firma keusahawanan yang berkongsi perkhidmatan pejabat, akses kepada peralatan, pajakan yang fleksibel dan ruang yang boleh diperkembangkan yang ditawarkan oleh pusat inkubator.

Secara kesimpulannya, kerajaan Malaysia telah mengatur pelbagai program dan strategi bagi melahirkan teknousahawan yang bertaraf dunia. Kesedaran dan kesungguhan dalam kalangan teknousahawan sangat penting bagi merealisasikan matlamat dan objektif kerajaan. Oleh itu, kajian berkaitan kejayaan wanita sebagai teknousahawan dalam bidang teknokeusahawanan harus diberi perhatian yang sewajar bagi mencapai matlamat kerajaan. Maka, menyedari kepentingan dan keperluan serta bagi mengisi jurang, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor kejayaan wanita sebagai seorang teknousahawan PKS di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.6 Kajian Lepas Teknousahawan di Dalam Negara

Terdapat kajian-kajian lepas mengenai pembangunan, cabaran, faktor kejayaan serta kegagalan, langkah-langkah memperkasakan teknousahawan di Malaysia. Antaranya, kajian yang dilakukan oleh Janain Burut (2018) mengenal pasti pemikiran inovatif, ciri-ciri keusahawanan dan kompetensi teknousahawan Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera lepasan pusat latihan kemahiran. Kajian ini berbentuk kajian kes dan data dikumpul menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Seramai tiga puluh dua teknousahawan Bumiputera yang berjaya di Semenanjung Malaysia telah menyertai kajian. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa pemikiran inovatif, ciri-ciri keusahawanan serta kompetensi teknousahawan mempengaruhi kejayaan teknousahawan Bumiputera. Selain elemen utama, kajian ini juga membentuk satu kerangka baharu pembangunan pemikiran inovatif untuk teknousahawan Bumiputera. Kerangka baharu tersebut telah menghasilan elemen-elemen baharu yang menyokong kejayaan seperti daya tahan, spirituality, kemahiran teknikal, dan sokongan keluarga.

Kajian yang dilakukan oleh Salpiah Suradi, Rihizan M,Yasin & Muhamad Sattar Rasul (2017) menghuraikan peranan dan cabaran yang dihadapi oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) Malaysia dalam usaha melahirkan ramai teknousahawan. MARA yang merupakan salah satu badan berkanun memainkan peranan dalam mendidik dan membangun teknousahawan di Malaysia melalui pelbagai program dan latihan yang berkesan. Selain itu, MARA juga bertanggungjawab melaksanakan transformasi pendidikan dalam Teknik dan vokasional selaras dengan ekonomi baharu. Kajian ini juga mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan agensi MARA. Dapatan kajian menunjukkan pelan strategi yang dilaksanakan oleh MARA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti penubuhan pusat inkubator, program teknousahawan, inovasi dan pengkajian, dan kerjasama dari alumni menyokong permintaan teknousahawan di Malaysia.

Mohd Abdullah Jusoh & Hazianti Abdul Halim (2016) membincangan sumbangan pembangunan teknousahawan kepada ekonomi negara. Struktur dan strategi baharu dirancang untuk membantu pertumbuhan teknousahawan PKS. Hal ini memberi peluang kepada teknousahawan PKS berkembang serta menawarkan produk yang berinovatif tinggi di pasaran. *Flagship Application* bertujuan untuk melahirkan teknousahawan PKS yang celik dalam penggunaan teknologi dan komunikasi serta menjadi satu pusat pengumpulan teknousahawan di seluruh Malaysia. Melalui langkah ini, ramai teknousahawan PKS menggunakan teknolgi dalam mencipta dan melakukan penambahbaikan produk, perkhidmatan serta proses pengeluaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknousahawan memainkan peranan penting dalam mencipta dan mempromosikan barangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) baharu dan perkhidmatan ke pasaran tempatan dan luar negara. Walau bagaimanapun, terdapat teknousahawan gagal menguruskan perniagaan mereka sama ada pada permulaan atau semasa tempoh matang. Ini disebabkan oleh faktor dalaman atau luaran yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan. Dalam kajian ini, meta-analisis digunakan untuk mencari, memilih, menilai dan menggabungkan maklumat yang berkaitan dengan faktor-faktor yang menyokong teknousahawan dan kajian ini memberi penerangan tentang faktor, isu dan cabaran yang berkaitan dengan persekitaran teknousahawan. Hasil kajian ini menghuraikan bahawa persekitaran teknousahawan meningkatkan keupayaan untuk memulakan dan menguruskan perniagaan (Montadzah Ambag Abdulgani, 2017)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dilakukan oleh Jalil Siti ‘Afiat et al. (2023), merupakan satu kajian yang berkaitan dengan industri pelancongan Mah Meri ke arah teknousahawan di Malaysia. Kajian yang berbentuk kualitatif ini melakukan temu bual bersama orang asli iaitu orang Mah Meri yang berkecimpung dalam industri pelancongan. Selain itu, data pula dikumpul melalui pemerhatian dan dokumen daripada JAKOA, KPWKM, Kraftangan Malaysia dan lain-lain. Data dikumpul membantu meneroka sumber manusia dalam industri pelancongan. Hasil kajian ini membantu memperkasakan wanita orang asli ke arah teknousahawan serta melahirkan komuniti berkemahiran. Di samping itu, hasil kajian ini juga mempengaruhi pengurusan sumber manusia untuk mencapai matlamat yang sama ke arah melahirkan teknousahawan yang bertaraf dunia.

Selain dari pada itu, kajian yang dilakukan oleh Anim Zalina Azizan, Nurul Atiqah Mohd Fatmi Shah & Nor Kamariah Kamaruddin (2021) memfokuskan kepada pembangunan dan kesedaran bakal teknousahawan ke arah kemajuan negara. Kajiannya membuktikan bahawa terdapat empat perkara yang perlu diberi penekanan iaitu pembangunan budaya, persekitaran yang kondusif, program latihan teknousahawan dan program sokongan teknousahawan. Di samping itu, menurut Azahari Jamaludin et al. (2018) pembangunan teknousahawan di Malaysia dipengaruhi oleh faktor pembinaan pusat inkubator, peranan institusi pendidikan, polisi dan dasar kerajaan serta pusat pengkajian.

Musa et al. (2017) menerangkan bahawa teknokeusahawanan adalah salah satu perniagaan yang dianggap penting dalam membuat kelebihan dalam perusahaan yang berbeza. Tujuan utama kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti hubungan antara faktor promosi, tempat, harga, produk dan rangkaian serta kerjasama dengan kejayaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknousahawan kraf. Seramai 50 orang usahawan dari pelbagai kawasan di Melaka mengambil bahagian dalam tinjauan tersebut dan dapatan menunjukkan faktor produk sangat mempengaruhi kejayaan teknousahawan kraf teknousahawan.

Kesimpulannya, kajian lepas berkaitan teknousahawan tertumpu kepada pembangunan, cabaran, serta kepentingan teknousahawan kepada pertumbuhan ekonomi. Kajian yang melibatkan wanita dalam konteks teknokeusahawanan kurang dijalankan. Oleh itu, kajian ini memilih, mengkaji dan mengenal pasti faktor kejayaan teknousahawan wanita yang terlibat dalam perniagaan PKS di Malaysia.

2.3.7 Perkembangan Teknokeusahawanan di Luar Negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di luar negara Teknousahawanan dikenali dengan pelbagai istilah dan konsep. Menurut Ali Abdulhassan Abbas (2018), di Amerika Syarikat, teknousahawan dikenali sebagai keusahawanan teknologi tinggi (*high technology entrepreneurship*); di Eropah, teknokeusahawanan diistilahkan sebagai keusahawanan yang didorong oleh teknologi (*technology-driven entrepreneurship*); di Romania istilah yang digunakan untuk teknousahawan ialah keusahawanan teknologi (*technology entrepreneurship*); dan di Sweden, teknousahawan dikenali dengan istilah keusahawanan berasaskan teknologi.

Kemajuan teknousahawanan di negara-negara maju memberikan impak yang signifikan kepada kemajuan dan perkembangan teknologi. Menurut Parul Shrivastava (2018), kemajuan beberapa negara bergantung kepada kejayaan penggunaan teknologi baharu, dan ini disebabkan oleh peranan teknousahawan dalam memperkenal serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperkembangkan inovasi teknologi tersebut. Penggunaan teknologi dalam bidang keusahawanan telah melahirkan beberapa teknousahawanan dunia yang terkenal seperti Elon Musk, Jeff Bezos, Bill Gates dan Mark Zuckerberg di peringkat global (*Forbes*, 2022). Jadual 2.4 menunjukkan senarai teknousahawan yang terkaya di dunia.

Jadual 2.4

Senarai Teknousahawan Terkaya di Dunia

Nama	**Nilai Kekayaan (RM' billion)**	**Produk**	**Industri**
Elon Musk	932 B	Tesla, SpaceX	Teknologi
Jeff Bezos	562 B	Amazon	Teknologi
Bill Gates	503 B	Microsoft	Teknologi
Larry Page	435 B	Google	Teknologi
Sergey Brin	417 B	Google	Teknologi
Larry Ellison	387 B	Software	Teknologi
Mark Zuckerberg	271 B	Facebook	Teknologi

Note: Diadaptasi daripada majalah *Forbes*, 2022, https://www.forbes.com/billionaires/

Menurut Bosanquet (2023) Elon Musk adalah teknousahawan yang berjaya mengasaskan pelbagai syarikat gergasi seperti *Tesla, SolarCity, SpaceX*, *PayPal*, dan pengembangan teknologi *Hyperloop*. Beliau sebagai seorang pengusaha, jurutera dan pemimpin telah mencapai banyak kejayaan dalam perniagaan berasaskan teknologi. *SpaceX* adalah salah satu kejayaan yang terbesar dalam pembangunan dan penjelajahan angkasa termasuk pembangunan keluarga roket *Falcon* dan *Starship* serta kapal angsa *Dragon*. Selain itu, Tesla menjadi peneraju dalam penghasilan kereta elektrik yang berinovatif tinggi dengan menggunakan teknologi automatif yang canggih. *PayPal*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan satu platform pembayaran *online* yang terkenal di dunia dan sistem yang berasaskan teknologi ini telah membawa keuntungan yang besar kepada Elon Musk. Pengumuman yang terkini yang dibuat oleh Elon Musk berkaitan misi ke Mars telah menarik perhatian ramai orang dan merancang untuk membangunkan kapal terbang elektrik yang akan menjadi supersonik dan membantu menjajah Mars.

Seterusnya, Jeff Bezos juga seorang usahawan dalam sektor teknologi yang telah mengubah cara orang Amerika dan dunia membeli-belah. Pemuda yang nama sebenarnya Jeffrey Preston atau dikenali sebagai Jeff Bezos itu dilahirkan pada 12 Januari 1964. Jeff Bezos ialah seorang usahawan dan pelabur Amerika. Jeff Bezos dikenali sebagai usahawan dalam sektor teknologi terutamanya kedai dalam talian atau e-dagang (Clinten, 2020). Jeff Bezos Ketua Pegawai Eksekutif empayar dalam talian Amazon merupakan teknousahawan yang telah berjaya mengukir namanya dalam dunia e-dagang. Jeff mempunyai gaya kepimpinan berwawasan dan demokratik telah membawa kejayaan syarikat (Solanki, 2019).

Seterusnya, Bill Gates merupakan seorang teknousahawan yang terlibat dalam bidang komputer khususnya dalam bidang pengoperasian perisian komputer (*software*). Microsoft adalah syarikat terbesar sebagai pembuat perisian di dunia dan juga syarikat paling berharga di dunia. Pada tahun 2012, Microsoft telah menguasai pasaran sistem pengendalian PC dan pasaran perisian pejabat sehingga hari ini. Pada tahun 2020, *Forbes* mengeluarkan bahawa Bill Gates adalah orang kedua terkaya di dunia dengan kekayaan AS$ 98 bilion (Sebayang, 2020). Syarikat Microsoft milik beliau membangunkan dan memasarkan sistem pengendalian komputer seperti sistem operasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Microsoft Windows, perisian produktiviti *Microsoft Office*, permainan komputer, konsol permainan komputer xbox, dan enjin carian Bing (Romy Abd Kadir, 2019).

Facebook ialah rangkaian sosial terbesar di dunia hari ini. *Facebook* diasaskan oleh Mark Zuckerberg bersama rakan sebilik dan rakan sekelasnya di Universiti Harvard, Amerika Syarikat iaitu Eduardo Savarin, Andrew MacCollum, Dustin Moskovitz dan Chris Hughes. Pengembangan dan pembangunan yang dilakukan oleh Mark Zuckerberg dalam *Facebook* telah mengubah cara berkomunikasi dan berkongsi maklumat antara satu sama lain. Walaupun, Mark Zuckerberg menghadapi pelbagai cabaran dan kritikan dari segi isu keselamatan dan kesan media sosial tetapi kejayaannya menjadikan beliau sebagai seorang teknousahawan yang paling berpengaruh dan terkenal di dunia (Dada, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Amerika Syarikat, pembangunan teknokeusahawanan telah disokong oleh projek *spin-off* (Janain Burut, 2018). Amerika Syarikat merupakan sebuah negara yang memainkan peranan penting dalam sejarah teknokeusahawanan dunia. *Silicon Valley* ialah nama panggilan untuk kawasan selatan San Francisco Bay Area, California, Amerika Syarikat. Nama ini dicapai kerana kawasan ini mempunyai banyak syarikat yang beroperasi dalam bidang komputer dan semikonduktor. Di sinilah banyak kisah kejayaan tentang teknousahawan bermula. Syarikat yang kini mendiami *Silicon Valley* termasuk *Adobe Systems*, *Apple*, sistem *Cisco*, *Google*, *Yahoo* dan *Intel*. Budaya inovasi dan teknokeusahawanan yang dibangunkan di Silicon Valley bukan sahaja memberi inspirasi kepada golongan muda di Amerika Syarikat, malah di seluruh dunia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kisah kejayaan Silicon Valley adalah hasil daripada projek *spin-off* daripada universiti Amerika dan kerjasama dengan pelabur komersial. Universiti terkemuka di Amerika Syarikat seperti Universiti Harvard, MIT, Universiti Stanford, Universiti Arizona, Universiti California, Universiti Berkeley, Universiti Maryland, Universiti Carolina Utara, dan Universiti Utah telah mewujudkan penggiliran pejabat pemindahan teknologi universiti (Janain Burut, 2018). Pejabat pemindahan teknologi Universiti bertanggungjawab untuk menilai ciptaan, memasarkan ciptaan kepada bakal pemegang lesen, mematenkan ciptaan kepada pihak yang berminat, dan melesenkan ciptaan.

Kajian menunjukkan bahawa sebanyak enam puluh tujuh peratus rakyat Amerika sentiasa berfikir tentang meninggalkan pekerjaan pejabat, sebanyak tujuh puluh dua peratus mengakui mereka ingin memulakan perniagaan mereka sendiri, dan sebanyak lapan puluh empat peratus percaya mereka akan lebih bersemangat untuk bekerja jika mereka mempunyai perniagaan mereka sendiri (Adeoti, 2019). Menurut Janain Burut (2018) sejarah teknousahawan di Amerika Syarikat menjadi inspirasi dan rujukan kepada masyarakat di seluruh dunia untuk berjaya dalam bidang teknokeusahawanan. Semakin ramai anak muda bercita-cita untuk menjadi usahawan, bukan bekerja untuk orang atau syarikat lain, bertekat bekerja untuk diri sendiri, mengikut minat mereka dengan jadual kerja yang fleksibel.

2.3.8 Kajian Lepas Teknousahawan di Luar Negara

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian lepas mengenai teknousahawan di luar negara. Artee Aggrawal (2019) melakukan kajian untuk memahami cabaran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dihadapi oleh teknousahawan wanita di India. Teknousahawan wanita di India menghadapi cabaran dari segi budaya, kasta, agama dan gender. Metodologi kajian bersifat kualitatif mengumpul maklumat dari Internet serta melakukan temu bual yang melibatkan teknousahawan wanita. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gender tidak lagi menjadi kekangan kepada keusahawanan masa kini khususnya dalam bidang teknologi kerana faktor pendidikan dalam kalangan teknousahawan mempengaruhi kesedaran dan memberi sumbangan besar kepada kejayaan teknousahawan wanita di India. Oleh itu, gabungan teknologi, inovasi dan pendidikan keusahawanan melahirkan teknousahawan yang berjaya.

Penggunaan teknologi canggih adalah sesuai untuk pembangunan perniagaan berdasarkan semangat keusahawanan mantap yang akan mengoptimumkan proses serta hasil unit perniagaan yang dibangunkan. Dalam era persaingan global yang sengit, inovasi perniagaan mesti disertakan dengan pelbagai jenis kejuruteraan teknologi untuk menggandakan prestasi perniagaan. Asep Yudi Permana et al. (2020) telah mengajurkan program khidmat masyarakat dengan tajuk latihan teknousahawan dalam membina semangat keusahawanan di Universiti Pendidikan Indonesia. Tujuan program ini dijalankan untuk melatih dan menilai keupayaan pelajar untuk memulakan dan menjalankan perniagaan berdasarkan empat kriteria penilaian iaitu personaliti, kerjasama, kepimpinan dan kemahiran pemasaran dalam talian. Program ini memilih dan membimbing dua puluh satu pelajar untuk menjadi teknousahawan yang berdikari. Kaedah yang digunakan dalam program ini ialah pembelajaran amali berdasarkan projek perniagaan untuk meningkatkan daya saing. Program ini berjaya menghasilkan enam belas orang teknousahawan yang berjaya dan lima orang yang tidak berjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Chanchai Phonthanukitithaworn, Chavis Ketkaew dan Phaninee Naruetharadhol (2020) bertujuan untuk mengkaji faktor kejayaan seseorang teknousahawan atas talian di Thailand. Seramai seratus lapan puluh perniagaan dalam talian di Bangkok, Thailand dipilih untuk mengenal pasti faktor kejayaan. Keputusan menunjukkan bahawa tiga belas faktor paling relevan yang berkaitan dengan teknousahawan dalam talian ialah orintasi pencapaian, kemudahan, sokongan kerajaan, rangkaian, kecenderungan mengambil risiko, kebolehpercayaan, perkhidmatan selepas jualan, imej jenama, logistik dan pengangkutan, kualiti produk, harga produk, pengiklanan di media sosial dan kakitangan serta pekerja. Semua faktor ini mempengaruhi kejayaan teknousahawan atas talian serta mewujudkan ekosistem keusahawanan yang adil.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Di Amerika Syarikat, kejayaan perkembangan teknousahawan dikaitan dengan budaya mengambil risiko, daya saing, dan infrastruktur teknikal yang baik (Jubilo, 2018). Amerika Syarikat menawarkan peluang yang luas kepada usahawan teknologi mereka untuk memulakan syarikat. Selain itu, bagi mengalakkan pembangunan usahawan, terutamanya berasaskan teknologi, inkubator perniagaan bertindak sebagai alat pembangunan ekonomi (Janain Burut, 2018). Kajian yang dijalankan oleh Fowosire (2017) yang membandingkan keusahawanan di Jepun dan *Silicon Valley* di Amerika Syarikat, menunjukkan bahawa usahawan di kedua-dua negara dicirikan oleh empat dimensi yang menjadikan mereka berkembang maju, iaitu motivasi, risiko dan halangan, faktor pertumbuhan, dan infrastruktur.

Seterusnya, India pula dikenali sebagai sebuah negara membangun melaksanakan inovasi teknologi dalam PKS secara menyeluruh. Bengaluru yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan bandar berteknologi tinggi di India melaksanakan projek yang dipanggil projek inovasi (Manasa Gurana, 2022). Projek itu menunjukkan bahawa PKS di India sebahagian besarnya ialah inovator tambahan dan majoriti melaksanakan inovasi dengan usaha dalaman sahaja; manakala minoriti yang mempunyai sokongan luar mempunyai kekuatan teknikal yang lebih baik, lebih terlibat dalam inovasi produk dan proses serta mencapai prestasi ekonomi yang lebih baik.

Selain itu, Bahadur Ali Soomro dan Naimatullah Shah (2021) juga menyatakan bahawa keusahawanan teknologi adalah salah satu cara terbaik yang menjadikan kehidupan lebih mudah dengan teknologi pintar. Oleh itu, teknousahawan harus digalakkan untuk menyelesaikan masalah terbesar India iaitu pengangguran. Teknousahawan menggunakan teknologi dan melakukan inovasi yang membuat perubahan dalam ekonomi. Ciptaan baharu meningkatkan peluang pekerjaan dan ini menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Keusahawanan teknologi adalah teras kepada pembangunan ekonomi. Kajian yang dilakukan oleh Irene (2019) menyatakan bahawa universiti dilihat sebagai saluran kritikal dalam usaha menyampaikan kemahiran teknousahawan kepada pelajar universiti untuk meneroka perhubungan antara perancangan strategik dan kemahiran keusahawanan teknologi kejuruteraan di Afrika. Kajian ini juga berpendapat bahawa perancangan strategik memberi kesan kepada pemindahan kemahiran teknousahawan kepada pelajar.

Seterusnya Yuli Agustina et al. (2020) menjalankan kajian untuk mengkaji perkembangan keusahawanan teknologi dan halangan yang dihadapi oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknousahawan PKS di Malang, Indonesia. Penemuan menunjukkan bahawa, teknousahawan PKS menghadapi halangan dari segi pendidikan keusahawanan, maklumat yang tidak mencukupi berkaitan kemajuan Sains dan Teknologi, serta kemudahan tidak menyokong kemajuan perniagaan PKS. Maka halangan ini dihadapi dengan bantuan kerajaan, strategi, dasar dan program yang sesuai untuk pembangunan perniagaan.

Menurut Yashfeen Qasim dan Zulaikha Mahmood (2021) teknokeusahawanan adalah konsep yang sedang berkembang di Pakistan. Konsep ini semakin penting kerana kadar pengangguran yang tinggi di negara membangun dan tekanan sosio-ekonomi yang semakin meningkat. Pakistan juga sedang berusaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai keusahawanan teknologi di negara itu tetapi masih terdapat beberapa kelemahan yang menghalang pembangunan. Kajian yang dilakukan oleh Yashfeen Qasim & Zulaikha Mahmood (2021) untuk mengenal pasti sebab-sebab perkembangan teknokeusahawanan yang perlahan di Pakistan. Dapatan kajian mendedahkan bahawa kurikulum, sukatan pelajaran, dasar pendidikan dan kaedah pengajaran tidak dinaik taraf yang gagal memainkan peranan positif dalam pembangunan teknousahawan di Pakistan. Selain itu, kepimpinan dan dasar kerajaan yang dilaksanakan tidak berkesan dalam memotivasi dan membimbing orang ramai untuk menjadi teknousahawan yang berjaya. Penemuan juga menunjukkan bahawa masyarakat dan budaya Pakistan tidak begitu kondusif untuk mengalu-alukan orang ramai untuk keluar dari kotak dan memulakan perniagaan mereka sendiri. Ibu bapa tidak mahu anak-anak mereka mengambil risiko dan mengamalkan teknokeusahawanan sebagai bidang kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Machmud, Wuryaningrat & Mutiarasari (2022) menjalankan kajian untuk meneroka hubungan antara inovasi dengan daya saing peniaga kecil dalam penghasilan barang-barang kraftangan di bandar Gorontalo, Indonesia. Keputusan menunjukkan bahawa inovasi produk berasaskan teknologi maklumat, inovasi proses berasaskan IT, dan inovasi organisasi IT memberi kesan positif serta mempengaruhi pertumbuhan daya saing perniagaan. Penggunaan inovasi dalam teknologi maklumat dapat membangunkan daya saing perniagaan dengan kukuh. Daya saing perniagaan perniagaan kecil dalam bidang teknologi tinggi dipengaruhi oleh produk, proses dan inovasi organisasi. PKS dapat mencipta produk, atau segmen produk, dan perkhidmatan yang meningkatkan prestasi produk dengan menggunakan digital moden.

Selanjutnya, PKS mengalami masalah dalam mencipta produk yang berinovatif tinggi bagi memenuhi jangkaan dan cita rasa pengguna. Kajian yang dijalankan oleh Wibawa et al. (2020) ini bertujuan untuk menentukan peranan teknologi dan sumber PKS dalam mencipta produk makanan yang berinovatif. Selain itu, kajian ini juga menerangkan peranan pihak berkepentingan dalam membantu perniagaan kecil dalam mencipta dan memasarkan produk yang inovatif. Hasil kajian menunjukkan bantuan teknikal daripada pengajian tinggi boleh diaplikasikan oleh PKS dalam mencipta pelbagai jenis makanan yang berinovatif, memberi faedah kewangan kepada usahawan kecil serta menyediakan promosi dan jualan produk PKS.

Taiwo & Esther (2021) mengkaji prestasi teknousahawan wanita yang menyumbang kepada ekonomi Nigeria. Kajian ini mencadangkan bahawa kerajaan Nigeria harus menggalakkan wanita dalam aktiviti teknokeusahawanan dan menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk wanita melalui kemudahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

infrastruktur seperti bekalan kuasa, jalan raya yang baik, air dan pembiayaan yang akan meningkatkan penyertaan wanita dalam teknokeusahawanan.

Selain dari pada itu, kajian yang dijalankan oleh Shafi & Gulzar (2021) bertujuan untuk membangunkan pemahaman awal tentang halangan dan cabaran terhadap teknokeusahawanan. Teknousahawan wanita dari pelbagai institusi di India Utara telah dianalisis dan hasil kajian menerangkan bahawa terhadap tiga halangan utama yang diterima adalah halangan peribadi (faktor individu, kemahiran dan keluarga); halangan dari institusi dan halangan dari segi sosiobudaya. Teknousahawan wanita kerap menghadapi halangan peribadi diikuti dengan halangan institusi serta sedikit menghadapi halangan dari segi sosiobudaya.

Secara kesimpulannya, teknousahawan ialah peneraju teknologi dan menjadi peneraju masa depan dengan memiliki teknologi yang unik (Fowosire, 2017). Menurut Janain Burut (2018) teknousahawan menunjukkan kehebatan dengan penghasilan produk-produk yang berinovatif tinggi dengan menguasai teknologi yang canggih. Sumbangan-sumbangan teknousahawan telah mensejahterakan masyarakat sejagat dengan mengubah lanskap perniagaan dari tradisional kepada digital.

2.3.9 Kajian Lepas Mengenai Faktor Kejayaan Teknousahawan

Terdapat beberapa kajian lepas yang menyelidik mengenai faktor-faktor kejayaan teknousahawan. Kajian yang dilakukan oleh Abdul Gani & Mantikayan (2017), mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan. Hasil kajian pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan bahawa terdapat empat faktor yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan iaitu faktor ciri-ciri keusahawanan individu, motivasi, persekitaran, dan sosial. Faktor ciri-ciri keusahawanan individu dan motivasi mempunyai hubungan yang kuat dengan kejayaan teknousahawan.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Salpiah Suradi et al. (2017) telah mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan MARA dalam berubah menjadi agensi yang berkesan dalam menyediakan inisiatif dan program Pembangunan Keusahawanan Tekno. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kejayaan agensi bergantung pada penubuhan Inkubator, Program Teknousaha MARA, Program Usahawan Teknologi (PUTEK), Unit Inovasi dan Pengkajian (UNI), Unit Perhubungan Antarabangsa, Alumni Kerjasama MARA, dan pusat Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Program dan latihan yang bertaraf dunia yang dianjurkan oleh MARA menyumbang kepada kejayaan serta membantu melahirkan teknousahawan yang mempunyai semangat keusahawan yang jitu.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Ali Abdulhassan Abbas (2018) menerangkan globalisasi ekonomi bergantung pada penyerapan teknologi. Penyerapan teknologi membantu teknousahawan mengembangkan kemahiran dan inovasi berterusan. Selain daripada itu, teknousahawan juga sentiasa melakukan pengkajian dan pembangunan dengan bantuan teknologi baharu untuk mengekalkan kedudukan kompetitif globalnya dan membina masyarakat ekonomi berdasarkan pengetahuan teknologi. Faktor penyerapan teknologi, kemahiran serta inovasi mempengaruhi kejayaan teknousahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Janain Burut (2018) mengenal pasti faktor pemikiran inovatif, ciri-ciri keusahawanan dan kompetensi teknousahawan mempengaruhi kejayaan teknousahawan Bumiputera, Malaysia. Kajian yang berbentuk kualitatif dan kuantitatif mencadangan satu kerangka baharu pembangunan pemikiran inovatif yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan. Selain faktor pemikiran inovatif, ciri dan kompetensi teknousahawan, kajian ini juga menyenaraikan faktor-faktor lain seperti ketahanan dalaman, jaringan, penyediaan incubator, spirituality, sokongan keluarga dan kemahiran teknikal yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan Bumiputera PKS.

Faktor dalaman (kemampuan dalaman dan kecekapan sumber) dan faktor luaran (inovasi dan peluang teknologi) mempunyai hubungan signifikan dengan kejayan perniagaan teknousahawan (Oyedele et al., 2019). Secara keseluruhan dapatan kajian Romy Abd Kadir (2019) menunjukkan kompetensi teknousahawan yang menjadi pola adalah dalam aspek tingkah laku, sikap, personaliti, fasa permulan, fasa persediaan, fasa perkembangan, fasa kejayaan, dorongan dalaman, dorongan luaran, kekuatan kerohanian dan kekuatan pengurusan. Pola-pola dapatan kajian ini menghasilkan lima model kompetensi teknousahawan iaitu model pembentukan kompetensi ciri-ciri keusahawanan, model pembentukan kompetensi pengalaman teknousahawan, model pembentukan kompetensi faktor-faktor pendorong teknousahawan, model pembentukan kompetensi kekuatan teknousahawan dan model kompetensi teknousahawan pelajar lepasan pendidikan teknik dan vokasional.

Kajian yang dilakukan oleh Wibawa et al. (2020) bertujuan untuk menentukan peranan sumber teknologi dalam mencipta inovasi produk makanan dalam sektor PKS. Pemikiran innovatif mempengaruhi teknousahawan PKS dalam menghasilkan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memasarkan produk yang inovatif. Seterusnya,kajian ini menerangkan bahawa persaingan global yang sengit dan inovasi perniagaan mesti disertai dengan pelbagai jenis kejuruteraan teknologi untuk berjaya dalam perniagaan PKS. Teknousahawan yang menggunakan teknologi canggih dan terkini dalam proses pengeluaran dan pemasaran dapat mengatasi cabaran dunia. Faktor penggunaan teknologi dan pemikiran inovatif membantu teknousahawan menghasilkan produk yang mampu bersaing di arena dunia keusahawanan (Maulana et al., 2021).

Artee Aggrawal (2019) mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh teknousahawan wanita yang menghalang kejayaan. Cabaran utama yang dihadapi oleh teknousahawan wanita adalah dari segi jantina, keluarga, agama dan kasta. Cabaran ini boleh diatasi dengan mempunyai motivasi kendiri yang tinggi, berani mengambil risiko, ketahanan diri serta sokongan keluarga. Faktor-faktor ini menyebabkan wanita mencapai kejayaan dalam perniagaan serta bersaing dengan kaum lelaki. Jadual 2.5 adalah ringkasan faktor yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan.

Jadual 2.5

Ringkasan Faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Teknousahawan

Penulis/Pengkaji	**Faktor Kejayaan Teknousahawan**
Abdul Gani & Mantikayan (2017)	Ciri-ciri keusahawanan individu, motivasi, persekitaran dan sosial
Salpiah Suradi et al. (2017)	Program dan latihan keusahawanan
Ali Abdulhassan Abbas (2018)	Penyerapan teknologi, inovasi dan kemahiran
Janain Burut (2018)	Pemikiran inovatif, ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulis/Pengkaji	Faktor Kejayaan Teknousahawan
Oyedele et al. (2019)	Kemampuan dalaman, kecekapan sumber, inovasi dan peluang teknologi
Artee Aggrawal (2019)	Motivasi kendiri, berani mengambil risiko, ketahanan diri dan sokongan keluarga
Romy Abd Kadir (2019)	Tingkah laku, sikap, personaliti, dorongan dalaman, dorongan luaran, kekuatan kerohanian dan kekuatan pengurusan
Wibawa et. al (2020)	Pemikiran innovatif
Maulana et.al (2021)	Penggunaan teknologi dan pemikiran inovatif

Kajian-kajian lepas di atas mengkaji faktor-faktor kejayaan teknousahawan secara umum dan didapati kajian yang melibatkan teknousahawan wanita masih mempunyai ruang untuk dikembangkan lagi di Malaysia. Oleh hal yang demikian, berpandukan kajian-kajian lepas iaitu ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja telah dipilih sebagai faktor kejayaan teknousahawan bagi membentuk kerangka konsep kajian.

2.3.10 Kepentingan Teknousahawan Kepada Negara

Bahagian ini membincangkan kepentingan teknousahawan kepada negara. Teknousahawan merujuk kepada penggunaan teknologi untuk pembangunan dan pertumbuhan keusahawanan. Penggunaan teknologi dalam bidang keusahawanan melibatkan aktiviti seperti memasarkan produk atas talian, penggunaan perisian khas, pengiklanan serta penghasilan produk atau perkhidmatan dengan mudah. Tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan teknologi mencerminkan kepentingan teknousahawan kepada masyarakat dan negara.

Menurut Koe et al. (2021) penggunaan teknologi yang canggih dan terkini membantu teknousahawan menghasilkan inovasi baharu yang dapat dipasarkan kepada pengguna. Inovasi baharu yang dilakukan dalam penghasilan produk dan perkhidmatan juga dapat memenuhi cita rasa pengguna serta meningkatkan keuntungan syarikat. Selain daripada itu, penyerapan teknologi dalam operasi perniagaan dapat mewujudkan kemerlangan intelektual teknousahawan melalui bidang sains dan teknologi. Hal ini menyemarak minda teknousahawan dengan meningkatkan bilangan teknousahawan yang berdaya maju, kreatif dan inovasi. Oleh itu, elemen teknologi bukan sahaja melahirkan ramai usahawan yang kreatid dan inovatif malah menjadi tulang belakang kepada kemajuan ekonomi negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, bidang teknokeusahawanan menghasilkan produk yang berkualiti yang memenuhi cita rasa pengguna. Buktinya, teknologi membantu menghasilkan produk dalam tempoh masa yang singkat khususnya dalam bidang bioteknologi, automatif dan agroteknologi (Abdul Gani & Mantikayan, 2017). Teknousahawan berpeluang menghasilkan atau mengeluarkan produk dalam jumlah yang banyak. Oleh itu, penggunaan teknologi membantu mengkomersialkan produk di pasaran tempatan dan juga di luar negara yang memberikan sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi.

Aktiviti teknokeusahawanan mewujudkan peluang pekerjaan baharu kepada masyarakat. Selain mengurangkan masalah pengangguran, kemajuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknokeusahawanan mengakibatkan penggantian pekerjaan tradisional. Teknokeusahawanan juga menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan teknousahawan. Budaya keusahawanan merangsang individu untuk berani mengambil risiko serta mengejar impian mereka tanpa berputus asa. Perubahan budaya keusahawanan ini penting kepada pertumbuhan ekonomi dan daya saing yang berterusan (Agustina et al., 2020)

Kejayaan teknousahawan dalam bidang yang diceburi menjadi rujukan dan dorongan kepada bakal teknousahawan. Pada masa yang sama, kejayaan teknousahawan dalam proses memindahkan atau mengaplikasikan sesuatu teknologi baharu membawa pembangunan ekonomi. Pemindahan teknologi baharu ini secara langsung menggalakkan perkongsian pengetahuan serta penyebaran kepakaran yang membantu bakal teknousahawan (Agustina et al., 2020). Selain itu, pembangunan teknologi dan penyelesaian yang mampan menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar.

Secara ringkas, teknokeusahawanan penting dalam memacu inovasi, pertumbuhan ekonomi, menangani cabaran, menggalakkan budaya keusahawanan serta pemindahan teknologi. Teknologi yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa membentuk masa depan yang cerah kepada pembangunan teknokeusahawanan. Menyedari kepentingan teknokeusahawanan kerajaan serta pihak-pihak yang berkaitan harus menyusun dasar, strategi dan program yang berkesan menyokong transformasi ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kejayaan Teknousahawan Wanita

Bahagian ini membincangkan mengenai pengukuran kejayaan yang merupakan pemboleh ubah bersandar. Pengukuran kejayaan dari segi kewangan, bukan kewangan dan kajian lepas yang berkaitan dengan kejayaan telah dibincangkan secara terperinci.

2.4.1 Pengukuran Kejayaan

Penilaian ke atas kejayaan dalam aktiviti keusahawanan merupakan satu perkara yang agak kompleks. Hal ini kerana ia dilihat dari pelbagai aspek dan sudut. Kajian yang dilakukan oleh Syed Ali Fazal et al. (2022) pengukuran ke atas kejayaan keusahawanan di Malaysia dijalankan berdasarkan pengukuran inisiatif individu, modal insan, tumpuan kepada kecekapan, dan program sokongan kerajaan. Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Mohammad Mujaheed Hassan et al. (2018) menunjukkan bahawa pengukuran ke atas tahap pendidikan, pengalaman bekerja dan jenis perniagaan mempunyai kaitan positif dengan kejayaan.

Oyeku et al. al (2014) menggariskan lapan ukuran kejayaan daripada pelbagai dimensi berkaitan prestasi ekonomi iaitu kecekapan, pertumbuhan, keuntungan, skala, kecairan, kejayaan atau kegagalan, dan pasaran saham serta faedahnya. Menurut Andika dan Darmanto (2020), sesuatu perniagaan biasanya akan berjaya jika mereka mempunyai pendidikan dan pengalaman yang relevan serta mempunyai jumlah modal permulaan yang besar. Dalam hal ini, tahap pendidikan, tempoh masa pengalaman lepas serta modal yang digunakan menjadi pengukur kepada kejayaan perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berhubung dengan hal ini, banyak kajian yang berkaitan dengan kejayaan keusahawanan menunjukkan bahawa semua pihak yang terlibat mempunyai persepsi masing-masing mengenai kejayaan yang signifikan bagi mereka. Walaupun dilihat dari sudut pandang luar dan diukur dengan parameter kewangan, firma-firma tersebut mungkin memperoleh pencapaian yang berbeza (Andriamahery & Qamruzzaman, 2022).

Walau bagaimanapun, kejayaan keusahawanan tidak seharusnya dibataskan kepada pencapaian ekonomi semata-mata. Menurut Lariviere & Smit (2022), definisi yang paling mudah untuk kejayaan adalah merujuk kepada kelangsungan operasi perniagaan, sementara kegagalan yang bermakna akan membawa kepada keluar dari perniagaan. Edwards et al. (2022) pula mendefinisikan kriteria kejayaan keusahawanan sebagai kelangsungan perniagaan yang berterusan selama tiga tahun selepas pemilik atau pengurusnya memulakan atau mengambil alih perniagaan. Mansouri & Momtaz (2022) pula menggambarkan kejayaan keusahawanan sebagai kecemerlangan perniagaan yang mencapai tahap tertinggi dalam bidang yang diusahakan dan akhirnya menghasilkan keuntungan yang mencapai jutaan.

Berdasarkan kajian terdahulu, kejayaan keusahawanan secara umumnya telah ditentukan dari perspektif kewangan (Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan et al., 2017; Rohailin Zainon et al., 2019) dan bukan kewangan (Nur Afifah Ahmad & Nurhawani Yaacob, 2021; Sajiah Yakob et al., 2021). Daily et al. (2002) menerangkan bahawa perspektif ekonomi merujuk kepada pulangan ke atas aset, jualan, keuntungan, pekerja dan kadar kelangsungan perniagaan manakala perspektif bukan kewangan merujuk kepada kepuasan pelanggan, pembangunan peribadi dan pencapaian peribadi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dilakukan oleh Shamsul Hana Abd Rani dan Norashida Hashim (2019), menyatakan bahawa kejayaan aktiviti keusahawanan wanita sukar ditentukan dari perspektif kewangan kerana perniagaan wanita berskala kecil dan sederhana. Ia juga disokong oleh kajian yang dilakukan Syed Khurram Ali Jafri dan Wafa Khurram (2019) yang mendapati bahawa kejayaan wanita ditentukan dari perspektif bukan kewangan seperti kebebasan memilih aktiviti harian, keseimbangan peranan antara keluarga dengan kerja, sumbangan kepada masyarakat, reputasi, kanak-kanak dan kualiti hidup yang mereka capai. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Ismadi Ishak (2019) juga menjelaskan bahawa keusahawanan wanita yang berjaya bermaksud mempunyai kebolehan untuk mengimbangi antara kerja dengan keluarga. Yogita Sharma (2013) dalam kajiannya menyatakan bahawa pengiktirafan yang diberi atas pencapaian cemerlang menunjukkan satu tanda kejayaan aktiviti keusahawanan wanita di India. Tambahan pula, Oyedele et al. (2019) dalam kajiannya mendapati bahawa keusahawanan wanita yang berjaya adalah wanita yang berjaya mengimbangi antara kerjaya dengan kehidupan peribadi.

Katongole et al. (2015) pula mengkaji kejayaan wanita dalam industri pelancongan dan hospitaliti dari perspektif kewangan dan bukan kewangan. Rizwan Ullah Khan et al. (2021) juga menyatakan bahawa kejayaan bermakna bukan sahaja mencapai kejayaan dari segi kedudukan kewangan malah juga memenuhi keperluan dalaman yang merujuk kepada kepuasan diri serta keseimbangan dalam kehidupan seharian dengan kerjaya. Justeru, terdapat kajian yang mengukur kejayaan perniagaan dari sudut jangka masa ketahanan sesuatu perniagaan (Janain Burut, 2018). Perniagaan yang beroperasi lebih daripada lima tahun, berjaya mengaut keuntungan yang dijangka serta berkembang dari segi infrastruktur (Romy Abd Kadir, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zaleha Embong dan Fairuz A'dilah Rusdi (2021) menyatakan bahawa kejayaan wanita merujuk kepada keupayaan wanita mengimbangi peranan antara kerjaya dengan keluarga. Kemajuan yang pesat dalam bidang keusahawanan menyebabkan wanita menghadapi pelbagai cabaran dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab. Oleh yang demikian, berpandukan kajian-kajian lepas, pengkajian ini mendefinisikan kejayaan teknousahawan wanita PKS yang melibatkan elemen keseimbangan kerjaya dengan keluarga serta kepuasan kendiri.

2.4.2 Pengukuran Kewangan dan Bukan Kewangan

Bahagian ini membincangkan mengenai pengukuran kejayaan keusahawanan yang dilakukan melalui dua perspektif yang berbeza iaitu dari segi kewangan dan bukan kewangan.

2.4.2.1 Pengukuran Kewangan

Kajian-kajian lepas memilih ukuran kewangan sebagai petunjuk kejayaan. Kajian yang dijalankan oleh Katongole et al. (2015) ke atas 167 usahawan wanita dan dapatan kajian menjelaskan bahawa kejayaan usahawan wanita dinilai berdasarkan keuntungan, peningkaan jualan dan peningkatan stok. Begitu juga dengan Azmin et al. (2011) yang turut mengukur kejayaan dalam kalangan 150 usahawan wanita mengikut keuntungan jualan tahunan perniagaan. Sementara itu, Aarushi Kataria et al. (2020) mengukur kejayaan ke atas 750 usahawan wanita di seluruh India dengan menggunakan empat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ukuran kewangan sebagai penunjuk kejayaan iaitu pertumbuhan keuntungan, pertumbuhan aset perniagaan, dan pertumbuhan jualan. Juzaimi Nasuredin (2017), mengukur prestasi perniagaan PKS yang melibatkan 231 usahawan wanita dengan menilai aliran tunai, untung bersih, pertumbuhan jualan, pulangan atas asset dan pulangan atas ekuiti.

Selain itu, Syed Shah Alam et al., (2011) menyatakan bahawa prestasi perniagaan biasanya diukur dari perspektif kewangan berdasarkan pertumbuhan dalam jualan serta peningkatan keuntungan tahunan. Menurut Abdul Basit (2020), usahawan dan pemilik perusahaan wanita Melayu harus peka terhadap faktor perspektif kewangan yang memberi kesan kepada keseluruhan kejayaan keusahawanan seperti pengurusan, pelaburan, keuntungan, kestabilan, reputasi, imej dan penjenamaan usahawan. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Maliani Mohamad dan Muhammad Shukri Bakar (2017) yang melibatkan usahawan Melayu yang menjalankan PKS dikatakan berjaya berdasarkan perspektif kewangan yang mengambil kira dimensi penambahan modal, pendapatan kasar perniagaan dan keuntungan.

2.4.2.2 Pengukuran Bukan Kewangan

Pengukuran kejayaan dari perspektif bukan kewangan merujuk kepada penilaian seseorang terhadap kejayaan kerjaya yang diukur melalui piawaian yang ditentukan sendiri dan pengukuran ini dikenali sebagai subjektif, lebih mudah untuk difahami dan bertindak sebagai penanda aras untuk masa depan (Nurul Amira Omar et al., 2021). Heslin (2005) menekankan bahawa elemen pengukuran yang kerap digunakan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengukur keyajaan adalah kepuasan kerja atau kerjaya. Erhel et al. (2022) telah menerangkan bahawa kepuasan kerja sebenarnya mencerminkan kepuasan peribadi usahawan terhadap aspek kemajuan dan kejayaan kerjaya. Shamsul Hana Abd Rani (2019) pula menentukan kejayaan bukan kewangan dengan menggunakan faktor kepuasan kendiri dan keseimbangan kerja-keluarga.

Selain daripada itu, ada juga kajian yang memperoleh dapatan yang berbeza seperti ketaatan agama dan kejujuran sebagai faktor pengukur kejayaan usahawan (Faizah Zakaria & Azhar Harun, 2019). Mohd Faizal P. Ramli et.al (2017) juga menyatakan bahawa terdapat lima dimensi pengukuran bukan kewangan yang mengukur kejayaan usahawan wanita iaitu kekuatan peribadi, motivasi dalaman, hubungan keluarga, dan hubungan sosial dalam perniagaan PKS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Andriamahery & Qamruzzaman (2022) mencadangkan bahawa kejayaan usahawan dapat diukur melalui pengukuran yang tidak bersifat kewangan. Penggunaan pengukuran bukan kewangan telah menjadi amalan umum dalam menilai kejayaan usahawan. Kajian yang dilakukan oleh Andriamahery & Qamruzzaman (2022), yang mengkaji pengaruh faktor sosio-demografi terhadap sifat-sifat keusahawanan, mereka menggunakan pengalaman kerja dan keterlibatan usahawan dalam pengurusan perniagaannya sebagai parameter pengukuran yang tidak bersifat kewangan. Tambahan pula, pengukuran bukan kewangan sebagai penilaian kejayaan usahawan turut berkait rapat dengan kepuasan kerja, sifat berdikari, penciptaan peluang perniagaan, menghadapi cabaran baharu, dan mengikut minat sendiri, yang kesemuanya adalah aspek yang lebih mencabar untuk diukur (Solahuddin Abdul Hamid, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian lepas, kejayaan keusahawanan wanita dalam kajian ini akan diukur melalui pengukuran yang memfokuskan kepada keseimbangan antara kerjaya dan keluarga serta kepuasan kendiri. Kejayaan dalam kalangan usahawan wanita lebih sesuai diukur dari segi bukan kewangan kerana perbezaan prestasi antara usahawan wanita dan usahawan lelaki dapat dijelaskan dengan mengambil kira isu keseimbangan kerjaya dan keluarga (Artee Aggrawal, 2017). Kalpana Aparna (2018), membincangkan bahawa wanita terlibat dalam perniagaan harus mengimbangi kedua-dua peranan secara bijak. Pengimbangan yang bijak dapat mengatasi tekanan daripada tanggungjawab terhadap kerjaya dan peribadi. Selain itu, sokongan padu daripada pasangan atau ahli-ahli keluarga, membolehkan wanita mudah menguruskan kerjaya dan keluarga.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Secara umumnya, keseimbangan antara kerjaya dan keluarga dikaitkan dengan persekitaran atau kehidupan yang harmoni (Beham & Drobnic, 2010). Tantasuntisakul (2015) mendefinisikan bahawa keseimbangan antara kerja dan keluarga dikaitkan sejauh mana individu terlibat berpuas hati dengan peranan mereka di tempat kerja dan di rumah. Kajian lain yang dilakukan oleh, keseimbangan antara kerjaya dan keluarga telah ditafsirkan sebagai tahap keseluruhan kepuasan yang terhasil daripada penilaian tahap kejayaan seseorang dalam memenuhi tuntutan kerjaya dan peranan keluarga.

Kajian yang dijalankan oleh Lirio et al. (2007) mendapati bahawa usahawan wanita di Kanada menggunakan pengimbangan antara kerjaya dan kehidupan keluarga sebagai kriteria kejayaan. Usahawan wanita menganggap diri mereka berjaya jika mereka dapat mengimbangi antara kerjaya dan keluarga serta mempunyai masa tambahan untuk diri sendiri. Selain itu Lirio et al. (2007) juga menyatakan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk memahami kerjaya wanita, kejayaan itu perlu dipertimbangkan dalam bentuk yang lebih subjektif. Maka, berpandukan kajian-kajian lepas, kejayan wanita dalam kajian ini merujuk kepada dimensi keseimbangan antara kerja-keluarga dalam konteks teknousahawanan wanita PKS.

Seterusnya, menurut kepuasan kendiri mencerminkan kepuasan peribadi dalam kalangan usahawan. Kepuasan kendiri adalah asas dalam mengukur prestasi sesuatu perniagaan. Terdapat kajian-kajian lepas yang menggunakan kepuasan kendiri sebagai salah satu dimensi dalam mengukur prestasi atau kejayaan dalam kalangan usahawan. Kepuasan kendiri boleh ditakrifkan sebagai satu tahap jika individu itu merasa gembira atau puas hati dengan suasana kerja yang sedia ada dan sangat menyeronokkan (Nurauliani Jamlus Rafdi et al., 2022). Menurut Anifah & FoEh (2023), kepuasan kendiri adalah suatu keadaan emosi yang positif dan menyeronokkan hasil daripada tafsiran seseorang terhadap pekerjaannya sebagai menyenangkan dan berjaya.

Menurut Velayudhan dan Yameni (2017) pula, kepuasan kendiri adalah suatu sikap dan keadaan dalaman yang boleh dikaitkan dengan perasaan pencapaian individu sama ada dari segi kualitatif atau kuantitatif. Penjelasan Velayudhan & Yameni (2017) ini turut disokong oleh Priharti & Ariyani (2023) yang menyatakan bahawa, kepuasan kendiri merujuk kepada cara seseorang usahawan merasakan keseronokan terhadap kejayaan perniagaan. Seseorang yang mempunyai tahap kepuasan kendiri yang tinggi mempunyai sikap positif terhadap kerjanya. Manakala, seseorang yang tidak berpuas hati dengan kerja yang dijawat olehnya akan mempunyai sikap yang negatif. Oleh hal yang demikian, apabila seseorang mengatakan tentang pekerjaannya, ini bermaksud aspek kepuasan kendiri manjadi perkara utama yang harus diberi perhatian. Maka,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpandukan kajian lepas, kepuasan kendiri dipilih sebagai dimensi kejayaan teknousahawan wanita PKS.

Menurut Shamsul Hana Abd Rani (2019) pengukuran kejayaan yang dinilai dengan menggunakan angka adalah sukar berbanding dengan tidak melibatkan angka. Maka, bagi mengelakkan sebarang berat sebelah atau ketidaktepatan dalam mengukur kejayaan teknousahawan wanita PKS, kajian ini mengukur kejayaan yang dipengaruhi oleh dimensi keseimbangan antara kerja-keluarga serta kepuasan kendiri.

2.4.3 Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Dimensi Pengukuran Kejayaan

Terdapat beberapa kajian dijalankan mengenai kejayaan keusahawanan dari perspektif kewangan, bukan kewangan dan gabungan kewangan dan bukan kewangan. Jadual 2.6 meringkaskan pengukuran kejayaan yang telah digunakan dalam kajian-kajian lepas.

Jadual 2.6

Ringkasan Pengukuran Kejayaan

Jenis pengukuran	Dimensi	Penulis
Kewangan	• Jualan tahunan • Keuntungan tahunan • Jangka hayat Perniagaan • Pulangan atas aset • Pulangan atas ekuiti	Azmin et al. (2011), Syed Shah Alam et al. (2011), Katongole et al. (2014), Juzaimi Nasuredin (2017), Maliani Mohamad & Muhammad Shukri Bakar (2017), Aarushi Kataria et al. (2020), Abdul Basit (2020)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jenis pengukuran	Dimensi	Penulis
Bukan kewangan	• Kepuasan kendiri • Bilangan pekerja • Pengiktirafan • Penghargaan diri • Reputasi diri • Keseimbangan tara antara kerjaya dengan keluarga	Solahuddin Abdul Hamid (2014), Heslin (2005), Mohd Faizal P. Ramli et.al (2017), Artee Aggrawal (2017), Kalpana Aparna (2018), Faizah Zakaria & Azhar Harun (2019), Shamsul Hana Abd Rani (2019), Nurul Amira Omar et al. (2022), Erhel et al. (2022), Andriamahery & Qamruzzaman (2022), Sharique Ur Rehman et al. (2023)
Gabungan kewangan dan bukan kewangan	• Pendapatan • Pusing ganti jualan • Kekuatan kewangan • Kepuasan kerjaya • Keupayaan untuk mengekalkan diri dan keluarga • Kepuasan pelanggan	Syed Shah Alam et al. (2011), Hassan et al. (2014), Mohd Raiz Razuan et al. (2019) dan Nor Mahirah Mustapha (2019)

Merujuk kepada Jadual 2.6 kajian yang dijalankan oleh Azmin et al. (2011), Syed Shah Alam et al. (2011), Katongole et al. (2014), Juzaimi Nasuredin (2017), Maliani Mohamad & Muhammad Shukri Bakar (2017), Aarushi Kataria et al. (2020), dan Abdul Basit (2020) telah memfokuskan dimensi seperti jualan tahunan, keuntungan tahunan, jangka hayat perniagaan dan pengumpulan aset sebagai pengukur kejayaan dari perspektif kewangan. Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Solahuddin Abdul Hamid (2014), Heslin (2005), Mohd Faizal P. Ramli et.al (2017), Artee Aggrawal (2017), Kalpana Aparna (2018), Faizah Zakaria & Azhar Harun (2019), Nurul Amira

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Omar et al. (2022), Erhel et al. (2022), Andriamahery & Qamruzzaman (2022), dan Sharique Ur Rehman et al. (2023) pula mengkaji kejayaan dari perspektif bukan kewangan yang melibatkan dimensi seperti kepuasan kendiri, bilangan pekerja, pengiktirafan, penghargaan diri, reputasi diri dan keseimbangan tara antara kerjaya dengan keluarga.

Di samping itu terdapat juga kajian-kajian lepas yang mengkaji kejayaan keusahawan dari gabungan kedua-dua perspektif iaitu kewangan dan bukan kewangan. Dimensi yang digunakan untuk mengukur kejayaan adalah seperti pendapatan, pusing ganti jualan, kekuatan kewangan, kepuasan kerjaya, keupayaan untuk mengekalkan diri dan keluarga serta kepuasan pelanggan (Syed Shah Alam et al., 2011; Hassan et al., 2014; Mohd Raiz Razuan et al., 2019; Nor Mahirah Mustapha, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat juga kajian di Malaysia yang menyatakan prestasi perniagaan PKS yang berjaya dapat diukur berdasarkan kepada penambahan modal syarikat, penambahan bilangan pekerja, pendapatan kasar perniagaan ataupun melalui kuantiti dan kualiti pengeluaran produk yang dipasarkan (Nur Afifah Ahmad & Norhidayah Mohamad Yusop, 2021). Manakala merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Che Omar dan Tajuddin (2012), ke atas usahawan di luar bandar di bawah program *One District One Industry* (ODOI), kejayaan seseorang usahawan diukur melalui elemen-elemen seperti kualiti diri, tenaga kerja, pengalaman pengurusan dan hubungan sosial. Oleh itu, dengan menggunakan justifikasi-justifikasi kajian lampau, pengkaji telah menentukan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia yang melibatkan dimensi keseimbangan kerja-keluarga dan kepuasan kendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Ciri-ciri Keusahawanan

Bahagian ini membincangkan definisi ciri teknousahawan, perbezaan serta persamaan ciri usahawan dengan teknousahawan, kajian lepas berkaitan hubungan ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan serta dimensi ciri-ciri keusahawanan iaitu motivasi kendiri, kerohanian dan pemikiran inovatif.

2.5.1 Definisi Ciri-ciri Keusahawanan

Ciri-ciri keusahawanan didefinikan sebagai kualiti khas atau sifat yang membuatkan seseorang individu atau kumpulan berbeza daripada seseorang individu atau kumpulan yang berbeza (Norhashimah Kamaruddin & Hairunnizam Wahid, 2020). Menurut Nur Afifah Ahmad & Nurhawani Yaacob (2021), dalam konteks keusahawanan ciri-ciri keusahawanan merupakan kualiti, sifat atau tingkah laku yang membezakan seseorang usahawan dengan bukan usahawan. Ciri-ciri keusahawanan ini sering berubah dalam kalangan pengkaji serta tiada ciri standard yang telah ditetapkan memandangkan ia terlalu subjektif dan bergantung kepada pandangan dan pengalaman peribadi seseorang.

Menurut Sabrina Saad et al. (2019) pula ciri-ciri keusahawanan merujuk kepada profil unik yang dimiliki oleh seorang teknousahawan yang membezakan mereka dengan orang lain. Ciri-ciri keusahawanan merujuk kepada sifat-sifat khusus yang dimiliki oleh individu ketika terlibat dalam bidang teknokeusahawanan, iaitu aktiviti keusahawanan yang berfokus pada penciptaan dan pengurusan perniagaan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikendalikan oleh teknologi. Ciri-ciri keusahawanan ini menggabungkan elemen keusahawanan dan kepakaran teknologi.

Janain Burut (2018) pula menyatakan bahawa ciri teknousahawan bumiputera merujuk kepada ciri-ciri keusahawanan seperti mengambil risiko yang munasabah, bermotivasi, mempunyai matlamat, mempunyai inisiatif dan kecekalan, komitmen mutu kerja yang tinggi serta suka kepada pembaharuan. Selain itu, definisi ciri keusahawanan dari segi konsep Islam pula merujuk kepada kebolehan mengenal pasti masalah dan memanfaatkan peluang sama ada dengan melakukan sesuatu menggunakan alat teknologi demi inovasi atau hanya lebih suka menjadi pengguna teknologi (Marina Abu Bakar et al., 2020). Bahagian seterusnya membincangkan persamaan serta perbezaan antara usahawan dan teknousahawan yang berjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Persamaan dan Perbezaan Antara Ciri Usahawan dan Teknousahawan yang Berjaya

Menurut Kesavan Nallaluthan (2022) ciri-ciri keusahawanan dikenal pasti melalui beberapa komponen seperti pendidikan, pengalaman kerja, rangkaian, sokongan moral, sokongan professional, nilai-nilai peribadi dan demografi. Pada masa yang sama, Abdul Basit et al. (2020) pula menyatakan bahawa ciri-ciri keusahawanan dikenal pasti dalam diri seseorang usahawan melalui faktor psikologi, faktor pengalaman, faktor pendidikan dan kelayakan. Manakala Zaleha Embong dan Fairuz A'dilah Rusdi (2021), pula membincangkan ciri-ciri keusahawanan kepada dua kategori iaitu sifat dan kelayakan. Sifat merujuk kepada ciri-ciri keusahawanan peribadi usahawan termasuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

umur, jantina, agama dan latar belakang keluarga manakala kelayakan merujuk kepada pendidikan dan pengalaman kerja.

Nader Syed Amiri dan Mohammad Reza Marimaei (2012) menjalankan kajian untuk mendapatkan pandangan daripada usahawan berjaya serta meminta usahawan menyenaraikan ciri-ciri keusahawanan yang mereka fikir paling penting untuk berjaya dalam dunia keusahawanan. Hasil dapatan daripada kajian tersebut, terdapat 42 ciri yang dikaitkan dengan usahawan berjaya. Jadual 2.7 menunjukkan senarai ciri-ciri keusahawanan yang dikaitan dengan usahawan berjaya.

Jadual 2.7

Senarai Ciri-ciri Usahawan yang Berjaya.

Bil.	**Ciri-ciri keusahawanan**		
1	Yakin	22	Tanggungjawab
2	Ketabahan, Keazaman	23	Berpandangan jauh
3	Bertenaga, Tekun	24	Ketepatan
4	Kepintaran	25	Ketelitian
5	Keupayaan untuk mengambil kira risiko	26	Berorientasikan keuntungan
6	Dinamisme	27	Keupayaan belajar daripada kesilapan
7	Optimis	28	Kuasa deria
8	Keperluan pencapaian	29	Personaliti yang menyenangkan
9	Serba boleh	30	Ketahanan
10	Kreativiti	31	Keberanian
11	Keupayaan untuk mempengaruhi orang lain	32	Imaginasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil.	Ciri-ciri keusahawanan		
12	Keupayaan untuk bergaul dengan baik bersama orang lain.	33	Ketajaman daya persepsi
13	Inisiatif	34	Toleransi
14	Fleksibiliti	35	Keagresifan
15	Kebijaksanaan	36	Rasa seronok bekerja
16	Berorientasikan matlamat yang jelas	37	Keberkesanan
17	Tindak balas positif kepada cabaran	38	Komitmen
18	Kebebasan	39	Keupayaan untuk mempercayai pekerja
19	Bertindak balas kepada cadangan	40	Sensitiviti kepada orang lain
20	Kecekapan mengurus masa	41	Jujur
21	Keupayaan membuat keputusan dengan cepat	42	Kematangan

Note: Diadaptasi daripada Nader Syed Amiri dan Mohammad Reza Marimaei (2012; p. 20-25)

Seterusnya, Shaista Noor, Filzah Md. Isa dan Ali Shafiq (2022) menyatakan bahawa usahawan yang berjaya mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan profil tertentu yang boleh membezakan mereka dengan orang lain. Beliau menyenaraikan dua puluh ciri usahawan yang berjaya. Jadual 2.8 menunjukkan 20 ciri-ciri keusahawanan yang berjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.8

Ciri-ciri Usahawan yang Berjaya.

Bil.	Ciri-ciri keusahawanan		
1	Berinisiatif	11	Kejujuran
2	Bertanggungjawab	12	Menitikberatkan mutu kerja yang tinggi
3	Kerajinan	13	Berkeyakinan diri
4	Merebut peluang	14	Motivasi untuk kejayaan dan berkembang maju
5	Kreatif dan Inovatif	15	Lokus kawalan dalaman
6	Mengambil risiko yang sederhana	16	Kesanggupan belajar daripada kesilapan
7	Berorientasikan matlamat dan wawasan	17	Keupayaan mengurus
8	Mencari maklumat	18	Berorientasikan kecekapan
9	Keazaman dan ketabahan	19	Tahap tenaga yang tinggi
10	Kebolehan menyelesaikan masalah	20	Berorientasi masa depan

Note: Diadaptasi dan diubahdaripada Shaista Noor, Filzah Md. Isa dan Ali Shafiq (2022; p. 137-162)

Mankani (2003) pula membincangkan pandangan, pendapat dan rumusan kajian daripada beberapa orang penulis dan pengkaji-pengkaji terdahulu berkaitan dengan ciri-ciri keusahawanan yang berjaya. Antaranya ialah King (1983), Mc Clelland dan McBer (1985), Gibb (1993), Moorman dan Halloran (1993), Hutt (1994), Cunningham (1996), Vaught dan Hoy (1981), Shapero (1975) dan Zaharuddin Yahya (1995). Menurut Vaught dan Hoy (1981) ciri-ciri keusahawanan yang berjaya ialah bermotivasi tinggi, bercita-cita tinggi, matlamat yang berorientasikan masa hadapan, mengharapkan keuntungan yang tinggi, serta bersedia menghadapi risiko demi mencapai kejayaan. Seterusnya kajian yang dilakukan oleh King (1983) bertujuan untuk membandingkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dua kumpulan, iaitu kumpulan usahawan yang berjaya dan tidak berjaya. Dapatan yang dibincangkan adalah ciri-ciri keusahawanan berjaya yang mempunyai min yang tinggi ialah pengarahan diri, motivasi pencapaian, lokus kawalan, kuasa dan penyelesaian masalah.

Mc Clelland dan McBer (1985) pula menyenaraikan ciri-ciri usahawan yang berjaya ialah inisiatif, merebut peluang, kegigihan, mencari maklumat, komitmen terhadap kualiti kerja dan kontrak, orientasi kecekalan, perancangan sistematik, menyelesaikan masalah, keyakinan diri (motivasi kendiri), ketegasan, keupayaan mempengaruhi serta pengunaan strategi pengaruh. Ciri usahawan berjaya yang dikenal pasti oleh Gibb (1993) ialah kebolehan menanggung risiko, kebolehan mengendalikan tekanan, keinginan untuk bersaing, berupaya untuk menyelesaikan masalah secara kreatif, menganggap bekerja sebagai keseronokan, berkebolehan mengenal pasti peluang, komited terhadap perniagaan berorientasikan matlamat, dan berfikiran optimistik. Menurut Moorman dan Halloran (1993) ciri-ciri keusahawanan yang perlu ada pada seseorang usahawan yang berjaya adalah yakin semasa membuat keputusan, mempunyai keazaman yang tinggi, tabah dan berfikiran kreatif.

Hutt (1994) menyatakan bahawa usahawan yang berjaya merupakan individu yang bertanggunjawab dan berinovatif, berkeyakinan tinggi, sanggup mengambil risiko, berdaya saing, dan berorientasikan matlamat. Di samping itu, Cunningham (1996) melakukan kajian yang melibatkan sembilan puluh enam orang usahawan Kanada yang berjaya dan merumuskan bahawa mereka mempunyai ciri personaliti yang unik seperti bermotivasi tinggi, bersikap positif, komited terhadap kerja, kesabaran dalam membuat keputusan serta cuba melakukan sesuatu kerja dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebaik mungkin. Shapero (1975) pula menjelaskan antara sifat peribadi usahawan yang berjaya adalah berinisiatif dan bertanggungjawab, kemahiran menyelesaikan masalah, mempunyai keyakinan diri yang tinggi, mempunyai wawasan yang tinggi, dan mengambil risiko. Ciri-ciri usahawan yang berjaya menurut para penulis dan pengkaji lampau yang dinyatakan dan diringkaskan dalam Jadual 2.9.

Jadual 2.9

Ringkasan Dapatan Kajian Ciri-ciri Usahawan yang Berjaya

Penulis/Pengkaji	**Ciri-ciri keusahawanan**
Vaught dan Hoy (1981)	• motivasi tinggi • bercita-cita tinggi • matlamat yang berorientasikan masa hadapan • mengharapkan keuntungan yang tinggi • menghadapi risiko
King (1983)	• pengarahan diri • motivasi pencapaian • lokus kawalan • penyelesai masalah
Mc Clelland dan McBer (1985)	• inisiatif tinggi • merebut peluang baharu • kegigihan • mencari maklumat • komitmen terhadap kualiti kerja • orientasi kecekalan, • perancangan sistematik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulis/Pengkaji	Ciri-ciri keusahawanan
	• menyelesaikan masalah • keyakinan diri • ketegasan
Gibb (1993)	• kebolehan menanggung risiko • kebolehan mengendalikan tekanan kerja • keinginan untuk bersaing • menyelesaikan masalah secara kreatif • berkebolehan mengenal pasti peluang • komited terhadap perniagaan • berorientasikan matlamat • berfikiran optimistik
Moorman dan Halloran (1993)	• keyakinan • keazaman yang tinggi • tabah • berfikiran kreatif
Hutt (1994)	• bertanggunjawab • berinovatif • berkeyakinan tinggi • sanggup mengambil risiko • berdaya saing • berorientasikan matlamat
Cunningham (1996)	• bermotivasi tinggi • bersikap positif • komited terhadap kerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulis/Pengkaji	Ciri-ciri keusahawanan
	• kesabaran
Shapero (1975)	• berinisiatif • bertanggungjawab • kemahiran menyelesaikan masalah • keyakinan diri yang tinggi • mempunyai wawasan yang tinggi • mengambil risiko

Note: Diadaptasi dan diubahsuai daripada buku "*The Successful Entrepreneur In The New Economy",* Mankani (2003; p 24-54)

Selanjutnya, kajian yang dilakukan oleh Ab.Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004), telah mengenal pasti beberapa persamaan antara ciri-ciri usahawan biasa dengan teknousahawan. Antara ciri-ciri keusahawanan persamaan antara usahawan dengan teknousahawan ialah mencari dan merebut peluang-peluang perniagaan, bersikap cekal, daya inisiatif yang tinggi, mencari maklumat dan bertindak daripada maklum balas pasaran, komitmen kerja tinggi, mutu kerja yang baik, berorientasikan kecekapan, perancangan yang sistematik, keyakinan diri yang tinggi, bermotivasi tinggi, menyelesaikan masalah, dan kekuatan kreativiti dan inovatif. Jadual 2.10 menunjukkan persamaan antara usahawan biasa dengan teknousahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.10

Persamaan antara Usahawan dengan Teknousahawan.

Bil.	Ciri-ciri persamaan
1.	mencari dan merebut peluang-peluang perniagaan
2.	bersikap cekal
3.	daya inisiatif yang tinggi
4.	mencari maklumat dan bertindak daripada maklum balas pasaran
5.	komitmen kerja tinggi
6.	mutu kerja yang baik
7.	berorientasikan kecekapan
8.	perancangan yang sistematik
9.	keyakinan diri yang tinggi
10.	bermotivasi tinggi
11.	menyelesaikan masalah
12.	kekuatan kreativiti dan inovatif

Note: Diadaptasi dan diubahsuai daripada buku "Prinsip Keusahawanan" oleh Ab.Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004;p 7-28).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, Azahari Jamaludin et al. (2016), juga menyenaraikan ciri-ciri persamaan antara usahawaan biasa dengan teknousahawan. Antara ciri-ciri persamaan antara usahawan dengan teknousahawan ialah sanggup menghadapi risiko, berdikari dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi, suka akan pembaharuan, rajin dan tabah, tidak berputus asa, teguh, mempunyai harga diri, berfikiran positif yang tidak memikirkan tentang kegagalan serta selalu mempunyai kawan rapat atau saudara yang memiliki perniagaan. Persamaan tersebut diringkaskan dalam Jadual 2.11.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.11

Ciri-ciri Persamaan antara Usahawan dengan Teknousahawan.

Ciri-Ciri Keusahawanan Persamaan
• sanggup menghadapi risiko
• mencari jalan penyelesaian
• berdikari
• keyakinan diri yang tinggi
• suka akan pembaharuan
• rajin dan tabah
• tidak mudah berputus asa
• teguh
• harga diri
• berfikiran positif
• sokongan ahli keluarga dan kawan

Note: Diadaptasi dan diubahsuai daripada buku " Technopreneurship", oleh Azahari Jamaludin et al.(2018)

Mankani (2003) juga menyenarikan beberapa ciri persamaan antara usahawan dengan teknousahawan seperti sentiasa berdikari serta mempunyai keyakinan diri yang tinggi; tidak mudah berputus asa; mempunyai banyak tenaga untuk menangani tekanan serta mempunyai semangat yang kuat untuk berjaya. Walau bagaimanapun, menurut Mankani (2003) perbezaan yang ketara antara usahawan biasa dengan teknousahawan adalah ciri berfikiran inovatif. Pemikiran inovatif memberi kekuatan kepada teknousahawan menghadapi risiko serta membetulkan kesalahan tersebut ke arah kejayaan. Hal ini juga disokong oleh Romy Abd Kadir (2019) dan Marina Abu Bakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

et al. (2020). Bygrave dan Zacharakis (2019) telah menerangkan faktor-faktor yang membentuk ciri-ciri keusahawanan yang berjaya dalam kajiannya. Antara empat faktor utama yang mempengaruhi pembentukan ciri-ciri keusahawanan yang berjaya ialah faktor sosiologi, peribadi, ekonomi dan persekitaran.

Azahari Jamaludin et al. (2016) juga menyenaraikan ciri-ciri perbezaan antara usahawan dan teknousahawan serta dimensi perbezaan ialah persaingan, aktiviti, kebolehan melakukan tugas, sifat peribadi, matlamat, motivasi, dan risiko perniagaan. Usahawan suka bersaing dengan pesaing dalam industri yang sama untuk mendapatkan keuntungan manakala teknousahawan suka kepada pembaharuan yang mewujudkan pekerjaan baharu yang menjaga kebajikan sosial. Selain itu, dari segi aktiviti perniagaan usahawan suka memulakan sesuatu yang baharu atau dikenali sebagai pencetus tetapi teknousahawan pula menjadi anggota dalam sesuatu kumpulan.

Seterusnya, usahawan boleh melakukan atau melaksanakan banyak tugasan dalam satu masa. Sama seperti usahawan, teknousahawan juga boleh melakukan banyak tugasan dalam satu masa tetapi memilih mengikut keutamaan aktiviti. Usahawan seorang yang bersifat kreatif yang mempunyai inpian dan matlamat yang ingin dicapai. Manakala teknousahawan pula seorang yang bersifat inovatif yang mepunyai visi yang besar untuk mencapai dalam suatu tempoh masa. Matlamat usahawan adalah bekerja untuk diri sendiri dan mampu mengawalnya tetapi teknousahawan pula suka menjadi salah seorang yang mengawal dan suka melihat perkembangan pembaharuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, usahawan mempunyai motivasi yang tinggi untuk mencapai dan memperoleh keuntungan dalam perniagaan. Teknousahawan pula mempunyai motivasi yang tinggi untuk mencapai visi dan melakukan pembaharuan. Akhir sekali, usahawan sanggup menghadapi risiko perniagaan yang rendah dan memfokus pada perniagaan yang mempunyai peluang untuk berjaya daripada menerima kegagalan. Manakala teknousahawan pula, sanggup menghadapi risiko perniagaan yang tinggi dan berani menerima kegagalan dan melakukan penambahbaikan untuk berjaya. Perbandingan antara usahawan dengan teknousahawan disimpulkan dalam Jadual 2.12.

Jadual 2.12

Perbandingan Antara Usahawan dengan Teknousahawan

Dimensi	**Usahawan**	**Teknousahawan**
Persaingan	Suka bersaing	Suka akan pembaharuan
Aktiviti perniagaan	Mulakan sesuatu (pencetus)	Anggota dalam kumpulan
Kebolehan melakukan tugas	Boleh melaksanakan banyak tugasan dalam satu masa	Boleh melaksanakan banyak tugasan dalam satu masa tetapi memilih mengikut keutamaan
Sifat	Seorang yang kreatif, mempunyai impian dan matlamat	Seorang yang berinovatif dan mempunyai visi yang besar
Matlamat	Bekerja untuk diri sendiri dan mampu mengawalnya	Suka menjadi salah seorang yang mengawal dan melihat perkembangan pembaharuan
Motivasi	Motivasi yang tinggi untuk mencapai dan memperoleh keuntungan	Motivasi yang tinggi untuk mencapai visi dan melakukan pembaharuan
Risiko perniagaan	Fokus pada peluang untuk berjaya daripada menerima kegagalan.	Berani menerima kegagalan dan melakukan penambahbaikan untuk berjaya.

Note: Diadaptasi dan diubahsuai daripada buku " Technopreneurship", oleh Azahari Jamaludin et al.(2018; p.4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya boleh disimpulkan bahawa setiap penulis dan pengkaji terdahulu mempunyai pandangan, pendapat dan rumusan kajian yang berbeza mengenai ciri-ciri keusahawanan dan usahawan yang berjaya. Namun demikian, secara umumnya tidak terdapat perbezaan yang ketara antara ciri-ciri usahawan biasa dengan teknousahawan (Azahari Jamaludin, 2016). Mankani (2003) menyimpulkan bahawa teknousahawan yang berjaya mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan profil tertentu supaya hal ini dapat membantu membezakan mereka dengan orang lain.

Oleh yang demikian, teknousahawan yang bercita-cita menjadi teknousahawan yang berjaya dalam perniagaan yang dijalankan, harus mengubah sikapnya supaya menjadi menghampiri dengan ciri-ciri keusahawanan mereka yang telah berjaya. Ciri-ciri keusahawanan yang berjaya menjadi rujukan atau *role model* kepada teknousahawan yang ingin berjaya dalam bidang yang diceburinya (Janain Burut, 2018). Dalam konteks kajian ini pengkaji telah memilih tiga ciri keusahawanan yang sering disebut atau ditemui dalam kajian-kajian terdahulu. Antara tiga ciri teknousahawan yang dikenal pasti sebagai dimensi kajian ialah motivasi kendiri, pemikiran inovatif dan kerohanian.

2.5.3 Kajian Lepas Berkaitan Hubungan Ciri-ciri Keusahawanan dengan Kejayaan

Bahagian ini menghuraikan kajian-kajian lepas berkaitan dengan hubungan ciri-ciri keusahawanan yang mempengaruhi kejayaan. Ciri-ciri keusahawanan yang berjaya telah banyak dinyatakan dalam kajian terdahulu, seperti yang disenaraikan oleh Mohd Abdullah Jusoh et al. (2015), iaitu mengambil risiko, inovatif, optimis, konsisten dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencari peluang baharu yang mempunyai hubungan positif dengan kejayaan perniagaan. Adeoti (2019), juga berpendapat bahawa terdapat empat ciri yang perlu dimiliki oleh teknousahawan yang berjaya. Ciri-ciri keusahawanan berkenaan terdiri daripada mencari idea-idea baharu, mengambil risiko yang munasabah, bermotivasi tinggi dan mempunyai matlamat yang tinggi.

Hal ini diperkuat lagi dengan pendapat Romy Abd Kadir (2019), yang menyatakan bahawa ciri-ciri keusahawanan yang berjaya dalam perniagaan adalah keupayaan untuk mengambil risiko, inovasi, pengetahuan tentang fungsi pasaran, kemahiran pemasaran, kemahiran pengurusan perniagaan dan keupayaan untuk bekerjasama. Pendapat tersebut disokong oleh Nurin Asyikin Ahmad (2021), yang menyatakan bahawa ciri-ciri keusahawanan yang perlu ada pada seseorang usahawan teknikal (teknousahawan) adalah seperti berdikari, yakin diri, berwawasan tinggi, kreatif dan inovatif, mencari idea baharu, desakan berjaya, bekerja secara berpasukan, berorientasikan peluang, boleh dipercayai dan jujur, kemampuan fizikal yang memuaskan, tabah menghadapi kegagalan serta berani mengambil risiko.

Menurut Janain Burut (2018), antara ciri-ciri keusahawanan yang sering dikaitkan dengan personaliti seseorang teknousahawan yang berjaya ialah dorongan, mengambil risiko, kerajinan, komitmen, keazaman, ketabahan, berinisiatif dan bertanggungjawab, lokus kawalan dalaman, berkeyakinan terhadap kebolehan diri, kejujuran dan menepati janji, menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, kebolehan menyelesaikan masalah, tahap tenaga kerja yang tinggi, berorientasikan matlamat dan wawasan, kebolehan membuat keputusan, menggunakan strategi-strategi pengaruh dan keusahawanan sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri mengambil risiko yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

munasabah, bermotivasi, mempunyai matlamat, mempunyai inisiatif dan kecekalan, komitmen mutu kerja yang tinggi serta suka kepada pembaharuan mempengaruhi kejayaan teknousahawan Bumiputera IKS. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Sabrina Saad et al. (2019), mendapati terdapat beberapa ciri-ciri keusahawanan yang berjaya pada abad ke 21 yang terdiri daripada ciri-ciri keusahawanan seperti, dapat melihat dan mengambil peluang, mempunyai maklumat, kreatif dan inovatif, mempunyai visi, berfikiran bebas, berdaya maju, optimistik, bertindak sebagai inovator, mengambil risiko dan sifat kepimpinan.

McClelland (1961) merupakan orang yang pertama mengkaji ciri-ciri keusahawanan seseorang usahawan. Beliau menegaskan bahawa kebanyakan daripada usahawan yang berjaya mempunyai kehendak terhadap pencapaian yang cemerlang, mengambil risiko secara sederhana dan mempunyai lokus kawalan dalaman diri yang tinggi. Terdapat banyak ciri usahawan yang dapat dikaitkan dengan kejayaan. Ciri-ciri keusahawanan usahawan yang berjaya dalam perniagaan dirumuskan oleh McClelland (1961) berdasarkan hasil pengkajian terhadap kebudayaan di Malawi, India dan Ecuador adalah inisiatif, melihat dan merebut peluang, cekal, mencari maklumat, menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap kerja, membuat perancangan yang sistematik, berorientasikan kecekalan, menyelesaikan masalah secara kreatif, yakin diri, tegas, meyakinkan orang lain dan menggunakan strategi-strategi pengaruh.

Selain itu, teknousahawan yang berjaya bertanggungjawab untuk menetapkan matlamat. Matlamat jangka pendek, sederhana dan panjang akan dibentuk untuk mendapatkan prototaip produk atau perkhidmatan yang sedang dirancang (Norasmah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

& Noraishah, 2007). Menurut Kozubíková, Belás, Bilan, & Bartos (2015), ciri-ciri keusahawanan yang paling penting dalam diri usahawan ialah keberanian, berdikari, bertanggungjawab, kesungguhan, ketabahan, proaktif, dan mempunyai kreativiti dalam bidang tertentu.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Mislina Atan dan Rosli Mahmood (2022) ciri-ciri keusahawanan yang dikenal pasti ialah keperluan kepada pencapaian, inovasi, kesanggupan mengambil risiko, lokus kawalan dan keyakinan diri. Dimensi inovasi, kesanggupan mengambil risiko serta keyakinan diri berada pada tahap yang tinggi mempunyai hubungan positif dengan kejayan teknokeusahawanan. Ciri-ciri keusahawanan dijadikan juga sebagai pemboleh ubah moderator dalam menentukan hubungan antara pemboleh ubah bersandar iaitu memperkasakan keusahawanan dengan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu perkhidmatan sokongan kerajaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri keusahawananan mempunyai hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah (Abdul Shukor, 2019).

Meil et al. (2017) pula menyatakan bahawa ciri-ciri keusahawanan seperti celik teknologi, jaringan, berwawasan tinggi, agresif, berani menanggung risiko dan cekal merupakan antara ciri yang dikenal pasti dalam kalangan teknousahawan di India. Tambahan pula, ciri berinovatif dan suka akan pembaharuan terhadap kerja yang dilakukan yang menjadi akar tunjang kepada kejayaan seseorang teknousahawan. Seterusnya, kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik menyatakan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan antara ciri keagamaan ektrinsik dengan kejayaan teknousahawan. Kejayaan dalam bidang teknokeusahawanan menjadi penyumbang utama pendapatan atau rezeki umat Islam selaras dengan sabda Nabi SAW

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Syed Khurram Ali Jafri & Wafa Khurram, 2019). Menurut Syed Khurram Ali Jafri dan Wafa Khurram (2019) ciri kerohanian menjadi faktor utama dalam menentukan tahap aspirasi berjaya dalam kalangan teknousahawan wanita Islam.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Faradillah Iqmar Omar et al. (2015) adalah tentang penyertaan digital dalam pemerkasaan dan transformasi usahawan wanita IKS secara dalam talian di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran bagi menunjukkan bahawa penyertaan digital mempengaruhi langkah pemerkasaan usahawan wanita IKS serta kajian ini juga mencadangkan bahawa ciri inovasi produk akan mempengaruhi bilangan kemunculan teknousahawan baharu selaras dengan dunia pendigitalan.

Montadzah Ambag Abdulgani & Mantikayan (2017), telah menyeranaikan faktor-faktor yang mempengaruhi persekitaran teknokeusahawanan. Antaranya ialah faktor-faktor individu, persekitaran, sosial, kewangan, bukan kewangan, budaya, kemahiran perniagaan, faktor tolakan dan tarikan. Faktor individu merujuk kepada ciri-ciri keusahawanan yang ada pada diri seseorang teknousahawan. Ciri-ciri keusahawanan yang dibincangkan adalah keperluan untuk berjaya, minat, motivasi kendiri, suka akan pembaharuan, kecekalan, dan berani mengambil risiko. Bosma & Kelley (2018) juga telah mengenal pasti faktor-faktor yang membentuk ciri-ciri keusahawanan yang berjaya iaitu ciri-ciri keusahawanan peribadi, faktor persekitaran dan faktor sosiologi. Selain itu, Newman et al. (2019) mengupas beberapa ciri yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan seperti minat, ciri keperibadian, semangat dan tingkah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berpandukan beberapa kajian kes di India, Artee Aggrawal (2017) menyatakan bahawa ciri motivasi, mengambil risiko, dan daya saing mempengaruhi cabaran teknousahwan wanita untuk bersaing dan mencapai kejayaan. Tambahan pula, ekonomi dunia bergantung pada kemajuan teknologi dan teknousahawan yang mempunyai ciri inovatif yang tinggi serta mampu mengekalkan kedudukan pasaran di peringkat global. Satish Nambisan (2016) pula menyatakan bahawa ciri-ciri keusahawanan yang menentukan kejayaan ialah faktor psikologi, pendidikan dan pengalaman. Faktor psikologi yang merujuk kepada ciri-ciri keusahawanan yang memberikan kesan terhadap prestasi perniagaan. Ciri keperluan untuk pencapaian, lokus kawalan dan sifat peribadi yang dimiliki oleh teknousahawan sering dikaitkan dengan prestasi sesuatu perniagaan. Selanjutnya, Jadual 2.13 ringkaskan hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan secara terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.13

Hubungan Antara Ciri-ciri Keusahawanan dengan Kejayaan.

Penulis/Pengkaji	**Hubungan Ciri-Ciri Keusahawanan Dengan Kejayaan**
Kozubíková et al. (2015)	Ciri keberanian, berdikari, bertanggungjawab, kesungguhan, ketabahan, proaktif, dan kreativiti mempengaruhi kejayaan perniagaan.
Mohd Abdullah Jusoh et al. (2015)	Ciri mengambil risiko, inovatif, optimis, konsisten dan mencari peluang baharu mempengaruhi kejayaan perniagaan.
Meil et al. (2017)	Ciri berinovatif dan suka akan pembaharuan memberi kesan positif terhadap kejayaan teknousahawan
Artee Aggrawal (2017)	Ciri motivasi, mengambil risiko, dan daya saing mempengaruhi cabaran teknousahwan wanita untuk bersaing dan mencapai kejayaan.
Janain Burut (2018)	Ciri mengambil risiko yang munasabah, bermotivasi, mempunyai matlamat, mempunyai inisiatif dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulis/Pengkaji	Hubungan Ciri-Ciri Keusahawanan Dengan Kejayaan
	kecekalan, komitmen mutu kerja yang tinggi serta suka kepada pembaharuan mempengaruhi kejayaan teknousahawan Bumiputera IKS.
Sabrina Saad et al. (2019)	Ciri mengambil peluang, mempunyai maklumat, kreatif dan inovatif, mempunyai visi, berfikiran bebas, berdaya maju, optimistik, bertindak sebagai inovator, mengambil risiko dan sifat kepimpinan memberi kesan positif terhadap kejayaan.
Syed Khurram Ali Jafri dan Wafa Khurram (2019)	Ciri kerohanian menjadi faktor utama dalam menentukan tahap aspirasi berjaya dalam kalangan teknousahawan wanita Islam
Nurin Asyikin Ahmad (2021)	Berdikari, yakin diri, berwawasan tinggi, kreatif dan inovatif, mencari idea baharu, desakan berjaya, bekerja secara berpasukan, berorientasikan peluang, boleh dipercayai dan jujur, kemampuan fizikal yang memuaskan, tabah menghadapi kegagalan serta berani mengambil risiko mempengaruhi kejayaan usahawan teknikal.
Mislina Atan dan Rosli Mahmood (2022)	Inovasi, kesanggupan mengambil risiko serta keyakinan diri berada pada tahap yang tinggi mempunyai hubungan positif dengan kejayan teknousahawan.

Oleh yang demikian, berpandukan kajian-kajian lepas pengkaji mengkaji hubungan ciri-ciri keusahawanan sebagai faktor kejayaan dalam konteks teknousahawan wanita PKS. Pada masa yang sama, pemilihan ciri-ciri keusahawanan dapat mengisi kelompongan yang wujud yang melibatkan kejayaan teknousahawan wanita dalam perniagaan PKS. Ciri teknousahawan penting kepada kejayaan sesuatu perniagaan yang menyumbang kepada pertumbuhan dan kemajuan ekonomi, mencipta nilai, pekerjaan dan peluang-peluang pasaran baharu (Adiningrat dan Warda, 2023). Maka, dalam konteks kajian ini, ciri-ciri keusahawanan merujuk kepada motivasi kendiri, pemikiran innovatif dan kerohanian. Bahagian seterusnya akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membincangkan kajian-kajian terdahulu berkaitan dimensi ciri-ciri keusahawanan secara terperinci.

2.5.4 Dimensi Ciri-ciri Keusahawanan

Bahagia ini menjelaskan kajian-kajian lepas mengenai dimensi ciri-ciri keusahawanan yang dikaji dalam kajian ini. Berpandukan kajian terdahulu pengkaji memilih tiga dimensi ciri-ciri keusahawanan iaitu motivasi kendiri, pemikiran inovatif dan kerohanian.

Menurut Mc Clelland(1961), terdapat banyak ciri yang boleh dikaitkan dengan kejayaan seorang usahawan seperti mengambil risiko secara sederhana dan mempunyai lokus kawalan dalaman diri yang tinggi, melihat dan merebut peluang, cekal, mencari maklumat, menitikberatkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap kerja, membuat perancangan yang sistematik, berorientasikan kecekalan, menyelesaikan masalah secara kreatif, yakin diri, tegas, meyakinkan orang lain dan menggunakan strategi-strategi pengaruh. Dalam pada itu, motivasi kendiri menjadi intipati kepada kejayaan seorang usahawan untuk berjaya. Motivasi kendiri memberi kekuatan bagi mengatasi halangan yang diterima dari dalaman dan juga luaran. Motivasi tinggi mendorong seseorang mengambil tanggungjawab untuk mencapai sesuatu matlamat dengan daya usaha sendiri.

Kajian yang dilakukan oleh Maulana, Soegoto dan Syahputra (2021) menerangkan bahawa faktor motivasi kendiri merupakan salah satu faktor yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempengaruhi kejayaan teknousahawan. Motivasi kendiri menjadi faktor peramal yang membantu teknousahawan mengatasi dan menerima cabaran perubahan teknologi dengan tabah. Selain itu, Azahari Jamaludin (2016) pula menyenaraikan ciri-ciri keusahawanan yang membezakan teknousahawan dengan usahawan. Salah satu dimensi perbezaan ialah motivasi kendiri. Teknousahawan mempunyai motivasi kendiri yang tinggi untuk mencapai visi dan melakukan pembaharuan dalam perniagaan yang diceburinya.

Dapatan kajian Janain Burut (2018) berkaitan teknousahawan PKS Bumiputera menunjukkan bahawa teknousahawan Bumiputera memiliki ciri keusahawanan motivasi yang tinggi kerana mereka mempunyai impian untuk menjadi teknousahawan yang berjaya serta bekerja keras demi kebahagian keluarga. Pada masa yang sama, teknousahawan Bumiputera melaksanakan tugasan bersungguh-sungguh walaupun penuh dengan cabaran, kerana mereka sukakan cabaran dalam perniagaan yang berasaskan teknologi. Teknousahawan Bumiputera mendapat dorongan yang memotivasikan diri mereka seperti sokongan keluarga dan jaringan rakan-rakan. Maka, dalam konteks kajian ini, motivasi kendiri merujuk ciri teknousahawan wanita yang berani mengambil tanggungjawab untuk mencapai sesuatu matlamat dengan daya usaha sendiri.

Dimensi kedua yang dikaji dalam kajian ini adalah kerohanian. Faizah Zakariah dan Azhar Harun (2019) membincangkan tentang hubungan faktor kemahiran usahawan asnaf dengan kejayaan perniagaan kecil dan faktor amalan kerohanian Islam dimasukkan sebagai faktor moderator. Dapatan kajian mendapati amalan kerohanian Islam mempengaruhi hubungan faktor-faktor kejayaan dan kejayaan usahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya Janain Burut (2018), dapatan kajian menunjukkan bahawa teknousahawan Bumiputera PKS melakukan solat sunat, berdoa dan mengaji Al-Quran apabila menghadapi kebuntuan idea, mencari jalan menyelesai masalah sesuatu masalah. Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa teknousahawan IKS Bumiputera lepasan pusat latihan kemahiran setiap hari melakukan aktiviti *spirituality* kerana hal ini meningkatkan kekuatan dalaman apabila menghadapi masalah atau halangan dalam perniagaan.

Model pembentukan kompetensi mengenal pasti elemen kerohanian adalah penting bagi seorang teknousahawan yang berjaya. Kekuatan kerohanian pula merujuk kepada sentiasa berdoa, berusaha gigih tanpa mengenal putus asa, mempunyai sikap istiqomah dan bertawakal setelah berusaha (Romy Abd Kadir, 2019). Selain daripada itu, Suhaila Nadzri et al. (2020) mendapati bahawa konstruk kerohanian yang melibatkan dimensi bertanggungjawab, menepati janji, adil, menjauhi riba atau rasuah, integriti, sentiasa mengingati Allah, dan menjauhi khianat mempengaruhi kejayaan mereka dalam peniagaan katering. Menurut Awang Moslem Awang Annuar dan Jati Kasuma Ali (2021) kerohanian mempengaruhi matlamat entiti perniagaan, persediaan perniagaan, dan tatacara perniagaan. Agama dan budaya masing-masing memainkan peranan penting dalam kejayaan perniagaan.

Kerohanian membantu kepada aspek pengurusan diri dan perniagaan yang lebih bermanfaat sehingga membawa kepada kejayaan di dunia dan di akhirat kelak (Abu Yazid Abu Kadir et al., 2022). Kerohanian secara meluas dianggap sebagai kuasa sosial yang membentuk aktiviti, tingkah laku dan amalan keusahawanan dan perniagaan. Kerohanian mempengaruhi kepenggunaan, tanggungjawab sosial korporat,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemampanan, orientasi kepimpinan, budaya organisasi, etika kewangan dan pembangunan sosioekonomi (Satish Kumar et al., 2022). Maka, dalam konteks kajian ini, ciri kerohanian ialah aspek dalaman yang berkaitan dengan jiwa, pegangan, etika, akhlak, nilai dan prinsip spiritual yang diajar oleh agama masing-masing dalam membantu teknousahawan PKS wanita menguruskan aktiviti perniagaan, mencari rezeki yang halal dan sebagai sokongan dalaman.

Terdapat beberapa kajian yang mengkaji mengenai pemikiran inovatif dengan teknokeusahawanan. Menurut Mankani (2003) perbezaan yang signifikan antara usahawan dengan teknousahawan ialah pemikiran inovatif dan pembangunan inovatif menjadi prasyarat kepada pertumbuhan dan kemajuan teknokeusahawanan. Berfikiran kreatif dan inovatif membantu mendalami ilmu perniagaan serta sangat menyumbang terhadap kejayaan usahawan muda IKS di Malaysia bagi mengembangkan lagi perniagaan ke arah peringkat global. Hal ini juga menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara (Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof et al., 2020). Selain itu, menurut Mohamad Ayub Ariffin & Radin Siti Aishah (2019) pemikiran inovatif mempunyai kekerapan tinggi serta mempunyai hubungan positif dengan kerjaya keusahawanan.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Zaleha Embong & Fairuz A'dilah Rusdi (2021) menunjukkan minat, pemikiran inovatif, dan kemahiran menanggung risiko mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kejayaan usahawan wanita. Teknousahawan hendaklah membangunkan atau menggunakan teknologi tempatan, menginovasi barangan atau proses baharu, mencari idea teknologi baharu dan membuat perubahan teknologi yang ketara yang penting untuk daya saing (Donato & Destreza,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2023). Pemikiran inovatif juga adalah proses menyelesaikan masalah dengan menemui, menggabungkan dan mengatur pandangan, idea-idea serta kaedah dalam cara yang baharu (Janain Burut, 2018).

Maka, dalam konteks kajian ini, ciri pemikiran inovatif ialah keupayaan teknousahawan wanita untuk mencetuskan idea bernas untuk mencipta, menambah baik atau mengubah suai suatu produk atau sistem yang bertujuan untuk meraih keuntungan serta berjaya dalam keusahawanan berteraskan teknologi. Jadual 2.14 meringkaskan kajian lepas yang berkaitan dengan dimensi ciri-ciri keusahawanan yang digunakan untuk kajian ini.

Jadual 2.14

Ringkasan Dimensi Ciri-ciri keusahawanan

Ciri-ciri keusahawanan	**Dapatan Kajian Terdahulu**	**Pengkaji/Pengkaji**
Motivasi kendiri	Motivasi mempengaruhi daya usaha untuk berjaya.	Mc Clelland (1961)
	Motivasi menjadi faktor dalaman yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan.	Maulana, Soegoto dan Syahputra (2021)
	Motivasi kendiri yang tinggi akan mempengaruhi teknousahawan menetapkan visi yang jelas dan akan mempunyai semangat untuk berinovasi.	Azahari Jamaludin (2016)
	Ciri bermotivasi tinggi penting untuk mencapai kejayaan dalam kalangan teknousahawan Bumiputera PKS.	Janain Burut (2018)
Kerohanian	Kerohanian membina keyakinan dan ketahanan diri, berprinsip, dan cekap yang membawa kepada kejayaan usahawan asnaf yang diceburi.	Faizah Zakariah dan Azhar Harun (2019)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ciri-ciri keusahawanan	Dapatan Kajian Terdahulu	Pengkaji/Pengkaji
	Ciri kerohanian menjadi sokongan dalaman yang akan membantu bakal teknousahawan untuk mendepani cabaran, halangan serta rintangan dalam perniagaan.	Janain Burut (2018)
	Model pembentukan kompetensi kerohanian dan pengurusan yang mengenal pasti elemen doa, usaha, istiqamah dan tawakal adalah penting bagi seorang usahawan yang berjaya.	Romy Abd Kadir (2019)
	Elemen kerohanian iaitu bertanggungjawab, menepati janji, adil menjauhi riba atau rasuah, integriti, sentiasa mengingati Allah, dan menjauhi khianat mempengaruhi kejayaan usahawan.	Suhaila Nadzri et al. (2020)
	Kerohanian memainkan peranan penting dalam kejayaan perniagaan.	Awang Moslem Awang Annuar dan Jati Kasuma Ali (2021)
	Kerohanian membantu kepada aspek pengurusan diri dan perniagaan yang lebih bermanfaat sehingga membawa kepada kejayaan di dunia dan di akhirat kelak.	Abu Yazid Abu Kadir et al. (2021)
	Kerohanian mempengaruhi kepenggunaan, tanggungjawab sosial korporat, kemampanan, orientasi kepimpinan, budaya organisasi, etika kewangan dan pembangunan sosioekonomi.	Satish Kumar et al. (2022)
Pemikiran Inovatif	Perbezaan yang signifikan antara usahawan dengan teknousahawan ialah pemikiran inovatif.	Mankani (2003)
	Berfikiran kreatif dan inovatif, sentiasa mendalami ilmu perniagaan sangat menyumbang terhadap kejayaan usahawan muda IKS di Malaysia.	Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof et al. (2020)
	Pemikiran inovatif mempunyai hubungan positif dengan kerjaya keusahawanan.	Mohamad Ayub Ariffin dan Radin Siti Aishah (2021)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ciri-ciri keusahawanan	Dapatan Kajian Terdahulu	Pengkaji/Pengkaji
	Ciri keusahawanan, iaitu minat, pemikiran innovatif, dan kemahiran menanggung risiko mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kejayaan usahawan wanita.	Zaleha Embong dan Fairuz A'dilah Rusdi (2021)
	Teknousahawan menginovasi barangan atau proses baharu yang penting untuk daya saing.	Donato dan Destreza (2023)

Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian lepas pengkaji telah memilih dimensi motivasi kendiri, kerohanian dan pemikiran inovatif sebagai dimensi ciri-ciri keusahawanan yang merupakan elemen asas keusahawanan. Walaupun terdapat kajian-kajian lepas (Janain Burut, 2018; Romy Abd Kadir, 2019; Mislina Atan dan Rosli Mahmood, 2022) yang berkaitan dengan dimensi ciri-ciri keusahawanan tetapi masih mempunyai ruang untuk dikembangkan lagi dengan mengkaji dimensi ciri-ciri keusahawanan tersebut dengan melibatkan kejayaan teknousahawan wanita PKS.

Akhir sekali, berdasarkan perbincangan di atas, dimensi ciri-ciri keusahawanan menekankan keseimbangan antara pelbagai faktor dalaman dari segi ekonomi, sosial, jati diri, personaliti dan kerohanian dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesebuah perniagaan. Pada masa yang sama, keseimbangan ini juga membentuk modal insan yang holistik (Romy Abd Kadir, 2019). Secara kesimpulannya, pengkaji telah memilih dimensi motivasi kendiri, kerohanian dan pemikiran inovatif sebagai dimensi ciri-ciri keusahawanan untuk menentukan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Kompetensi Teknousahawan

Bahagian ini membincangkan definisi, hubungan kompetensi dengan kejayaan dan dimensi-dimensi kompetensi teknousahawan yang dipilih secara terperinci.

2.6.1 Definisi Kompetensi Teknousahawan

Nor Azira Ayob et al. (2018) dalam kajiannya berkaitan prestasi pengusaha wanita telah mendefinisikan kompetensi merujuk kecekapan seseorang membentuk personaliti. Kecekapan ini akan membantu pembentukan modal insan yang berdaya saing. Pratoma & Wardani (2021) pula melihat kompetensi dari tiga sudut yang berbeza iaitu output, hasil dan keputusan prestasi yang standard, seperti pengetahuan, kemahiran dan keupayaan. Secara lazimnya, kompetensi merujuk kecekapan menggabungkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan seseorang yang diperlukan dalam melakukan sesuatu kerja sehingga berjaya.

Diepolder, Weitzel, & Huwer (2021) menyatakan bahawa kompetensi merujuk gabungan sikap dan tingkah laku yang membolehkan seorang teknousahawan mencapai dan mengekalkan kejayaan dalam perniagaannya. Mukaram Ali Khan, Kashif Rathore, & Muhammad Adnan Sial (2020) pula menjelaskan bahawa kompetensi boleh diertikan sebagai keupayaan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah perniagaan dan ia menjadi salah satu pemboleh ubah yang penting dalam menilai prestasi keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Azmi Umar et al. (2018) pula berpendapat bahawa kompetensi juga boleh dikaitkan dengan penggabunganjalinan antara elemen tingkah laku, perwatakan, ciri-ciri keusahawanan peribadi, pengetahuan, peranan sosial, hasrat dan kemahiran seseorang dalam mendasari tindakannya untuk meneroka, membina dan mengembangkan sesuatu usaha. Pandangan ini turut diperkuat oleh Esubalew dan Raghurama (2020) yang mentakrifkan kompetensi sebagai kebolehan mengintegrasikan aktiviti-aktiviti merancang, memimpin, menggunakan teknik terkini, mengurus waktu dan menyesuaikan diri dengan perubahan semasa ke arah melipatgandakan keuntungan. Jadual 2.15 menunjukkan ringkasan konsep kompetensi yang dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Jadual 2.15

Ringkasan Konsep Kompetensi

Pengkaji	**Definisi Kompetensi**
Juzaimi Nasuredin (2017)	Kompetensi keusahawanan ditakrifkan sebagai ciri-ciri keusahawanan individu yang merangkumi kedua-dua sikap dan tingkah laku, yang membolehkan untuk mencapai dan mengekalkan kejayaan perniagaan.
Janain Burut (2018)	Kompetensi teknousahawan ialah kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan sikap teknousahawan IKS Bumiputera dalam mengendalikan perniagaannya sehingga berjaya
Azmi Umar et al. (2018)	Keupayaan keseluruhan, kemampuan atau kecekapan dalam melaksanakan fungsi-fungsi keusahawanan dengan berkesan.
Romy Abd Kadir (2019)	Merujuk tiga kompetensi utama yang perlu dikuasai untuk menjadi teknousahawan yang berjaya iaitu kompetensi keperibadian, kompetensi vokasional keusahawanan, kompetensi kerohanian dan pengurusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji	Definisi Kompetensi
Hechavarria et al. (2019)	Keupayaan dan kemampuan untuk mencari peluang serta memanfaatkannya dalam menghasilkan inovasi produk untuk dipasarkan seterusnya mengusahakan perniagaannya dengan berjaya.
Mohd Raiz Razuan et al. (2019)	Seorang usahawan perlu menunjukkan tiga kompetensi yang utama iaitu; (i) pengetahuan keusahawanan (pemahaman terhadap keusahawanan, peranan keusahawanan, keperluan dalam kejayaan keusahawanan); (ii)kemahiran (kreativiti, analisis, motivasi, rangkaian hubungan, kesesuaian, pengurusan kewangan); dan (iii) sikap (inisiatif, kecenderungan mengambil risiko, keperluan terhadap pencapaian, tingkah laku berstruktur).
Rohailin Zainon et al. (2019)	Kompetensi sebagai sifat-sifat keseluruhan usahawan seperti sikap, kepercayaan, pengetahuan, kemahiran, kebolehan, personaliti, kepakaran dan kecenderungan tingkah laku yang diperlukan untuk berjaya dan mampan
Nurul Amira Omar et al. (2021)	Merujuk ciri-ciri keusahawanan kompetensi tertentu spesifik yang melibatkan profesion dalam bidang keusahawanan.
Diepolder et al. (2021)	Kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan sikap dalam mengusahakan perniagaannya, seterusnya mengembangkannya dengan lebih maju.
Md Isa Yusuff et al. (2022)	Kompetensi sebagai kemahiran, pengetahuan, gelagat dan sikap yang ditunjukkan secara berkesan di dalam pekerjaan.

Maka merujuk pada kajian-kajian lepas, menyimpulkan bahawa kompetensi ialah sebagai keupayaan, kebolehan, kemahiran dan pengetahuan yang dikaji dari sudut teknousahawan wanita dalam bidang keusahawanan. Dalam konteks kajian ini, kompetensi teknousahawan merujuk kepada kompetensi mencari peluang, kompetensi hubungan, kompetensi kepimpinan, kompetensi strategik, kompetensi komitment dan kompetensi mencari idea baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2 Kajian Lepas Berkaitan Hubungan Kompetensi Teknousahawan dengan Kejayaan

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kompetensi teknousahawan. Kajian-kajian lepas membincangkan kepentingan, sumbangan, peranan serta cabaran kompetensi terhadap kejayaan dalam teknokeusahawanan. Pirdaus, & Kusnendi (2022), menyatakan bahawa kemahiran mengakses internet, kemahiran kreativiti dan efikasi kendiri memberi kesan positif dan signifikan terhadap niat teknousahawan pelajar pendidikan Ekonomi. Faradillah Iqmar Omar (2022), menyatakan bahawa kemahiran mengakses internet seperti aplikasi *WhatsApp, Facebook* dan *Instagram* menggerakkan perniagaan mereka ke arah kejayaan serta mencadangkan bahawa penguasan kemahiran ini akan membantu melahirkan usahawan yeng berasaskan teknologi (teknousahawan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Nadia Farhanah Hamzah & Norasmah Othman (2020), tahap kompentensi keusahawanan wanita luar bandar berada pada tahap yang tinggi dan ini menyebabkan mereka berupaya untuk mengurus sumber dan menggabungkan idea-idea baharu bagi menghasilkan produk baharu. Ini menunjukkan kompetensi usahawan wanita luar bandar juga menggunakan teknologi terkini dalam memasarkan produk dan berupaya untuk menyelesaikan masalah perniagaan dengan sokongan kompetensi yang diperoleh oleh mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Nobelson, Suharyati & Desmintari (2023) bertujuan untuk mengkaji kesan minda pertumbuhan keusahawanan terhadap prestasi keusahawanan dengan melibatkan kompetensi teknousahawan sebagai pengantara. Kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah persampelan bertujuan menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

minda pertumbuhan keusahawanan memberi kesan positif dan signifikan terhadap kompetensi teknousahawan. Kompetensi teknousahawan memberi kesan positif dan signifikan terhadap prestasi keusahawanan menunjukkan bahawa tahap kompetensi teknousahawan berperanan dalam meningkatkan prestasi keusahawanan.

Selain dari pada itu, Hasliza Abdul Halim, Noor Hazlina Ahmad, & Ali Waqas (2023) melakukan kajian untuk meneroka faktor utama yang menghalang kejayaan teknousahawan. Teknousahawan menghadapi empat masalah penting yang memberi kesan kepada kelangsungan dan daya saing perniagaan mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat faktor yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan iaitu kompetensi teknousahawan, keupayaan dan bakat organisasi, kekurangan sokongan daripada institusi berkaitan dan persekitaran perniagaan yang pesat berubah dari segi teknologi dan persaingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, menurut Rahayu et al. (2022), penerapan kompetensi teknokeusahawanan penting untuk mengekalkan kelestarian perniagaan yang dijalankan oleh teknousahawan di Jawa Timur. Menurut Sarah (2021) keupayaan menjalankan pemasaran dengan menggunakan aplikasi digital memudahkan interaksi antara penjual dengan pembeli, lebih-lebih lagi semasa pandemik COVID-19. Kepentingan dan keperluan kompotensi teknousahawan sebagai strategi perniagaan utama kerana organisasi mudah menilai, meramal dan menganalisis kejayaan atau kegagalan perniagaan.

Tambahan pula, kompetensi yang diperlukan untuk kejayaan dalam sesuatu perniagaan, seperti yang digariskan oleh *Institution of Engineers, Singapore* (IES)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2020) adalah kompetensi komitment (orientasi tindakan, berdikari, inisiatif, kreativiti); komitmen insaniah (interpersonal, komunikasi dan rangkaian); kompetensi strategik (kewangan, pengurusan sumber manusia, pengkajian pasaran); dan kompetensi kepimpinan (penentuan visi, misi, sumber manusia). Kompetensi yang digariskan dapat mengatasi halangan dan cabaran dalam bidang kemahiran pengurusan, keupayaan teknologi dan produktiviti dalam kalangan PKS dan membolehkan mereka menghadapi cabaran dalam persekitaran yang sangat kompetitif.

Teknousahawan wanita yang memiliki kompetensi keusahawanan yang tinggi dapat menghadapi persaingan yang sengit dan berhadapan dengan cabaran semasa di era globalisasi (Soejono et al., 2015). Kompetensi teknousahawan juga dikaitkan dengan penubuhan, kelangsungan dan pertumbuhan perniagaan. Maka, memanfaatkan kompetensi keusahawanan merupakan kunci penting bagi teknousahawan wanita yang ingin mencapai kejayaan tinggi dalam perniagaan.

Chinenye Prisca & Onuoha (2022), menyatakan bahawa teknokeusahawanan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Oleh itu, kajian ini menyiasat hubungan antara kejayaan teknousahawan dengan pertumbuhan syarikat teknologi baharu di Nigeria. Penemuan utama kajian ini mendedahkan bahawa kompetensi ICT, kompetensi menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi sambil menyediakan produk serta kompetensi inovatif mempunyai kesan yang positif terhadap hubungan antara kejayaan teknousahawan dengan pertumbuhan syarikat teknologi baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ploum et al. (2018) pula menyatakan bahawa kompetensi yang terdiri daripada kemahiran pengurusan, kemahiran industri, kemahiran mencari peluang dan kemahiran teknikal mempunyai kesan positif terhadap prestasi syarikat. Di samping itu, kompetensi juga berguna dalam proses pelaksanaan perancangan dan pengurusan yang berkesan. Keadaan ini secara langsunga akan mengekalkan prestasi dan kelestarian perniagaan. Seterusnya, kompetensi teknousahawan dan rangkaian perniagaan mempunyai kesan signifikan terhadap kelebihan daya saing PKS dalam bidang masakan di Surakarta bagi mencapai kejayaan. Dapatan kajian menunjukkan kompetensi menyumbang bahawa tujuh puluh satu peratus ke atas kelebihan daya saing PKS semasa pandemic COVID-19 (Utomo & Santosa, 2022). Jadual 2.16 menunjukkan ringkasan kajian-kajian lepas mengenai hubungan kompetensi dengan kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.16

Ringkasan Hubungan Kompetensi Teknousahawan dengan Kejayaan

Penulis/Pengkaji	**Hubungan kompetensi dengan kejayaan**
Riki Yakub Pirdaus, Kusnendi Kusnendi & Kusnendi Kusnendi (2022)	Kemahiran mengakses internet, kemahiran kreativiti dan efikasi kendiri memberi kesan positif dan signifikan terhadap yang mempengaruhi kejayaan.
Faradillah Iqmar Omar (2022)	Kemahiran mengakses internet seperti aplikasi *WhatsApp*, *Facebook* dan *Instagram* menggerakkan perniagaan mereka ke arah kejayaan.
Nadia Farhanah Hamzah & Norasmah Othman (2020)	Tahap kompentensi keusahawanan wanita luar bandar berada pada tahap yang tinggi
Nobelson & Suharyati (2023)	Kompetensi teknousahawan memberi kesan positif dan signifikan terhadap prestasi keusahawanan
Hasliza Abdul Halim, Noor Hazlina Ahmad, & Ali Waqas (2023)	Kompetensi memberi kesan langsung dengan kejayaan teknousahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulis/Pengkaji	Hubungan kompetensi dengan kejayaan
Rahayu et al. (2022)	Penerapan kompetensi teknokeusahawanan penting untuk mengekalkan kelestarian perniagaan
Chinenye Prisca & Onuoha (2022)	Kompetensi ICT, kompetensi mencari peluang baharu serta kompetensi inovatif mempunyai kesan yang positif terhadap hubungan antara kejayaan teknousahawan
Ploum et al. (2018)	Kompetensi pengurusan, kompetensi industri, kompetensi mencari peluang dan kompetensi teknikal mempunyai kesan positif terhadap prestasi syarikat
Janain Burut (2018)	Kompetensi teknousahawan mempengaruhi pemikiran inovatif dalam kalangan teknousahawan Bumiputera.

Kesimpulannya, kompetensi keusahawanan sangat mempengaruhi penglibatan dan kejayaan usahawan dalam konteks teknokeusahawanan. Teknousahawan yang kompeten mempunyai keupayaan untuk menjalankan perniagaan dengan cemerlang dan membentuk modal insan yang holistik (Sarah, 2021). Berdasarkan tinjauan literatur, terdapat beberapa kajian tentang kompetensi sebagai faktor kejayaan (Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof et al.,2021; Nur Afifah Ahmad & Nurhawani Yaacob, 2021) yang menglibatkan usahawan secara menyeluruh. Namun begitu, terdapat beberapa kajian terdahulu yang menyatakan bahawa masih kurang kajian berkaitan dengan kompetensi dalam konteks teknokeusahwanan (Parul Shrivastava, 2018; Janain Burut, 2018; Romy Abd Kadir, 2019). Bagi mengisi kelompongan ini, kompetensi dikaji sebagai faktor kejayaan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

Bahagian seterusnya membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan dimensi kompetensi teknousahawan iaitu kompetensi mencari peluang,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kompetensi hubungan, kompetensi strategik, kompetensi komitmen, kompetensi kepimpinan dan kempetensi mencari idea baharu secara jelas.

2.6.3 Dimensi Kompetensi Teknousahawan

Terdapat pelbagai dimensi yang digunakan oleh para sarjana ketika mengukur kompetensi keusahawanan. McClelland (1987) mengkaji kompetensi keusahawanan dengan 13 dimensi iaitu mengambil inisiatif, melihat dan bertindak ke atas peluang, kegigihan, mencari maklumat, prihatin untuk kualiti kerja yang tinggi, komitmen kepada kerja, berorientasikan efisiensi, perancangan sistematik, penyelesaian masalah, keyakinan diri, ketegasan, memujuk dan penggunaan strategi pengaruh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kajian ini, kompetensi teknousahawan dibahagikan kepada enam dimensi iaitu mencari peluang, hubungan, strategik, komitmen, kepimpinan dan mencari idea baharu yang diadaptasi dari model daya saing IKS oleh Man et al. (2002). Juzaimi Nasuredin (2018), dalam kajiannya berkaitan dengan kompetensi keusahawanan menyatakan bahawa Man (2000) telah memilih enam dimensi ini berdasarkan literatur-literatur pengkaji yang lepas seperti Adam dan Chell (1993), C. A. Bartlett dan Ghoshal (1997), Baum (1995), Bird (1995), Chandler dan Jansen (1992), Durkan, Harrison, Lindsay dan Thompson (1993), Gasse, DAmboise, Simard dan Lasker (1997), Hunt (1998), Lau, Chan dan Man (1999), McClelland (1987), Mitton (1989) dan Snell dan Lau (1994). Jadual 2.17 membincangkan tentang dimensi-dimensi kompetensi teknousahawan dengan lebih terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.17

Dimensi Kompetensi Teknousahawan

Kompetensi Teknokeusahawanan	**Dapatan Kajian Lepas**	**Pengkaji/Pengkaji**
Kompetensi mencari peluang	Kompetensi mencari peluang, berkaitan dengan keupayaan usahawan untuk mencari, membangun dan menilai peluang-peluang yang berkualiti tinggi yang terdapat di pasaran.	Man et al., (2002)
	Kompetensi mencari peluang ialah kebolehan usahawan untuk mengenal pasti dan membangunkan peluang yang berkualiti dengan mengambil kira elemen inovasi dan kreatif.	Juzaimi Nasuredin (2017)
	Kompetensi mencari peluang ialah keupayaan untuk mengenal pasti peluang perniagaan dan pasaran untuk melakukan inovasi.	Janain Burut (2018)
Kompetensi hubungan	Kompetensi hubungan berkaitan dengan kemahiran hubungan komunikasi antara individu ke individu atau interaksi individu ke kumpulan yang berpusat.	Man et al., (2002)
	Kompetensi hubungan adalah interaksi berasaskan orang ke orang atau individu ke kumpulan seperti membina kerjasama dan kepercayaan, membina konsensus, menggunakan kenalan, keupayaan meyakinkan, menangani konflik, komunikasi dan kemahiran interpersonal.	Juzaimi Nasuredin (2017)
	Kompetensi hubungan adalah kemampuan untuk berkomunikasi dan juga membina jaringan sama ada dengan pekerja, pelanggan atau orang lain.	Janain Burut (2018)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kompetensi Teknokeusahawanan	**Dapatan Kajian Lepas**	**Pengkaji/Pengkaji**
	Kompetensi hubungan (literasi pemasaran digital) sangat berkesan dalam meningkatkan kompetensi teknokeusahawanan sebagai strategi *survival* dalam era pandemik COVID-19.	Saraswati et al. (2021)
Kompetensi strategik	Kompetensi strategik ialah berkaitan dengan penetapan, penilaian dan pelaksanaan strategik firma.	Man et al., (2002)
	Kompetensi strategik ialah pembinaan visi, takrif matlamat dan perumusan strategi untuk syarikat secara keseluruhan.	Juzaimi Nasuredin (2017)
	Kompetensi strategik ialah keupayaan untuk merancang dan melaksanakan perancangan tersebut.	Janain Burut (2018)
	Kemahiran komitmen mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan syarikat usahawan wanita.	Md Isa Yusuff (2022)
Kompetensi komitmen	Kompetensi komitmen ialah kemampuan berusaha dan menggemblengkan tenaga untuk memajukan syarikat.	Janain Burut (2018)
	Kemahiran komitmen mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan syarikat usahawan wanita.	Md Isa Yusuff (2022)
Kompetensi kepimpinan	Kompetensi kepimpinan berkaitan dengan organisasi manusia dalaman dan luaran yang berbeza, sumber fizikal, kewangan dan teknologi termasuk pembinaan pasukan.	Man et al., (2002)
	Kompetensi kepimpinan adalah untuk memimpin, mengawal, memantau, menyusun dan membangunkan sumber-sumber dalaman dan luaran serta membentuk keupayaan perniagaan itu.	Suraiya Shafiee @ Ismail et al. (2022)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kompetensi Teknokeusahawanan	Dapatan Kajian Lepas	Pengkaji/Pengkaji
	Kompetensi kepimpinan ialah keupayaan untuk memimpin syarikat mereka ke arah kejayaan.	Janain Burut (2018)
	Kompetensi kepimpinan teknokeusahawanan mempengaruhi pengembangan perilaku kerja inovatif.	Rahmawati et al. (2022)
	Kemahiran kepimpinan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan syarikat usahawan wanita.	Md Isa Yusuff (2022)
Kompetensi mencari idea baharu	Kompetensi mencari idea baharu berkaitan dengan kemampuan seorang usahawan untuk berfikir di luar kotak dan untuk merangsang idea dan konsep baharu yang luar biasa daripada cara biasa melakukan perkara-perkara itu.	Hardi Emrie Rosly et al. (2015)
	Kompetensi mencari idea baharu mewakili keupayaan usahawan secara kreatif memikirkan sesuatu yang boleh dikaitkan dengan corak pemikiran baharu dan kemungkinan muncul dengan konsep dan idea-idea baharu.	Mamun et al. (2016)
	Kompetensi mencari idea baharu ialah keupayaan mencari idea kreatif dan inovatif dan bagaimana mereka mengkomersialkan idea tersebut.	Janain Burut (2018)

Pada kenyataannya, kompetensi memerlukan lebih banyak pengkajian rapi dan juga pembangunan praktikal yang berkaitan dengan hubungannya terhadap kejayaan dalam kalangan teknousahawan wanita (Marina Abu Bakar, 2020). Begitu juga saranan oleh Mohd Abdullah (2015) agar lebih banyak kajian berkaitan peranan kompetensi keusahawanan terhadap kejayaan teknousahawan kerana masih kekurangan dari segi literatur. Bagi mengisi kelompongan ini, kajian ini mengkaji hubungan kompetensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS, melibatkan enam dimensi iaitu mencari peluang, hubungan, strategik, komitmen, kepimpinan dan mencari idea baharu.

2.7 Pengalaman Kerja

Bahagian ini membincangkan definisi, kajian lepas yang berkaitan hubungan pengalaman kerja dengan kejayaan serta kepentingan pengalaman kerja.

2.7.1 Definisi Pengalaman Kerja

Secara amnya, pengalaman ditakrifkan sebagai peristiwa yang berlaku dalam kehidupan individu. Menurut Quinones (2001), pengalaman kerja merupakan pengalaman hidup individu dalam membantu meramal prestasi kerja seseorang. Individu yang mempunyai pengalaman kerja terdahulu boleh diklasifikasikan sebagai mempunyai pengetahuan yang unik, dan dianggap sebagai aset sebenar kepada firma (Ascencio et al., 2022). Pengalaman kerja ditakrifkan sebagai pengetahuan atau keupayaan yang diperoleh oleh individu dalam pekerjaan, organisasi, atau industri tertentu (Shamsul Hana Abd Rani, 2019). Pengetahuan yang diperoleh oleh seseorang, sama ada tersirat atau nyata adalah sangat penting untuk memperkasakan kemahiran serta mempengaruhi pengambilan keputusan yang tepat. Pengalaman kerja ditakrifkan sebagai pengetahuan atau keupayaan yang diperoleh oleh individu dalam pekerjaan, organisasi, atau industri tertentu (Afshan et al., 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Gabrielsson & Politis (2012) mendapati bahawa individu yang mempunyai pengalaman kerja akan sentiasa bekerja bersungguh-sungguh untuk meningkatkan keuntungan operasi mereka. Dalam konteks teknokeusahawanan, pengalaman kerja merujuk kepada kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh oleh seseorang teknousahawan. Teknousahawan memperoleh pengalaman kerja melalui penglibatan dalam aktiviti yang berasaskan kepada teknologi dan keusahawanan serta pengalaman kerja melibatkan beberapa aspek penting seperti penggunaan teknologi, penyelesaian masalah, serta pemikiran inovatif (Ojikutu et al., 2023). Seterusnya, pengalaman kerja juga merujuk peristiwa yang dialami oleh individu dan mempunyai kaitan dengan prestasi mereka dalam sesuatu pekerjaan (Stefan et al., 2021). Maka dalam konteks kajian ini pengalaman kerja dirujuk dari sudut tempoh masa yang melebihi tiga tahun dalam mana-mana pekerjaan yang diceburi oleh teknousahawan wanita PKS kerana dalam tempoh masa yang melebihi tiga tahun seseorang teknousahawan berjaya menstabilkan perniagaan mereka. Bahagian seterusnya membincangkan kajian terdahulu yang berkaitan dengan hubungan pengalaman kerja dengan kejayaan.

2.7.2 Kajian Lepas yang Berkaitan Hubungan Pengalaman Kerja dengan Kejayaan.

Manasa Gurana (2022) menerangkan bahawa, teknousahawan di India telah menyelesaikan masalah terbesar iaitu pengangguran dan penghasilan produk inovatif yang menyumabnag kepada kejayaan ekonomi negara. Pengalaman kerja lepas memotivasikan teknousahawan bekerja kuat dan beranai mengambil risiko yang ahkirnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi. Perkara ini disokong oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamberidou (2020) menyatakan bahawa teknousahawan yang mempunyai pengalaman kerja mempunyai beberapa kepakaran dalam penghasilan serta penyelesaian masalah sewaktu pengeluaran produk yang bermutu tinggi. Tambahan pula teknousahawan berpengalaman transformatif menghasilkan perubahan mendasar pada diri dan perubahan diri sering terjadi terutama setelah seseorang usahawan mangalami peristiwa yang tidak diharapkan.

Pengalaman terdahulu merupakan kriteria yang paling penting dalam kalangan usahawan wanita bagi menganggarkan peluang mereka untuk berjaya (Nur Afifah Ahmad & Nurhawani Yaacob, 2021). Zhu et al. (2018), menyatakan bahawa salah satu faktor wanita China dan Vietnam kurang berjaya dalam bidang teknokeusahawanan jika dibandingkan dengan lelaki adalah kerana mereka mempunyai kekurangan pengalaman kerja terdahulu dalam perniagaan. Begitu juga Ghazali et al. (2021) yang menyatakan bahawa pengalaman kerja sangat penting bagi usahawan wanita sebelum memulakan kerja mereka untuk menjadi teknousahawan yang berjaya.

Feng dan Chen (2020) menyatakan bahawa pengalaman kerja boleh dilihat dalam dua sudut yang berbeza, iaitu kuantiti (tempoh masa) dan kualiti (tugas yang dijalankan). Walau bagaimanapun, kebanyakan pengkajian pengalaman kerja tumpu pada sudut kuantiti yang berdasarkan masa, khususnya dari segi jumlah tahun pengalaman kerja dalam pekerjaan tertentu, masa di syarikat, atau jumlah masa yang dihabiskan dalam sesuatu kerja pekerjaan (Fairlie dan Robb, 2008; DeRue, 2009). Selaras dengan itu, kajian ini mengadaptasi pengukuran pengalaman kerja dengan jumlah tahun pengalaman kerja mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pengalaman kerja juga merujuk pengetahuan atau kemahiran yang diperoleh individu daripada pekerjaan, organisasi atau industri tertentu (Mohd Raiz Razuan et al., 2019). Ia juga merupakan dimensi paling biasa yang digunakan bagi modal insan yang berkaitan dengan kemahiran serta pengalaman kerja merujuk kepada pengalaman bertahun-tahun yang pernah bekerja dalam pekerjaan terdahulu. Selain itu, Mohd Raiz Razuan et al. (2019) juga menyatakan bahawa pengetahuan sedia ada yang diperoleh daripada pengalaman terdahulu membolehkan seseorang mengenal pasti peluang dengan mudah yang boleh membantu perkembangan dan kejayaan perniagaan.

Tambahan pula, Aaina Amirah Haron et al. (2022) mendapati bahawa teknousahawan yang mempunyai pengalaman kerja berbeza dengan teknousahawan yang tidak berpengalaman dalam memproses dan mengumpul maklumat. Teknosahawan yang mempunyai pengalaman perniagaan yang berkaitan bidang perusahaan yang diceburi mampu meningkatkan kualiti aktiviti teknokeusahawanan. Hal ini akan memberi kesan positif ke atas teknousahawan serta memotivasikan teknousahawan menghasilkan produk yang berkualiti tinggi serta memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

Dalam kajian lain yang dijalankan oleh Kilenthong (2018), pengalaman kerja didapati memberikan kesan yang positif terhadap kejayaan teknousahawan Thailand. Usahawan yang mempunyai pengalaman perniagaan boleh belajar daripada kesilapan lalu dan belajar untuk mengelakan pelakuan kesilapan yang sama ke atas perniagaan yang baharu. Hal ini kerana teknousahawan yang lemah dalam pengurusan perniagaan akan membaiki situasi tersebut daripada pengalaman seharian mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga, Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof et al. (2020) meneroka kesan pengalaman kerja terhadap faktor kejayaan. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa pengalaman kerja meningkatkan peluang untuk berjaya. Begitu juga Nur Afifah Ahmad & Nurhawani Yaacob (2021) yang menjalankan kajian bagi menyiasat hubungan antara pengalaman kerja dengan prestasi keusahawanan di Kelantan. Dapatan ini menunjukkan bahawa prestasi firma sangat dipengaruhi oleh pengalaman kerja. Tambahan lagi, dapatan tersebut menyerlahkan penemuan bahawa pengalaman kerja terdahulu mempunyai kesan yang lebih besar terhadap prestasi perniagaan berbanding dengan pendidikan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa elemen pengalaman kerja adalah penting dan membantu untuk berjaya berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai pengalaman kerja (Suhaila Nadzri et al., 2014; Zhao et al., 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengalaman terdahulu dalam bidang yang diceburi oleh wanita penting untuk berjaya. Zhu & Zhu (2018) menyokong perkara ini dalam kajian mereka yang mendapati bahawa berbanding dengan lelaki, hanya empat puluh dua peratus wanita terlibat dengan perniagaan barangan dan perkhidmatan yang serupa dengan rakan sejawatan mereka sebelum ini. Hal ini sememangnya menyediakan usahawan dengan modal insan perniagaan generik dan khusus, yang penting untuk menjalankan perniagaan yang berjaya. Begitu juga, Alene (2020) menyatakan bahawa pengalaman kerja sebelum ini turut memberikan impak positif kepada kejayaan wanita dari segi perolehan jualan dan penciptaan pekerjaan.

Maka, pengalaman kerja akan membekalkan teknousahawan dengan pengetahuan tersurat dan tersirat yang membolehkan mereka mencapai matlamat perniagaan. Pada masa yang sama, teknousahawan akan lebih bermotivasi untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membangun dan mengembangkan perniagaan mereka dengan semua ilmu yang mereka ada (Ghazali et al., 2021). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pengalaman kerja adalah penting dalam menentukan kejayaan seseorang teknousahawan. Berpandukan kajian-kajian lepas yang banyak membincangkan mengenai kepentingan pengalaman kerja sebagai kejayaan, pengkaji menentukan hubungan pengalaman kerja dengan kejayaan dalam konteks teknousahawan wanita PKS Malaysia. Jadual 2.18 menerangkan ringkasan kajian-kajian lepas berkaitan pengalaman kerja dengan kejayaan.

Jadual 2.18

Hubungan Pengalaman Kerja dengan Kejayaan

Pengkaji/Penulis	**Hubungan pengalaman kerja dengan kejayaan**
Manasa Gurana (2022)	Pengalaman kerja lepas memotivasikan teknousahawan bekerja kuat dan beranai mengambil risiko untuk berjaya.
Nur Afifah Ahmad & Nurhawani Yaacob (2021)	Pengalaman terdahulu merupakan elemen penting bagi menganggarkan peluang mereka untuk berjaya.
Ghazali et al. (2021)	Pengalaman kerja sangat penting bagi usahawan wanita sebelum memulakan kerja mereka untuk menjadi teknousahawan yang berjaya.
Mohd. Raiz Razuan et al. (2019)	Pengalaman terdahulu membolehkan seseorang mengenal pasti peluang dengan mudah yang boleh membantu berjaya dalam perniagaan.
Aaina Amirah Haron et al. (2022)	Pengalaman perniagaan yang berkaitan bidang perusahaan yang diceburi memberi kesan positif ke atas kejayaan.
Kilenthong dan Rueanthip (2018)	Pengalaman kerja didapati memberikan kesan yang positif terhadap kejayaan teknousahawan Thailand.
Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof et al. (2020)	Pengalaman kerja meningkatkan peluang untuk berjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab faktor kepentingan pengalaman kerja ke arah kejayaan usahawan, justeru terdapat keperluan untuk kajian lanjut berkenaan dengan hubungan antara pengalaman kerja dengan kejayaan keusahawanan. Oleh itu, adalah penting untuk memasukkan pengalaman kerja sebagai salah satu faktor yang membawa kepada kejayaan teknouasahawan wanita dalam sektor PKS. Selain pengetahuan dan kemahiran, pengalaman adalah aset berharga untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Semakin lama seseorang terlibat dalam perniagaan, semakin banyak pengalaman yang diperoleh untuk menjalani perniagaan. Malah banyak usahawan yang telah berjaya dalam bidang perniagaan hanya bersandarkan pengalaman dan tanpa memperoleh pengetahuan keusahawanan secara formal di sekolah atau institut pengajian tinggi (Ploum et al., 2018). Maka kajian ini mengkaji tahap hubungan pengalaman kerja terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Latihan Teknousahawan Sebagai Moderator

Kementerian atau agensi yang menyediakan latihan kepada teknousahawan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan bagi membangunkan perniagaan mereka (Mohd Abdullah Jusoh et al., 2006). Ini disokong oleh Nurul Labanihuda Abdull Rahman et al. (2023) yang menyatakan bahawa latihan teknokeusahawanan memberi pengetahuan dan kemahiran kepada usahawan bagi membantu mengembangkan perniagaan mereka.

Kajian Nor Azira Ayob et al. (2018) meneliti faktor-faktor yang membentuk modal insan dan daya saing dalam diri usahawan wanita Bumiputera serta faktor yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

paling mempengaruhi kejayaan pengusaha wanita yang berdaftar dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di negeri Melaka. Hasil daripada analisis faktor mendapati empat faktor utama yang membentuk modal insan dalam diri usahawan wanita iaitu faktor pendidikan dan latihan; pengalaman perniagaan, sokongan sosial dan kreativiti, manakala bagi aspek daya saing, terdapat tiga faktor utama iaitu bantuan kewangan, iltizam perniagaan, prasarana dan infrastruktur. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada keseluruhan faktor tersebut, hasil analisis kajian mendapati bahawa faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi kejayaan usahawan wanita adalah faktor prasarana diikuti faktor pendidikan dan latihan, pengalaman perniagaan, bantuan kewangan dan kreativiti.

Menurut Sarimah Che Hassan et al. (2020) kerajaan membudayakan keusahawanan dalam kalangan usahawan menerusi latihan keusahawanan bagi meningkatkan penyertaan golongan usahawan dalam ekonomi. Usahawan dipupuk sikap keusahawanan supaya mampu bergiat dalam semua bidang dan kegiatan ekonomi moden membolehkan mereka bersama-sama berganding bahu membangunkan negara. Menurut Siba (2019) usahawan yang mempunyai pengetahuan berkaitan latihan, bimbingan, pemasaran produk dan pembiayaan modal boleh membantu diri mereka mencapai kejayaan. Pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada latihan tersebut memberi kesan kepada kejayaan mereka dalam bidang teknokeusahawanan.

Kajian yang dijalankan oleh Rohayu Roddin et al. (2020) adalah untuk melihat apakah program dan latihan yang diperkenalkan oleh institusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi membantu golongan asli menjalankan aktiviti keusahawanan. Hasil dapatan kajian menunjukkan program seperti pembinaan premis perniagaan atau ruang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

niaga, bantuan dan bimbingan, kursus dan latihan keusahawanan, promosi dan pembangunan koperasi oleh pihak institusi kepada mereka merupakan penentu kepada kejayaan usahawan orang asli dalam aktiviti keusahawanan. Justeru, adalah penting peranan institusi dalam membantu meningkatkan prestasi dan kejayaan usahawan orang asli.

Kajian Noorul Hafizah Hashim, Hisham Mohammad, & Md Mahmudul Alam (2023) menunjukkan tahap kemahiran pemasaran dan prestasi syarikat berada pada tahap tinggi. Kemahiran pemasaran juga telah didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi syarikat. Selain itu, beliau juga mencadangkan bahawa usaha peningkatan kemahiran ini boleh dilaksanakan melalui program pendidikan dan latihan keusahawanan berkaitan pemasaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berpandukan kajian-kajian lepas, latihan dikenal pasti salah satu faktor keusahawanan yang mendorong usahawan wanita untuk berjaya dalam perusahaan kerana memberikan pengetahuan tentang pemasaran, kewangan, rancangan perniagaan serta meningkatkan tahap keyakinan (Shinta Wahyu Hati et al., 2019). Santos et al. (2002) menyatakan bahawa kejayaan keusahawanan dipengaruhi oleh latihan, program atau kursus yang dibangunkan oleh kerajaan seperti program inkubator, latihan keusahawanan, pembinaan premis perniagaan dan bantuan pembiayaan kewangan kepada PKS. Seterusnya Buerah Tunggak & Zoolhilmi Ahmed (2015) pula menjelaskan bahawa perkara berkaitan keperluan dan kepentingan latihan ke arah pembangunan teknousahawan harus diberi perhatian yang sewajarnya kerana teknousahawan tidak akan berjaya sekiranya latihan yang diperlukan diabaikan. Kekurangan latihan akan menghalang daya tahan dan daya saing teknousahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Cheston et al., (2002), latihan dan pendidikan kesihatan didapati mempunyai kesan yang positif terhadap prestasi keuntungan usahawan wanita di Ghana. Penyertaan ini disokong oleh Kuzilwa (2005), latihan dan kredit mempunyai kesan yang positif terhadap prestasi usahawan wanita di Tanzania. Selain itu, Ekpe (2012) juga menyatakan, latihan mempunyai kesan yang positif terhadap kejayaan kebajikan usahawan wanita di Haiti, Kenya, Malawi dan Nigeria. Kebanyakan usahawan wanita mempunyai kekurangan peluang untuk mendapatkan latihan, terutamanya di negara-negara membangun.

Selain daripada itu, terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji peranan latihan sebagai moderator. Kajian yang dijalankan Ishola (2020) menunjukkan bahawa terdapat kehadiran kesan moderator latihan pemindahan pada penentu pencapaian keusahawanan dalam keseluruhan model. Tahap latihan pemindahan yang tinggi meningkatkan kecekapan perniagaan responden yang seterusnya meningkatkan pencapaian keusahawanan mereka. Oleh itu, terdapat keperluan bagi pemilik PMKS Nigeria untuk meletakkan lebih penekanan pada pembangunan modal insan, dan latihan pemindahan khususnya bagi meningkatkan pencapaian keusahawanan di Nigeria.

Selanjutnya, kajian ini meneroka peranan keupayaan pengurusan sumber dan pengetahuan yang berkesan terhadap keupayaan inovasi produk PKS. Secara khusus, penulis mengkaji peranan pelaburan sumber manusia dalam bentuk latihan dalam membangunkan keupayaan inovatif firma dan cara PKS mencapai prestasi yang tinggi. Hasil kajian ini mendapati hubungan positif antara peningkatan latihan dan keupayaan inovasi produk dalam PKS yang menyumbang kepada kejayaan perniagaan PKS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor latihan memberi kesan terhadap keupayaan inovatif dengan melakukan pengkajian dan pembangunan berterusan (Abidin, 2022).

Jumlah PKS di Indonesia terus meningkat di samping membawa banyak kesan positif dalam bentuk pekerjaan yang boleh mengurangkan pengangguran. Namun demikian, cabaran penggunaan teknologi baharu dalam pemasaran atas talian menjadi penghalang kepada teknousahawan berjaya serta menjalankan perniagaan berkaitan dengan PKS. Kajian ini mencadangkan latihan teknousahawan yang berkesan dan sesuai dapat meningkatkan kefahaman yang mendalam dalam kalangan teknousahawan (Kusuma & Azizi, 2023).

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Mohammad Omar Faruq, Mohammad Osman Gani, & Dewan Niamul Karim (2023) adalah untuk memahami hubungan antara orientasi keusahawanan dan niat keusahawanan dengan prestasi. Kajian ini telah menggunakan latihan sebagai moderator dalam kedua-dua model. Latihan memainkan peranan sebagai moderator antara orientasi keusahawanan dengan prestasi, manakala latihan mendapati hubungan yang tidak signifikan antara niat keusahawanan dengan prestasi. Mensmann & Fresa (2019) juga menjalankan kajian untuk mengenal pasti kesan moderator iaitu latihan yang mempengaruhi kecekapan, semangat dan pembentukan perniagaan yang berjaya. Seramai 227 peserta yang terlibat dalam kajian ini dan mendapati bahawa latihan menunjukkan hubungan yang signifikan.

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji peranan pemboleh ubah lain sebagai moderator dengan kejayaan teknousahawan. Menurut Nor Atikah Johari et al. (2020) kejayaan keusahawanan amat penting bagi menjamin kesinambungan hayat dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daya saing sesebuah perniagaan dan dapatan kajian menjelaskan nilai agama dan sokongan kerajaan memainkan peranan sebagai faktor moderator yang menguatkan hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Manakala latihan dan program keusahawanan pula tidak menunjukkan hubungan yang kuat dengan daya saing perniagaan agropreneur muda. Nilai agama dan sokongan kerajaan yang memainkan peranan sebagai faktor moderator telah menjelaskan arah atau kekuatan hubungan antara pemikiran keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan sikap keusahawanan ke atas kejayaan keusahawanan agropreneur muda.

Selain itu, Rahmat (2010) menjalankan kajian mengenai kesan moderator jenis latihan dengan pendidikan keusahawanan terhadap persepsi kejayaan usahawan kecil di Surakarta, Indonesia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses pembelajaran mempunyai hubungan yang kukuh terhadap persepsi kejayaan berbanding dengan jenis latihan. Kajian yang dijalankan oleh Faizah Zakaria & Azhar Harun (2019) membincangkan tentang konsep hubungan faktor kemahiran usahawan asnaf dengan kejayaan perniagaan kecil dan faktor amalan kerohanian Islam dimasukkan sebagai faktor moderator. Dapatan kajiannya pula menyatakan bahawa amalan kerohanian menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan serta berperanan sebagai menyederhana hubungan antara faktor kemahiran dan kejayaan usahawan asnaf. Beliau juga mencadangkan bahawa kajian akan datang mengkaji peranan latihan keusahawanan sebagai moderator antara kemahiran dan kejayaan perniagaan.

Kesimpulannya, terdapat beberapa kajian lepas yang menunjukkan bahawa latihan berperanan sebagai pemboleh ubah moderator dan juga sebagai pemboleh ubah bebas yang mempengaruhi kejayaan sesuatu perniagaan atau sebaliknya. Maka bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengisi jurang ini, kajian ini telah menentukan latihan sebagai pemboleh ubah moderator yang berperanan sebagai menyederhana hubungan antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

2.9 Perusahaan Kecil dan Sederhana

Bahagian ini membincangkan definisi, perkembangan, cabaran dan kajian lepas mengenai Perusahaan Kecil dan Sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.1 Definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana

Jenis ekonomi yang berbeza menggunakan takrifan yang berbeza untuk menerangkan definisi PKS serta takrifan ini diguna pakai mengikut hala tuju pembangunan dan dasar setiap jenis ekonomi negara (SME Corp, 2022). Kebanyakan definisi dipengaruhi oleh perkembangan saiz ekonomi negara masing-masing. Justeru, negara boleh menggunakan takrifan PKS pada bila-bila masa yang yang difikirkan sesuai dan kebiasaannya mengikut kemajuan ekonomi terkini atau perubahan dalam dasar (Sofiah Mohamad, 2020).

Menurut Nurul Amira Omar et al., (2021) di Malaysia definisi umum untuk PKS oleh Majlis Pembangunan Usahawan PKS Kebangsaan (MPPK) telah diterima pakai di seluruh negara sejak tahun 2005 dan versi yang telah disemak semula telah berkuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kuasa pada tahun 2014. Terdapat dua kriteria umum yang sering digunakan untuk mendefinisikan PKS iaitu nilai jualan tahunan dan jumlah pekerja sepenuh masa sesebuah perniagaan.

Bermula 1 Januari 2014, kerajaan telah mengumumkan definisi baharu bagi PKS di Malaysia (SME Corp, 2022). Takrifan baharu ini bertujuan untuk menghasilkan lebih banyak firma yang dikelaskan sebagai PKS, terutamanya dari sektor perkhidmatan. Hal ini akan memudahkan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi melalui inisiatif di bawah Pelan Induk PKS (SME Corp, 2022). Definisi baharu PKS di Malaysia adalah seperti dalam Jadual 2.19.

Jadual 2.19

Klasifikasi Perusahaan Kecil dan Sederhana

Kategori	Pembuatan	Perkhidmatan dan Sektor Lain
Perusahaan Mikro	Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.	Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.
Perusahaan Kecil	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM5 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa dari 5 hingga kurang daripada 75 orang.	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 orang hingga kurang daripada 30 orang.
Perusahaan Sederhana	Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa dari 75 orang hingga tidak melebihi 200 orang.	Jualan tahunan daripada RM 3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa daripada 30 orang hingga tidak melebihi 75 orang.

Note: Diadaptasi daripada SME Corp,2022, http://www.smecorp.gov.my/index.php/en/

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.19 menunjukkan bahawa sektor pembuatan mentakrifkan PKS sebagai pertubuhan yang mempunyai nilai jualan tahunan tidak melebihi lima puluh juta ringgit Malaysia atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi dua ratus orang manakala sektor perkhidmatan dan sektor lain pula, PKS ditakrifkan sebagai pertubuhan yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi dua puluh juta ringgit Malaysia atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi tujuh puluh lima orang.

Menurut Nurul Amira Omar et al. (2021), definisi PKS ditentukan mengikut tahap pembangunan sesebuah negara sama ada negara maju atau negara sedang membangun. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Hong Kong mentakrifkan PKS berdasarkan bilangan pekerja dan jumlah modal. Sebagai contohnya, Jepun mentakrifkan PKS berdasarkan milikan modal yang tidak melebihi daripada tiga ratus million Yen atau perniagaan yang mempunyai bilangan pekerja tetap sebanyak tiga ratus orang atau kurang daripada bilangan tersebut. Di samping itu, negara maju Amerika Syarikat pula menggariskan saiz yang standard bagi PKS berdasarkan bilangan pekerja serta purata pendapatan tahunan. Garis panduan ini ditentukan oleh *Small Business Administration* (SBA) bagi tujuan melindungi kepentingan PKS negara tersebut. Selanjutnya, di negara Eropah dan Hong Kong PKS didefinisikan berdasarkan bilangan pekerja. Di Eropah merujuk kepada bilangan pekerja yang kurang daripada lima ratus orang. Hong Kong pula firma pembuatan mempunyai seratus orang pekerja manakala bukan kategori pembuatan mempunyai kurang daripada dua puluh orang pekerja.

Selanjutnya, definisi PKS di negara yang sedang membangun juga berbeza walaupun berada dalam kelompok negara yang sama (Nurul Amira Omar et al., 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai contohnya, negara jiran Thailand mendefinikan PKS sebagai firma yang kurang daripada sepuluh million Bath sebagai firma bersaiz kecil manakala firma yang mempunyai lebih daripada sepuluh million Bath atau kurang daripada seratus million Bath dikategorikan sebagai firma bersaiz sederhana. Di negara Brunei pula, klasifikasi saiz perniagaan PKS adalah berpandukan bilangan pekerja iaitu perusahaan kecil mempunyai bilangan pekerja kurang daripada sepuluh orang manakala perusahaan sederhana pula mempunyai bilangan pekerja sepuluh hingga seratus orang (Nurul Amira Omar et al., 2021). Perusahaan besar mempunyai bilangan pekerja melebihi seratus oranga. Selain daripada itu, negara Indonesia pula memberi definisi kepada PKS berpandukan nilai untung dan jualan manakal negara Filipina pula mengkategorikan PKS berdasarkan saiz aset dan bilangan pekerja.

Secara kesimpulannya, berpandukan definisi-definisi yang ditetapkan secara global, kebanyakkan negara mengutamakan elemen bilangan pekerja sebagai penentu definisi PKS. Definisi PKS yang ditentukan oleh setiap negara adalah berbeza dan bergantung kepada sumbangan PKS dalam pembangunan negara (Nurul Amira Omar et al., 2021). Jadi, dalam konteks kajian ini PKS yang dimaksudkan adalah sebuah syarikat yang menggunakan tenaga kerja tidak melebihi 200 orang serta melibatkan sektor pertanian, perkhidmatan, pembuatan, pembinaan, dan perlombongan dan pengkuarian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.2 Definisi Usahawan Wanita PKS

Menurut Jamaliah Jaafar (2020), usahawan wanita ialah individu yang menguruskan perniagaan berdasarkan prinsip dan matlamat individu tersebut. Grondin (1994) pula menyatakan bahawa usahawan wanita merupakan golongan wanita yang memiliki perniagaan bersaiz kecil, sederhana, dan besar. *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD, 2004) pula menyatakan bahawa usahawan wanita ialah mereka yang membentuk kerja baharu untuk diri serta meneroka peluang keusahawanan.

Fatimah Salwa (2013) menjelaskan bahawa usahawan wanita merujuk kepada wanita yang aktif terlibat serta menyesuaikan diri dengan persekitaran sosioekonomi. Di samping itu, usahawan wanita ialah wanita yang sentiasa berusaha mengembangkan perniagaan sendiri dengan penuh bermotivasi tanpa berputus asa (Che Mohd Zulkifli, 2015). Usahawan wanita juga boleh ditakrifkan sebagai seorang wanita yang terlibat dalam pelbagai jenis bidang perniagaan serta menggunakan kreativiti sebagai prasyarat menjayakan perniagaan (Musalme, 2011).

Selain itu, usahawan wanita juga ialah wanita yang mempunyai motivasi untuk membangun perniagaan sendiri (Nur Afifah Ahmad dan Nurhawani Yaacob, 2021). Selain itu, usahawan wanita juga dipercayai memiliki sikap tekun dan gigih, yang jelas terlihat dalam perniagaan (Gusniar Nurdin et al., 2014). Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengkaji penglibatan usahawan wanita PKS dalam bidang teknokeusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.3 Perusahaan Kecil dan Sederhana di Global

Sumbangan (PKS) terhadap ekonomi adalah penting dan berkesan, tidak hanya di negara-negara sedang membangun seperti Malaysia, tetapi juga di negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah, Hong Kong dan Jepun. Di negara-negara maju, PKS menyumbang lebih daripada separuh kepada ekonomi negara, sebagai contoh Jerman menyumbang 54.4 peratus dan Perancis 55.8 peratus kepada ekonomi negara masing-masing. (SME Corp, 2022).

Di peringkat global, pembangunan PKS menjadi fokus utama di sesetengah negara bagi melahirkan usahawan yang berdaya saing serta berpotensi tinggi. Negara-negara di peringkat global seperti Amerika Syarikat, Singapura, Kanada, Vietnam dan Indonesia mula bertumpu kepada sektor dan usahawan PKS dengan memperkasakan agenda keusahawanan. Selain itu, terdapat juga negara-negara yang telah menerapkan agenda keusahawanan dalam dasar inovasi, polisi, dasar perindustrian serta plan pembangunan jangka masa panjang atau pendek (DKN 2030, 2020).

Agenda keusahawanan yang mula diterapkan melalui dasar keusahawanan membantu membentuk satu strategi dan plan untuk mengatasi kekangan-kekangan yang wujud dalam sektor PKS. Pada masa yang sama, agenda tersebut akan memberi peluang yang sama rata kepada semua lapisan masyarakat. Hal ini juga akan membuka jalan kepada individi yang berminat untuk menceburi dalam bidang PKS (Aaina Amirah Haron, Noor Hasni Juhdi, dan Mohd Radzuan Rahid, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Negara-negara maju seperti Kanada telah menerapkan dasar keusahawanan pembangunan PKS melalui pelan tindakan inovasi dan strategi industri. Hal ini demikian, untuk memupuk ekosistem inovatif yang kondusif di samping menyokong pembangunan usahawan PKS. Selain dari pada itu, negara-negara *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) pula menerapkan dasar pembangunan PKS dalam pelan pembangunan jangka pendek negara. Pelan pembangunan jangka pendek ini lebih bersifat makro serta menyeluruh (Aaina Amirah Haron, Noor Hasni Juhdi, dan Mohd Radzuan Rahid, 2022).

Menurut laporan DKN 2030 (2020), sumbangan PKS dalam pertumbuhan ekonomi tidak boleh dipertikaikan lagi. Hal ini kerana, sembilan puluh peratus perniagaan adalah daripada PKS. PKS ini memaikan peranan yang penting dalam menyumbang ekonomi sesebuah negara. Keadaan ini dapat dibuktikan melalui sumbangan pekerjaan oleh PKS di negara-negara maju telah mencecah sembilan puluh peratus. Sebagai buktinya, di Amerika Syarikat dan Jerman PKS telah memberi sumbangan sebanyak lapan puluh peratus terhadap pekerjaan di samping menyumbang lima puluh peratus kepada KDNK negara tersebut.

Tegasnya, secara global pembangunan dan pertumbuhan PKS diberi perhatian yang serious. Kepentingan dan kelebihan daripada pembangunan PKS membawa perubahan yang besar dalam ekonomi sesebuah negara (Haizum Ruzanna Sahar, Maizatul Haizan Mahbob dan Wan Amizah Wan Mahmud, 2021). Selain mewujudkan banyak peluang pekerjaan, PKS meningkatkan pendapatan negara, pengukuhan industri negara, pengurangan import barangan serta peningkatan export negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.4 Perusahaan Kecil dan Sederhana Di Malaysia

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan sektor penting dalam memacu ke arah transformasi ekonomi negara Malaysia. Sumbangan besar PKS terhadap pembangunan dan pertumbuhan ekonomi dapat dilihat menerusi jumlah hasil keluaran daripada setiap sektor PKS serta peluang pekerjaan yang diwujudkan (Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof et.al, 2020).

Maka, menyedari kepentingan PKS kepada ekonomi Malaysia, pada tahun 2012 kerajaan telah menyediakan Pelan Induk PKS 2012-2020, iaitu rangka kerja komprehensif yang bertindak sebagai *game-changer* dalam mempercepat pertumbuhan PKS (SME Corp, 2022). Seterusnya, bagi mencungkil potensi PKS dalam bidang yang belum diterokai dan meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (Dasar Keusahawanan Negara 2030, 2019) telah dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia pada 11 Julai 2019 (Dasar Keusahawanan Negara 2030, 2019). DKN 2030 merupakan dokumen dasar pertama yang dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sejajar dengan fungsi kementerian untuk menggubal dasar pembangunan komuniti keusahawanan yang kompetitif khususnya kepada PKS (Dasar Keusahawanan Negara 2030, 2019).

Merujuk kepada laporan Prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (2022), PKS menunjukkan trend lebih laju berbanding dengan KDNK Malaysia bermula pada tahun 2004. Pada tahun 2021, PKS menyumbang sebanyak 37.4 peratus kepada KDNK. KDNK PKS Malaysia bertumbuh pada kadar 5.8 peratus pada tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2019, tetapi menurun pada tahun 2020 pada kadar -7.3 peratus. Pada tahun 2021, KDNK PKS Malaysia merekodkan pertumbuhan yang lebih baik, iaitu 1.0 peratus (JPM, 2022). Prestasi ini kekal melebihi pertumbuhan KDNK Malaysia yang mencatatkan 3.1 peratus. Jadual 2.20 menunjukkan kategori kadar pertumbuhan KDNK PKS dan kategori bukan PKS dari tahun 2016 hingga 2021 (JPM, 2022).

Jadual 2.20

Kadar Pertumbuhan KDNK PKS dan Bukan PKS

Tahun	**Kategori**	
	Kadar KDNK PKS (%)	**Kadar KDNK Bukan PKS (%)**
2016	5.4	3.9
2017	7.2	5.6
2018	6.2	3.9
2019	5.8	3.4
2020	-7.3	-4.4
2021	1.0	4.4

Note: Diadaptasi daripada Laporan JPM, 2022, www.dosm.gov.my/

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prestasi PKS di Malaysia dapat diukur melalui aspek sumbangan ke atas eksport negara, sumbangan mengikut jenis aktiviti ekonomi dan prestasi guna tenaga (Ramdan, 2022). Impak ini sangat menyumbang kepada pemantapan ekonomi negara. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) (2022) PKS yang terdiri daripada lima sektor utama menyumbang nilai eksport sebanyak RM124.3 billion pada tahun 2021, seterusnya mencatatkan peningkatan 5.4 peratus berbanding dengan kemerosotan 33.1 peratus pada tahun 2020, dipacu oleh sektor pembuatan (16.7 peratus) dan pertanian


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(20.4 peratus). Nilai eksport ini majoritinya dari sektor pembuatan, iaitu sebanyak 76.6 peratus pada tahun 2021. Sumbangan ini didorong oleh pelbagai barang keluaran, kilang dan bahan kimia. Destinasi utama untuk eksport PKS bagi sektor pembuatan ialah Singapura yang merangkumi 18.8 peratus, diikuti oleh China (16.5 peratus) dan Amerika Syarikat (10.3 peratus) (JPM, 2022). Rajah 2.2 menunjukkan perubahan peratusan tahunan eksport PKS mengikut sektor dari tahun 2017 hingga 2021.

Rajah 2.2

Perubahan Peratusan Tahunan Eksport PKS Mengikut Sektor bagi Tahun 2017-2021



Diadaptasi daripada Laporan JPM, 2022, *www.dosm.gov.my/*

Eksport PKS bagi sektor perkhidmatan merosot kepada RM26.2 bilion pada tahun 2020 berbanding RM33.9 bilion pada tahun 2019, disumbangkan oleh aktiviti perkhidmatan. Sumbangan eksport PKS kepada jumlah keseluruhan eksport pada tahun 2021 adalah 11.7 peratus, yang terdiri daripada sektor pembuatan (9.0 peratus),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkhidmatan (2.5 peratus) dan pertanian (0.3 peratus) (JPM, 2022). Jadual 2.21 menunjukkan prestasi sumbangan berdasarkan jenis aktiviti ekonomi melibatkan lima sektor utama, iaitu pertanian, perlombongan dan pengkuarian, pembuatan, pembinaan serta perkhidmatan dari tahun 2019 sehingga 2021.

Jadual 2.21

Peratusan Sumbangan Jenis Aktiviti Ekonomi bagi Tahun 2019 hingga 2021.

Jenis Aktiviti	**Sumbangan (%)**		
	2019	**2020**	**2021**
Pertanian	52.9	53.9	55.0
Pembinaan	46.5	48.7	49.0
Perkhidmatan	42.7	41.0	39.8
Pembuatan	34.6	34.5	34.2
Perlombongan dan Pengkuarian	2.6	3.0	2.9

Note: Diadaptasi daripada Laporan JPM, 2022, *www.dosm.gov.my/*

Jadual 2.21 menunjukkan semua sektor mencatatkan peningkatan setiap tahun kecuali sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sumbangan KDNK PKS bagi sektor perkhidmatan pada tahun 2021 menurun kepada 39.8 peratus daripada 41.0 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor ini didominasi oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman serta penginapan. Selain itu, sektor pembuatan mencatatkan sumbangan 34.2 peratus pada tahun 2021 kepada KDNK PKS didominasi oleh produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Sementara itu, KDNK PKS bagi sektor perlombongan & pengkuarian merekodkan sumbangan 2.9 peratus pada tahaun 2021 dan lebih rendah berbanding tahun sebelumnya (JPM, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bilangan guna tenaga PKS mencatatkan peningkatan dari tahun 2021 ke tahun 2020 sebanyak 0.9 peratus iaitu bertambah sebanyak 62 ribu orang dengan merekodkan sejumlah 7.32 juta orang pada tahun 2021 berbanding 7.25 juta orang pada tahun 2020. Pertumbuhan guna tenaga PKS adalah lebih perlahan berbanding dengan guna tenaga dan guna tenaga bukan PKS di mana masing-masing meningkat pada kadar yang lebih laju iaitu 1.3 peratus dan 1.7 peratus. Oleh itu, keadaan ini menunjukkan momentum pemulihan guna tenaga PKS yang lebih perlahan berbanding dengan perniagaan yang lebih besar berikutan dari krisis kesihatan awam yang berpanjangan. Pada tahun 2021, sumbangan guna tenaga PKS menurun kepada 0.2 peratus daripada 48.0 peratus pada tahun sebelumnya 2020 dengan mencatatkan sumbangan 47.8 peratus. Rajah 2.3 menunjukkan kadar pertumbuhan guna tenaga PKS dari tahun 2016 hingga tahun 2021 (JPM, 2022).


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.3

Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga PKS dari Tahun 2016 hingga Tahun 2021



Diadaptasi daripada Laporan JPM, 2022, www.dosm.gov.my/

Di negara maju, peranan sektor PKS dilihat lebih bersifat makro kerana mampu membantu perkembangan eksport dan menjana inovasi, di samping pemindahan teknologi. Manakala di negara membangun seperti Malaysia pula lebih bersifat mikro kerana ia menggalakan agihan pendapatan yang lebih adil, mewujudkan pembangunan yang lebih seimbang, membasmi kemiskinan, menyediakan peluang pekerjaan serta membentuk rantaian antara industri (Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof et.al, 2020). Kepelbagaian ciri dan prestasi PKS bukan sahaja dapat meningkatkan daya ketahanan mereka, tetapi menghasilkan sumbangan yang lebih tinggi kepada ekonomi negara meskipun dalam persekitaran ekonomi yang mencabar sepanjang tahun tersebut (SME Corp, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya, sumbangan daripada PKS sangat membantu dalam merangsang ekonomi negara dari sudut eksport, peningkatan pendapatan negara serta peluang pekerjaan. Bagi memastikan industri PKS terus berdaya maju, kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan menerusi dasar strategik untuk pembiayaan, infrastruktur, penerapan teknologi dan inovasi, pembangunan modal insan dan akses kepada pasaran. Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai program pembangunan PKS yang merentasi semua sektor ekonomi (Janain Burut, 2018). Usaha dan sokongan daripada kerajaan menyokong pembangunan sektor PKS yang kukuh dan dinamik serta merangsang pertumbuhan ekonomi di samping menyumbang kepada pencapaian pembangunan ekonomi (SME Corp, 2022).

2.9.5 Cabaran PKS di Malaysia

Matlamat Malaysia untuk mencapai status negara keusahawanan pada tahun 2030 merangkumi pelbagai aspek, termasuklah pasaran, dasar, pembiayaan, sokongan, budaya, kemahiran dan bakat serta teknologi dan inovasi supaya PKS mampu mengharungi cabaran pada masa akan datang (Dasar Keusahawanan Negara 2030, 2019). Terdapat beberapa cabaran yang dikenal pasti dan perlu ditangani agar ekosistem keusahawanan yang kondusif dapat diwujudkan bagi memperkasakan usahawan tempatan untuk bersaing pada peringkat nasional dan global (Berita Awani, 2022).

Kegagalan usahawan PKS untuk melihat perniagaan dalam perspektif rantaian bekalan secara keseluruhan merupakan satu cabaran yang menyebabkan mereka sukar untuk mengekalkan daya saing dan mengembangkan perniagaan ke tahap yang lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinggi (Berita Awani, 2022). Keadaan menjadi lebih buruk sekiranya rantaian bekalan sektor perniagaan tersebut dimonopoli oleh sesetengah pihak, serta harga bekalan dikuasai oleh mereka (Berita Awani, 2022). Sehubungan dengan itu, kaedah inovatif perlu dicari bagi menempuh monopoli ini untuk menggalakkan persaingan yang sihat dalam pasaran.

Cabaran seterusnya ialah akses kepada sumber kewangan, yang berpunca daripada jurang jangkaan antara pembiaya dengan usahawan (Janain Burut, 2018). Tahap pengetahuan usahawan yang rendah dalam menguruskan rekod kewangan syarikat menyebabkan kemudahan ini sukar untuk dilaksanakan. Masalah bertambah buruk apabila usahawan PKS menghadapi kesukaran untuk menawarkan aset yang boleh diterima oleh pembiaya sebagai cagaran (Janain Burut, 2018). Keadaan ini menyukarkan usahawan PKS mendapatkan bantuan kewangan serta menghadapi kekangan untuk mengatasi risiko tinggi untuk memulakan perniagaan baharu. Selain itu, kekurangan motivasi dan minat menyebabkan ramai usahawan enggan meneroka peluang baharu dalam bidang keusahawanan.

Oleh itu, penyelesaian holistik perlu dicari untuk merapatkan jurang ini bagi mengoptimumkan sumber pembiayaan yang boleh digunakan oleh usahawan PKS dalam mengembangkan perniagaan mereka. Menurut Nurul Yasmin Nazri & Nazri Halim (2021) usahawan PKS juga tidak sepatutnya bergantung pada bantuan kerajaan sahaja. Mereka sepatutnya mengambil inisiatif sendiri dengan mengikuti kursus-kursus pengurusan yang disediakan oleh intitusi pengajian bagi melengkapkan diri mereka dengan sistem yang baharu seperti pengurusan kualiti menyeluruh (Janain Burut, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, menurut Mohamad Rohiezan Ramdan et al. (2022), cabaran globalisasi kini menjadi sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Semua industri terdedah kepada arus globalisasi, dan ini juga berlaku kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Usahawan PKS perlu menyedari bahawa proses globalisasi ini boleh mengancam keberlangsungan industri mereka jika tidak ditangani dengan cermat. Industri PKS menghadapi persaingan yang sengit daripada syarikat-syarikat multinasional yang besar. Proses globalisasi tidak hanya membawa cabaran kepada PKS, tetapi juga memberi peluang kepada mereka untuk merentasi sempadan pasaran antarabangsa tanpa sebarang sekatan.

Demikian juga, mengikut Nur Afifah Ahmad dan Nurhawani Yaacob (2021), produk yang dihasilkan oleh usahawan PKS masih belum mencapai tahap kepuasan yang memuaskan. Kualiti produk yang rendah ini berasal daripada sikap para usahawan PKS yang kurang memperhatikan perkembangan teknologi untuk menghasilkan produk yang lebih unggul dan berkualiti (Norhashimah Kamaruddin dan Hairunnizam Wahid, 2020). Usahawan PKS sendiri tidak yakin dengan produk mereka. Penggunaan peralatan yang tradisional menyebabkan proses pengeluaran produk lambat dan kurang berkualiti. PKS juga kurang menggalakan usaha pengkajian dan pembangunan disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja yang mahir.

Kebanyakan usahawan PKS khususnya di luar bandar tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi kerana kekurangan latihan dan pendidikan berkaitan ICT dalam bidang ini (Kurshiah Ahmad et al., 2023). Pengurusan modal insan penting untuk meningkatkan produktiviti syarikat dan mewujudkan suasana kerja yang memberangsangkan. Kebanyakan pekerja yang bekerja di industri ini merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pekerja yang kurang mahir dan biasanya mereka merupakan pelajar lepasan sekolah rendah ataupun menengah.

Seterusnya, cabaran yang dihadapi oleh usahawan PKS semasa penyakit COVID-19, juga tidak dapat dilupakan. Di Malaysia, banyak perniagaan terpaksa "menggulung tikar" kerana tidak dapat beroperasi secara fizikal (Berita Harian, 2022). Pandemik ini umpama tsunami yang "menghentam" golongan usahawan yang lama mahupun yang baru menjejakkan kaki di alam perniagaan (Berita Harian, 2022). Semua usaha mereka yang dilakukan selama ini bagi membina perniagaan telah terjejas.

Menjelang tahun 2030, Malaysia bakal muncul sebagai negara tua (*ageing nation*) dan hal ini akan mempengaruhi bilangan tenaga kerja. Selain itu, hal ini juga akan memberi kesan terhadap peningkatan penggunaan sumber bagi menampung keperluan warga emas ini. Maka bagi mengekalkan produktif perniagaan PKS perlu mencari penyelesaian dalam bentuk penyerapan teknologi. Megatrend seperti *Internet of Thing* (IoT), data raya atau pusat pengumpulan data, serta sifar karbon akan memberi kesan terhadap tanggapan dan keperluan pengguna. Kelemahan penyerapan dan pengadaptasian teknologi sudah tentu akan menyukarkan operasi perniagaan. Jadi, keadaan ini akan mengakibatkan perniagaan PKS tidak dapat bersaing dalam pasaran dunia yang dinamik (Nur Afifah Ahmad dan Nurhawani Yaacob, 2021).

Prosedur, polisi dan undang-undang juga merupakan salah satu cabaran kepada pertumbuhan PKS. Sekiranya, prosedur, polisi dan undang-undang tidak selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa akan menyekat perkembangan PKS. Hal ini menjadi satu faktor penghalang usahawan beranjak daripada keusahawanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berasaskan keperluan kepada keusahawanan berasaskan ekonomi (Dasar Keusahawanan Negara 2030, 2020). Sehubungan itu, kementerian, agensi dan badan penguatkuasa membentuk model-model baharu yang memberi kesan positif terhadap perkembangan PKS. Model-model baharu harus mengambil kira perkembangan teknologi, internet, evolusi perniagaan atas talian serta komunikasi di peringkat antara bangsa.

Masalah capaian kepada sumber pembiayaan kewangan juga menjadi penghalang kepada usahawan PKS meneruskan perniagaan. Punca utama cabaran ini adalah jurang ekspektasi antara pihak pembiaya dengan pengusaha. Kelemahan usahawan dalam menguruskan rekod kewangan menyebabkan pihak pembiaya hilang keyakinan. Selain itu, usahawan PKS juga menghadapi kesukaran menyediakan aset sebagai cagaran yang boleh diterima oleh pihak pembiaya (Mohd Raiz Razuan, Zaimah Ramli dan Awang Abd Hair, 2019). Minat dan kekurangan faktor pendorong mengakibatkan usahawan tidak beranai mengambil risiko serta tidak berusaha meneroka peluang-peluang baharu.

Isu pendidikan dan kemahiran tidak boleh dilihat sebagai isu yang kurang penting. Pendidikan dan kemahiran adalah asas kepada semangat keusahawanan yang jitu. Tanpa kedua-dua elemen ini akan menjadi kesukaran kepada usahawan PKS bersaing di pasaran. Usahawan yang mempunyai pendidikan asas mengenai perniagaan serta kemahiran akan berani merokai bidang baharu. Di Malaysia, ramai graduan memilih kerjaya yang tidak sesuai dengan kelayakan yang dimiliki serta tidak berminat memilih keusahawanan sebagai kerjaya mereka. Oleh itu, pendidikan dan kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang kompeten harus diterapkan dalam kalangan masyarakat supaya keusahawanan menjadi pilihan utama mereka (Syed Khurram Ali Jafri dan Wafa Khurram, 2019).

Menurut Nadia Farhanah Hamzah dan Norasmah Othman (2020) pandemik ini telah memberi pengajaran dan kesedaran yang signifikan kepada usahawan yang mengamalkan operasi perniagaan secara tradisional (*off line*) mahupun keusahawanan yang berasaskan teknologi. Oleh itu, PKS juga perlu menerima hakikat bahawa cara menjalankan perniagaan akan berubah dan sekiranya tidak mahu menyesuaikan diri dengan perniagaan digital, agak sukar bagi usahawan PKS untuk terus menggerakkan perniagaan, terutamanya ketika wabak COVID-19. Bagi pengguna pula, ramai daripada mereka memilih untuk membeli dalam talian. Maka, usahawan IKS perlu menerima cabaran norma baharu ini dan berubah mengikut arus semasa bagi mencapai kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.6 Transformasi PKS Ke Arah Ekonomi Baharu

PKS merupakan satu sektor yang sangat penting yang saling berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi dan trasformasi negara. Hal ini demikian, PKS mewakili sebahagian besar perniagaan di Malaysia (Anis Solehin Hussain@Othman dan Sharifah Rohayah Sheik Dawood, 2020). Pertumbuhan PKS yang mapan terletak pada keusahawanan, inovasi dan teknologi. Ketiga-tiga elemen adalah prasyarat kepada trasformasi PKS ke arah ekonomi baharu. Jika usahawan PKS mempunyai iltizam dan kesungguhan yang tinggi tidak mustahil untuk menjayakan usaha ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Haizum Ruzanna Sahar, Maizatul Haizan Mahbob dan Wan Amizah Wan Mahmud (2021) langkah pertama yang perlu diambil adalah memberi perhatian kepada proses pembudayaan keusahawanan. Proses ini mampu mengalakkan penciptaan produk baharu, pekerjaan baharu serta meningkatkan inovasi dalam perniagaan inovasi. Selanjutnya, proses pembudayaan keusahawanan juga akan membantu menggariskan rancangan serta pelan beralih daripada ekonomi tradisional ke ekonomi baharu. PKS harus berubah ke arah ekonomi baharu yang dipacu oleh digital, pengetahuan yang berperanan mewujudkan inovasi, serta teknologi yang memudahkan urusniaga perniagaan. Pada masa yang sama, ekonomi baharu ini mampu melahirkan usahawan PKS yang mempunyai kemahiran tinggi, kurang bergantung kepada sumber bahan, berinovatif serta celik teknologi.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Langkah peralihan PKS daripada ekonomi tradisional kepada ekonomi baharu kerajaan harus memperkenalkan dasar dan pelan pembangunan yang berefektif. Maka, pelan pembangunan yang memfokuskan penyerapan teknologi dan unsur inovasi akan memastikan perniagaan PKS bergerak seiring dengan transformasi digital. Sebagai contohnya kerajaan boleh memperkenalkan inisiatif ke atas pendigitalan perlesenan, pendaftaran perniagaan, serta sokongan khidmat berkaitan urusan perniagaan (Irwan Muhammad Zain, 2022).

Pada masa yang sama, bagi mengenal pasti tahap kesediaan PKS menerima pakai teknologi canggih, kerajaan harus melaksanakan program penilaian pematuhan standard. Kerajaan Malaysia telah merancang pelbagai pelan, strategi dan inisiatif yang memfokuskan kepada penerapan digital serta penggunaan teknologi dalam kalangan usahawan PKS. Selanjutnya, pelan, strategi dan dasar keusahawanan yang fokus pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ekosistem keusahawanan sedia ada membantu mengatasi jurang dalam pembangunan usahawan PKS (Kesavan Nallaluthan, 2022). Tegasnya, langkah ini dapat melengkapkan usahawan PKS dengan kemahiran serta keperluan yang relavan menuju ke arah ekonomi baharu. Secara tidak langsung, ini menunjukkan satu permulaan kepada pembangunan keusahawanan berasaskan teknologi.

Menyedari kepentingan transformasi ke atas PKS, kerajaan telah merancang pelbagai program pembangunan keusahawanan. Program pembangunan keusahawanan ini bertujuan untuk menyokong perkembangan dan pertumbuhan perusahaan PKS dengan mewujudkan satu perusahaan yang berdaya saing serta mapan. Selain daripada itu, program pembangunan ini dapat mengoptimumkan prestasi usahawan berkembang dan memajukan perniagaan ke arah ekonomi baharu (Masri Abdul Lasi, 2020). Kepelbagaian program ini juga dapat memajukan perniagaan mereka melalui inovasi, perluasan pasaran dan peningkatan produktiviti. Program-program yang dilaksanakan mengikut bidang tumpuan yang menyokong PKS seperti pembiayaan kewangan, gerean pengkajian, latihan pembangunan, infrastruktur, pengantarabangsaan dan teknologi.

Bidang PKS merupakan penyumbang utama kepada peluang perniagaan di Malaysia. Oleh itu usaha mentrasformasikan PKS perlu dilaksanakan dengan kadar yanag segera. Proses transformasi ini mampu meningkatkan prestasi PKS bukan sahaja ke arah ekonomi baharu malah setanding di peringkat global (Masri Abdul Lasi, 2020). Walaupun, kerajaan telah mewujudkan pelbagai program keusahawanan namun dasar perlu diselaraskan secara menyeluruh. Tindakan ini memurnikan strategi kerajaan dengan menetapkan sasaran masa hadapan holistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.7 Kajian Lepas Berkaitan Kejayaan Wanita dalam PKS.

Pembangunan PKS di Malaysia merupakan titik permulaan terhadap perkembangan keusahawanan dalam kalangan wanita. Ketika ini, kebanyakan wanita cenderung memilih PKS sebagai permulaan kerjaya keusahawanan mereka (Syed Khurram Ali Jafri dan Wafa Khurram, 2019). Kejayaan wanita dalam sektor PKS semakin meningkat dari tahun 2010 hingga 2020, khususnya dalam sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan masyarakat, sosial, persendirian serta sektor awam didapati kian meningkat (SME Corp, 2020). Pada tahun 2010 dan 2015, penglibatan wanita dalam sektor perkhidmatan sebanyak 92.7 peratus, meningkat selepas lima tahun, iaitu sebanyak 0.3 peratus pada tahun 2020 sebanyak 93 peratus (SME Corp, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerajaan sentiasa menggalakkan kejayaan wanita dalam proses pembangunan negara dengan membuka peluang yang lebih luas bagi mereka menceburi bidang sosial, ekonomi dan politik (Berita Harian, 2023). Beberapa institusi telah ditubuhkan untuk mengintegrasikan wanita dalam aliran utama pembangunan. Di samping itu, kerajaan juga menyalurkan inisiatif komuniti dalam usaha membolehkan masyarakat yang inklusif secara digital dan menyokong pelbagai komuniti daripada pelajar dan wanita kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) usahawan serta kumpulan B40. Kerajaan juga berusaha keras untuk memupuk keusahawanan dalam kalangan wanita melalui pelaburan dalam pendidikan, latihan dan keusahawanan serta juga dari segi bantuan kewangan oleh pelbagai agensi di bawah kerajaan (Berita Harian, 2023). Penubuhan Kementerian Usahawan dan Koperasi (MECD), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (MFECD) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia (SMIDEC) mempunyai matlamat untuk mempromosikan keusahawanan wanita di rantau ini (Janain Burut, 2018).

Seterusnya, kerajaan memberikan tumpuan untuk terus memperkasakan wanita dari sudut keusahawanan menerusi peruntukan berjumlah RM241.25 juta yang disalurkan kepada golongan itu menerusi bajet 2022 (Raiham Mohd Sanusi, 2021). Daripada jumlah itu, peruntukan terbesar sebanyak RM230 juta akan disalurkan untuk pembiayaan usahawan wanita melalui beberapa institusi kewangan dan institusi pembangunan usahawan terpilih. Sejumlah RM6.25 juta diperuntukkan oleh kerajaan untuk tujuan itu, merangkumi penyediaan bantuan asas modal perniagaan, bimbingan dan latihan bagi menggalakkan perniagaan secara dalam talian yang melibatkan 5,000 peserta, termasuk 2,000 orang ibu tunggal. Selain itu, di bawah Rancangan Malaysia Keduabelas (RM Ke-12), lebih RM20 bilion diperuntukkan untuk memacu agenda keusahawanan (Raiham Mohd Sanusi, 2021). Kerajaan peka terhadap kejayaan wanita dalam bidang keusahawanan melalui kerjasama dengan institusi pengkajian dan perusahaan berasaskan teknologi yang lebih besar.

Pengkajian mengenai usahawan wanita di Malaysia mengambarkan bahawa wanita dalam bidang keusahawanan kian mencapai kejayaan. Kajian-kajian terdahulu telah membantu mengenal pasti faktor-faktor dalaman dan luaran yang menyumbang kepada kejayaan usahawan wanita dalam bidang keusahawanan. Kajian yang dilakukan oleh Maliani Mohamad et al. (2022), telah mengenal pasti faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi kejayaan wanita dalam PKS dengan menggunakan analisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (*SWOT analiysis*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Faradillah Iqmar Omar et al. (2015), keterlibatan dalam aspek digital bagi pemerkasaan dan transformasi usahawan wanita dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam talian di Malaysia adalah sangat kritikal. Kajian yang menggunakan pendekatan campuran menunjukkan bahawa faktor penyertaan dalam dunia digital memainkan peranan penting dalam menggerakkan usahawan wanita ke arah pemerkasaan, membantu mereka mengatasi risiko perniagaan, dan merangsang inovasi produk sebagai faktor utama. Pengkaji Faradillah Iqmar Omar et al. (2022) juga menyatakan bahawa faktor persekitaran komunikasi pada masa kini sangat bergantung pada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), yang telah menjadi fenomena penting dalam pelbagai aspek kehidupan, ekonomi, dan sosial masyarakat. Komunikasi tidak lagi terbatas kepada pertemuan langsung, malah ia berterusan secara aktif melalui medium dan pelbagai aplikasi ICT yang memudahkan aktiviti perniagaan di era digital.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Zaleha Embong dan Fairuz A'dilah Rusdi (2021) juga mengenal pasti faktor pendorong dan faktor kejayaan dalam kalangan wanita yang terlibat dalam keusahawanan di Kelantan. Hasil dari kajian tersebut menunjukkan bahawa faktor pendorong bagi usahawan wanita yang terlibat dalam perniagaan melibatkan keinginan untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga, minat dalam bidang perniagaan, memberi sumbangan kepada ekonomi suami, dan mewarisi tradisi perniagaan keluarga. Manakala, faktor kejayaan dalam kalangan usahawan wanita disebabkan oleh minat mendalam, perancangan yang teliti, pemahaman dalam bidang perniagaan, dan kesiapan untuk menghadapi risiko. Oleh itu, faktor pendorong dan faktor kejayaan memainkan peranan penting dalam usaha untuk melahirkan usahawan wanita yang berjaya (Zaleha Embong dan Fairuz A'dilah Rusdi, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian Nur Afifah Ahmad dan Nurhawani Yaacob (2021), juga mengenal pasti faktor kejayaan usahawan wanita dalam PKS. PKS merupakan sektor paling utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan ini membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat menjalankan perniagaan secara bersemuka atau secara dalam talian. Kajian mendapati bahawa faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan usahawan wanita adalah faktor kemahiran mengurus berbanding dengan faktor bantuan kerajaan dan faktor dorongan keluarga. Kajian ini merumuskan bahawa kejayaan usahawan wanita adalah kerana memiliki kemahiran dalam menguruskan perniagaan dan disokong oleh faktor dorongan keluarga serta bantuan daripada pihak kerajaan. Kajian ini juga mencadangkan agar usahawan wanita PKS perlu sentiasa menambahkan ilmu dan maklumat tentang latihan dan pendidikan. Usahawan wanita perlu membina jaringan kerjasama dengan sektor kerajaan dan meningkatkan lagi kesedaran dalam diri mereka sendiri.

Kejayaan wanita dalam bidang keusahawanan memberi impak positif terhadap perkembangan ekonomi negara. Menurut Mohammad Mujaheed Hassan et al. (2018), kebiasaanya aktiviti keusahawanan sering dikaitkan dengan golongan lelaki. Namun di Malaysia, kejayaan wanita dalam aktiviti keusahawanan bukanlah sesuatu yang baharu. Majoriti usahawan wanita di Malaysia mendaftarkan perniagaan mereka sebagai jenis perniagaan perseorangan dan perniagaan yang diusahakan oleh mereka adalah daripada kategori lain, iaitu seperti pelancongan, penyewaan kenderaan dan pengankutan dengan tempoh menjalankan perniagaan selama satu hingga 5 tahun. Kebanyakan usahawan wanita di Malaysia mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan atau perusahaan yang diceburi dan mempunyai pengalaman kerja selama 10 tahun dan ke atas. Selain faktor pengalaman kerja dalam perniagaan, minat adalah faktor utama golongan wanita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berjaya dalam bidang keusahawanan di samping ingin mendapatkan kepuasan dalam kerjaya dan membantu meningkatkan kewangan keluarga (Mohammad Mujaheed Hassan et al., 2018).

Tambahan pula, menurut Nurul Amira Omar et al. (2021), kejayaan usahawan wanita melalui perniagaan teroka baharu terbukti memberikan impak yang positif dari sudut peningkatan peluang pekerjaan serta memperkembangkan inovasi produk baharu dalam sesebuah negara. Kajian ini mendalami fenomena keusahawanan wanita, terutamanya berkenaan dengan proses penciptaan teroka baharu. Memandangkan disiplin ini masih lagi bersifat pramatang, terutamanya dalam proses pembangunan teori bersandarkan Teori Gartner (1985), Nurul Amira Omar et al. (2020), memberi huraian yang jelas bagi menerangkan bagaimana keusahawanan wanita boleh dikaitkan dengan empat perspektif yang berbeza iaitu, individu, persekitaran, organisasi yang ditubuhkan dan juga proses keusahawanan yang berlaku. Hasil huraian ini memberikan gambaran dan sudut pandang yang khusus bahawa Teori Gartner (1985) memfokuskan peningkatan peluang pekerjaan dan meningkatkan produk baharu yang berinovatif tinggi.

Di samping itu, Rohayu Roddin et al. (2021), juga menjalankan pengkajian berkaitan dengan faktor-faktor yang menyokong kejayaan pembangunan keusahawanan dalam kalangan ketua isi rumah wanita orang Asli. Faktor dalaman merupakan faktor individu yang meliputi minat, kebolehan, pengalaman dan keyakinan. Faktor-faktor dalaman ini membangunkan keupayaan mereka maju dan menghadapi cabaran untuk bergelar seorang usahawan. Faktor luaran pula merupakan faktor di luar lingkaran individu yang menyokong kejayaan mereka dan meliputi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peranan yang dimainkan oleh agen pengembangan yang sentiasa menyokong dan memberikan galakan serta idea kepada mereka. Selain itu, pembentukan dasar melalui bantuan dan program-program yang dirangka dalam usaha meningkatkan kemahiran serta memberikan pendedahan merupakan satu faktor yang menyokong peningkatan kemahiran dan pembentukan pengalaman kepada mereka.

Menurut Nor Azira Ayob et al. (2018), pembangunan sumber manusia dari sudut kemahiran, kebolehan, kreativiti serta bakat merupakan perkara yang terkandung dalam aspek modal insan di samping aspek daya saing yang dilihat penting bagi usahawan mencapai kejayaan. Oleh itu, penekanan terhadap pembangunan modal insan dan daya saing dilihat penting dalam membina jati diri setiap individu bagi membolehkannya menjadi pemimpin kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara serta memastikan mampu bersaing dalam pasaran masa ini di samping mampu memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan. Hasil dapatan melalui kaedah faktor analisis penerokaan mendapati bahawa terdapat empat faktor utama yang menyumbang kepada pembangunan modal insan dalam kalangan usahawan wanita Bumiputera, iaitu pendidikan dan latihan, pengalaman, sokongan sosial dan juga kreativiti di samping tiga faktor utama yang menyumbang kepada daya saing dalam kalangan usahawan, iaitu bantuan kewangan, infrastruktur dan iltizam perniagaan. Pengkaji juga mencadangkan agar pihak kerajaan memberi penekanan terhadap faktor pendidikan dan latihan serta aspek bantuan kewangan bagi meningkatkan kemampuan modal insan dan daya saing mereka. Selain itu, bantuan dan sokongan yang sesuai dengan keperluan usahawan wanita harus disalurkan bagi meningkatkan prestasi usahawan wanita (Nor Azira Ayob et al., 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan menyediakan pelbagai inisiatif, modal dan program pembangunan, tetapi usahawan wanita yang berjaya masih ketinggalan berbanding dengan lelaki (Syed Khurram Ali Jafri dan Wafa Khurram, 2019). Sebilangan besar syarikat yang dikendalikan oleh wanita tidak berjaya disebabkan oleh sikap usahawan wanita PKS yang tidak yakin untuk menghadapi cabaran perniagaan, mempunyai masalah antara kerjaya dan kehidupan peribadi, tidak dapat menangani masalah persekitaran dalaman dan luaran, tidak berani menanggung risiko perniagaan serta motivasi yang rendah dan kelemahan dari segi pengurusan dan kepimpinan (Nur Afifah Ahmad dan Nurhawani Yaacob, 2021).

Secara kesimpulannya, terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan usahawan wanita dan PKS di Malaysia. Kebanyakan kajian tersebut adalah lebih menjurus ke arah menilai keupayaan usahawan wanita itu sendiri, kepentingan menceburi dalam bidang keusahawan, cabaran dan kekangan dalam PKS serta kejayaan dalam menjalankan perniagaan PKS (Nur Afifah Ahmad dan Nurhawani Yaacob, 2021). Namun begitu, aspek yang lebih penting, iaitu tentang bagaimana untuk memupuk sikap keusahawanan yang berjaya dalam bidang keusahawanan berasaskan teknologi (teknokeusahawanan) yang melibatkan sektor PKS masih kurang dikaji di Malaysia. Selain itu, bidang PKS merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan negara. Oleh itu, kajian ini mengkaji dan mengenal pasti sumbangan faktor kejayaan teknousahawan wanita yang terlibat dalam sektor PKS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10 Pembangunan Hipotesis

Bahagian ini membincangkan hipotesis yang dibangunkan dalam kajian ini. Hipotesis kajian dibangunkan berpandukan kajian-kajian lepas. Terdapat lapan hipotesis dibangunkan yang melibatkan pembolehubah bersandar, pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah moderator. Dalam kajian ini, pembolehubah tidak bersandar ialah ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan dan pengalaman kerja; pembolehubah bersandar ialah kejayaan teknousahawan wanita PKS manakala pembolehubah moderator ialah latihan teknousahawan. Jadual 2.22, 2.23, 2.24 dan 2.25 menunjukkan pembangunan hipotesis ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan pengalaman kerja dan latihan teknousahawan dengan kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.22

Hubungan Ciri-ciri keusahawanan dengan Kejayaan

Penulis/Pengkaji	Hubungan ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan
Nader Syed Amiri & Mohammad Reza Marimaei (2012)	Ciri-ciri keusahawanan keusahawanan mempunyai hubungan positif dengan kejayaan keusahawanan
Kozubíková et al. (2015)	Ciri-ciri keusahawanan iaitu keberanian, berdikari, bertanggungjawab, kesungguhan, ketabahan, proaktif, dan kreativiti mempengaruhi kejayaan perniagaan.
Faradillah Iqmar Omar et al. (2015)	Ciri-ciri keusahawanan (berani mengambil risiko perniagaan dan inovasi produk) mempengaruhi kejayaan.
Janain Burut (2018)	Ciri-ciri keusahawanan mempengaruhi kejayaan teknousahawanan bumiputera.
Abdul Shukor (2019)	Ciri-ciri keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulis/Pengkaji	Hubungan ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan
Mohamad Ayub Ariffin & Radin Siti Aishah. (2019)	Ciri-ciri keusahawanan (keperluan kepada pencapaian, inovasi, kesanggupan mengambil risiko, lokus kawalan dan keyakinan diri) mempengaruhi kejayaan.
Mazdan Ali Amaran & Mohd Sharizam Hamzah (2021)	Lima ciri keusahawanan iaitu rangkaian (*networking*), wawasan, agresif, risiko, dan akauntabiliti mempengaruhi kejayaan.
Zaleha Embong & Fairuz A'dilah (2021)	Ciri-ciri keusahawanan iaitu minat, pemikiran innovatif, dan kemahiran menanggung risiko mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kejayaan usahawan wanita.

Jadual 2.23

Hubungan Kompetensi Teknousahawan dengan Kejayaan

Penulis/Pengkaji	Hubungan kompetensi teknousahawan dengan kejayaan
Bushra Usman (2016)	Kompetensi keusahawanan penentu dalam kejayaan sesuatu perniagaan usahawan wanita.
Mohani Abdul (2017)	Kompetensi keusahawanan mempunyai hubungan yang paling signifikan dalam kalangan usahawan wanita di Lembah Klang, Malaysia
Faradillah Iqmar Omar (2017)	Kompetensi keusahawanan mempunyai hubungan positif dalam memperkasakan usahawan wanita dalam talian.
Janain Burut (2018)	Kompetensi keusahawaan mempengaruhi kejayaan teknousahawanan bumiputera.
Dewiyani (2018)	Kompetensi keusahawanan mempunyai hubungan yang positif terhadap kejayaan perniagaan.
Romy Abd Kadir (2019)	Kompetensi keperibadian, kompetensi vokasional keusahawanan, kompetensi kerohanian dan pengurusan mempunyai hubungan positif dengan kejayaan.
Noorasiah (2019)	Kompetensi keusahawanan mempengaruhi tingkat kecekapan firma.
Rohailin Zainon et al. (2019)	Faktor kompetensi mempengaruhi kejayaan usahawan bumiputera di Kuala Rompin, Pahang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penulis/Pengkaji	Hubungan kompetensi teknousahawan dengan kejayaan
Nur Afifah Ahmad & Norhidayah Mohamad Yusop (2021)	Kompetensi mengurus perniagaan mempengaruhi kejayaan IKS wanita di Pasir Puteh, Kelantan.
Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof et al. (2021)	Kompetensi keusahawanan mempunyai hubungan positif terhadap kejayaan usahawan muda dalam Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia.

Jadual 2.24

Hubungan Pengalaman Kerja Dengan Kejayaan

Penulis/Pengkaji	Hubungan Pengalaman Kerja Dengan Kejayaan
Urban et al. (2008)	Pengalaman kerja memberi kesan positif terhadap kejayaan usahawan di Afrika.
Cohoon, Wadhwa & Mitchell (2010)	Pengalaman kerja terdahulu menganggarkan peluang usahawan untuk berjaya.
Mai & Gu (2012)	Pengalaman kerja mempunyai hubungan positif terhadap kejayaan perniagaan.
Le Blanc (2013)	Pengalaman kerja mempengaruhi prestasi perniagaan.
Naqvi (2011) & Hassan et.al (2013)	Usahawan yang mempunyai pengalaman kerja lebih berjaya berbanding mereka yang tidak mempunyai pengalaman kerja.
Rao et.al (2013)	Pengalaman kerja memberi impak positif terhadap kejayaan usahawan wanita dari segi perolehan jualan dan penciptaan pekerjaan.
Rani (2014)	Pengalaman kerja dalam kalangan usahawan siswazah memberi kesan positif terhadap prestasi perniagaan.
Othman et.al (2016)	Pengalaman kerja mempunyai hubungan positif terhadap prestasi usahawan Kelantan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.25

Hubungan Latihan Teknousahawan dengan Kejayaan

Penulis/Pengkaji	Hubungan pengalaman kerja dengan kejayaan
Nor Azira Ayob et al. (2018)	Latihan mempengaruhi kejayaan pengusaha wanita MARA.
Siba (2019)	Pengetahuan dan kemahiran daripada latihan memberi kesan positif kepada kejayaan teknousahawan.
Shinta Wahyu Hati et al. (2019)	Latihan sebagai faktor keusahawanan yang mendorong usahawan wanita berjaya.
Rohayu Roddin et al. (2020)	Latihan keusahawanan membantu golongan asli meningkatkan prestasi dan kejayaan usahawan orang asli

Jadual 2.26

Latihan Teknousahawan sebagai Moderator.

Penulis/Pengkaji	Hubungan latihan sebagai moderator
Mensmann & Fresa (2019)	Latihan sebagai moderator mempengaruhi kecekapan, semangat dan pembentukan perniagaan yang berjaya
Ishola (2020)	Tahap latihan pemindahan yang tinggi meningkatkan kecekapan perniagaan.
Nor Atikah Johari et al. (2020)	Latihan dan program keusahawanan tidak berperanan sebagai faktor moderator antara kesinambungan hayat dan daya saing perniagaan agropreneur muda.
Mohammad Omar Faruq, Mohammad Osman Gani & Dewan Niamul Karim (2023)	Latihan tidak memainkan peranan sebagai moderator antara niat keusahawanan dengan prestasi usahawan.
Noorul Hafizah Hashim, Hisham Mohammad, & Md Mahmudul Alam (2023).	Latihan keusahawanan memainkan peranan sebagai moderator antara kemahiran pemasaran dengan prestasi syarikat.
Kusuma & Azizi (2023)	Latihan teknokeusahawanan yang berkesan mempengaruhi kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya daripada rumusan kajian-kajian lepas, hipotesis yang dibentuk iaitu:

H_{a1}: Terdapat hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a2}: Terdapat hubungan antara kompetensi teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a3}: Terdapat hubungan antara pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a4}: Terdapat hubungan antara latihan teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a5}: Latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a6}: Latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara kompetensi dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a7}: Latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a8}: Ciri-ciri keusahawanan berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a9}: Kompetensi teknousahawan berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

H_{a10}: Pengalaman kerja berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{a11}: Ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan dan pengalaman kerja berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.


Ringkasan kepada hubungan antara pemboleh ubah kajian serta dengan hipotesisnya ditunjukkan dalam kerangka konseptual kajian yang dicadangkan adalah seperti dalam Rajah 2.4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.4

Kerangka Konsep yang Dicadangkan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11 Ringkasan Kajian Lepas

Jadual 2.27 membincangkan ringkasan kajian lepas mengenai pemboleh ubah bersandar (kejayaan), pemboleh ubah tidak bersandar (ciri, kompetensi, pengalaman kerja) dan pemboleh ubah moderator (latihan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.27

Ringkasan Kajian-Kajian Lepas

Kajian	Penulis	Dapatan Kajian
Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan kesan positif kompetensi teknousahawan dan rangkaian perniagaan terhadap kelebihan daya saing PKS semasa Pandemik COVID-19.	Bangun Prajadi & Tri Djoko (2022)	Kompetensi teknousahawan dan rangkaian perniagaan mempengaruhi kelebihan daya saing PKS. Faktor kompetensi teknousahawan dan rangkaian perniagaan memberi sumbangan sebanyak 71. 9 peratus manakala 28.1 peratus disumbang oleh faktor lain-lain.
Kajian mengenal pasti pengaruh faktor peribadi dan faktor luaran yang mempengaruhi pertumbuhan perniagaan teknokeusahawanan PKS wanita di Malaysia.	Syed Khurram Ali Jafri & Wafa Khurram (2019)	Dapatan kajian menjelaskan bahawa faktor peribadi iaitu modal insan, sumber media sosial dan psikologi wanita sangat mempengaruhi pertumbuhanan perniagaan. Manakala faktor persekitaran iaitu budaya, agama, polisi dan program kerajaan serta *sosial mindset* sangat mempengaruhi pertumbuhanan perniagaan teknokeusahawanan yang dimiliki oleh wanita.
Kajian menentukan hubungan perkongsian pengetahuan sebagai moderator antara aktiviti teknokeusahawanan dengan hasil teknokeusahawanan	Egwakhe et al. (2022)	Perkongsian pengetahuan tidak memainkan peranan sebagai moderator antara aktiviti teknokeusahawan dengan hasil teknousahawan serta tidak mempunyai hubungan yang positif.
Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep teknokeusahawanan dari perspektif Islam semasa COVID-19 di Malaysia	Marina Abu Bakar et al. (2020)	Hasil kajian juga mendapati bahawa kebanyakan daripada kajian lepas hanya tertumpu kepada bidang keusahawanan Islam. Tidak banyak kajian yang dilakukan telah dilakukan untuk mencungkil potensi teknokeusahawanan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian	Penulis	Dapatan Kajian
Kajian ini adalah untuk meneroka model kompetensi teknousahawan pelajar lepasan pendidikan teknik dan vokasional	Romy Abd Kadir (2019)	Dapatan kajian ini telah menghasilkan lima model kompetensi teknousahawan iaitu model pembentukan kompetensi ciri-ciri keusahawanan, model pembentukan kompetensi pengalaman teknousahawan, model pembentukan kompetensi faktor-faktor pendorong teknousahawan, model pembentukan kompetensi kekuatan teknousahawan dan model kompetensi teknousahawan pelajar lepasan pendidikan teknik dan vokasional.
Mengenal pasti faktor pemikiran inovatif, ciri-ciri keusahawanan dan kompetensi teknousahawan mempengaruhi kejayaan teknousahawan Bumiputera, Malaysia.	Janain Burut (2018)	Mencadangan satu kerangka baharu pembangunan pemikiran inovatif yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan. Selain faktor pemikiran inovatif, ciri dan kompetensi teknousahawan, kajian ini juga menyenaraikan faktor-faktor lain seperti ketahanan dalaman, jaringan, penyediaan incubator, *spirituality*, sokongan keluarga dan kemahiran teknikal yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan Bumiputera PKS.
Peranan dan cabaran yang dihadapi oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) Malaysia dalam usaha melahirkan ramai teknousahawan.	Salpiah Suradi, Rihizan M,Yasin & Muhamad Sattar Rasul (2017)	Dapatan kajian menunjukkan pelan strategi yang dilaksanakan oleh MARA seperti penubuhan pusat incubator, program teknousahawan, inovasi dan pengkajian, dan kerjasama dari alumni menyokong permintaan teknousahawan di Malaysia.
Mengenal pasti hubungan antara faktor promosi, tempat, harga, produk dan rangkaian	Musa et al. (2017)	Dapatan menunjukkan faktor produk sangat mempengaruhi kejayaan teknousahawan kraf teknousahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian	Penulis	Dapatan Kajian
serta kerjasama dengan kejayaan teknousahawan kraf.		
Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan minda pertumbuhan keusahawanan terhadap prestasi keusahawanan dengan melibatkan kompetensi teknousahawan sebagai pengantara	Nobelson & Suharyati (2023)	Kompetensi teknousahawan memberi kesan positif dan signifikan terhadap prestasi keusahawanan menunjukkan bahawa tahap kompetensi teknousahawan berperanan dalam meningkatkan prestasi keusahawanan.
Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengaplikasian teknokeusahawanan dalam kalangan usahawan mikro dan kecil.	Ellen Rusliati et al. (2022)	Teknokeusahawanan mempunyai kesan ketara ke atas inovasi, kualiti produk, promosi, pemasaran, penembusan pasaran, dan strategi pembangunan produk.
Kajian menerangkan bagaimana meningkatkan daya saing melalui teknokeusahawanan	Yuliana (2021)	Dapatan menunjukkan bahawa teknokeusahawanan sangat penting dalam usaha meningkatkan daya saing khususnya dalam era digital. Inovasi dalam teknologi membuka peluang baharu dalam pembangunan perniagaan.
Kajian bertujuan untuk meneroka faktor yang mempengaruhi ketidakupayaan teknousahawan serta membentuk model teknologi yang menjadi panduan kepada teknousahawan baharu.	Mohd Abdullah Jusoh, Hazianti Abdul Halim & Baharudin Omar (2015)	Hasil kajian menunjukkan bahawa dasar kerajaan, faedah harta intelek dan pembiayaan merupakan faktor tarikan kepada teknousahawan baharu. Ketiga-tiga faktor ini memberi impak kepada kepentingan peribadi teknousahawan.
Kajian ini dijalankan untuk mengkaji daya saing, keberkesanan pengeluaran dan pemasaran produk teknousahawan PKS. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk	Yuli Agustina et al. (2020)	Daya saing teknousahawan PKS adalah rendah disebabkan oleh kefahaman yang rendah, kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian	Penulis	Dapatan Kajian
mengenal pasti potensi tempatan PKS, menganalisis tahap aplikasi dan penggunaan teknologi.		pengetahuan mengenai pembangunan Sains dan Teknologi, serta kekurangan kemudahan.
Kajian ini mengenal pasti halangan yang menghalang kejayaan teknousahawan animasi serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan	Hanis Syaszwani Kamrudin & Sulaiman Sajilan (2013)	Hasil kajian menunjukkan bahawa antara halangan teknousahawan animasi adalah kekurangan sumber pembiayaan, pengurusan kewangan, kekurangan kompetensi, peluang pasaran yang terhad dan birokrasi.
Kajian ini menentukan korelasi antara inovasi teknousahawan dengan daya saing perniagaan.	Rizan Machmud Nikolas & Diah Mutiarasari (2022)	Hasil kajian menunjukkan bahawa inovasi produk, inovasi proses dan inovasi organisasi secara signifikan dan positif mempengaruhi pertumbuhan daya saing perniagaan. PKS.
Kajian ini menentukan faktor yang mempengaruhi kelestarian perniagaan teknokeusahawanan.	Oyedele et al. (2022)	Harta intelek serta pengkajian dan pembangunan memberi kesan signifikan terhadap keuntungan dan hasil perniagaan.
Kajian ini mengkaji faktor yang mempengaruhi daya saing dan ketangkasan teknousahawan muda selaras dengan revolusi industri 4.0	Noor Hazlina Ahmad et al. (2020)	Faktor individu, organisasi, institusi dan persekitaran mempengaruhi pembangunan dan pertumbuhan firma teknokeusahawanan.
Kajian ini bertujuan untuk memahami cabaran yang dihadapi oleh teknousahawan wanita di India.	Artee Aggrawal (2019)	Analisis menunjukkan bahawa jantina tidak lagi menjadi penghalang kepada keusahawanan hari ini, terutamanya dalam bidang teknologi kerana pendidikan merupakan faktor berpengaruh yang besar yang bertanggungjawab terhadap fenomena ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian	Penulis	Dapatan Kajian
Kajian mengkaji faktor kejayaan seseorang teknousahawan atas talian di Thailand.	Chanchai Phonthanukitithaworn, Chavis Ketkaew & Phaninee Naruetharadhol (2020)	Keputusan menunjukkan bahawa tiga belas faktor paling relevan yang berkaitan dengan teknousahawan dalam talian ialah orintasi pencapaian, kemudahan, sokongan kerajaan, rangkaian, kecenderungan mengambil risiko, kebolehpercayaan, perkhidmatan selepas jualan, imej jenama, logistik dan pengangkutan, kualiti produk, harga produk, pengiklanan di media sosial dan kakitangan serta pekerja
Kajian ini mengkaji kesan inovasi teknologi terhadap pertumbuhan jualan di beberapa SME	Oyerinde, Adeyemi & Ayantoso (2023)	kajian itu mendedahkan bahawa semua ukuran pengukuran inovasi teknologi (iaitu, inovasi pemasaran, inovatif keusahawanan dan persekitaran perniagaan) mempunyai hubungan yang signifikan dengan pertumbuhan jualan SME di negeri Lagos.
Kajian yang membincangan sumbangan pembangunan teknousahawan kepada ekonomi negara.	Mohd Abdullah Jusoh & Hazianti Abdul Halim (2016)	Cadangkan langkah *Flagship Application* mampu melahirkan teknousahawan PKS yang celik dalam penggunaan teknologi dan komunikasi serta menjadi satu pusat pengumpulan teknousahawan di seluruh Malaysia.
Kajian ini mengenal pasti faktor yang menyokong teknousahawan menghadapi cabaran yang berkaitan dengan teknousahawan.	Montadzah & Ambag Abdulgani, 2017	Hasil kajian ini menghuraikan bahawa persekitaran teknousahawan meningkatkan keupayaan untuk memulakan dan menguruskan perniagaan serta mempunyai hubungan yang positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian	Penulis	Dapatan Kajian
Kajian yang berkaitan dengan industri pelancongan Mah Meri ke arah teknousahawan di Malaysia	Jalil Siti ‘Afiat et al. (2023)	Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kemahiran membantu memperkasakan wanita orang asli ke arah teknousahawan disamping melahirkan komuniti berkemahiran.
Kajian berkaitan langkah pembangunan dan kesedaran yang perlu diberi penerakan kearah kemajuan ekonomi.	Anim Zalina Azizan, Nurul Atiqah Mohd Fatmi Shah & Nor Kamariah Kamaruddin (2021)	Dapatan kajian membincangkan terdapat empat perkara yang perlu diberi penekanan iaitu pembangunan budaya, persekitaran yang kondusif, program latihan teknousahawan dan program sokongan teknousahawan.
Kajian mengenai penggunaan teknologi untuk meningkatkan semangat keusahawanan yang mantap dan melatih pelajar melalui program khidmat masyarakat.	Asep Yudi Permana et al. (2020)	Mencadangkan inovasi perniagaan mesti disertakan dengan pelbagai jenis kejuruteraan teknologi untuk menggandakan prestasi perniagaan teknousahawan bagi mengoptimumkan proses serta hasil perniagaan.
Kajian dilakukan bagi menentukan kejayaan perkembangan teknousahawan dikaitan dengan budaya mengambil risiko, daya saing, dan infrastruktur teknikal yang baik.	Jubilo, 2018	Dapatan kajian menerangkan budaya mengambil risiko, daya saing dan infrastuktur teknikal yang baik mempunyai hubungan signifikan dengan kejayaan.
Perbandingan keusahawanan di Jepundan SiliconValley di Amerika Syarikat.	Fowosire (2017)	Dapatan menjelaskan bahawa usahawan di kedua-dua negara dicirikan oleh empat dimensi yang menjadikan mereka berkembang maju, iaitu motivasi, risiko dan halangan, faktor pertumbuhan, dan infrastruktur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian	Penulis	Dapatan Kajian
Kajian berkaitan kepentingan teknousahawan di India.	Bahadur Ali Soomro & Naimatullah Shah (2021)	Hasil kajian menerangkan bahawa teknousahawan adalah salah satu cara terbaik bagi memudahkan kehidupan seharian, menyelesaikan masalah pengangguran, menggunakan inovasi bagi mencipta produk baharu.
Universiti menghadapi cabaran dalam melahirkan teknousahawan di Afrika.	Irene (2019)	Perancangan strategi mampu menyampaikan kemahiran teknousahawan kepada pelajar universiti untuk meneroka perhubungan antara perancangan strategik dan kemahiran keusahawanan teknologi kejuruteraan di Afrika.
Kajian membincangkan peranan teknousahawan di Pakistan.	Yashfeen Qasim & Zulaikha Mahmood (2021)	Teknousahawan mengurangkan masalah sosio-ekonomi iaitu kadar pengangguran yang tinggi.
Kajian yang menentukan faktor-faktor kejayaan teknousahawan.	Mislina Atan & Rosli Mahmood (2022)	Inovasi, kesanggupan mengambil risiko serta keyakinan diri berada pada tahap yang tinggi mempunyai hubungan positif dengan kejayan teknousahawan.
Mengenal pasti faktor-faktor yang membentuk ciri-ciri keusahawanan	Bosma & Kelley (2018)	Ciri peribadi, faktor persekitaran dan sosiologi mempengaruhi kejayaan teknousahawan.
Kajian menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi persekitaran teknokeusahawanan.	Montadzah Ambag Abdulgani & Mantikayan (2017)	Dapatan kajiam menunjukkan faktor-faktor individu, persekitaran, social, kewangan, bukan kewangan, budaya, kemahiran perniagaan, faktor tolakan dan tarikan mempengaruhi persekitaran teknokeusahawanan.
Kajian yang berkaitan penentuan ciri-ciri keusahawanan untuk berjaya.	Satish Nambisan (2016)	Ciri-ciri keusahawanan yang menentukan kejayaan ialah faktor psikologi, pendidikan dan pengalaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian	Penulis	Dapatan Kajian
Kajian yang berkaitan dengan pembentukan modal insan yang berdaya saing.	Pratoma & Wardani (2021)	Hasil kajian menunjukkan bahawa kompetensi yang berbeza mengikut output, hasil dan pengambilan keputusan mempengaruhi kejayaan.
Kajian mengenai niat teknousahawan pelajar pendidikan Ekonomi	Riki Yakub Pirdaus, Kusnendi Kusnendi & Kusnendi Kusnendi (2022)	Kemahiran mengakses internet, kemahiran kreativiti dan efikasi kendiri memberi kesan positif dan signifikan terhadap niat teknousahawan pelajar pendidikan Ekonomi
Kajian yang mengkaji kesan minda pertumbuhan keusahawanan terhadap prestasi keusahawanan dengan melibatkan kompetensi teknousahawan sebagai pengantara.	Nobelson & Suharyati (2023)	Minda pertumbuhan keusahawanan memberi kesan positif dan signifikan terhadap kompetensi teknousahawan
Kajian dijalankan untuk meneroka faktor utama yang menghalang kejayaan teknousahawan	Hasliza Abdul Halim, Noor Hazlina Ahmad & Ali Waqas (2023)	Kompetensi teknousahawan, keupayaan dan bakat organisasi, kekurangan sokongan daripada institusi berkaitan dan persekitaran perniagaan yang pesat berubah dari segi teknologi dan persaingan mempengaruhi kejayaan.
Kajian menentukan faktor kelestarian teknousahawan,	Rahayu et al. (2022)	Penerapan kompetensi teknokeusahawanan penting untuk mengekalkan kelestarian perniagaan.
Kajian ini menyiasat hubungan antara kejayaan teknousahawan dengan pertumbuhan syarikat teknologi baharu di Nigeria.	Chinenye Prisca & Onuoha (2022)	Penemuan kajian mendedahkan kompetensi ICT, kompetensi inovatif dan kompetensi mencari peluang baharu mempunyai kesan positif terhadap kejayaan teknousahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian	Penulis	Dapatan Kajian
Kajian mengenai pengaruh kompetensi terhadap prestasi syarikat.	Ploum et al. (2018)	Kompetensi pengurusan, kompetensi industri, kompetensi mencari peluang dan kompetensi teknikal mempunyai kesan positif terhadap prestasi syarikat
Mengkaji mengenai penyelesaian masalah pengangguran dan penghasilan produk inovatif di India.	Manasa Gurana (2022)	Penemuan membincangkan bahawa pengalaman kerja lepas memotivasikan teknousahawan bekerja kuat dan beranai mengambil risiko yang ahkirnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi.
Kajian mengenai faktor kejayaan wanita di China dan Vietnam.	Zhu et al. (2018)	Pengalaman kerja mempunyai hubungan yang positif terhadap kejayaan wanita China dan Vietnam.
Kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti aktiviti teknousahawan	Aaina Amirah Haron et al. (2022)	Pengalaman kerja yang berkaitan bidang perusahaan yang diceburi mempengaruhi kuatili aktiviti teknousahawan serta memotivasikan teknousahawan mengeluarkan produk yang berkualiti.
Meneroka kesan pengalaman kerja terhadap kejayaan	Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof et al. (2020)	Penglaman kerja mempunyai hubungan yang positif terhadap kejayaan.
Kajian menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pengusaha wanita Majlis Amanah Rakyat (MARA) di Melaka	Nor Azira Ayob (2016)	Pendidikan dan latihan keusahawanan mempengaruhi kejayaan wanita.
Kajian bertujuan untuk menentukan peranan sumber teknologi dalam mencipta inovasi produk makanan dalam sektor PKS.	Wibawa et al. (2020)	Teknologi memainkan peranan penting dalam melahirkan teknousahawan yang berinovatif yang menghasilkan produk yang berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian	Penulis	Dapatan Kajian
Kajian ini bertujuan untuk membangunkan pemahaman awal tentang halangan dan cabaran dalam bidang teknokeusahawanan.	Shafi & Gulzar (2021)	Tiga halangan utama yang diterima oleh teknousahawan wanita ialah halangan peribadi, halangan dari institusi dan sosiobudaya.
Mengkaji prestasi teknousahawan wanita di Nigeria.	Taiwo & Esther (2021)	Cadangkan kerajaan harus penyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi meningkatkan prestasi perniagaan.
Kajian yang mengkaji hubungan inovasi dengan daya saing.	Machmud, Wuryaningrat & Mutiarasari (2022)	Dapatan kajian menunkukkan bahawa inovasi produk berasaskan teknologi maklumat, inovasi proses berasaskan IT, dan inovasi organisasi IT memberi kesan positif.
Kaedah mengajar dan melatih teknousahawan muda melalui pendidikan teknokeusahawanan.	Paramasivan & Selladurai (2017)	Mencadangkan penerapan inovasi dalam pendidikan membawa kepada penghasilan produk yang berasaskan teknologi serta memenuhi keperluan pasaran.
Ciri-ciri keusahawanan keusahawanan dalam kalangan teknousahawan di Switzerland dan United Kingdom.	Tajeddini & Mueller (2009)	Teknousahawan harus memberi perhatian terhadap masalah penyesuaian teknologi terkini dengan kehendak pasaran, peluang masa depan, cita rasa dan harapan pengguna.
Kesedaran mengenai kepentingan berubah dari aktiviti keusahawanan ke teknokeusahawanan dilakukan melalui sokongan dan keselesaan dalam kalangan teknousahawan Turkey.	Ornek & Danyal (2015)	Teknokeusahawan merujuk kepada satu proses yang berlaku dalam suatu organisasi yang melibatkan usahawan, sumber organisasi, sistem teknologi dan strategi untuk mencapai peluang-peluang pasaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.13 Rumusan Bab

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, dan pengalaman kerja sebagai faktor kejayaan dalam kalangan wanita teknousahawan di sektor PKS di Malaysia. Kerangka konseptual kajian ini berdasarkan teori kognitif sosial kerjaya, teori pembangunan keusahawanan, model daya saing IKS, dan teori modal manusia. Kajian-kajian lepas dalam negara memberi tumpuan kepada halangan-halangan dalam keusahawanan, faktor-faktor kejayaan dan kegagalan usahawan, cabaran perniagaan, dan sokongan pihak kerajaan. Namun, masih terdapat kekurangan kajian dalam konteks teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

Oleh itu, kajian ini memilih tiga dimensi ciri-ciri keusahawanan iaitu motivasi kendiri, pemikiran inovatif, dan kerohanian, serta dimensi kompetensi teknokeusahawanan yang melibatkan mencari peluang, hubungan, strategik, komitmen, kepimpinan, dan mencari idea baharu. Selain itu, pengalaman kerja juga dipilih sebagai pembolehubah penting dalam kajian ini. Kajian ini mengisi kekosongan dalam literatur dengan mengkaji hubungan antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, dan pengalaman kerja dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

3.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat perhubungan antara pemboleh ubah bebas iaitu ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kejayaan teknousahawan wanita. Selain daripada itu, kajian ini juga melihat pengaruh pemboleh ubah moderator latihan teknousahawan ke atas hubungan di antara pemboleh ubah bebas dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS.

Bab ini membincangkan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini yang terdiri daripada paradigma kajian, prosedur kajian, reka bentuk pengkajian, populasi kajian, pemilihan peserta kajian, penentuan saiz kajian dan teknik pensampelan. Selain itu, bab ini juga membincangkan lokasi kajian, instrumen kajian, kajian rintis, analisis kesahan, dan analisis kebolehpercayaan. Bahagian ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membincangkan penerokaan analisis faktor, tatacara pengumpulan data, tatacara penganalisian data dan diakhiri dengan rumusan metodologi kajian.

3.2 Paradigma Kajian

Paradigma kajian ialah set kepercayaan tentang sesuatu isu yang berlaku di sekeliling dan memerlukan pendekatan bagaimana isu tersebut boleh diselidik (Abdul Basit et al., 2020). Hal ini merupakan satu model, perspektif atau kerangka konsep yang membantu untuk mengorganisasi pemikiran, kepercayaan, pandangan dan amalan dalam menghasilkan pengkajian (Abdul Basit et al., 2020). Paradigma kajian mempengaruhi pemilihan metodologi yang bersesuaian bagi sesuatu kajian. Jadual 3.1 menunjukkan paradigma kajian yang dibincangkan oleh Cresswell (2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Paradigma Kajian.

Paradigma Positivisme	**Paradigma Interpretivisme**
Data dianalisis secara statistik	Data dianalisis dalam bentuk perkataan, ayat dan interpretasi oleh pengkaji.
Objektif kajian adalah untuk membuktikan hipotesis, melihat perkaitan sebab dan akibat dan meramal berdasarkan teori kajian	Objektif kajian adalah untuk menganalisis mengenai sesuatu isu, aspek, sikap, dan tingkah laku.
Hasil kajian boleh digeneralisasikan	Hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan
Kaedah kajian kuantitatif	Kaedah kajian kualitatif

Note: Cresswell (2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Cresswell (2014) paradigma kajian terdiri daripada dua jenis, iaitu positivisme dan interpretivisme. Positivisme merupakan suatu pengkajian saintifik yang digunakan untuk membuktikan sesuatu hipotesis dan dapatannya boleh digeneralisasikan. Selain itu, kaedah kuantitatif dan data maklumat dalam bentuk numerikal digunakan untuk penganalisisan data secara statistik. Interpretivisme pula memfokuskan analisis yang mendalam berkaitan dengan suatu isu dalam keadaan semula jadi dan mentafsirkan isu tersebut berdasarkan pandangan responden kajian (Abdul Basit et al., 2020). Pengkaji menggunakan paradigma positivisme yang merupakan salah satu kaedah saintifik atau dikenali sebagai kaedah kuantitatif. Rasional pemilihan paradigma ini untuk mengkaji punca yang mempengaruhi hasil sama ada menyokong atau menolak hipotesis kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Prosedur Kajian

Prosedur kajian melibatkan beberapa langkah bagi memenuhi dan memudahkan proses metodologi yang dirangka dilakukan dengan sistematik. Pengkaji telah menentukan masalah atau perkara kajian berdasarkan pemerhatian, semakan dokumen dan pengalaman. Setelah mengenal pasti masalah kajian maka bidang kajian ditentukan. Kajian adalah berkaitan bidang teknokeusahawanan dan secara khususnya berkaitan kejayaan teknousahawan wanita PKS iaitu melibatkan ciri, kompetensi dan pengalaman kerja. Berdasarkan masalah kajian yang diketengahkan pengkaji telah merumus objektif dan persoalan kajian serta membangunkan hipotesis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian literatur berkaitan bidang dan masalah kajian dijalankan untuk mengenal pasti jawapan dan perbincangan serta maklumat terbaru yang telah diketengahkan kebelakangan ini. Setelah mendapatkan maklumat yang menyeluruh bentuk kajian ditentukan secara kuantitatif. Proses pengumpulan data telah dikenal pasti dan instrument disediakan. Instrumen diedarkan kepada sampel yang telah dikenal pasti. Data-data yang diperolehi dikumpul serta dianalisis dengan menggunakan perisian *"Statistical Package for Social Science"* (SPSS).


Menurut Al-Anisah Alias et al. (2021) prosedur analisis data yang paling sesuai digunakan untuk mengukur data pemboleh ubah yang dikaji adalah menggunakan analisis skor min data dikumpul melalui dalam talian dan data dianalisis menggunakan perisian SPSS. Dapatan kajian yang dianalisis diperjelaskan secara diskriptif dan inferensi bagi menjawab objektif, persoalan kajian dan hipotesis. Rumusan dapatan dibincangkan secara terperinci bagi mendapatkan penyelesaian secara praktikal dan akhirnya dapatan kajian diterbitkan. Langkah-langkah yang terlibat dalam prosedur kajian ditunjukkan dalam Rajah 3.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.1

Prosedur Kajian



Note: Diadaptasi dari buku "Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS" oleh Fauzi Hussin, Jamal Ali, dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2021; p 147-157)

Menurut Chua (2016), prosedur kajian yang teratur membolehkan pengkaji merancang struktur tesis dengan mudah dan sistematik. Tambahan pula, pengkaji juga dapat memastikan bahawa penulisan yang dihasilkan memenuhi standard kualiti yang ditetapkan serta dapat memberi sumbangan yang berharga kepada bidang penyelidikan yang dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Reka Bentuk Kajian

Konsep utama dalam melakukan kajian adalah tertakluk kepada reka bentuk yang menjadi panduan dalam proses pengumpulan data dan analisis. Reka bentuk kajian merupakan kaedah pengurusan data dan maklumat yang dikumpul melalui tatacara khusus dan sistematik bagi menjawab persoalan atau hipotesis yang dikenal pasti (Anis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Solehin Hussain@Othman & Sharifah Rohayah Sheik Dawood, 2020). Reka bentuk kajian ini ditentukan supaya dapat mengawal maklumat dan data yang diterima adalah tepat dan tidak berat sebelah. Keadaan ini akan menentukan jenis analisis yang perlu dilakukan dengan membantu meningkatkan kejituan jawapan. Akhirnya pengkaji juga akan mendapatkan hasil yang diinginkan (Cresswell, 2016).

Selain itu, reka bentuk kajian juga mestilah mengandungi strategi untuk mentafsir data yang dianalisis supaya dapat memberikan dapatan dan kesimpulan yang jelas. Reka bentuk kajian yang mempunyai strategi yang tepat membolehkan pengkaji membuat cadangan atau implikasi berdasarkan data kajian yang dianalisis (Hiba Zuhair Abdul Kareem et al., 2021). Maka, pengkaji perlu memutuskan reka bentuk yang paling sesuai dengan jenis pengkajian bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan di samping tatacara untuk mengumpul dan menganalisis, menginterpretasi dan melaporkan data. Terdapat tiga bentuk pendekatan kajian iaitu pendekatan kuantitatif, kualitatif dan campuran.

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk korelasi dengan menggunakan analisis statistik bagi mendapatkan jawapan terhadap kaitan antara dua atau beberapa pemboleh ubah. Gay & Aairasian (2017) dan Cresswell (2018) menyatakan bahawa kajian berbentuk korelasi sesuai digunakan untuk menguji hipotesis yang melibatkan hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah kajian. Melalui kaedah korelasi ini dapat menentukan sejauh mana wujud hubungan antara pemboleh ubah yang di muatkan dalam satu model. Oleh itu, pengkaji mengumpul data melalui soal selidik yang diedarkan kepada sampel yang dipilih.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah kuantitatif dilaksanakan terhadap semua objektif kajian yang melibatkan dua puluh tujuh persoalan kajian. Persoalan kajian pertama sehingga enam belas melibatkan analisis diskriptif; persoalan kajian ketujuh belas, kelapan belas, kesembilan belas dan kedua puluh adalah melibatkan analisis korelasi. Persoalan kajian kedua puluh satu sehingga kedua puluh tiga melibatkan analisis moderator regrasi linear hirarki dan persoalan kajian kedua puluh empat sehingga kedua puluh tujuh adalah melibatkan analisis regrasi linear dan berganda. Rajah 3.2 menjelaskan reka bentuk kajian.

Rajah 3.2

Reka Bentuk Kajian



Rasional pemilihan pendekatan kuantitatif yang berbentuk korelasi adalah bagi menentukan sejauh manakah wujud hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji serta membantu mengenal pasti pemboleh ubah yang mempunyai kesan signifikan terhadap pemboleh ubah lain. Di samping itu, menurut Gholiyah (2023) kajian korelasi boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu dalam pembuatan keputusan yang lebih baik dalam pelbagai bidang, termasuk pengurusan perniagaan, dasar awam, dan pembangunan produk. Pemilihan kaedah ini juga dapat membolehkan membuat penentuan hubungan antara pemboleh ubah bebas dan bersandar selain menentukan kesan moderator.

3.5 Populasi Kajian

Populasi merujuk kepada kumpulan yang terdiri daripada orang, perkara atau peristiwa yang menarik perhatian pengkaji untuk melakukan pengkajian (Sekaran & Bougie, 2013). Selain itu, populasi ialah sekumpulan orang atau individu yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan persamaan secara umum yang diperlukan oleh pengkaji pada suatu masa tertentu (Cresswell, 2014). Cohen, Manion & Morrison (2013) menyatakan bahawa populasi merujuk kepada semua responden yang layak dilibatkan dalam sesuatu kajian. Sehubungan dengan itu, teknousahawan wanita PKS di Malaysia adalah populasi untuk kajian ini.

Pemilihan populasi kajian ini berdasarkan lima sektor PKS utama iaitu perkhidmatan, pembuatan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian, serta pembinaan. Unit analisis kajian ini diwakili oleh pemilik atau pengurus wanita yang terlibat dalam perniagaan PKS di Malaysia. Populasi teknousahawan wanita diperoleh dari direktori SME Corp. Malaysia (SME Corp.), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan *Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation* (MRANTI) (dikenali sebagai MaGIC). Seramai 2,300 teknousahawan wanita PKS telah dikenal pasti sebagai populasi bagi kajian ini yang mempunyai maklumat lengkap dalam direktori SME

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Corp., INSKEN dan MRANTI. Teknousahawan wanita yang mempunyai maklumat lengkap dipilih sebagai populasi kajian bagi memudahkan proses pengumpulan data.

Rasional populasi kajian ini dari teknousahawan wanita yang terlibat dalam lima sektor PKS kerana kajian yang berkaitan dengan faktor kejayaan wanita dalam konteks teknokeusahawanan boleh menyumbang kepada pembangunan bidang teknokeusahawanan tempatan serta mengisi jurang kajian yang melibatkan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Pengkaji memilih pemilik atau pengurus perniagaan wanita sebagai unit analisis kajian kerana hal ini akan memberi pemahaman yang jelas tentang pengalaman teknousahawan wanita dalam menguruskan perniagaan PKS. Tambahan pula, menurut Ramayah, Aldakhil & Kaswuri (2016) pemilik atau pengurus syarikat wanita merupakan orang yang paling mengetahui tentang latar belakang, selok belok serta kemajuan syarikat. Menurut Juzaimi Nasuredin (2018), pemilik perniagaan memainkan peranan penting dalam membuat keputusan penting terhadap kelangsungan dan perkembangan perniagaan.

Selain itu, pengkaji juga memilih tiga direktori agensi kerajaan iaitu SME Corp., INSKEN dan MRANTI untuk mendapatkan maklumat teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Hal ini demikian kerana, SME Corp., INSKEN dan MRANTI merupakan agensi kerajaan yang memberikan sokongan khusus serta menyediakan platform pemasaran kepada teknousahawan wanita yang beroperasi dalam sektor PKS (Noorul Hafizah Hashim, Hisham Mohammad & Md Mahmudul Alam, 2023). Di samping itu, menurut Salpiah Suradi (2017) agensi kerajaan ini juga membantu teknousahawan wanita memulakan perniagaan; mengembangkan perniagaan sedia ada; menyediakan latihan dan dana dalam perniagaan teknologi; serta memberikan platform untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkongsi pengetahuan, pengalaman, dan sumber daya khususnya dalam konteks teknokeusahawanan

3.6 Sampel Kajian

Menurut Cooper dan Schindler (2014), sampel yang baik adalah sampel yang mewakili ciri-ciri keusahawanan populasi dan ia dilakukan dengan memilih beberapa elemen dalam populasi tersebut untuk membuat kesimpulan tentang keseluruhan populasi itu. Sampel kajian digunakan untuk memperoleh maklumat yang berguna berkaitan dengan populasi dan merupakan proses pemilihan jumlah yang kecil daripada keseluruhan populasi yang bertujuan untuk membolehkan pengkaji membentuk kesimpulan tentang populasi (Siti Sarah Izhami et al., 2022).

Sampel kajian ini terdiri daripada teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Pemilihan sampel kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa kriteria. Pertama, sampel kajian ini ialah teknousahawan wanita PKS yang merupakan pemilik atau pengurus syarikat kerana pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki oleh mereka mengenai penubuhan syarikat, operasi dan hala tuju syarikat dapat membantu mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan kejayaan dalam bidang teknokeusahawanan. Hal ini juga disokong oleh Umi Kartini Rashid et al. (2023) iaitu pemilik syarikat juga merupakan individu yang paling berpengetahuan tentang keseluruhan aktiviti operasi syarikat mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kriteria seterusnya, perniagaan sampel kajian dikategorikan dalam sektor PKS utama iaitu perkhidmatan, pembuatan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian, serta pembinaan di Malaysia. Rasionalnya untuk mengisi jurang kajian yang melibatkan teknousahawan wanita dalam industri PKS di Malaysia serta meningkatkan bilangan teknousahawan wanita yang berjaya dalam industri PKS. Menurut Janain Burut (2018); Romy Abd Kadir (2019); dan Nurin Asyikin Ahmad (2021) kajian yang berkaitan dengan teknousahawan PKS di Malaysia adalah kurang.

Selanjutnya, kajian ini juga memberi tumpuan kepada pemilihan sampel kajian yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman perniagaan. Hal ini kerana, menurut Juzaimi Nasuredin (2018), sekiranya seorang usahawan berjaya menstabilkan perniagaan sekurang-kurangnya tiga tahun bermaksud perniagaan itu matang dan berdaya saing di pasaran. Selain itu, perkara ini juga disokong oleh Romy Abd Kadir (2019) yang menyatakan bahawa sekiranya sampel kajian yang dipilih mempunyai pengalaman perniagaan sekurang-kurangnya tiga tahun, akan memudahkan pengenalpastian faktor kejayaan.

Kriteria seterusnya, dalam konteks kajian ini teknousahawan wanita adalah usahawan wanita PKS yang menggunakan teknologi untuk tujuan perniagaan dan melibatkan diri dalam bidang perniagaan yang menggunakan teknologi terkini dalam urusan penghasilan produk, penawaran perkhidmatan, merekabentuk produk, pembungkusan, promosi dan pemasaran. Tambahan pula, teknousahawan wanita PKS dikenal pasti melalui jenis penggunaan teknologi yang merujuk kepada penggunaan aplikasi sosial, e-mel, laman web, perisian *Microsoft office*, perisian grafik, perisian reka bentuk, jentera, perkakasan teknologi dan sistem penjualan dan pembelian atas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

talian yang diguna pakai dalam penghasilkan produk, penawarkan perkhidmatan, merekabentuk produk, pembungkusan, promosi dan pemasaran.

Oleh yang demikian, berdasarkan kriteria kajian yang dikenal pasti, pengkaji membina item-item demografi teknousahawan wanita yang terdiri daripada jantina, umur, tahap pendidikan, asal-usul perniagaan, sektor perniagaan, penggunaan teknologi, jenis teknologi yang diguna pakai, bilangan pekerja dan tempoh masa perniagaan. Soal selidik yang menepati kriteria demografi tersebut dipilih sebagai sampel kajian ini.

Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan pemilihan teknousahawan PKS (Salpiah Suradi, Ruhaizan Mohd Yasin dan Mohammad Sattar Rasul, 2017; Janain Burut, 2018; Romy Abd Kadir, 2019; Sabrina Saad, Abu Shams Mohammad Mahmud Hoque & Zainudin Awang, 2019) item-item demografi atau profil seperti bekas pelajar pusat latihan kemahiran awam, tempoh masa menceburi dalam bidang teknokeusahawanan, jenis perniagaan yang dijalankan, memiliki premis perniagaan, penggunaan jenis teknologi dalam perniagaan serta penglibatan dalam latihan teknokeusahawanan telah digunakan untuk memilih sampel kajian.

Secara kesimpulannya, pemilihan sampel kajian yang layak banyak bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan para responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan kepada mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Penentuan Saiz Sampel Kajian

Penentuan saiz sampel kajian merupakan proses memilih sekumpulan peserta oleh pengkaji untuk sesuatu pengkajian yang mewakili kumpulan besar yang dipilih (Cohen 1969). Terdapat beberapa kaedah untuk menentukan saiz sampel kajian. Pertama, G*Power menyediakan program dengan penyelesaian grafik untuk mengira saiz sampel kajian (Hiba Zuhair Abdul Kareem et al., 2021). Kedua, saiz sampel juga boleh ditentukan dengan menggunakan jadual yang disediakan oleh Krejcie & Morgan (1970). Selain itu, penetapan saiz sampel kajian juga boleh merujuk kepada formula Cochran (1977).

Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan PKS menggunakan kaedah pemilihan saiz sampel berpandukan jadual yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) (Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof, 2020; Mazdan Ali Amaran & Mohd Sharizam Hamzah, 2021). Maka, berpandukan kajian lepas, kajian ini juga menggunakan jadual Krejcie & Morgan (1970) bagi menentukan saiz sampel kajian. Mengikut jadual Krejcie & Morgan (1970), daripada populasi kajian (N) sebanyak 2,300 minimum sampel (*n*) yang dipilih ialah 327 orang teknousahawan wanita PKS (Lampiran A).

Walaupun saiz sampel kajian iaitu 327 ditentukan mengikut persampelan jadual Krejcie & Morgan (1970), Hair et al. (2016) mencadangkan bahawa tambahan saiz sampel sebanyak 30% dapat membantu mengatasi risiko pemulangan soal selidik yang diedarkan tidak diperoleh sepenuhnya. Keputusan meningkatkan saiz sampel adalah bertepatan berdasarkan kajian terdahulu berkaitan PKS di Malaysia yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan kadar respon rendah, antaranya adalah kadar peratusan sebanyak 18 peratus (Hayati Habibah Abdul Talib et al., 2014), 9.96 peratus (Noor Syakirah Zakaria & Mohd Khairuddin Hashim, 2017), 24.4 peratus (Julienti Lily Abu Bakar & Hartini Ahmad, 2010), 22.2 peratus (Afdiman Anuar & Rosnah Mohd Yusuff) dan 35.2 peratus (Zorah Abu Kassim & Mohamed Sulaiman, 2011). Maka pengkaji telah menambahkan sebanyak 30% bilangan responden bagi tujuan tersebut iaitu ditambah sebanyak 98 (327 x 30%) responden. Maka, jumlah sampel teknousahawan wanita PKS yang dipilih adalah seramai 425 untuk tujuan kajian ini.

3.8 Teknik Pensampelan

Terdapat dua jenis reka bentuk pensampelan iaitu pensampelan kebarangkalian (probability) dan bukan kebarangkalian (nonprobability). Kajian ini menggunakan pensampelan kebarangkalian. Pensampelan kebarangkalian adalah teknik pemilihan sampel dari populasi yang mana setiap individu dalam populasi mempunyai peluang kebarangkalian yang sama untuk terpilih atau dijadikan sampel kajian (Sekaran & Bougie, 2013). Menurut Haizum Ruzanna Sahar et al. (2021), teknik pensampelan kebarangkalian sesuai untuk kajian kuantitatif, kerana ia dapat mengurangkan ralat persampelan ke tahap minimum. Teknik pensampelan kebarangkalian memerlukan senarai lengkap elemen populasi yang dipanggil kerangka pensampelan (Cooper & Schindler, 2011).

Pensampelan kebarangkalian terdiri daripada pensampelan rawak mudah, pensampelan sistematik (pensampelan sistematik), pensampelan berstrata (jenis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pensampelan) dan pensampelan kelompok. Pengkaji telah menggunakan teknik pensampelan strata rawak bernisbah (*proportionate stratified random sampling*) bagi menentukan sampel kajian (Bartlett, Kotrlik & Higgins, 2016). Menurut Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2021) pensampelan berstrata ialah satu proses membahagikan unsur dalam satu populasi ke dalam subpopulasi yang tidak bertindih serta mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang seragam.

Pada peringkat awal, pengkaji menyenaraikan teknousahawan wanita yang mempunyai maklumat lengkap dari direktori keusahawanan mengikut sektor PKS. Setelah mengenal pasti teknousahawan wanita yang mempunyai maklumat lengkap, akan distrata mengikut sektor PKS iaitu pembuatan, perkhidmatan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian dan pembinaan dengan menggunakan teknik pensampelan strata rawak bernisbah. Rasional pemilihan teknik pensampelan ini adalah bagi mendapatkan anggaran yang tidak berat sebelah (*bias*) serta seimbang supaya memastikan saiz sampel yang mencukupi di kalangan sub kumpulan dalam sesuatu populasi.

Sebanyak 425 responden dibahagikan mengikut populasi teknousahawan wanita iaitu 2,300 dan menentukan kadar iaitu 0.1848 bagi mendapatkan sampel nisbah berstrata (425 ÷ 2300 = 0.1848). Kadar 0.1848 didarabkan dengan populasi teknousahawan wanita bagi menentukan sampel kajian mengikut sektor. Bilangan teknousahawan wanita yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Populasi dan Sampel Kajian

Sektor	**Populasi**	**Responden yang Disasarkan (Kadar 0.1848)**	**Responden Sebenar**
Pembuatan	1053	194	138
Perkhidmatan	867	160	124
Pertanian	221	41	30
Perlombongan dan pengkuarian	74	14	4
Pembinaan	85	16	6
Jumlah	**2300**	**425**	**302**

Seterusnya, pemilihan responden yang telah dikenal pasti dilibatkan secara rawak dalam kajian ini. Pemilihan responden yang dilaksanakan secara rawak merupakan teknik yang terkenal dan praktikal untuk digunakan dalam kajian kuantitatif (Sarimah Che Hassan et al., 2020; Mazdan Ali Amran, 2021). Pengkaji memilih responden secara rawak kerana setiap responden atau unit akan diberi peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian tanpa sebarang bias pemilihan.

Menurut Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof & Zurinah Tahir (2021), terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan dalam pemilihan sampel secara rawak, iaitu: (1) pengkaji perlu mengenal pasti sampel kajian yang akan dipilih; (2) pengkaji perlu menyediakan senarai lengkap ahli yang akan menjadi populasi kajian untuk memilih sampel kajian secara rawak; dan (3) pengkaji perlu memilih sampel berdasarkan peluang dan kebarangkalian setiap ahli untuk dipilih menjadi sampel kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji memilih dan menyenaraikan teknousahawan wanita yang berdaftar dalam direktori SME Corp., INSKEN dan MRANTI yang menjadi populasi kajian. Pengkaji berpandukan dengan maklumat yang lengkap seperti nama pemilik, nama perniagaan, nombor telefon, alamat surat-menyurat dan alamat e-mel telah memilih seramai 2,300 teknousahawan wanita. Seterusnya, teknousahawan wanita yang mempunyai maklumat lengkap dalam platform direktori tersebut dipilih secara rawak dengan mengikut senarai nombor yang telah diperoleh daripada jadual nombor berkomputer.

Pemilihan sampel secara rawak dapat dilakukan melalui satu program atas talian yang dikenali sebagai "*Research Randomiser*" (Kelley et al., 2003) yang boleh dijana menggunakan perisian komputer di *https://www.randomizer.org*. *Research Randomizer* merupakan satu teknik pemilihan sampel secara rawak atas talian yang dirancang untuk membantu penyelidik mencipta nombor rawak atau memilih sampel secara rawak daripada satu populasi. Idea asal *Research Randomizer* adalah dipelopori oleh Urbaniak (1997) dan seterusnya berkembang hingga ke hari ini. Kaedah untuk mendapatkan jadual nombor rawak ialah:

i. Pergi ke laman web www.randomizer.org untuk mendapatkan program "*Research Randomiser*".

ii. Klik butang "*Randomise*" pada bar menu untuk memaparkan boring *Randomiser*.

iii. Setelah borang *Randomiser* dipaparkan:

a. Masukkan "1" untuk menetapkan nombor yang dijana;

b. Masukkan "194" untuk nombor saiz sampel yang ditetapkan;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Masukkan “1 hingga 1053” untuk julat bilangan yang akan rawak dalam set mengikut populasi setiap sektor PKS;

d. Klik “Ya” untuk menjana nombor unik dalam set;

e. Klik “Ya” “Paling kecil hingga terbesar” untuk menyusun nombor yang ditetapkan; dan

f. Klik butang “Rawak Sekarang!” untuk menjana nombor rawak.

Satu set jadual nombor rawak yang mengandungi senarai nombor rawak akan terpapar setelah selesai proses tersebut. Kemudian, pengkaji mengulangi langkah yang sama bagi populasi sektor PKS yang lain. Setelah itu, proses mengedarkan borang soal selidik dijalankan terhadap teknousahawan wanita di seluruh Malaysia dengan menghantar pautan borang *Google* kepada responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan teknousahawan wanita PKS di seluruh Malaysia. Teknousahawan wanita di Malaysia terlibat dalam lima sektor PKS yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan. Lokasi perniagaan teknousahawan wanita ini tidak dapat disenaraikan secara khusus. Menurut Abdul Kadir Basri (2020) dan Romy Abd Kadir (2019), selain cara pengurusan perniagaan teknousahawan PKS berbeza, perniagaan mereka juga berbeza mengikut latar belakang perniagaan, lokasi kilang, kepimpinan, cara pengedaran serta pemasaran. Disebabkan hal ini, pengkaji telah memilih teknousahawan wanita PKS yang perniagaannya beroperasi di seluruh Malaysia yang terlibat dalam lima sektor PKS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10 Instrumen Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik digunakan untuk mengenal pasti hubungan ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja sebagai faktor kejayaan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS.

Instrumen yang disediakan mempunyai enam bahagian iaitu A, B, C, D, E dan F. Bahagian A terdiri dengan maklumat demografi iaitu maklumat peribadi responden. Bahagian B adalah ciri-ciri keusahawanan, bahagian C adalah kompetensi teknousahawan, bahagian D adalah pengalaman kerja, bahagian E adalah latihan teknousahawan dan bahagian F adalah berkaitan kejayaan teknousahawan. Responden menjawab semua item kajian dalam borang soal selidik berdasarkan skala *Likert*. Skala yang digunakan dalam kajian ialah skala *Likert* lima mata yang dibina oleh Rennis (1976). Menurut Sugiyano (2016), skala *Likert* lima mata sesuai digunakan untuk mengukur sikap, pendapat dan persepsi seseorang terhadap sesuatu keadaan sosial. Selain itu, penggunaan skala ini juga membantu dalam mendalami pemahaman terhadap pandangan atau pendapat responden terhadap sesuatu topik.

Skala yang digunakan ditunjukkan dalam Jadual 3.3 iaitu Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Kurang Setuju (KS), Tidak Setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS). Semua instrumen tersebut diletakkan di dalam satu buku instrumen (Lampiran B).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Skala Likert Lima Mata

Peringkat	Singkatan	Skor
Sangat Tidak Setuju	STS	1
Tidak Setuju	TS	2
Kurang Setuju	KS	3
Setuju	S	4
Sangat Setuju	SS	5

Note: Rennis (1976)

Jadual 3.28 menunjukkan pembentukan komponen faktor konstruk pengalaman teknousahawan. Analisi EFA bagi konstruk ini juga telah diletakkan pemberatan faktor pada paras 0.6 untuk dapatkan item yang mempunyai nilai muatan tinggi. Bagi konstruk ini tidak ada item digugurkan kerana semua termuat ke dalam faktor yang dibentuk disebabkan mempunyai nilai pemberatan faktor (λ) yang lebih tinggi dari 0.7 (λ >.6).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.28

Pembentukan Komponen Faktor Konstruk Latihan Teknousahawan

Pembentukan Komponen

Item	Komponen
eLT70	.809
eLT71	.832
eLT72	.857
eLT73	.885
eLT74	.880
eLT75	.738
eLT76	.710

Extraction Method: Principal Component Analysis. Rotation Method: Varimax with Kaiser Normalization.[a]
a. Rotation converged in 5 iterations.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.14.5 Penulenan Konstruk Kejayaan Teknousahawan

Konstruk kejayaan teknousahawan diukur dengan kejayaan teknousahawan 10 item. Dapatan analisis EFA terhadap item-item ini menunjukkan nilai KMO = 0.874 dan melebihi nilai 0.60 untuk memenuhi keperluan kebolehfaktoran matrik korelasi. Nilai ujian Sphericity Bartlett pula adalah signifikan ($p<0.05$). Dapatan ini membuktikan bahawa item-item yang digunakan dalam EFA ini mempunyai kekuatan interkorelasi antara satu sama lain. Jadual 3.29 menunjukkan kebolehfaktoran matriks korelasi konstruk kejayaan teknousahawan (Lampiran M).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.29

Ujian KMO dan Bartlett's Kejayaan Teknousahawan

Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)		0.874
Ujian Sphericity Bartlett's	Khi Kuasadua	352.517
	df	45
	Sig.	0.000

Jadual 3.30 menunjukkan jumlah varian latihan teknousahawan melalui putaran orthogonal dengan kaedah varimax. Analisis EFA menunjukkan pembentukan satu komponen faktor dengan nilai eigen yang melebihi 1.0 bagi menentukan faktor yang dikekalkan sebagai dimensi sesuatu konstruk. Julat varian satu komponen tersebut adalah 6.323. Komponen ini berkeupayaan untuk menerangkan sebanyak 63.23 peratus konstruk latihan teknousahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.30

Jumlah Varian Kejayaan Teknousahawan (n=50)

Komponen	**Nilai Eigen**			**Jumlah Pengekstrakan Beban**		
	Jumlah	% Varian	Kumulatif %	Jumlah	% Varian	Kumulatif %
1	6.323	63.231	63.231	6.323	63.231	63.231

Jadual 3.31 menunjukkan pembentukan komponen faktor konstruk kejayaan teknousahawan. Analisi EFA bagi konstruk ini juga telah diletakkan pemberatan faktor pada paras 0.6 untuk dapatkan item yang mempunyai nilai muatan tinggi. Bagi konstruk ini tidak ada item digugurkan kerana semua termuat ke dalam faktor yang dibentuk disebabkan mempunyai nilai pemberatan faktor (λ) yang lebih tinggi dari 0.7 (λ >.6).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.31

Pembentukan Komponen Faktor Konstruk Kejayaan Teknousahawan

Pembentukan Komponen	
Item	**Komponen**
fKKK77	.829
fKKK78	.809
fKKK79	.865
fKKK80	.726
fKKK81	.821
fKKT82	.847
fKKT83	.780
fKKT84	.836
fKKT85	.767
fKKT86	.647

Extraction Method: Principal Component Analysis. Rotation Method: Varimax with Kaiser Normalization.[a]
a. Rotation converged in 5 iterations.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah melaksanakan EFA bagi lima konstruk iaitu ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan, pengalaman kerja, latihan teknousahawan dan kejayaan teknousahawan didapati tidak terdapat item yang digugurkan daripada senarai instrument asal. Maka bagi kajian lapangan semua item akan dimuatkan. Oleh yang demikian instrumen bagi kajian lapangan akan dimuatkan dengan 86 item keseluruhan.

3.15 Tatacara Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan langkah signifikan dalam proses mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk kajian. Menurut Siregar (2021) tatacara pengumpulan ini


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melibatkan kaedah yang digunakan untuk mengumpul data, langkah sebelum dan semasa pelaksanaan kajian serta analisis data yang telah dikumpulkan. Setelah prosedur kajian rintis atau *pilot test* dan analisis faktor dijalankan, pengkaji meneruskan proses pengumpulan data sebenar kajian ini, bermula pada bulan Oktober 2022 hingga bulan Mac 2023, iaitu selama enam bulan. Prosedur kajian adalah langkah-langkah yang diambil oleh pengkaji sebelum ke lapangan untuk melakukan proses untuk mengumpul data kajian. Rajah 3.3 menunjukkan langkah-langkah pengumpulan data kajian.

Rajah 3.3

Pengumpulan Data Kajian



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum melakukan pengumpulan data pengkaji telah menyertai kursus etika yang dijalankan oleh Pusat Pengurusan Pengkajian dan Inovasi (RMIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim pada 14 September 2022 (Lampiran N); serta telah mendapatkan kelulusan etika pengkajian bagi pengumpulan data yang melibatkan subjek manusia untuk tujuan kajian ini. Kebenaran ini perlu bagi memastikan kajian yang dijalankan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh RMIC. Pengkaji telah menerima surat kebenaran daripada RMIC pada 28 Oktober 2022 hingga 28 Oktober 2023 bagi menjalankan kajian selama dua belas bulan (Lampiran O).

Sejurus mendapat kebenaran dari pusat RMIC, pengkaji menghantar e-mel kepada SME Corp., INSKEN dan MRANTI untuk mendapatkan kebenaran penggunaan data dalam direktori (Lampiran P). Teknousahawan wanita yang mempunyai maklumat lengkap seperti nama pemilik, nama perniagaan, nombor telefon, alamat surat-menyurat, alamat E-mel, dan maklumat perniagaan dipilih sebagi popusi kajian. Seramai 2,300 teknousahawan wanita PKS dipilih. Seterusnya, seramai 327 sampel kajian ditentukan mengikut persampelan jadual Krejcie & Morgan (1970) serta 30 peratus ditambah untuk mengatasi risiko pemulangan. Ahkirnya, seramai 425 sampel kajian dipilih.

Seterusnya, sebelum set soal selidik disebarkan dalam bentuk borang *Google* melalui e-mel, *Whatapps*, atau *Telegram*, pengkaji mendapatkan persetujuan daripada responden yang dipilih dengan menyertakan surat permohonan rasmi daripada Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak dan berserta borang persetujuan sebagai mematuhi etika pengkajian. Selepas mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persetujuan dari sampel kajian, pengkaji menghantar set soal selidik melalui e-mel, *Whatapps*, atau *Telegram.*

Sampel bagi kajian ini terdiri daripada teknousahawan wanita PKS di Malaysia yang merupakan pemilik atau pengurus syarikat. Pengkaji menyediakan arahan yang jelas bagi memastikan pemilik atau pengurus syarikat wanita yang mengisi borang *Google* yang diedarkan melalui e-mel, *Whatapps, dan Telegram.* Pengkaji memberikan tempoh masa selama dua minggu untuk menjawab soal selidik yang diberikan dan mengembalikan semula borang *Google*. Sekiranya selepas dua minggu tidak menerima maklum balas daripada responden, langkah ini akan diulangi sebagai peringatan kerana teknousahawan wanita sibuk menguruskan perniagaan mereka. Sampel kajian yang memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu pemilik atau pengurus wanita, tempoh masa perniagaan, sektor PKS, penggunaan teknologi, dan jenis teknologi yang diguna pakai. Selepas itu, pengkaji melalukan proses pembersihan data sebelum analisis lebih lanjut dilaksanakan. Semua data yang terima dikumpul dan dianalisis mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

3.16 Tatacara Penganalisian Data

Data yang telah dikutip melalui borang soal selidik dianalisis menggunakan pakej perisian SPSS *(Statistical Package for the Social Sciences)* versi 28.0. Kajian yang berbentuk kuatitatif ini menganalisis data yang melibatkan analisis diskriptif, analisis korelasi, analisis hirarki moderator dan analisis regrasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.16.1 Analisis Diskriptif

Analisis statistik diskriptif yang digunakan oleh pengkaji merangkumi kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Data yang dikumpul oleh pengkaji dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 28.0. Penganalisisan data dibuat berdasarkan persoalan kajian pertama, kedua, ketiga dan keempat. Hasil penganalisisan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Pernyataan yang mempunyai skor min yang tertinggi merupakan pernyataan yang dianggap paling signifikan (Janain Burut, 2018).

Pengkaji menggunakan interpretasi untuk mengklasifikasikan nilai min berdasarkan darjah persetujuan peserta kajian iaitu sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi seperti dalam Jadual 3.32 yang diadaptasi daripada buku "Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS" oleh Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2021; p 147-150).

Jadual 3.32

Interpretasi Skor Min

Indeks Min	Interpretasi
1.00-1.89	Sangat rendah
1.90-2.69	Rendah
2.70-3.49	Sederhana
3.50-4.29	Tinggi
4.30-5.00	Sangat tinggi

Note: Diadaptasi daripada buku "Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS" oleh Fauzi Hussin, Jamal Ali, dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2021; p. 147-150)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.16.2 Analisis Korelasi

Pekali korelasi digunakan untuk mengukur kekuatan hubungan linear antara dua pemboleh ubah. Pekali korelasi adalah penunjuk kekuatan hubungan linear antara dua pemboleh ubah berbeza, x dan y. Pekali korelasi linear yang lebih besar daripada sifar menunjukkan hubungan positif. Nilai yang kurang daripada sifar menandakan hubungan negatif. Akhir sekali, nilai sifar menunjukkan tiada hubungan antara dua pemboleh ubah x dan y.

Pekali korelasi ialah ukuran yang menentukan sejauh mana pergerakan dua pemboleh ubah berbeza dikaitkan (Fauzi Hussin, Jamal Ali dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor, 2021). Pekali korelasi yang paling biasa, yang dihasilkan oleh korelasi *Pearson*, digunakan untuk mengukur hubungan linear antara dua pemboleh ubah (Janain Burut, 2018). Walau bagaimanapun, dalam hubungan bukan linear, pekali korelasi ini mungkin tidak selalu menjadi ukuran pergantungan yang sesuai.

Jadual 3.33 menunjukkan nilai pekali korelasi dan kekuatan hubungan. Jackson (2015) dalam bukunya " *Research Methods and Statistics: A Critical Thinking Approach* " menerangkan bahawa julat nilai untuk pekali korelasi ialah -1.0 hingga 1.0. Dalam erti kata lain, nilai tidak boleh melebihi 1.0 atau kurang daripada -1.0. Korelasi -1.0 menunjukkan korelasi negatif yang sempurna, dan korelasi 1.0 menunjukkan korelasi positif yang sempurna. Jika pekali korelasi lebih besar daripada sifar, ia adalah hubungan positif. Sebaliknya, jika nilainya kurang daripada sifar, ia adalah hubungan negatif. Nilai sifar menunjukkan bahawa tiada hubungan antara dua pemboleh ubah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila mentafsir korelasi, adalah penting untuk diingat bahawa hanya kerana dua pemboleh ubah dikaitkan, ini tidak bermakna satu menyebabkan yang lain.

Jadual 3.33

Nilai Pekali Korelasi dan Kekuatan Hubungan

Nilai Pekali Korelasi (r)	Kekuatan Hubungan
± 0.70-1.00	Kuat
± 0.30-0.69	Sederhana
± 0.00-0.29	Tiada (r= 0.00 atau lemah r >0.00)

Note: Diadaptasi daripada buku "*Research Methods and Statistics: A Critical Thinking Approach"* ditulis oleh Jackson (2009; p 122-137)

Bagi kajian ini, ujian korelasi akan digunakan bagi menentukan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, pengalaman kerja, latihan teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS.

3.16.3 Analisis Regrasi

Analisis regrasi merupakan kaedah statistik digunakan untuk memahami hubungan antara pemboleh ubah dan cara pemboleh ubah tidak bersandar mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Terdapat dua bentuk persamaan regrasi iaitu regrasi linear dan berganda. Dalam analisis regrasi linear atau regrasi mudah, pemboleh ubah tidak bersandar (X) digunakan untuk menganggarkan pemboleh ubah bersandar (Y). Hubungan antara setiap pemboleh ubah adalah linear dengan kedua-dua pemboleh ubah (Dewi Sri Susanti, Yuana Sukmawaty dan Nur Salam, 2019). Regrasi berganda pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan untuk memahami hubungan antara satu pemboleh ubah bersandar dan dua atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar.

Analisis regrasi linear akan dijalankan dalam kajian ini untuk melihat sumbangan atau pengaruh yang paling signifikan sesuatu pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar yang dikaji dimasukkan dengan kaedah *stepwise* untuk menentukan sumbangan relatif setiap pemboleh ubah tidak bersandar itu terhadap pemboleh ubah bersandar (Hair et al., 2013). Selain itu, analisis regrasi berganda pula dijalankan dalam kajian ini untuk menganalisis sumbangan hubungan dan pengaruh pemboleh ubah tidak bersandar yang jumlahnya lebih dari dua.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Persamaan model regrasi berganda tersebut adalah dihuraikan seperti berikut:

$$Y = a + b1x1 + b2x2 + b3x3$$

Keterangan:

Y: Nilai peramal dari Y
a: Bilangan konstan
b1, b2, b3: Koefisien pemboleh ubah bebas
x1, x2, x3: Pemboleh ubah bebas
x1: Ciri-ciri keusahawanan (CT)
x2: Kompetensi Teknousahawan (KT)
x3: Pengalaman Kerja (PK)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model regrasi dalam penelitian ini dinyatakan sebagai berikut:

$$P\,(Y) = a + b1(CT)+b2(KT)+b3(PK)$$

Keterangan:

P: produktif
a: konstan
b1, b2, b3: koefisien regrasi

Mengesan pemboleh ubah X dan Y yang akan dimasukkan pada analisis regrasi di atas dengan bantuan perisian SPSS versi 28. Hasil analisis yang diperoleh akan ditafsir, pengaruh F dengan x1 (ciri-ciri keusahawanan), x2 (kompetensi teknousahawan), dan x3 (pengalaman kerja) terhadap Y (kejayaan teknousahawan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.16.4 Analisis Moderator Regrasi Linear Hirarki

Di dalam kajian ini, analisis moderator Regrasi linear hirarki dijalankan untuk menentukan hubungan serta interaksi antara pemboleh ubah bebas (ciri, kompetensi, pengalaman kerja), pemboleh ubah moderator (latihan), pemboleh ubah dan pemboleh ubah bersandar (kejayaan) dalam pembentukan suatu model (Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor, 2021). Kajian ini juga menentukan latihan teknousahawan memainkan peranan sebagai moderator kepada hubungan antara ciri, kompetensi, pengalaman kerja dan kejayaan teknousahawan wanita.

Faizah Zakaria & Azhar Harun (2019) menggambarkan bahawa moderator sebagai pemboleh ubah kualitatif atau kuantitatif yang mempengaruhi arah kekuatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu hubungan antara pemboleh ubah bebas atau peramal dan pemboleh ubah bersandar. Manakala, Janain Burut, Ramlee Mustapha dan Zakaria Kasa (2017) berpendapat moderator merupakan pemboleh ubah yang memberi kesan atau mengubah hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar.

Dalam analisis ini, pemboleh ubah tidak bersandar dimasukkan ke dalam model dalam susunan tertentu, dengan setiap langkah menambah pemboleh ubah tambahan pada modelnya. Menurut Ross & Willson (2017) jenis analisis ini membolehkan pengkaji mengenal pasti pemboleh ubah yang paling berpengaruh dalam meramalkan pemboleh ubah bersandar, dan untuk mengenal pasti sebarang potensi interaksi antara pemboleh ubah dalam model. Analisis regrasi ini mampu menunjukkan kesan pemboleh ubah moderator dalam kerangka kajian apabila interaksi antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah moderator mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar (Dewi Sri Susanti, Yuana Sukmawaty & Nur Salam, 2019).

Sekiranya analisis regrasi berganda menunjukkan bahawa perhubungan langsung wujud antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar adalah signifikan, ia tidak akan mengganggu tahap signifikan yang terdapat pada pemboleh ubah moderator itu (Baron & Kenny, 1986). Sebaliknya, jika nilai korelasi berganda kuasa dua bagi pemboleh ubah moderator lebih tinggi daripada pemboleh ubah bebas, ini bermaksud pemboleh ubah moderator mempunyai kesan ke atas darjah kekuatan dalam sampel data (Cohen, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, analisi ini juga sangat berguna untuk mengenal pasti faktor yang paling penting dalam meramalkan hasil atau tingkah laku tertentu. Analisis regrasi hirarki ialah satu bentuk analisis regrasi berganda di mana pemboleh ubah tidak bersandar dimasukkan ke dalam model dalam susunan hirarki yang telah ditetapkan (Dewi Sri Susanti, Yuana Sukmawaty & Nur Salam, 2019). Formula asas untuk regrasi hirarki ialah sama seperti formula yang diguna pakai analisis regrasi berganda di atas. Pemboleh ubah X dan Y yang akan dimasukkan pada analisis moderator Regrasi linear hirarki dengan bantuan perisian SPSS versi 28. Hasil analisis yang diperoleh akan ditafsir interaksi nilai z, kuasa dua R, nilai F dan Durbin-Watson.

3.17 Rumusan Bab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini telah membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji kajian ini. Turut dijelaskan adalah berkenaan dengan jenis reka bentuk kajian, populasi dan sample kajian. Selain itu bab ini juga membincangkan pemilihan saiz sampel serta teknik pensampelan yang digunakan untuk memilih responden yang mewakili populasi keseluruhan. Pengkaji juga mengenal pasti instrument kajian dan pengukuran konstruk kajian yang telah disesuaikan daripada beberapa kajian sebelumnya. Kemudian pengkaji telah menerangkan proses kesahan dan kebolehpercayaan pengukuran ini boleh diuji. Seterusnya, pengkaji telah menjelaskan pengukuran kajian rintis untuk menilai pemahaman responden dan penambahbaikan yang dilakukan selepas kajian rintis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya pengkaji juga menjelaskan proses pengumpulan maklumat secara terperinci. Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik dalam mengumpul data kajian dengan menggunakan pendekatan kuantitatif untuk melihat dan mengukur maklumat data yang terkumpul. Borang soal selidik kajian dalam bentuk borang *Google* disediakan dalam dwi bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris untuk memudahkan pemahaman serta menggalakkan penyertaan responden. Di akhir Bab 3 turut dijelaskan tentang penggunaan beberapa analisis, seperti analisi diskriptif, analisis korelasi, analisis moderator regrasi linear hirarki dan analisis regrasi berganda dalam pengujian hipotesis kajian. Keputusan kajian bakal dibincangkan dan dilaporkan pada bab seterusnya, iaitu Bab 4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini tertumpu kepada analisis kajian berdasarkan persoalan dan hipotesis bagi menjawab objektif kajian ini. Huraian terhadap objektif kajian iaitu tahap pemboleh ubah kajian dan hubungan antara pemboleh ubah kejayaan, ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, pengalaman kerja dan latihan teknousahawan wanita di Malaysia. Selain itu ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja sebagai faktor peramal kejayaan teknousahawan wanita juga dikaji. Latihan teknousahawan sebagai moderator dalam hubungan antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita turut dikupas dalam bab ini.

Bahagian pertama Bab empat dimulakan dengan melaporkan tentang kadar maklum balas, data tidak lengkap, ujian normaliti, ujian multikolineariti, serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penentuan *homoscedasticity*. Bahagian kedua pula memberi tumpuan kepada laporan berkaitan dengan dapatan kajian yang terdiri daripada demografi responden, analisis diskriptif, analisis korelasi, analisis moderator regrasi linear hirarki dan analisis regrasi. Bab empat diakhiri dengan perbincangan mengenai penentuan faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita serta penentuan model dan sumbangan faktor peramal kejayaan teknousahawan wanita PKS.

4.2 Kadar Maklum Balas

Kadar maklum balas dikategorikan sebagai bilangan soal selidik yang telah berjaya dikembalikan kepada pengkaji dan merupakan langkah penting dalam menentukan sejauhmana keberkesanan kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif (Mellahi & Harris, 2015). Sebanyak 425 borang soal selidik dalam bentuk *Google form* telah berjaya dihantar kepada pemilik atau pengurus PKS seluruh Malaysia berpandukan maklumat yang didapati daripada direktori keusahawanan iaitu SME Corp. Malaysia, INSKEN dan MRANTI. Sebanyak 425 borang soal selidik yang telah dihantar dan sebanyak 412 telah dijawab serta berjaya dikembalikan oleh responden.

Pengkaji telah memilih responden yang telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu peserta kajian adalah dalam kalangan wanita; teknousahawan wanita PKS yang merupakan pemilik atau pengurus syarikat; teknousahawan wanita adalah usahawan wanita PKS yang menggunakan teknologi untuk tujuan perniagaan dan melibatkan diri dalam bidang perniagaan yang menggunakan teknologi terkini sama ada dalam urusan penghasilan produk, penawaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkhidmatan, merekabentuk produk, pembungkusan, promosi dan pemasaran; penggunaan teknologi merujuk kepada penggunaan aplikasi sosial, e-mel, laman web, perisian *Microsoft office*, perisian grafik, perisian reka bentuk, jentera, perkakasan teknologi dan sistem penjualan dan pembelian atas talian yang diguna pakai oleh teknousahawan wanita PKS dalam penghasilkan produk, penawaran perkhidmatan, merekabentuk produk, pembungkusan, promosi dan pemasaran; dan memberi tumpuan kepada teknousahawan wanita yang mempunyai sekurang-kurangnya mempunyai tiga tahun pengalaman perniagaan.

Pengkaji berjaya menerima 412 borang soal selidik. Daripada 412 borang soal selidik, 110 borang soal selidik telah dibuang semasa melakukan ujian normaliti bagi mendapatkan data yang normal. Ahkirnya, sebanyak 302 borang soal selidik yang memenuhi kriteria yang diperlukan untuk kajian ini telah digunakan untuk tujuan analisis dengan kadar respons sebanyak 71.1 peratus. Kadar respon yang digunakan untuk kajian ini adalah kurang daripada minimum saiz sampel kajian yang ditentukan iaitu seramai 327.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian lepas yang memberikan sokongan bahawa sampel ini masih boleh diterima dan analisis dapat dijalankan dengan betul. Menurut Bartlett, Kotrlik, dan Higgins (2016), sampel yang lebih kecil masih boleh menghasilkan keputusan yang signifikan dengan syarat pengumpulan data dilakukan dengan teliti dan analisis dijalankan dengan kaedah yang sesuai. Sampel yang lebih kecil dari yang disarankan masih boleh digunakan jika analisis dilakukan dengan berhati-hati dan metodologi pengumpulan data adalah tepat (Bartlett et al., 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Krejcie & Morgan (1970) juga menyatakan bahawa walaupun terdapat sampel minimum yang dicadangkan, penyelidik sering menghadapi situasi di mana kadar respon lebih rendah daripada yang dijangkakan serta ketepatan sampel yang lebih kecil masih boleh diterima asalkan perbezaannya tidak terlalu besar. Tambahan pula, Cochran (1977) menekankan bahawa dengan menggunakan teknik statistik yang betul, sampel yang lebih kecil masih boleh memberikan hasil yang tepat.

Selain itu, Cochran (1977) menyatakan bahawa sampel yang mendekati saiz minimum yang disarankan masih boleh digunakan untuk analisis inferens dengan syarat bahawa perbezaan antara sampel sebenar dan minimum adalah kecil dan boleh dijustifikasikan. Dalam kajian ini, perbezaan sebanyak 25 responden (327-302=25) dianggap kecil dan tidak dijangka akan memberi impak yang besar kepada kesahihan hasil kajian jika metodologi pengumpulan data dan teknik analisis dijalankan dengan betul. Oleh itu, analisis ini tetap relevan dan boleh dilakukan berdasarkan bukti dari kajian-kajian lepas.

Terdapat beberapa kajian lepas yang menggunakan sektor PKS sebagai subjek kajian mendapati bahawa kadar respon adalah kebanyakannya memuaskan dan kadar respon ini boleh dianggap munasabah jika dibanding dengan kajian lain yang dijalankan di kalangan organisasi PKS di Malaysia, seperti kajian oleh Adznir Mokhtar (2017) dengan kadar respon 48.0 peratus, Ismadi Ishak (2019) dengan kadar respon 56.0 peratus dan dengan kadar respon sebanyak 52.3 peratus. Jadual 4.1 menunjukkan ringkasan kadar respons yang diterima setelah proses pengutipan dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Ringkasan Kadar Respons

Respon	Maklum Balas	Peratusan (%)
Borang soal selidik yang dihantar	425	100
Borang soal selidik yang telah diterima	412	96.9
Borang soal selidik yang digunakan untuk analisis	302	71.1

4.3 Demografi Responden

Responden kajian ini diwakili oleh pemilik atau pengurus syarikat. Maklumat berkaitan teknousahawan ini diperoleh dari direktori SME Corp., INSKEN dan MRANTI. Berdasarkan tiga direktori iaitu SME Corp. Malaysia, INSKEN dan MRANTI terdapat sebanyak 2,300 teknousahawan PKS di Malaysia yang telah dikenal pasti untuk kajian ini.

Jadual 4.2 menunjukkan analisis demografi responden. Secara keseluruhannya sebanyak 302 responden teknousahawan wanita telah melibatkan diri dalam kajian ini. Responden yang berumur antara 20 hingga 30 tahun adalah paling ramai iaitu separuh dari jumlah responden bejumlah 165(54.8 peratus). Jumlah ini diikuti responden umur 31 hingga 40 tahun dan 41 hingga 50 tahun iaitu 50(16.8 peratus) dan 45(14.9 peratus) masing-masing. Seterusnya reponden 20 tahun ke bawah adalah 30(9.9 peratus) dan lebih daripada 50 tahun ke atas adalah yang terendah iaitu 12(3.9 peratus) orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknousahawan wanita yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat pengajian tinggi adalah paling ramai iaitu separuh dari jumlah responden terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 114(37.7 peratus) orang. Jumlah ini diikuti responden dari Pra-Universiti iaitu STPM, Matrikulasi dan Diploma iaitu 87(28.8 peratus) orang. Dari mereka 63(20.9 peratus) orang adalah bersekolah di peringkat sekolah menengah dan 26(8.6 peratus) orang hanya belajar di peringkat sekolah rendah. Manakala 12(4.0 peratus) teknousahawan wanita yang terlibat dalam kajian ini tidak pernah bersekolah.

Seramai 107(35.4 peratus) orang responden telah mulakan perniagaan secara sendiri. Manakala 86(28.5 peratus) responden menjadi rakan kongsi. Jumlah ini diikuti responden yang warisi perniagaan dari keluarga iaitu 75(24.8 peratus) orang. Terdapat juga responden membeli perniagaan dari orang lain iaitu 34(11.3 peratus). Selanjutnya, jika melihat terhadap sektor perniagaan yang responden terlibat mendapati kebanyakan iaitu 138(45.7 peratus) orang adalah terlibat dengan pembuatan. Jumlah ini diikuti responden dari sektor perkhidmatan seramai 124(41.1 peratus). Responden dari pertanian, pembinaan dan perlombongan atau pengkuarian adalah masing-masing 30(9.9 peratus), 6(1.9 peratus) dan 4(1.4 peratus) orang.

Penghasilan produk adalah bahagian proses yang digunakan teknologi oleh teknousahawan wanita secara luas iaitu 124(40.0 peratus) orang. Teknologi juga digunakan dalam penawaran perkhidmatan oleh 69(22.7 peratus) orang. Dalam sektor promosi seramai 51(17.3 peratus) menggunakan teknologi. Pemasaran menggunakan teknologi seramai 24(7.2 peratus). Manakala dalam pembungkusan 22(6.7 peratus) dan sektor reka bentuk produk 12(6.1 peratus) masing-masing. Penggunaan teknologi yang paling banyak digunakan oleh responden adalah aplikasi jaringan sosial iaitu 160(52.9

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peratus) diikuti sistem penjualan dan pembelian 40(13.2 peratus), jentera 31(10.2 peratus), e-mel 25(8.3 peratus), perkakasan teknologi 19(6.3 peratus), laman web 11(3.6 peratus), perisian reka bentuk 9(2.9 peratus) dan perisian grafik 7(2.3 peratus).

Teknousahawan wanita yang melaksanakan perniagaan antara 3 hingga 6 tahun adalah paling ramai responden iaitu 123(40.7 peratus) diikuti 7 hingga 10 tahun 94(31.1 peratus) orang, 11 hingga 14 tahun 61(20.2 peratus) orang, dan manakala hanya 24(7.9 peratus) orang melaksanakan perniagaan lebih dari 15 tahun. Sebanyak 265(87.7 peratus) perniagaan melibatkan bilangan pekerja 5 hingga 50 orang diikuti 51 hingga 100 orang sebanyak 24(7.9 peratus) dan 101 hingga 150 orang sebanyak 13(4.3 peratus) (Lampiran Q).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Demografi Responden

Profil	Frekuansi	Peratus (%)
Jantina		
Perempuan	302	100
Umur		
< 20 Tahun	30	9.9
20 hingga 30 Tahun	165	54.8
31 hingga 40 Tahun	50	16.8
41 hingga 50 Tahun	45	14.9
> 50 Tahun	12	3.9
Kelayakan Akademik		
Tidak Bersekolah	12	4.0
Sekolah Rendah	26	8.6
Sekolah Menengah	63	20.9
Pra-Universiti	87	28.8

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Profil	Frekuansi	Peratus (%)
Pengajian Tinggi	114	37.7
Asal Usul Perniagaan		
Mula Sendiri	107	35.4
Warisi Dari Keluarga	75	24.8
Membeli Perniagaan	34	11.3
Menjadi Rakan Kongsi	86	28.5
Sektor Perniagaan		
Pertanian	30	9.9
Pembuatan	138	45.7
Perkhidmatan	124	41.1
Pembinaan	6	1.9
Perlombongan dan Pengkuarian	4	1.3
Bahagian Teknologi		
Penghasilan produk	124	40.0
Penawaran perkhidmatan	69	22.7
Reka bentuk produk	12	6.1
Pembungkusan	22	6.7
Promosi	51	17.3
Pemasaran	24	7.2
Penggunaan Teknologi		
Aplikasi jaringan sosial	160	52.9
E-Mel	25	8.3
Laman Web	11	3.6
Perisian Grafik	7	2.3
Perisian Reka Bentuk	9	2.9
Jentera	31	10.2
Perkakasan Teknologi	19	6.3
Sistem Penjualan dan Pembelian	40	13.2
Tahun Perniagaan		
3 hingga 6 Tahun	123	40.7
7 hingga 10 Tahun	94	31.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Profil	Frekuansi	Peratus (%)
11 hingga 14 Tahun	61	20.2
> 15 Tahun	24	7.9
Bilangan Pekerja		
5-50	265	87.7
51-100	24	7.9
101-150	13	4.3
151-200	0	0

4.4 Tahap Berdasarkan Pemboleh Ubah

Jadual 4.3, menunjukkan tahap berdasarkan pemboleh ubah bagi kajian ini. Semua pemboleh ubah dalam kajian ini mencapai tahap sangat tinggi. Pemboleh ubah pengalaman kerja mencatatkan tahap tertinggi dengan skor min 4.69 dengan sisihan piawai 0.286. Kedua tahap tertinggi dicatatkan ciri-ciri keusahawanan dengan skor min 4.67 dengan sisihan piawai 0.257 dan pemboleh ubah kompetensi teknousahawan mencatatkan skor min 4.65 dengan sisihan piawai 0.266. Pemboleh ubah latihan teknousahawan dan kejayaan teknousahawan mencatatkan tahap tinggi skor min 4.35 dengan sisihan piawai 0.288 dan 0.551 masing-masing (Lampiran R).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Tahap Keseluruhan Berdasarkan Pemboleh Ubah

Pemboleh Ubah	**Keseluruhan**	
	Min	**SP**
Ciri-ciri keusahawanan	4.67	.257
Kompeteni Teknousahawan	4.65	.266
Pengalaman Kerja	4.69	.286
Latihan Teknousahawan	4.35	.288
Kejayaan Teknousahawan Wanita	4.35	.551
Keseluruhan	**4.59**	**.224**

**Tahap:1.00-1.89(Sangat Rendah), 1.90-2.69(Rendah), 2.70-3.49(Sederhana), 3.50-4.29 (Tinggi), 4.30-5.00(Sangat Tinggi); SP: Sisihan Piawai*

4.5 Tahap Dimensi Pemboleh Ubah Ciri-ciri keusahawanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4, menunjukkan tahap dimensi mengikut pemboleh ubah ciri-ciri keusahawanan. Secara keseluruhannya semua dimensi mencatatkan tahap sangat tinggi. Dimensi pemikiran inovatif mencatatkan skor min 4.70 (SP=0.351), dimensi kerohanian mencatatkan skor min 4.68 (SP=0.324) manakala dimensi motivasi kendiri mencatatkan skor min 4.65 (SP=0.302) (Lampiran S).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Tahap Berdasarkan Dimensi Ciri-ciri keusahawanan

Dimensi	**Keseluruhan**	
	Min	**SP**
Motivasi Kendiri	4.65	.302
Pemikiran Inovatif	4.70	.351
Kerohanian	4.68	.324
Keseluruhan	4.65	.260

**Tahap:1.00-1.89(Sangat Rendah), 1.90-6.69(Rendah), 2.70-3.49(Sederhana), 3.50-4.29(Tinggi), 4.30-5.00(Sangat Tinggi); SP: Sisihan Piawai*

4.6 Tahap Dimensi Pemboleh Ubah Kompetensi Teknousahawan

Jadual 4.5, menunjukkan tahap dimensi mengikut pemboleh ubah kompetensi teknousahawan. Secara keseluruhannya semua dimensi mencatatkan tahap sangat tinggi. Dimensi yang mencatatkan tahap tertinggi adalah kompetensi kepimpinan dengan skor min 4.63(SP=0.309) dan dimensi kompetensi komitmen dengan skor min 4.61(SP=0.334). Catatan ini diikuti kompetensi mencari peluang, kompetensi strategik dan kompetensi mencari idea baharu mencatakan skor min 4.60 masing-masing (SP=0.327; SP=0.321; SP=0.329). Dimensi kompetensi hubungan adalah antara yang mencatatkan skor terendah iaitu 4.53(SP=0.327) bagi pemboleh ubah kompetensi teknousahawan (Lampiran S).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Tahap Berdasarkan Dimensi Kompetensi Teknousahawan

Dimensi	Keseluruhan	
	Min	**SP**
Kompetensi Mencari Peluang	4.60	.327
Kompetensi Hubungan	4.53	.327
Kompetensi Kepimpinan	4.63	.309
Kompetensi Strategik	4.60	.321
Kompetensi Komitmen	4.61	.334
Kompetensi Mencari Idea Baharu	4.60	.329
Keseluruhan	4.60	.269

**Tahap:1.00-1.89(Sangat Rendah), 1.90-6.69(Rendah), 2.70-3.49(Sederhana), 3.50-4.29(Tinggi), 4.30-5.00(Sangat Tinggi); SP: Sisihan Piawai*

4.7 Tahap Dimensi Pemboleh Ubah Kejayaan Teknousahawan

Jadual 4.6, menunjukkan tahap dimensi mengikut pemboleh kejayaan teknousahawan. Dimensi secara keseluruhannya semua dimensi mencatatkan tahap tinggi. Dimensi kepuasan kendiri mencatatkan skor min 4.35(SP=0.510) dan dimensi keseimbangan kerja-keluarga mencatatkan skor min 4.30(SP=0.618) (Lampiran S).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Tahap Berdasarkan Dimensi Kejayaan Teknousahawan

Dimensi	Keseluruhan	
	Min	**SP**
Keseimbangan Kerja-Keluarga	4.30	.618
Kepuasan Kendiri	4.35	.510
Keseluruhan	4.31	.550

**Tahap:1.00-1.89(Sangat Rendah), 1.90-6.69(Rendah), 2.70-3.49(Sederhana), 3.50-4.29(Tinggi), 4.30-5.00(Sangat Tinggi); SP: Sisihan Piawai*

4.8 Proses Analisis Data

Bahagian ini menyediakan maklumat perbincangan terperinci mengenai ujian awal data kajian dengan menggunakan SPSS sebelum penilaian pengukuran dilakukan dan model struktur digunakan. Pemeriksaan data adalah sangat penting bagi kajian analisis multivariat kerana dapat membantu pengkaji mendedahkan ketidakjelasan data sebenar yang sering terlepas pandang (Hair et al., 2010). Justeru, analisis data awal kajian termasuk *missing value*, pengesanan *outliers*, ujian normality, pengujian *multicollinearity* serta ujian *homoscedasticity* (Pallant, 2011) perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum lanjutan analisis data kajian dapat diteruskan.

4.8.1 Data Tidak Lengkap

Semasa melakukan pengumpulan data, pengkaji berusaha untuk mendapatkan data yang lengkap sehingga selesai proses pengumpulan bagi kajian ini. Adalah penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk memeriksa semua data yang dikumpulkan bagi mengenal pasti jika terdapat data yang tidak lengkap (Pallant, 2011). Namun demikian, data yang hilang boleh berlaku atas beberapa alasan, seperti responden terpaksa menjawab soalan yang terlalu panjang membuatkan tertinggal beberapa soalan soal selidik dan soalan yang agak sensitif untuk responden (Field, 2009) menjadikan responden menjadi kurang berminat dan malas untuk menjawab soal selidik yang diajukan kepada mereka. Oleh itu, pada peringkat ini, sebarang soal selidik yang tidak lengkap yang diterima daripada responden harus dinilai sebagai tidak boleh digunakan dan perlu dilupuskan (Hair et al., 2006, 2010).

Item pada borang soal selidik yang tidak dapat dijawab oleh responden boleh menyebabkan perisian SPSS mengenal pasti ruang kosong pada borang tersebut sebagai data yang tidak diisi, hilang atau *missing* data (Rowley, 2014). Responden yang tidak dapat menjawab banyak item di dalam borang soal selidik sehingga melebihi 15 peratus akan digugurkan dari sampel kajian kerana boleh menjejaskan skor data dan mengganggu proses analisis seterusnya. Bagi mengatasi masalah ini pengkaji telah mengguna pakai ciri wajib dijawab oleh responden dalam *Google form*. Ciri wajib ini ditandakan dalam bentuk bintang yang berwarna merah. Tanda bintang ini memastikan setiap responden menjawab semua soal sebelum menghantar. Sekiranya responden tertinggal menjawab soalan, maka responden tidak boleh menghantar kepada pengkaji.

Setelah melakukan pemeriksaan data dalam kajian ini, analisis data tidak lengkap untuk setiap pemboleh ubah telah dijalankan untuk mengesan sebarang data yang hilang. Melalui pemeriksaan yang teliti terhadap semua borang soal selidik yang telah diterima, pengkaji mendapati tidak terdapat respons data yang hilang. Justeru, proses pemeriksaan data telah berjaya dijalankan dan pengkaji mendapati tidak terdapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

data yang tidak lengkap. Maka, tiada tindakan susulan yang perlu dilakukan melainkan meneruskan analisis ke peringkat seterusnya.

4.8.2 Ujian Normaliti

Sebelum analisis data dilakukan, proses memasukkan data ke dalam SPSS Versi 28 dan pemeriksaan untuk ketidaktepatan kemasukan, data terpencil dan normaliti mesti diambil kira. Seperti yang dinyatakan oleh Kline (2015), andaian normaliti perlu dipenuhi kerana penting bagi setiap kajian untuk dianalisis. Ujian normaliti, linear dan multikolineariti dilaksanakan bagi menyediakan data yang normal. Ujian normal melibatkan kolmogorov-sminov dan shapiro, kepencongan (*skewness*) dan kurtosis, histogram, serta *detrended* normal Q-Q. Plot Q-Q biasa mewakili ujian penentuan linear, manakala multikolineariti termasuk korelasi antara pemboleh ubah dan menentukan toleransi dan faktor penentu varian.

Pelaporan dapatan kajian akan dibuat berdasarkan analisis dan maklum balas yang diberikan oleh responden melalui soal selidik yang dilengkapkan. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS, Versi 28. Semua keputusan yang diperoleh dibentang dalam bentuk jadual, rajah dan graf. Analisis dapatan kajian digunakan bagi menghuraikan jawapan kepada objektif, persoalan dan hipotesis secara diskriptif dan inferensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.2.1 Kepencongan dan Kurtosis

Seterunya andaian normaliti dilakukan bagi menentukan nilai kepencongan dan kurtosis. Berdasarkan Hair et al. (2010), nilai kepencongan perlu berada antara julat -1.5 hingga +1.5 untuk memastikan data bertaburan normal. Berdasarkan Garson (2012), nilai kurtosis perlu berada antara julat -2 hingga +2 untuk memastikan data bertaburan normal. Jadual 4.7 menunjukkan nilai kepencongan dan kurtosis adalah dalam lingkungan yang dicadangkan yang menunjukkan data bertaburan normal. Maka pemboleh ubah kejayaan mencatatkan kepencongan terendah iaitu nilai -0.493 manakala pemboleh ubah latihan mencatatkan nilai tertinggi iaitu -0.172. Manakala nilai kurtosis terendah adalah -0.723 bagi pengalaman kerja dan tertinggi adalah -0.250 iaitu ciri-ciri keusahawanan (Lampiran T)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Andaian Normaliti Berasaskan Kepencongan dan Kurtosis

Pemboleh ubah **N=330**	**Kepencongan**	**Kurtosis**
Ciri-ciri keusahawanan	-0.391	-0.250
Kompetensi	-0.433	-0.252
Pengalaman Kerja	-0.261	-0.723
Latihan	-0.172	-0.462
Kejayaan	-0.493	-0.541
Keseluruhan	**-0.252**	**-0.430**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.2.2 Plot Q-Q Normal


Taburan berkelompok di sekitar satu paksi menjelaskan taburan adalah normal (Musselwhite & Wesolowski, 2018). Manakala plot detrended normal Q-Q tidak boleh mencapai titik penemuan. Walau bagaimanapun, ia perlu tersusun berdasarkan skor yang diperoleh dan serakan kebanyakan data perlu terkumpul di sekitar sempadan sifar (Pallant, 2016). Maka berdasarkan analisis bagi kajian ini mendapati taburan data terkumpul boleh dikenal pasti dengan rajah *Scatterplot* iaitu plot Q-Q normal adalah memenuhi syarat iaitu normal bagi semua pemboleh ubah (Lampiran T). Gambar rajah 4.1 menunjukkan taburan data terkumpul dengan rajah *Scatterplot* iaitu plot Q-Q normal bagi lima pemboleh ubah kajian iaitu ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan, pengalaman kerja, latihan teknousahawan dan kejayaan teknousahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.1


Taburan Plot Q-Q Normal




Ciri-ciri keusahawanan




Kompetensi teknousahawan



Pengalaman kerja



Latihan teknousahawan



Kejayaan teknousahawan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.2.3 Boxplot

Boxplot yang dikenali *box-and-whisker* merupakan kaedah untuk mencari output sampel melalui bentuk grafik. Melalui boxplot dapat membandingkan set data yang berbeza dengan mudah. Ia menggambarkan bentuk taburan data bagi pemerhatian nilai terkecil, kuartal terendah, nilai pertengahan, kuartal tertinggi dan nilai terbesar. Dalam boxplot dapat mengenal pasti data terpencil (*outlier*) dan bentuk kepencongan (Cohen, Manion dan Morrison, 2013).


Maka melalui analisis tersebut data terpencil perlu dibuang supaya mendapatkan kepencongan yang disarankan. Melalui proses ini 110 data terpencil telah digugurkan sehingga semua pemboleh ubah iaitu ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, pengalaman kerja, latihan dan kejayaan dalam kajian ini menepati kehendak nilai yang diperlukan (Lampiran T). Gambar rajah 4.2 menunjukkan bentuk kepencongan bagi lima pemboleh ubah kajian iaitu ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan, pengalaman kerja, latihan teknousahawan dan kejayaan teknousahawan selepas data terpencil dibuang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.2


Taburan Data Boxplot




Ciri-ciri keusahawanan




Kompetensi teknousahawan



Pengalaman teknousahawan



Latihan teknousahawan


Ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, pengalaman kerja dan latihan mempunyai hubungan positif dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS. Peranan latihan teknousahawan sebagai moderator dalam hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS juga telah dapat diteroka dan dapatan menunjukkan bahawa latihan tidak berperanan sebagai moderator. Akhirnya kajian ini telah dapat mengetengahkan keputusan hipotesis. Bab seterusnya akan menghuraikan lebih lanjut perbincangan hasil dapatan diikuti dengan implikasi kajian, limitasi kajian, cadangan di masa hadapan serta kesimpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Bab ini membuat rumusan dan perbincangan keseluruhan kajian ini berdasarkan dapatan yang diperoleh. Perbincangan dalam bab ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian pertama akan merumuskan kajian dan bahagian kedua akan membincangkan dapatan kajian yang membincangkan hasil kajian lepas yang menyokong dapatan kajian mengikut soalan kajian. Seterusnya bahagian ketiga, implikasi terhadap teoritikal dan praktis juga dihuraikan dalam para 5.4. Selanjutnya, limitasi kajian pada para 5.5, cadangan sumbangan hasil kajian pada para 5.6 dan para 5.7 cadangan kajian lanjutan dibincangkan secara terperinci. Akhir sekali, para 5.8 merumuskan keseluruhan perbincangan daripada dapatan kajian yang diperoleh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Rumusan Kajian

Secara umumnya kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor kejayaan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS Malaysia. Secara khususnya kajian ini menentukan hubungan antara pemboleh ubah ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan, pengalaman kerja dan latihan teknousahawan dengan pemboleh ubah kejayaan teknousahawan wanita; menentukan hubungan pemboleh ubah latihan sebagai moderator dalam hubungan antara pemboleh ubah ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja dengan pemboleh ubah kejayaan; dan menentukan pemboleh ubah ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja sebagai faktor peramal terhadap pemboleh ubah kejayaan.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Kajian kuantitatif ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berdasarkan reka bentuk korelasi menggunakan soal selidik bagi tujuan pengumpulan data. Populasi kajian adalah terdiri daipada teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Berdasarkan pengiraan pensampelan Hair at al. (2016) seramai 425 responden terlibat dalam kajian ini. Item-item dari instrumen kajian ini diadaptasi daripada item sedia guna dengan merujuk kajian lepas. Item telah dialih bahasa kepada Bahasa Inggeris melalui proses penterjemahaan. Instrumen-instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah melalui proses kesahan kandungan daripada pakar. Nilai kebolehpercayaan ditentukan melalui proses kajian rintis. Instrumen kajian terdiri daripada 95 item melibatkan lima pemboleh ubah utama iaitu ciri-ciri keusahawanan (Janain Burut, 2018; Romy Abd Kadir, 2019), kompetensi teknousahawan (Janain Burut, 2018), pengalaman kerja (Shamsul Hana Abd Rani, 2019), latihan teknousahawan (Shamsul Hana Abd Rani,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2019), kejayaan teknousahawan wanita (Shamsul Hana Abd Rani, 2019) serta bahagian demografi.

Nilai *Alpha Cronbach* bagi instrumen kajian rintis yang melibatkan 50 responden adalah 0.92. Kajian sebenar pula yang melibatkan 86 items menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* 0.938. Semua nilai *Alpha Cronbach* yang diperoleh adalah melebihi 0.7 dan dianggap nilai boleh diterima dan sangat boleh dipercayai. Setelah melaksanakan EFA, didapati tidak terdapat item yang digugurkan daripada senarai instrument asal. Maka bagi kajian lapangan kesemua 86 item telah dimuatkan untuk diuji. Seterusnya bagi analisis data dan pelaporan, perisian SPSS versi 28 telah digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, tahap ciri, kompetensi, pengalaman kerja, latihan dan kejayaan berada pada tahap sangat tinggi dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Sembilan hipotesis telah dibangunkan dalam kajian ini. Kajian ini mengesahkan bahawa ciri, kompetensi, pengalaman kerja dan latihan teknousahawan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia ($H_{a1,}$ $H_{a2,}$ H_{a3} dan H_{a4}). Hipotesis kelima, keenam dan ketujuh latihan memainkan peranan sebagai moderator antara ciri, kompetensi, pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita adalah ditolak melalui hasil analisis moderator regrasi linear hirarki. Hipotesis $H_{a8,}$ $H_{a9,}$ dan H_{a10} ciri, kompetensi dan pengalaman kerja berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Hipotesis terakhir H_{a11} ciri, kompetensi dan pengalaman kerja tidak berperanan sebagai faktor peramal terhadap model penentuan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Ciri-ciri keusahawanan sahaja menyumbang sebanyak 6.6

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peratus ke atas pembentukan model kejayaan manakala kompetensi dan pengalaman kerja tidak mempunyai hubungan yang signifikan.

5.3 Perbincangan

Kajian ini mengetengahkan empat pemboleh ubah utama iaitu ciri, kompetensi, pengalaman kerja dan latihan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga belas bahagian untuk membincangkan dapatan kajian berdasarkan kepada objektif dan hipotesis yang dibina dalam kajian ini iaitu i) Mengenal pasti tahap pemeboleh ubah dan dimensi bagi ciri, kompetensi, pengalaman kerja, latihan dan kejayaan teknousahawan wanita, ii) Menentukan hubungan antara ciri, kompetensi, pengalaman kerja dan latihan teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan wanita, iii) Menentukan hubungan latihan sebagai moderator dalam hubungan antara ciri, kompetensi dan pengalaman kerja dengan kejayaan dan akhirnya iv) Menentukan ciri, kompetensi dan pengalaman kerja sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita.

5.3.1 Demografi Kajian

Secara keseluruhannya sebanyak 302 responden teknousahawan wanita telah melibatkan diri dalam kajian ini. Responden yang berumur antara 20 hingga 30 tahun adalah paling ramai iaitu separuh dari jumlah responden berjumlah 165(54.8 peratus). Golongan ini cenderung untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan kerana mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih terbuka kepada risiko serta mempunyai motivasi yang tinggi untuk mencipta sesuatu yang baharu. Selain itu, golongan muda ini juga merupakan segmen terbesar dalam kalangan pengusaha PKS di Malaysia yang tertarik dengan peluang dalam bidang teknologi, inovasi, dan perniagaan atas talian (SME Corp., 2023).

Seterusnya, teknousahawan wanita yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat pengajian tinggi adalah paling ramai iaitu separuh dari jumlah responden terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 114(37.7 peratus) orang dan secara keseluruhan sembilan puluh enam peratus teknousahawan wanita mempunyai pendidikan sama ada pada peringkat rendah atau tertinggi. Hanya 12 orang iaitu empat peratus teknousahawan wanita yang terlibat dalam kajian ini tidak pernah bersekolah. Sarimah Che Hassan, Aidah Abdul Karim, & Norlizah Che Hassan. (2020) menyatakan bahawa usaha memperkasakan usahawan wanita dilakukan menerusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Kajian oleh Xheneti & Thapa (2022) menunjukkan bahawa pendidikan formal mempunyai hubungan yang signifikan dengan peningkatan prestasi perniagaan kerana hal ini memberi keupayaan untuk berinovasi dan menavigasi cabaran yang dihadapi dalam perusahaan kecil dan sederhana.

Seramai 107(35.4 peratus) orang responden telah mulakan perniagaan secara sendiri. Manakala 86(28.5 peratus) responden menjadi rakan kongsi. Jumlah ini diikuti responden yang warisi perniagaan dari keluarga iaitu 75(24.8 peratus) orang. Terdapat juga responden membeli perniagaan dari orang lain iaitu 34(11.3 peratus). Selanjutnya, jika melihat terhadap sektor perniagaan yang responden terlibat mendapati kebanyakan iaitu 138(45.7 peratus) orang adalah terlibat dengan pembuatan. Jumlah ini diikuti responden dari sektor perkhidmatan seramai 124(41.1 peratus). Responden dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pertanian, pembinaan serta perlombongan dan pengkuarian adalah masing-masing 30(9.9 peratus), 6(1.9 peratus) dan 4(1.4 peratus) orang. Kajian ini mendapati bahawa kebanyakkan teknousahawan wanita terlibat dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Teknousahawan wanita memilih sektor-sektor ini kerana selari dengan tanggungjawab sosial dan keluarga, di mana mereka boleh menguruskan masa dengan lebih fleksibel sambil menjana pendapatan (Artee Aggrawal, 2019). Haslinda Abdullah (2023) juga menyokong bahawa wanita cenderung memilih sektor perkhidmatan dan pembuatan kerana senang memperolehi kemudahan dan keperluan untuk memulakan perniagaan.

Penghasilan produk adalah bahagian proses yang menggunakan teknologi secara luas dan penggunaan aplikasi jaringan sosial adalah tertinggi dalam urusan perniagaan. Janain Burut (2018) menyatakan bahawa penggunaan teknologi dalam perniagaan secara meluas membolehkan teknousahawan menjalankan proses perniagaan dengan lancar serta dapat meningkatkan produktivitinya. Teknousahawan wanita yang melaksanakan perniagaan antara 3 hingga 6 tahun adalah paling ramai responden iaitu 123(40.7 peratus) diikuti 7 hingga 10 tahun 94(31.1 peratus) orang, 11 hingga 14 tahun 61(20.2 peratus) orang, dan manakala hanya 24(7.9 peratus) orang melaksanakan perniagaan lebih dari 15 tahun. Kajian mendapati bahawa semua teknousahawan wanita melaksanakan perniagaan melebihi tiga tahun dan hal ini menunjukkan bahawa mereka berjaya menstabilkan perniagaan mereka. Menurut Juzaimi Nasuredin (2018), sekiranya seorang usahawan berjaya menstabilkan perniagaan melebihi tiga tahun bermaksud perniagaan itu matang dan berdaya saing di pasaran. Sebanyak 265(87.7 peratus) perniagaan melibatkan bilangan pekerja 5 hingga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

50 orang diikuti 51 hingga 100 orang sebanyak 24(7.9 peratus) dan 101 hingga 150 orang sebanyak 13(4.3 peratus).

5.3.2 Tahap Ciri-ciri Keusahawanan

Dapatan kajian mendapati bahawa tahap ciri-ciri keusahawanan berada pada tahap yang sangat tinggi dengan skor min 4.65. Dimensi ciri-ciri keusahawanan terdiri daripada motivasi kendiri, pemikiran inovatif dan kerohanian. Dimensi motivasi kendiri, pemikiran inovatif dan kerohanian mencatatkan tahap yang sangat tinggi. Ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Janain Burut (2018), Nurun Asyikin Ahmad (2021) dan Mislina Atan & Rosli Mahmood (2022) yang mendapati tahap ciri-ciri keusahawanan berada pada tahap yang sangat tinggi. Manakala dapatan kajian ini juga tidak selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Sabrina Saad et al. (2019) dan Mohd Abdullah Jusoh et al. (2015) yang mendapati tahap ciri-ciri keusahawanan berada pada tahap tinggi.

Dimensi pertama, motivasi kendiri memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan kejayaan dan keberkesanan sesuatu perniagaan. Dapatan mendapati teknousahawan wanita memiliki tahap motivasi kendiri yang sangat tinggi di mana mereka terlibat dalam perniagaan kerana impian untuk menjadi teknousahawan yang berjaya serta bekerja keras demi kebahagian keluarga, serta melaksanakan tugasan dengan bersungguh. Hal ini sependapat dengan penyelidik dahulu seperti McClelland (1961) yang menyatakan bahawa usahawan adalah individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bidang teknokeusahawanan melibatkan cabaran dan ketidakpastian selaras dengan dunia pendigitalan. Oleh itu, motivasi kendiri membantu teknousahawan wanita PKS untuk mengatasi rintangan perniagaan dengan yakin dan tabah. Selanjutnya, motivasi kendiri juga dapat memacu daya kreativiti dan inovasi dalam kalangan teknousahawan (Janain Burut, 2018). Industri teknologi memerlukan inovasi berterusan. Maka, teknousahawan wanita PKS yang bermotivasi tinggi cenderung mencari penyelesaian yang inovatif terhadap masalah dan mencipta peluang-peluang baharu dalam industri teknologi.

Motivasi kendiri meningkatkan keyakinan diri yang sangat penting dalam perniagaan. Dengan keyakinan yang tinggi, teknousahawan wanita lebih berani mengambil risiko, membuat keputusan yang kritikal, dan mempersembahkan idea-idea mereka dengan yakin kepada pelabur, pelanggan, dan rakan niaga. Teknousahawan wanita yang mempunyai motivasi kendiri tinggi boleh menjadi inspirasi kepada wanita lain yang ingin menceburi bidang perniagaan teknologi. Mereka boleh berfungsi sebagai *role model* dan membuktikan bahawa kejayaan boleh dicapai dengan usaha dan tekad yang kuat. Secara keseluruhannya, motivasi kendiri adalah asas kepada kejayaan teknousahawan wanita. Ia memberikan mereka tenaga, keberanian, dan ketabahan untuk mengatasi cabaran dan mencapai matlamat perniagaan mereka.

Dimensi kedua ialah pemikiran inovatif juga menunjukkan tahap yang sangat tinggi dalam membantu teknousahawan wanita mencari peluang perniagaan baharu, berdaya saing dari segi penghasilan dan pengurusan perniagaan. Pemikiran inovatif adalah proses menyelesaikan masalah dengan menemui, menggabungkan dan mengatur pandangan, idea-idea serta kaedah dalam cara yang baharu (Janain Burut, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemikiran inovatif membolehkan teknousahawan wanita PKS mencipta produk atau perkhidmatan yang unik dan berbeza daripada pesaing. Ini dapat menarik perhatian pelanggan dan meningkatkan daya saing di pasaran.

Dengan pendekatan inovatif, teknousahawan wanita dapat mencari kaedah-kaedah baharu untuk meningkatkan kecekapan dalam operasi perniagaan, mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti. Teknousahawan wanita yang mempunyai tahap pemikiran inovatif yang tinggi dapat mengenal pasti peluang-peluang baharu dan mengembangkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, pemikiran inovatif adalah kunci kepada kejayaan teknousahawan wanita PKS. Hal ini membantu teknousahawan wanita PKS untuk mencipta nilai, bersaing dengan lebih berkesan, dan berkembang dalam persekitaran perniagaan yang dinamik dan mencabar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dimensi yang terakhir ialah kerohanian juga mencatatkan tahap yang sangat tinggi. Rezeki yang diberkati oleh Tuhan, rezeki daripada sumber yang halal, sentiasa bersyukur serta mengelakkan amalan yang dilarang oleh agama membolehkan teknousahawan wanita PKS mempunyai tahap kerohanian yang sangat tinggi. Kekuatan kerohanian merujuk kepada sentiasa berdoa, berusaha gigih tanpa mengenal putus asa, mempunyai sikap istiqomah dan bertawakal setelah berusaha (Romy Abd Kadir, 2019). Melalui amalan kerohanian seperti meditasi, solat, atau refleksi, teknousahawan wanita dapat mencapai ketenangan dalaman dan kestabilan emosi yang membolehkan mereka membuat keputusan dengan lebih bijak dan tenang. Amalan kerohanian sering kali menekankan nilai-nilai seperti kejujuran, integriti, dan keadilan. Teknousahawan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wanita yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip kerohanian dapat membina perniagaan yang dihormati dan dipercayai oleh pelanggan, rakan niaga, dan komuniti.

Secara keseluruhan, tiga dimensi ciri-ciri keusahawanan mencapai tahap yang sangat tinggi. Namun demikian, langkah-langkah memperkasakan lagi dimensi-dimensi tersebut harus diberi perhatian. Latihan dan pembangunan yang menekankan elemen meningkatkan motivasi kendiri wanita harus diberi perhatian yang sewajar. Selain itu, pementoran dan bimbingan secara berterusan meningkatkan motivati teknousahawan wanita mengatasi cabaran perniagaan. Program latihan digital hendaklah dijalankan secara berterusan supaya dapat meningkatkan kemahiran inovatif dalam teknologi baharu seperti kecerdasan buatan, dan data besar. Selain itu, program inkubator harus dilaksanakan secara konsisten kerana hal ini menyediakan ruang kerja, bimbingan, dan akses kepada rangkaian pakar yang membantu teknousahawan wanita mengembangkan idea inovatif mereka. Anugerah, pengiktirafan dan pertandingan penciptaan produk atau perkhidmatan yang berinovatif bukan sahaja memperkasakan pemikiran inovatif dalam kalangan teknousahawan wanita PKS malah membantu mereka untuk terus berkembang dan bersaing dalam ekonomi yang semakin kompleks dan dinamik.

Selain daripada itu, kerajaan juga harus menganjurkan kursus keusahawanan Islam yang menggabungkan prinsip-prinsip keusahawanan dengan nilai-nilai Islam, etika perniagaan, nilai-nilai *spiritual*, dan amalan kerohanian dalam perniagaan. Aktiviti kerohanian seperti qiamullail, sesi tadabbur Al-Quran, dan ceramah agama membantu memperkukuh iman dan semangat teknousahawan wanita (Romy Abd Kadir, 2019). Hal ini membantu teknousahawan wanita untuk membina perniagaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang bukan sahaja berjaya secara kewangan tetapi juga memberi impak positif ke atas pembangunan diri mereka sendiri.

5.3.3 Tahap Kompetensi Teknousahawan

Secara keseluruhan kompetensi teknousahawan dalam kalangan teknousahawan wanita berada pada tahap yang sangat tinggi. Kompetensi teknousahawan terdiri daripada enam dimensi iaitu kompetensi kepimpinan, kompetensi komitmen, kompetensi mencari peluang, kompetensi strategik dan kompetensi mencari idea baharu serta kompetensi hubungan juga mencatatkan tahap yang sangat tinggi. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Janain Burut (2018) dan Romy Abd Kadir (2019) yang mendapati tahap kompetensi teknousahawan berada pada tahap yang sangat tinggi.

Diepolder, Weitzel, & Huwer (2021) menyatakan bahawa kompetensi merujuk gabungan sikap dan tingkah laku yang membolehkan seorang teknousahawan mencapai dan mengekalkan kejayaan dalam perniagaannya. Kompetensi teknousahawan ialah kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan sikap teknousahawan IKS Bumiputera dalam mengendalikan perniagaannya sehingga berjaya (Janain Burut, 2018). Oleh itu, tahap kompetensi yang sangat tinggi mempengaruhi penglibatan dan kejayaan teknousahawan untuk menjalankan perniagaan.

Dimensi kompetensi mencari idea baharu adalah penting untuk melakukan pembaharuan serta meningkatkan daya saing dalam kalangan teknousahawan wanita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PKS. Menurut Man et al. (2002), kompetensi mencari idea baharu merupakan salah satu kompetensi yang wajib dimiliki oleh setiap teknousahawan supaya dapat melakukan inovasi dalam perniagaan. Tahap kompetensi mencari idea baharu yang sangat tinggi telah dicapai melalui keupayaan berfikir secara inovatif dan kreatif, pengalaman baharu, sikap terbuka dalam berkongsi idea-idea baharu dan sentiasa berusaha melakukan pemabaharuan. Oleh sebab tahap kompetensi mancari idea baharu yang sangat tinggi, teknousahawan wanita dapat mengenal pasti masalah, menganalisis keperluan keadaan semasa, mengkaji dan memantau persekitaran serta membuat keputusan yang tepat yang menjanjikan kejayaan.

Dimensi kompetensi membina hubungan juga mencatatkan tahap yang sangat tinggi. Hasil dapatan mendapati bahawa hubungan dan interaksi dengan rakan perniagaan, pelanggan dan pekerja dapat memahami kehendak dan keperluan pasaran (Man et al., 2002). Hubungan yang luas dan kukuh membolehkan perniagaan mendapatkan sokongan, peluang baru, dan maklumat yang membantu dalam pengurusan, pengembangan pasaran, pembiayaan serta pembangunan. Konflik dalam kalangan pekerja dapat dielakkan melalui hubungan yang baik serta dapat meningkatkan kepuasan kerja. Pekerja yang berpuas hati lebih produktif dan komited kepada matlamat memainkan peranan penting dalam kejayaan sesuatu perniagaan.

Seterusnya Man et al. (2002) juga menekankan bahawa kompetensi kepimpinan memainkan peranan penting dalam usaha mencapai kejayaan. Teknousahawan wanita PKS mempunyai tahap kepimpinan yang sangat tinggi yang menggalakkan budaya inovasi dan kreativiti dalam organisasi. Ini penting bagi teknousahawan wanita PKS untuk mencipta penyelesaian yang unik dan memimpin dalam pasaran yang kompetitif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kompetensi kepimpinan membantu teknousahawan wanita PKS dalam mengenal pasti, menganalisis, dan mengurus risiko dengan cara yang strategik kerana bidang teknologi merupakan satu bidang yang berisiko tinggi.

Dalam masa yang sama, kompetensi strategik juga sangat penting dalam menyelesaikan masalah yang tidak dijangka yang melibatkan situasi tertentu dalam menghadapi setiap cabaran perniagaan (Romy Abd Kadir, 2019). Dapatan kajian mendapati teknousahawan wanita memiliki tahap kompetensi strategik yang sangat tinggi. Teknousahawan wanita PKS mengkaji, mengenal pasti, dan menyelaraskan tindakan-tindakan semasa aktiviti perniagaan bagi mencapai matlamat strategik. Selain itu, teknousahawan wanita juga memantau kemajuan perniagaan agar perniagaan yang dijalankan mengikuti halatuju industri. Kompetensi strategik membantu teknousahawan wanita PKS menilai semula operasi perniagaaan supaya memastikan perniagaan mencapai matlamat yang telah ditetapkan serta berjaya dalam bidang diceburinya.

Kompetensi komitmen mencerminkan sikap teknousahawan terhadap kejayaan dan pencapaian (Janain Burut, 2018). Hal ini berlaku kerana tahap kompetensi komitmen yang tinggi akan meningkatkan prestasi perniagaan dalam jangka masa panjang serta membuatkan teknousahawan sentiasa komited dengan aktiviti perniagaan bagi memastikan perniagaan tidak menanggung risiko atau kegagalan. Hasil kajian juga menjelaskan bahawa teknousahawan wanita memberi komitmen yang tinggi untuk memastikan kelangsungan usaha dan memastikan setiap tugasan diselesaikan dalam tempoh masa yang dirancang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kompetensi mencari peluang merujuk kepada langkah-langkah yang melibatkan pengkajian untuk mengenal pasti peluang, merebut peluang perniagaan yang berkualiti, serta menilai kelebihan dan kekurangan peluang-peluang perniagaan yang berpotensi, selain daripada memahami kehendak pengguna yang masih belum dipenuhi sebagai peluang. Dapatan kajian ini konsisten dengan pandangan Man et.al (2002) yang menyatakan bahawa kompetensi mencari peluang adalah kemampuan teknousahawan dalam mengenal pasti peluang-peluang yang ada di pasaran, memilih barang atau perkhidmatan yang memberi nilai faedah kepada pelanggan, dan sentiasa bersedia untuk merebut peluang-peluang berkualiti tinggi. Pada masa yang sama, teknousahawan wanita juga menunjukkan keberanian untuk mengambil risiko, sambil sentiasa mencari peluang baru untuk mengkomersilkan produk baru, proses, teknologi, atau pengubahsuaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Tahap Pengalaman Kerja

Pengalaman kerja ditakrifkan sebagai pengetahuan atau keupayaan yang diperoleh oleh individu dalam pekerjaan, organisasi, atau industri tertentu (Shamsul Hana Abd Rani, 2019). Pengetahuan yang diperoleh oleh seseorang, sama ada tersirat atau nyata adalah sangat penting untuk memperkasakan kemahiran serta mempengaruhi pengambilan keputusan yang tepat. Teknosahawan yang mempunyai pengalaman perniagaan yang berkaitan bidang perusahaan yang diceburi mampu meningkatkan kualiti aktiviti teknokeusahawanan. Hal ini akan memberi kesan positif ke atas teknousahawan serta memotivasikan teknousahawan menghasilkan produk yang berkualiti tinggi serta memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengalaman kerja mencatatkan tahap yang sangat tinggi dengan skor min 4.69, menunjukkan bahawa teknousahawan wanita menggunakan pengalaman kerja untuk menyelesaikan masalah perniagaan, sebagai rujukan, mengumpul idea-idea perniagaan, menggunakan untuk menentukan hala tuju perniagaan di samping membuat keputusan perniagaan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Zhu et al. (2018) dan Aaina Amirah Haron et al. (2022) yang mendapati tahap pengalaman kerja teknousahawan berada pada tahap yang sangat tinggi. Manakala dapatan kajian ini juga tidak selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Manasa Gurana (2022) yang mendapati tahap pengalaman kerja teknousahawan berada pada tahap tinggi.

Pengalaman kerja menyediakan teknousahawan dengan kemahiran teknikal yang diperlukan untuk mengendalikan teknologi dan inovasi. Hal ini termasuk kecekapan dalam menggunakan perisian, alat, dan sistem yang berkaitan dengan perniagaan mereka. Melalui pengalaman kerja, teknousahawan wanita dapat membina rangkaian profesional yang luas. Rangkaian ini boleh menjadi sumber sokongan, nasihat, dan peluang perniagaan yang penting. Pada masa yang sama, pengalaman kerja membantu teknousahawan menjadi lebih cekap dalam mengendalikan cabaran dan krisis. Keadaan ini membolehkan teknousahawan wanita belajar bagaimana untuk menyesuaikan diri, mencari penyelesaian, dan membuat keputusan yang tepat.

Teknousahawan wanita juga membina keyakinan diri dan ketahanan mental yang diperlukan untuk menghadapi kesukaran dalam perjalanan keusahawanan mereka. Pengalaman kerja membolehkan teknousahawan wanita belajar daripada kesilapan dan kegagalan mereka. Ini membantu mereka untuk tidak mengulangi kesilapan yang sama dan meningkatkan keberkesanan perniagaan mereka. Maka, pengalaman kerja bukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahaja menyediakan teknousahawan wanita dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan tetapi juga membina asas yang kukuh untuk kejayaan jangka panjang dalam perniagaan mereka.

5.3.5 Tahap Latihan Teknousahawan

Latihan ialah satu proses mengajar kemahiran atau tingkah laku tertentu yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan. Shamsul Hana Abd Rani (2019) yang mentakrifkan latihan ialah satu kelas atau kursus pendidikan yang berkaitan dengan perniagaan yang dihadiri oleh seseorang usahawan bagi mengukuhkan kefahaman serta pengetahuan mengenai perniagaan yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Latihan mencatatkan tahap yang sangat tinggi dengan skor min 4.33. Ini menunjukkan bahawa melalui latihan, teknousahawan wanita dapat melakukan pembangunan diri, memperluaskan jaringan perniagaan, melakukan tugasan dengan lebih baik, meluaskan peluang serta idea perniagaan. Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan kajian yang dilakukan oleh Shamsul Hana Abd Rani (2019) dan Sarimah Che Hassan et al. (2020) yang mendapati tahap latihan berada pada tahap yang sangat tinggi. Manakala dapatan kajian ini juga tidak selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Nor Azira Ayob et al. (2018) yang mendapati tahap latihan teknousahawan berada pada tahap yang tinggi.

Latihan membantu teknousahawan wanita menguasai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk mengendalikan perniagaan mereka dengan lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkesan. Ini termasuk kemahiran teknikal, pengurusan, dan pemasaran. Selain itu, latihan yang berkesan dapat meningkatkan keyakinan diri teknousahawan wanita dalam proses membuat keputusan yang bijak. Melalui latihan, teknousahawan wanita juga dapat belajar tentang trend terbaharu dalam teknologi dan industri, yang dapat mendorong inovasi dan kreativiti dalam perniagaan mereka. Program latihan sering menyediakan peluang untuk berhubung dengan teknousahawan lain, mentor, dan pakar industri yang dapat membantu dalam membina jaringan sokongan yang kukuh dan membuka peluang perniagaan baharu. Maka, tahap latihan yang sangat tinggi membantu teknousahawan wanita mengatasi cabaran yang unik dan mencapai kejayaan dalam bidang teknologi dan perniagaan.

5.3.6 Tahap Kejayaan Teknousahawan Wanita

Kajian ini telah menentukan kejayaan teknousahawan wanita yang melibatkan dimensi keseimbangan kerja-keluarga dan kepuasan kendiri. Dimensi keseimbangan kerja-keluarga dan kepuasan kendiri mencatatkan tahap yang sangat tinggi dengan skor min 4.30 dan 4.35. Keseimbangan antara kerja-keluarga dikaitkan sejauh mana individu terlibat berpuas hati dengan peranan mereka di tempat kerja dan di rumah manakala kepuasan kendiri mencerminkan kepuasan peribadi dalam kalangan usahawan wanita. Dapatan kajian mendapati teknousahawan wanita dapat mengimbangi kerja-keluarga dengan membahagikan masa bersama dengan keluarga sambil menguruskan perniagaan. Keluarga yang disokong dengan baik dapat menyediakan sokongan emosional yang penting kepada wanita. Hubungan yang kukuh dengan keluarga memberi asas yang stabil, membolehkan teknousahawan wanita lebih berdaya tahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap cabaran perniagaan. Secara keseluruhannya, mengimbangi keluarga dengan kerja membantu teknousahawan wanita mencapai kejayaan yang holistik, memastikan mereka bukan sahaja berkembang dalam dunia perniagaan tetapi juga menikmati kehidupan peribadi yang berkualiti.

Kepuasan kendiri mancatatkan tahap yang sangat tinggi iaitu berpuas hati dengan pencapaian ke arah matlamat, pendapatan, kemajuan diri serta pembangunan kemahiran.

Kepuasan kendiri memberikan motivasi dalaman yang kuat, mendorong teknousahawan wanita untuk terus berusaha dan mencapai matlamat mereka. Ia membantu mereka tetap bersemangat walaupun berhadapan dengan cabaran besar. Pada masa yang sama, kepuasan kendiri dalam kalangan teknousahawan wanita boleh membantu meningkatkan kepercayaan diri secara kolektif dalam komuniti usahawan wanita, menggalakkan lebih ramai wanita untuk menceburi bidang teknologi. Kesimpulannya, kepuasan kendiri adalah komponen penting yang menyokong bukan sahaja kejayaan profesional tetapi juga kesejahteraan hidup yang seimbang dan memuaskan.

5.3.7 Hubungan Ciri-ciri keusahawanan dengan Kejayaan

Menurut Nur Afifah Ahmad dan Nurhawani Yaacob (2021), ciri-ciri keusahawanan merupakan kualiti, sifat atau tingkahlaku yang membezakan seorang usahawan dengan teknousahawan. Aida Rahayu Awang (2010) pula menyatakan bahawa ciri-ciri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan adalah merupakan ciri-ciri keusahawanan dan profil unik yang dimiliki oleh seseorang teknousahawan dan ciri-ciri keusahawanan tersebut bersifat subjektif. Menurut Janain Burut (2018), ciri-ciri keusahawanan adalah ciri unik yang terdapat dalam diri seseorang yang terlibat dan berjaya dalam bidang teknokeusahawanan. Ciri-ciri keusahawanan ini menjadikan teknousahawan berkemampuan untuk melaksanakan tugas dengan berkesan. Kajian-kajian lepas telah mendapati ciri-ciri keusahawanan berkait rapat dengan kejayaan sesebuah perniagaan (Mohd Abdullah Jusoh et al., 2015; Adeoti, 2019; Nurin Asyikin Ahmad, 2021; Sabrina Saad et al., 2019; Mislina Atan dan Rosli Mahmood, 2022). Dalam konteks kajian ini, ciri-ciri keusahawanan merujuk kepada motivasi kendiri, pemikiran innovatif dan kerohanian.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri keusahawanan mempunyai hubungan linear positif sederhana secara signifikan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Kajian awal yang dijalankan oleh Janain Burut (2018); Romy Abd Kadir (2019) menyokong hasil kajian ini. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Montadzah Ambag Abdulgani dan Mantikayan (2017) juga selaras dengan dapatan kajian ini iaitu ciri-ciri keusahawanan mempengaruhi kejayaan teknousahawan. Literatur juga menunjukkan kepentingan ciri-ciri keusahawanan dalam usaha menentukan kejayaan.

Ciri-ciri keusahawanan mempengaruhi kejayaan teknousahawan wanita PKS dan harus diterokai secara mendalam. Motivasi kendiri memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan kejayaan dan keberkesanan sesuatu perniagaan. Bidang teknokeusahawanan melibatkan cabaran dan ketidakpastian selaras dengan dunia pendigitalan. Oleh itu, motivasi kendiri membantu teknousahawan wanita PKS untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengatasi rintangan-rintangan ini dengan yakin dan tabah bagi mencapai kejayaan. Selanjutnya, motivasi kendiri juga dapat memacu daya kreativiti dan inovasi (Janain Burut, 2018). Teknousahawan wanita PKS yang bermotivasi cenderung mencari penyelesaian yang inovatif terhadap masalah dan mencipta peluang-peluang baharu dalam industri teknologi.

Motivasi adalah asas kepada keinginan individu atau kumpulan untuk mencapai matlamat tertentu. Dalam konteks perniagaan, motivasi menjadi sumber tenaga yang mendorong pengusaha untuk terus berusaha walaupun berdepan dengan cabaran. Hal ini membantu mengekalkan momentum dan fokus, yang penting dalam memastikan kemajuan perniagaan. Motivasi juga mendorong inovasi, kerana teknousahawan wanita yang bermotivasi akan lebih terdorong untuk mencari penyelesaian baru bagi masalah yang dihadapi. Langkah untuk memperkasakan motivasi termasuk menetapkan matlamat yang jelas dan realistik, memberikan ganjaran yang setimpal, serta menyediakan sokongan dan pengiktirafan kepada pencapaian individu atau kumpulan. Selain itu, membina persekitaran kerja yang positif dan memberi inspirasi juga dapat meningkatkan tahap motivasi dalam kalangan teknousahawan wanita PKS.

Begitu juga dengan ciri pemikiran inovatif yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan wanita. Menurut Janain Burut (2018), pemikiran inovatif adalah asas kepada pembangunan teknousahawan bumiputera. Pemikiran inovatif memacu teknousahawan wanita PKS untuk mencipta produk atau perkhidmatan yang baharu serta memastikan teknousahawan wanita bersedia menghadapi dunia perniagaan yang sentiasa berubah. Dimensi ini juga memberikan kelebihan daya saing dalam kalangan teknousahawan wanita. Teknousahawan wanita yang memiliki pemikiran inovatif yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinggi bukan sahaja mampu mencipta produk atau perkhidmatan yang baharu malah dapat membezakan perniagaan mereka daripada golongan lelaki. Di samping itu, teknousahawan wanita yang memiliki pemikiran inovatif tinggi dapat mengenal pasti peluang-peluang perniagaan yang membawa kepada kejayaan.

Pemikiran inovatif adalah kunci kepada kelangsungan dan pertumbuhan perniagaan dalam dunia yang sentiasa berubah. Inovasi melibatkan penciptaan idea baru, proses, produk, atau perkhidmatan yang boleh memberikan kelebihan kompetitif kepada perniagaan. Tanpa pemikiran inovatif, perniagaan berisiko untuk ketinggalan dan tidak mampu bersaing dengan pesaing yang lebih dinamik. Bagi memperkasakan lagi pemikiran inovatif, perniagaan perlu menyediakan persekitaran yang menggalakkan kreativiti dan eksperimen. Ini termasuk memberi ruang kepada teknousahawan wanita untuk mencuba idea baru tanpa takut kepada kegagalan, melabur dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), serta menjalin kerjasama dengan institusi akademik atau rakan industri untuk berkongsi pengetahuan dan teknologi terkini. Selain itu, teknousahawan wanita juga perlu sentiasa berusaha untuk memahami trend pasaran dan keperluan pelanggan yang sentiasa berubah.

Ciri kerohanian menunjukkan tahap yang signifikan dalam kejayaan seorang teknousahawan wanita PKS. Walaupun dunia teknokeusahawanan sering dikaitkan dengan aspek teknologi, inovasi, dan kompetensi, dimensi kerohanian juga memberikan sumbangan positif dengan membantu teknousahawan wanita merumuskan visi dan misi yang diberkati. Kerohanian memberi ketahanan mental dan emosi untuk menghadapi rintangan, kegagalan, dan tekanan yang timbul semasa menjalankan perniagaan (Romy Abd Kadir, 2019). Hal ini dikatakan demikian kerana, bidang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknokeusahawanan penuh dengan cabaran dan ketidakpastian. Melalui melakukan aktiviti kerohanian atau refleksi *spiritual*, teknousahawan wanita boleh menemui idea-idea inovatif dan penyelesaian yang mungkin tidak terfikir sebelumnya yang membantu mencapai kejayaan. Tambahan pula, kerohanian juga membantu teknousahawan wanita PKS mencapai keseimbangan antara kehidupan peribadi dan profesional, meningkatkan kualiti hidup dan mengurangkan stress. Akhirnya, kejayaan teknousahawan wanita PKS tidak hanya bergantung pada kemahiran teknikal dan strategi perniagaan, tetapi juga pada integriti, keseimbangan, dan visi yang berasaskan nilai-nilai kerohanian.

Dalam dunia perniagaan yang materialistik, kerohanian bertindak sebagai kompas moral yang memastikan teknousahawan wanita membuat keputusan yang bukan sahaja menguntungkan dari segi kewangan, tetapi juga bermakna dari segi moral dan sosial. Teknousahawan wanita yang mengamalkan kerohanian dalam perniagaan sering kali meraih kepercayaan pelanggan, rakan kongsi, dan masyarakat secara umum. Ini kerana amalan perniagaan yang berlandaskan nilai-nilai rohani biasanya menghasilkan reputasi yang baik, yang seterusnya boleh membawa kepada peningkatan kesetiaan pelanggan dan kestabilan perniagaan jangka panjang. Memperkasakan kerohanian dalam perniagaan memerlukan komitmen kepada amalan nilai-nilai etika yang konsisten. Ini termasuk melaksanakan program latihan etika, mewujudkan kod etika dalam organisasi, dan memastikan setiap keputusan perniagaan selaras dengan prinsip-prinsip moral yang telah ditetapkan,

Motivasi, kerohanian, dan pemikiran inovatif adalah tiga ciri utama yang mempengaruhi kejayaan perniagaan. Setiap ciri ini saling melengkapi dan apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digabungkan, ia dapat mencipta asas yang kukuh untuk perniagaan yang bukan sahaja berjaya dari segi kewangan tetapi juga memberi impak positif kepada masyarakat. Dengan memperkasakan ciri-ciri keusahawanan ini, teknousahawan wanita dapat memastikan perniagaan mereka kekal relevan, berdaya saing, dan dihormati dalam industri.

5.3.8 Hubungan Kompetensi Teknousahawan dengan Kejayaan

Kompetensi teknousahawan merujuk kepada komponen yang dikenal pasti daripada latar belakang seseorang seperti sifat, sikap, peranan, personaliti dan imej diri. Komponen ini diperoleh di tempat kerja melalui latihan, pendidikan, kemahiran, pengetahuan serta pengalaman kerja (Man dan Lau, 2005). Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa kompetensi mempengaruhi kejayaan sesuatu perniagaan (Faradillah Iqmar Omar, 2022; Nadia Farhanah Hamzah dan Norasmah Othman, 2020; Buncha, 2020). Kompetensi teknousahawan dalam kajian ini terdiri daripada enam dimensi iaitu mencari peluang, hubungan, strategik, komitmen, kepimpinan dan mencari idea baharu. Oleh itu, kompetensi teknousahawan telah dikaji dalam kajian ini untuk menentukan kejayaan teknousahawan wanita PKS.

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif sederhana secara signifikan antara pemboleh ubah kompetensi teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan dalam kalangan wanita perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia. Dapatan kajian adalah konsisten dengan keputusan kajian yang dijalankan oleh Nur Afifah Ahmad & Nurhawani Yaacob, 2021; Rahayu et al., 2022; dan Romy

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abd Kadir, 2019. Selain itu, dapatan ini juga selaras dengan dapatan kajian Janain Burut, 2018 yang menjalankan kajian ke atas teknousahawan Bumiputera PKS dan Sarwoko et al. (2013), mencadangkan kompetensi sebagai faktor utama untuk memastikan kelangsungan perniagaan serta kejayaan perniagaan.

Model Daya Saing IKS yang dibangunkan oleh Man et al. (2002) berpendapat kompetensi penting kepada pertumbuhan dan kejayaan sesebuah perusahaan. Model ini menyokong hasil kajian ini di mana kompetensi teknousahawan mempengaruhi kejayaan teknousahawan wanita PKS Malaysia. Selain itu, menurut Man et al. (2002) juga, kepentingan dan keperluan kompetensi keusahawanan kepada seseorang usahawan tidak dapat disangkal kerana kompetensi keusahawanan berkait rapat dengan prestasi dan daya saing serta mempengaruhi kejayaan sesuatu perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kompetensi sangat penting dalam pembangunan serta kejayaan teknousahawan wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana kompetensi membolehkan teknousahawan wanita dapat mencipta produk dan perkhidmatan yang inovatif serta menyumbang kepada kemajuan industri teknologi Malaysia (Buncha, 2020). Tambahan pula, kompetensi teknousahawan yang terdiri daripada dimensi mencari peluang, hubungan, strategik, komitmen, kepimpinan dan mencari idea baharu juga menyokong kecekapan perniagaan PKS yang membuahkan kejayaan. Kompetensi yang dimiliki oleh teknousahawan wanita mampu menyumbang kepada pembangunan sistem, pengoptimuman proses, dan memimpin projek-projek teknologi dalam bidang teknokeusahawanan. Kepentingan kompetensi menjadi semakin ketara dalam usaha menggerakkan agenda transformasi pendigitalan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kompetensi memainkan peranan penting dalam kejayaan teknousahawan wanita. Kajian-kajian lepas secara konsisten menunjukkan bahawa kompetensi dalam aspek teknikal, pengurusan, dan sosial adalah elemen kritikal yang menyumbang kepada prestasi dan kejayaan perniagaan. Oleh itu, usaha untuk memperkukuhkan kompetensi dalam kalangan teknousahawan wanita adalah penting untuk memastikan mereka dapat bersaing dalam industri yang semakin mencabar. Melalui latihan yang berterusan, sokongan rangkaian, dan pendedahan kepada teknologi baru, wanita dapat meningkatkan kompetensi mereka dan memanfaatkan potensi penuh perniagaan mereka.

5.3.9 Hubungan Pengalaman Kerja Teknousahawan dengan Kejayaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengalaman kerja merupakan kriteria yang paling penting dalam kalangan usahawan wanita bagi mencapai kejayaan (Nur Afifah Ahmad dan Nurhawani Yaacob, 2021). Pengalaman kerja ditakrifkan sebagai pengetahuan atau keupayaan yang diperoleh oleh individu dalam pekerjaan, organisasi, atau industri tertentu (Afshan et al., 2021). Menurut Erić-Nielsen (2019) pengalaman kerja merujuk kepada dua aspek yang berbeza, iaitu aspek kuantiti (tempoh masa) dan kualiti (tugas yang dijalankan). Pengalaman kerja dirujuk dari sudut tempoh masa melebihi tiga tahun dalam mana-mana pekerjaan yang diceburi oleh teknousahawan wanita PKS kerana dalam tempoh masa yang melebihi tiga tahun seseorang teknousahawan berjaya menstabilkan perniagaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan secara signifikan antara pemboleh ubah pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan dalam kalangan teknousahawan wanita perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia. Hasil hubungan antara pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita dalam kajian ini telah menunjukkan dapatan yang positif. Teknousahawan yang mempunyai pengalaman kerja terdahulu dikatakan lebih berjaya berbanding dengan teknousahawan yang tiada pengalaman. Keputusan ini selaras dengan dapatan sebelum ini yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan (Ascencio et al., 2022; Kamberidou, 2020; Apostolopoulos et al., 2022).

Dapatan ini juga selaras dengan dapatan Aaina Amirah Haron et al. (2022) yang menekankan bahawa pengalaman kerja adalah sangat penting untuk memastikan kejayaan dalam kalangan teknousahawan serta membolehkan teknousahawan lebih bersedia untuk menghadapi sebarang cabaran dan halangan pada masa hadapan.

Pengalaman kerja yang diperoleh sebelum memulakan perniagaan teknologi memberikan tekno-usahawan wanita kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan perniagaan mereka dengan lebih cekap. Kajian oleh Afshan et al. (2021) menekankan bahawa pengalaman kerja secara langsung meningkatkan pengetahuan tentang proses perniagaan, operasi teknologi, dan dinamik pasaran. Teknousahawan wanita yang mempunyai pengalaman kerja dalam industri teknologi cenderung untuk memahami trend teknologi yang membolehkan mereka membuat keputusan perniagaan yang lebih bermaklumat dan tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengalaman kerja juga memainkan peranan penting dalam membentuk keyakinan diri dan kemampuan mengurus risiko dalam kalangan teknousahawan wanita. Menurut kajian oleh Minniti dan Bygrave (2001), pengalaman kerja sebelumnya membantu usahawan untuk lebih bersedia menghadapi ketidakpastian dan cabaran yang datang dengan menjalankan perniagaan berasaskan teknologi. Ini penting kerana sektor teknologi sering kali melibatkan risiko yang tinggi disebabkan oleh kadar perubahan yang cepat dan keperluan untuk inovasi berterusan. Seterusnya, pengalaman kerja juga membantu dalam membentuk sikap yang lebih positif terhadap risiko, serta membolehkan teknousahawan untuk membuat keputusan yang lebih strategik dalam situasi yang tidak menentu.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menekankan pentingnya pengalaman kerja dalam mempengaruhi kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Walaupun pengalaman kerja memberikan kelebihan dalam bentuk kemahiran, jaringan, dan keyakinan diri, keberkesanannya hanya dapat dimaksimumkan apabila disertai dengan sokongan ekosistem yang menyeluruh. Oleh itu, adalah penting bagi pembuat dasar dan pihak berkepentingan untuk terus membangun dan mengukuhkan ekosistem keusahawanan yang dapat menyokong teknousahawan wanita untuk berjaya dalam era teknologi yang semakin kompetitif ini.

5.3.10 Hubungan Latihan Teknousahawan dengan Kejayaan

Latihan merujuk kepada kemahiran atau tingkah laku tertentu yang diperlukan sama ada sebelum atau semasa menjalankan perniagaan (Zurinah Tahir et al., 2019). Biasanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

latihan ialah satu kelas atau kursus pendidikan yang berkaitan dengan perniagaan yang dihadiri oleh seseorang usahawan bagi mengukuhkan kefahaman serta pengetahuan mengenai perniagaan yang dijalankan (Shamsul Hana Abd Rani, 2019). Dalam konteks kajian ini, latihan teknousahawan merujuk sebagai hasil yang diharapkan oleh teknousahawan selepas penglibatan mereka dalam latihan yang mempengaruhi kejayaan.

Kajian ini juga mendapati terdapat hubungan linear positif sederhana secara signifikan antara latihan teknousahawan dengan kejayaan teknousahawan. Dapatan ini adalah konsisten dengan keputusan kajian lepas yang dijalankan oleh Nurul Suhada Ismail et al. (2022) dan Labanihuda Abdull Rahman et al. (2023). Keputusan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian terdahulu yang menyokong hubungan antara latihan teknousahawan dengan kejayaan (Romy Abd Kadir, 2019; Sarimah Che Hassan et al., 2020). Kajian yang dijalankan oleh Nor Azira Ayob et al. (2018) yang melibatkan usahawan wanita Bumiputera mendapati faktor latihan merupakan faktor dominan yang mempengaruhi kejayaan usahawan MARA.

Teori Kognitif Sosial Kerjaya yang dipelopori oleh Bandura (1986) juga konsisten dengan dapatan kajian ini. Faktor individu yang diterangkan dalam teori ini merangkumi pengalaman yang diperolehi daripada latihan yang akan mempengaruhi kejayaan perniagaan (Nordin Khadijah et al., 2021). Secara kesimpulannya, Teori Kognitif Sosial Kerjaya yang menjelaskan hubungan antara faktor peribadi (ciri-ciri keusahawanan, pengalaman, latihan) serta faktor persekitaran (kompetensi) mempengaruhi keupayaan individu berdaya saing serta berjaya dalam kerjaya yang dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hubungan signifikan menunjukkan bahawa latihan yang diperoleh oleh teknousahawan wanita bukan sahaja meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal mereka, tetapi juga membangunkan kemampuan pengurusan perniagaan dan inovasi teknologi yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran yang semakin dinamik. Man et al. (2002) mendapati bahawa latihan yang berstruktur dapat memperkayakan kemahiran teknikal dan pengurusan usahawan, yang mana kedua-duanya adalah kritikal untuk kejayaan perniagaan dalam sektor teknologi. Ini selaras dengan kajian oleh Mahajar dan Yunus (2012) yang menyatakan bahawa latihan khusus dalam bidang teknologi membolehkan teknousahawan wanita lebih cenderung untuk mengaplikasikan inovasi dalam produk dan perkhidmatan mereka.

Selain itu, Deakins & Freel (1998) menjelaskan bahawa latihan berfokus kepada pembangunan kemahiran inovatif membantu usahawan untuk lebih responsif terhadap perubahan pasaran. Teknousahawan wanita yang menerima latihan dalam inovasi cenderung memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu, yang meningkatkan prestasi perniagaan mereka. Tambahan pula, latihan memberikan impak positif kepada keupayaan pengurusan dan kepimpinan tekno-usahawan wanita. Oleh itu, latihan yang bersesuaian mampu meningkatkan kecekapan operasi perniagaan serta memberi keyakinan kepada teknousahawan wanita untuk mengambil risiko dalam mengembangkan perniagaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.11 Pengaruh Latihan Sebagai Moderator

Latihan teknousahawan memainkan peranan sebagai pemboleh ubah moderator dalam menentukan hubungan antara ciri, kompetensi, pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita. Hipotesis kajian telah dibangunkan untuk menentukan kesan moderator terhadap pemboleh ubah berpandukan dapatan kajian-kajian lepas. Hipotesis yang dibina adalah, latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia; latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara kompetensi dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia; dan latihan teknousahawan berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa latihan tidak berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja dengan kejayaan. Hasil kajian telah mencatatkan tiada wujudnya interaksi. Oleh itu, disebabkan tiada kesan moderator, latihan teknousahawan tidak berperanan sebagai moderator dalam hubungan antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita.

Dapatan kajian adalah konsisten dengan keputusan kajian lepas yang dijalankan oleh Nor Atikah Johari et al. (2020) dan Faizah Zakaria & Azhar Harun (2019). Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan teknousahawan khususnya teknousahawa wanita tidak ambil berat terhadap latihan berterusan kerana mereka sudah selesa dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

apa yang telah dicapai oleh mereka. Selain daripada itu, latihan gagal memainkan peranan sebagai moderator dalam pengukuran pencapaian kejayaan.

Dalam dunia keusahawanan, terutamanya bagi teknousahawan wanita, keupayaan untuk mengimbangi kerjaya dan tanggungjawab keluarga adalah kritikal bagi mencapai kejayaan perniagaan. Latihan yang berfokus kepada pengurusan masa, strategi keseimbangan kerja-keluarga, dan kemahiran pengurusan tekanan adalah penting dalam membentuk teknousahawan wanita yang berdaya tahan. Selain itu, tekanan adalah aspek yang tidak dapat dielakkan dalam perniagaan, terutamanya dalam industri teknologi yang bergerak pantas. Latihan dalam pengurusan tekanan dan pembangunan daya tahan mental adalah penting untuk memastikan teknousahawan dapat bertindak balas terhadap cabaran tanpa menjejaskan kesihatan mental dan fizikal mereka. Menurut kajian oleh Harris et al. (2007), usahawan yang mempunyai kemahiran pengurusan tekanan yang baik lebih cenderung untuk membuat keputusan perniagaan yang lebih rasional dan strategik.

Latihan yang membolehkan teknousahawan wanita mengimbangi kerjaya dengan keluarga bukan sahaja penting untuk kejayaan tetapi juga untuk kelangsungan perniagaan dalam jangka panjang. Keseimbangan yang baik antara kerja dan keluarga membantu dalam mencegah keletihan, yang merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kegagalan perniagaan di kalangan teknousahawan wanita. Kajian oleh Parasuraman dan Simmers (2001) menunjukkan bahawa usahawan yang dapat menguruskan keseimbangan kerja-keluarga dengan berkesan lebih cenderung untuk mempunyai tahap kepuasan kerja yang tinggi dan prestasi perniagaan yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, sifat wanita yang begitu sibuk dengan pelbagai peranan dan tugas memerlukan mereka mengimbangi peranannya antara kerja dengan keluarga. Oleh sebab itu, wanita yang hadir latihan kadangkala, mereka tidak mempunyai masa untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari daripada kursus. Oleh itu, perlu ada langkah-langkah selepas latihan, yang menilai kesan latihan kepada responden untuk mengetahui sama ada peserta dapat mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari (Nor Atikah Johari et al., 2020).

Kepuasan kendiri adalah aspek penting yang sering kali diabaikan dalam konteks keusahawanan, tetapi ia mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap kejayaan perniagaan. Bagi teknousahawan wanita, latihan yang berfokus pada pembangunan kepuasan kendiri adalah kritikal dalam membina keyakinan diri, motivasi, dan kesejahteraan emosi, yang kesemuanya menyumbang kepada prestasi perniagaan yang lebih baik.

Latihan yang direka untuk meningkatkan kepuasan kendiri boleh merangkumi pelbagai pendekatan, termasuk pembangunan kemahiran peribadi, penetapan matlamat, dan pengurusan emosi. Kajian oleh Boyd & Vozikis (1994) menunjukkan bahawa latihan dalam penetapan matlamat yang jelas dan realistik membantu usahawan untuk mencapai pencapaian yang bermakna, yang seterusnya meningkatkan rasa kepuasan dan motivasi untuk terus maju. Latihan ini juga memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran kepimpinan dan komunikasi, yang merupakan elemen penting dalam membina keyakinan diri dan hubungan yang baik dengan pasukan kerja serta pelanggan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyediaan latihan yang menyokong pembangunan kepuasan kendiri dalam kalangan teknousahawan wanita adalah penting bagi memastikan mereka terus bermotivasi dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran perniagaan. Ini termasuk program latihan yang menumpukan kepada kesedaran diri, pengurusan emosi, dan pembangunan potensi individu. Kajian oleh Roddin et al. (2015) menunjukkan bahawa usahawan wanita yang mengambil bahagian dalam program pembangunan diri melaporkan peningkatan yang signifikan dalam kepuasan kendiri dan prestasi perniagaan mereka.

Latihan yang berfokus kepada keseimbangan kerja-keluarga dan kepuasan kendiri adalah elemen kritikal dalam kejayaan teknousahawan wanita. Dalam persekitaran perniagaan yang semakin kompetitif dan mencabar, kemampuan untuk menguruskan tanggungjawab profesional dan peribadi secara seimbang adalah kunci untuk memastikan kesejahteraan emosi dan fizikal usahawan. Latihan yang menguatkan kemahiran pengurusan masa, pengurusan tekanan, dan pembangunan kepuasan kendiri membantu teknousahawan wanita untuk membina keyakinan diri, motivasi, dan daya tahan yang diperlukan untuk mencapai kejayaan perniagaan.

Sekiranya teknousahawan wanita berjaya menguruskan keseimbangan kerja-keluarga dengan lebih efektif, mereka dapat menumpukan perhatian yang lebih pada inovasi dan pengurusan perniagaan, sekaligus meningkatkan produktiviti dan prestasi perniagaan. Selain itu, latihan yang meningkatkan kepuasan kendiri membantu mereka merasa bermotivasi, yang seterusnya mempengaruhi sikap positif dan keputusan strategik dalam perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aida Rahayu (2010) menyatakan bahawa latihan teknokeusahawanan antara faktor yang mempengaruhi pembangunan teknousahawan di Malaysia. Latihan yang sistematik berupaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan sekaligus menjadikan mereka lebih berdaya saing dalam persekitaran perniagaan yang mencabar. Secara keseluruhan, penyediaan latihan yang menyokong kedua-dua aspek ini bukan sahaja memperkukuhkan potensi teknousahawan wanita untuk berjaya, tetapi juga menyokong pembangunan ciri, kompetensi serta menyumbang kepada pengalaman kerja. Latihan sebegini adalah penting untuk memastikan teknousahawan wanita dapat mencapai keseimbangan yang harmonis antara kerjaya dan kehidupan peribadi sambil mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan.

5.3.12 Ciri-ciri keusahawanan, Kompetensi dan Pengalaman Kerja Sebagai Faktor Peramal

Ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja merupakan faktor peramal penting yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan wanita PKS. Dapatan kajian mendapati bahawa ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kejayaan. Hasil kajian ini selari dengan kajian terdahulu di mana ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja berperanan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan (Romy Abd Kadir, 2019; Nurin Asyikin Ahmad, 2021; Pratoma & Wardani, 2021; Mukaram Ali Khan, Kashif Rathore & Muhammad Adnan Sial, 2020).

Dapatan kajian ini menandakan keperluan untuk membina ciri-ciri keusahawanan yang unik supaya teknousahawan wanita dapat berdaya saing dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berjaya dalam perniagaan yang diceburi. Teknousahawan wanita yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang unik bersedia untuk menjalankan tugas dengan cemerlang. Selain itu, dapatan kajian ini juga sejajar dengan pandangan Abu Yazid Abu Kadir et al. (2021) yang menyatakan bahawa ciri-ciri keusahawanan memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seorang teknousahawan. Ciri-ciri keusahawanan adalah unik. Oleh itu, seseorang yang ingin berjaya sebagai teknousahawan perlu mengubah sikap mereka agar mencerminkan ciri-ciri keusahawanan yang telah membawa kejayaan dalam arena teknokeusahawanan (Mohamad Ayub Ariffin & Radin Siti Aishah, 2021).

Hasil kajian ini juga secara jelas menunjukkan bahawa teknousahawan wanita yang kompeten dari segi mencari peluang, membentuk hubungan, membina strategi, kepimpinan, komitmen, dan mencari idea baharu akan mencapai kejayaan yang dirancang. Teknousahawan wanita yang terlibat dalam bidang teknokeusahawanan ini menggunakan kompetensi yang disusun daripada pengetahuan, kemahiran, dan sikap keusahawanan yang kritikal untuk mencapai kejayaan teknousahawan (Janain Burut, 2018; Man et al., 2002; Juzaimi Nasuredin, 2017). Kompetensi ini juga dianggap amat penting dalam mencapai kejayaan dalam bidang teknousahawan kerana terdapat kaitan dengan prestasi, daya saing, dan pengaruh terhadap kejayaan perniagaan secara keseluruhan (Man et al., 2002). Menurut Endi et al. (2013), kompetensi teknousahawan ini berkait rapat dengan ciri-ciri keusahawanan teknokeusahawanan yang mempengaruhi kejayaan PKS. Md Isa Yusuff (2022) juga berpendapat bahawa kompetensi teknousahawan memainkan peranan penting sebagai penentu kejayaan perniagaan PKS di Malaysia, walaupun pengaruhnya lebih ketara dalam keadaan persekitaran yang stabil, penggunaan teknologi yang canggih, dan dinamik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengalaman kerja memainkan peranan sebagai faktor peramal terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Teknousahawan wanita yang mempunyai pengalaman perniagaan yang berkaitan dengan bidang perniagaan yang diceburi akan menyokong pembangunan dan kejayaan dalam bidang yang diceburi. Dengan adanya pengalaman kerja lepas, teknousahawan wanita juga akan mempunyai motivati dan keyakinan diri yang tinggi dalam usaha melakukan inovasi dalam perniagaan yang terlibat. Tambahan pula, menurut Shamsul Hana Abd Rani (2019) menyatakan bahawa pengalaman kerja memberikan peluang untuk mengasah kemahiran teknikal yang diperlukan yang dapat membantu teknousahawan wanita menguasai alat dan teknologi baharu serta memahami perkembangan teknologi terkini. Melalui pengalaman kerja juga, teknousahawan wanita dapat menguatkan pemahaman tentang industri dengan lebih mendalam khususnya industri yang berkaitan dengan PKS. Hal ini juga termasuk pemahaman tentang trend industri PKS, peluang serta cabaran perniagaan. Pemahaman yang diperoleh daripada pengalaman kerja, teknousahawan wanita merancang penyelesaian inovatif dan relevan dalam bidang teknokeusahawanan . (Muhamad Zulhafizi Mohd Yusof et al., 2020).

Kajian lepas yang dilakukan oleh Janain Burut (2018), telah menyumbangkan satu kerangka baharu pembangunan pemikiran inovatif teknousahawan Bumiputera di Malaysia bagi meningkatkan daya saing dan daya tahan teknousahawan. Kerangka kajian baharu pula mencadangkan ciri-ciri keusahawanan dan kompetensi teknousahawan harus diterapkan dalam pembangunan teknousahawan Bumiputera di Malaysia. Romy Abd Kadir (2019) pula menyatakan bahawa untuk menjadi teknousahawan yang berjaya perlu mempunyai kompetensi keperibadian, kompetensi vokasional keusahawanan serta kompetensi kerohanian dan pengurusan. Ketiga-tiga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kompetensi ini saling berkait rapat dan memerlukan antara satu sama lain bagi membentuk model kompetensi teknousahawan.

Dapatan kajian pula menunjukkan bahawa hanya ciri-ciri keusahawanan memberi sumbangan peramal sebanyak 6.3 peratus sebagai pengaruh yang signifikan terhadap pembentukkan model kejayaan teknousahawan wanita PKS. Faktor kompetensi teknousahawan dan pengalaman kerja tidak meramal kejayaan teknousahawan wanita apabila dimuatkan dalam satu model. Walaupun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hanya ciri-ciri keusahawanan menyokong pembentukan model kejayaan tetapi kompetensi teknousahawan dan pengalaman kerja menyumbang sebagai faktor peramal penting terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Implikasi kajian

Perbincangan dalam para ini merujuk kepada implikasi terhadap praktis dan teori. Beberapa cadangan yang dibincangkan sebagai implikasi dan kesinambungan kepada kajian ini agar kajian mengenai ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja teknousahawan wanita PKS ini terus diteroka, ditambah baik dan dimantapkan lagi di masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Implikasi Terhadap Praktis

Dapatan kajian ini menambahkan khazanah ilmu dalam mengkaji faktor kejayaan teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Kajian ini mengesahkan bahawa ciri, kompetensi dan pengalaman kerja adalah faktor penting yang mempengaruhi kejayaan teknousahawan wanita PKS. Pihak Kerajaan Malaysia dicadangkan untuk mengaplikasikan dapatan kajian dan perlu diberi perhatian dalam memastikan kejayaan teknousahawan wanita selaras denagn pembangunan ekonomi negara. Pihak kerajaan perlu meningkatkan pelaksanaan dari segi penilaian kendiri, membawa perubahan dalam pengurusan, kepelbagaian, kemahiran unik, pembangunan kendiri, penyerapan inovatif, pengukuhan kekuatan dalaman, pembangunan latihan yang khusus serta penambahbaikan yang berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedua, ciri-ciri keusahawanan harus dititikberatkan dalam merancang kejayaan teknousahawan wanita PKS. Ciri-ciri keusahawanan mempunyai hubungan yang positif dan memainkan peranan sebagai faktor peramal dengan menyumbang enam peratus ke atas pembentukan model kejayaan. Menurut Janain Burut (2018) dan Romy Abd Kadir (2019), ciri-ciri keusahawanan merupakan elemen penting dalam menentukan kejayaan. Teknousahawan wanita yang memiliki ciri teknousahawan mempunyai keupayaan untuk mencipta nilai baharu dengan cara memikirkan dan membangunkan produk atau perkhidmatan yang berbeza daripada yang sedia ada di pasaran. Seterusnya, agensi kerajaan juga dapat memperkayakan data, jaringan dan jalinan dengan agensi bukan kerajaan dalam membangunkan latihan, bengkel dan kursus yang bersesuaian kepada teknousahawan wanita PKS dalam usaha melahirkan teknousahawan wanita yang berjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, sekiranya ciri-ciri keusahawanan diintegrasikan dengan baik, dapat membantu teknousahawan wanita mencapai kejayaan dalam persekitaran perniagaan yang mencabar. Menurut Mohd Salleh et al. (2002), setiap individu berpeluang menjadi teknousahawan jika memiliki ciri-ciri keusahawanan dan ia boleh dibentuk serta dibangunkan dalam diri seseorang. Oleh itu, pihak yang terlibat dengan pembangunan teknousahawan wanita dicadangkan untuk merangka perancangan dan kursus-kursus yang menyokong pembangunan ciri-ciri keusahawanan teknokeusahawanan yang unik. Hal ini bertujuan untuk memberikan pendedahan serta mempersiapkan teknousahawan wanita dengan keupayaan, pengetahuan serta kemahiran yang yang diperlukan untuk berjaya dalam bidang perniagaan berasaskan teknologi.

Bagi bakal teknousahawan wanita yang ingin berjaya, elemen pembangunan ciri-ciri keusahawanan seperti motivasi kendiri, pemikiran inovatif dan kerohanian boleh dilaksanakan dalam kurikulum keusahawanan melalui mewujudkan modul keusahawanan yang menerapkan elemen-elemen tersebut (Romy Abd Kadir, 2019). Amalan kerohanian sebagai sokongan dalaman mempunyai kesan positif ke atas aktiviti teknokeusahawanan dari sudut mempengaruhi keputusan untuk menjadi seorang teknousahawan, aktiviti menguruskan perniagaan, dan sebagai landasan serta inspirasi yang kukuh untuk menghadapi cabaran dan mencapai kejayaan dalam dunia keusahawanan. Secara praktikalnya, teknousahawan yang ingin berjaya dalam bidang teknokeusahawanan mesti mempraktikan amalan kerohanian sebagai sokongan dalaman bagi menguruskan tekanan dan ketidakpastian dalam perniagaan. Kepercayaan dan amalan kerohanian dapat memberikan ketahanan mental, ketenangan minda,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu mereka menangani tekanan dan menerima kegagalan dengan hati yang terbuka (Romy Abd Kadir, 2019).

Ketiga, Man et al. (2002) menegaskan bahawa kompetensi keusahawanan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kejayaan sesuatu perniagaan. Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa kompetensi memainkan peranan penting dalam kejayaan sesebuah perniagaan. Kompetensi dalam konteks teknokeusahawanan perlu dijadikan sebahagian daripada kurikulum keusahawanan dengan mewujudkan pelbagai program latihan yang berteraskan kompetensi teknousahawanan (Ahmad Raflis Che Omar, Suraiya Ishak, Azhar Ahmad & Mohd Abdullah Jusoh, 2020). Kompetensi teknousahawan juga memainkan peranan sebagai elemen kekuatan untuk berdaya saing, bertahan, mengembang serta mengekalkan kelangsungan perniagaan. Teknousahawan wanita PKS yang memiliki kompetensi teknousahawan dapat mengenal pasti peluang-peluang pasaran untuk mengkomersilkan produk-produk baharu, teknologi canggih, pengubahsuaian atau proses.

Keempat, kejayaan wanita dalam bidang teknokeusahawanan sangat dipengaruhi oleh pengalaman kerja lepas. Dengan menggunakan pengalaman kerja mereka sebelum ini, teknousahawan wanita lebih bersedia untuk menghadapi sebarang kesulitan dalam perniagaan mereka. Oleh itu, mereka akan dapat mengatasi masalah serta mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat kejayaan (Shamsul Hana Abd Rani, 2019). Selanjutnya, pengalaman kerja juga memberikan pembelajaran atau pengajaran dari kegagalan yang mungkin berlaku. Pengajaran lepas ini menjadi bekal yang berharga untuk mengelakkan kesilapan serupa semasa menjalankan perniagaan sendiri dalam kalangan teknousahawan wanita PKS. Jelaslah bahawa, secara praktikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman kerja membantu seseorang teknousahawan wanita mengembangkan kemahiran pengurusan yang penting termasuk pengurusan pasukan, pengurusan projek, dan kemahiran kepimpinan untuk menjalankan perniagaan serta berjaya dalam bidang yang diceburi.

Kelima, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa latihan teknousahawan tidak memainkan peranan sebagai moderator antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja dengan kejayaan. Namun demikian, latihan teknousahawan mempunyai hubungan positif dengan kejayaan teknousahawan wanita PKS. Oleh yang demikian, pelbagai program latihan perlu dirancang dalam usaha membangunkan potensi teknousahawan wanita PKS di Malaysia. Teknousahawan wanita yang mendapat latihan dapat mengembangkan kemahiran dan kebolehan keusahawanan, termasuk mengimbangi antara kerja-keluarga serta meningkatkan kepuasan kendiri.

Ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja yang dikaji dalam kajian ini memainkan peranan sebagai faktor peramal kepada kejayaan teknousahawan wanita PKS. Faktor ini membuktikan keseluruhan teknousahwan wanita yang dikaji memiliki faktor kejayaan yang tinggi. Oleh itu, faktor-faktor peramal ini boleh dijadikan sebagai kunci kejayaan kepada usahawan wanita PKS yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang teknokeusahawanan. Berjaya dalam perniagaan bukanlah semata-mata untuk mengejar kekayaan harta dengan mengabaikan akhlak terhadap manusia serta tanggungjawab terhadap alam sekitar. Kejayaan teknousahawan yang seimbang melibatkan keseimbangan dimensi sifat manusia yang merangkumi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Emosi memerlukan kestabilan, fizikal memerlukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecemerlangan kesihatan, intelek harus ditingkatkan serta rohani perlu menghampirkan diri kepada Tuhan.

Keenam, pembangunan teknokeusahawanan wanita harus selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDG) 2030 yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh itu, kerajaan Malaysia hendaklah menyusun langkah-langkah yang menyokong kejayaan serta pembangunan teknousahawan wanita. Dapatan kajian ini telah mengenal pasti beberapa kelemahan yang memerlukan penambahbaikan dan sokongan padu daripada pihak kerajaan dalam usaha melahirkan ramai teknousahawan wanita yang berjaya.

Agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan teknousahawan wanita di Malaysia seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi, SME Corporation Malaysia perlu mengadakan program atau latihan pembangunan teknousahawan yang bukan sahaja berfokus kepada pemahaman teknologi, pembangunan kemahiran kreativiti dan inovasi, latihan pengurusan perniagaan serta latihan kelestarian malah latihan berfokuskan kepada pengurusan masa, pengurusan tekanan, keseimbangan kerja-keluarga, serta kaedah meningkatkan kepuasan kendiri juga perlu diberi perhatian sewajarnya. Latihan mengimbangi kerja-keluarga, mengurangkan tekanan kerja, cara atau kaedah meningkatkan kepuasan kendiri dalam kalangan teknousahawan wanita PKS akan membantu memahami serta menghadapi cabaran trend perubahan teknologi dalam sektor perniagaan PKS yang diceburi oleh mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, di Malaysia pelbagai sektor kerajaan sentiasa menyokong pembangunan teknousahawan melalui latihan, pembiayaan, dan sokongan yang diperlukan untuk memulakan atau memajukan perniagaan (SME Corp., 2020). Latihan untuk teknousahawan wanita juga harus merangkumi model yang relevan dan berkualiti untuk wanita sebagai manfaat teknologi yang dapat membantu mereka lebih mudah mengendalikan perniagaan dan keluarga pada masa yang sama. Selain itu, wanita juga mungkin kurang motivasi untuk berjaya dan mengembangkan perniagaan mereka walaupun mereka telah menghadiri banyak latihan. Oleh itu, model yang relevan dan berkualiti mungkin penting untuk memupuk elemen motivasi dalam latihan untuk meningkatkan keinginan mereka untuk menjadi teknousahawan yang berjaya kerana hakikat bahawa wanita biasanya terlibat dalam konflik kerja-keluarga (Nur Aina Mokhtarudin, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, kerajaan dan penggubal dasar perlu sedar bahawa tindakan dan keputusan berkaitan teknokeusahawanan akan memberi kesan langsung kepada kejayaan teknousahawan wanita. Secara ringkasnya, perbincangan implikasi praktikal kajian menunjukkan terdapat beberapa elemen baharu ditemui dalam kajian ini yang memberi impak kepada pembangunan teknousahawan. Perbincangan seterusnya tertumpu kepada implikasi teoritikal.

5.4.2 Implikasi Terhadap Teori

Bahagian ini membincangkan implikasi terhadap teori berpandukan dapatan kajian yang diperoleh. Dalam menjelaskan sumbangan teoritikal kajian, implikasi terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teori adalah menjurus kepada perbincangan mengenai penambahbaikkan teori serta model yang digunakan dalam kajian ini. Dalam kerangka konseptual kajian beberapa teori dan model yang releven dengan kajian ini telah dipilih sebagai asas untuk menerangkan fenomena kajian. Secara umumnya, hasil yang diperolehi dalam kajian ini menyokong teori serta model yang digunakan untuk mengenalpasti ciri-ciri keusahawanan, kompetensi, pengalaman kerja dan latihan teknousahawan wanita PKS. Secara khusus, kajian ini menentukan ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja sebagai faktor kejayaan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS.

Implikasi teori yang pertama adalah berkaitan dengan pengaplikasian teori kajian ini dalam bidang teknokeusahawanan. Kajian-kajian lepas yang mengaplikasikan Teori Kognitif Sosial Kerjaya (Nordin Khadijah et al., 2021; Roziah Mohd Rasdi et al., 2009) dan Teori Pembangunan Keusahawanan (Henrekson dan Sanandaji, 2020; Rosiana, 2021) telah membincangkan aplikasi teori dalam bidang keusahawanan secara umum. Kajian ini secara khusus telah mengaplikasikan implikasi teori ke atas bidang teknokeusahawanan PKS di Malaysia.

Seterusnya, model daya saing IKS (Man et al., 2002) telah memperincikan kompetensi untuk berjaya dalam industri PKS kepada enam kompetensi asas iaitu kompetensi mencari peluang, kompetensi mencari idea baharu, kompetensi komitmen, kompetensi hubungan, kompetensi strategik dan kompetensi kepimpinan. Man et al. (2002) mengutarakan model daya saing IKS yang menjelaskan peranan penting kekuatan dalaman keusahawanan untuk mewujudkan daya saing syarikat dan telah memperincikan komponen kompetensi usahawan berjaya. Berdasarkan dapatan kuantitatif kajian ini dari aspek kepentingan kompetensi keusahawanan kepada daya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

saing teknousahawan menyokong model Man et al. (2002). Penemuan ini menyumbang kepada literatur kajian yang berkaitan kejayaan teknousahawan wanita PKS.

Implikasi terhadap teori juga boleh dilihat dari segi sektor perniagaan PKS yang terlibat dalam kajian ini. Kajian yang berkaitan dengan sektor PKS telah dijalankan dalam pelbagai konteks di Malaysia (Irwan Mohd Zain, 2017; Mohd Zain Mubarak et al., 2015; Suhaila Nadzri et al., 2020; Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof et al., 2020). Berbanding dengan kajian terdahulu, kajian ini telah memilih sektor PKS yang kurang diberikan tumpuan seperti pembinaan, pelombongan dan pengkuarian serta menyumbang dengan memperluas aplikasi teori terhadap responden teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

Selanjutnya, kajian ini telah mengaji sama ada latihan teknousahawan menyederhanakan hubungan di antara ciri-ciri keusahawanan, kompetensi dan pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahawan wanita. Kajian lepas oleh Sarimah Che Hassan et al. (2020) serta Buerah Tunggak dan Zoolhilmi Ahmed (2015) menyarankan kajian dijalankan untuk melihat peranan latihan sebagai moderator. Walau bagaimanapun, hasil kajian telah membuktikan bahawa latihan teknousahawan tidak berperanan sebagai moderator ke atas ciri, kompetensi dan pengalaman kerja dengan kejayaan teknousahwan wanita. Meskipun latihan teknousahawan tidak berperanan sebagai moderator tetapi mempunyai hubungan positif terhadap kejayaan teknousahawan. Hasil dapatan kajian ini menambahkan lagi pengetahuan berkaitan kepentingan latihan terhadap kejayaan teknousahawan wanita PKS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, implikasi teorikal kajian yang berkaitan dengan kerangka konseptual yang dikembangkan berpandukan jurang literatur yang dikenal pasti dalam kajian dan disokong berdasarkan teori utama iaitu Teori Kognatif Sosial Kerjaya (Bandura, 1986). Kajian ini melibatkan tiga pemboleh ubah tidak bersandar iaitu ciri-ciri keusahawanan, kompetensi teknousahawan dan pengalaman kerja manakala latihan teknousahawan bertindak sebagai moderator dengan kejayaan teknousahawan. Dengan kata lain, kajian ini telah memperkayakan model teoritikal sedia ada dengan memasukkan latihan teknousahawan sebagai moderator. Oleh yang demikian, pemahaman lanjut berkaitan hubungan antara pemboleh ubah telah menambahkan lagi pengetahuan baharu kepada literatur teknokeusahawanan dalam kalangan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Limitasi Kajian

Pengkaji telah menghadapi pelbagai kekangan dalam usaha melengkapkan pengkajian ini. Beberapa limitasi yang dihadapi oleh pengkaji telah dikumpulkan dan dibincangkan dalam bahagian ini supaya menjadi rujukan kepada pengkaji kajian akan datang. Selain itu, ini juga mungkin menawarkan ruang baharu kepada pengkaji untuk kajian masa hadapan.

Pertama, kajian ini menggunakan perisian SPSS versi 28 untuk melaksanakan analisis korelasi, analisis regrasi dan analisis regrasi linear hirarki bagi mendapatkan hasil dapatan berkenaan hubungan, kesan moderator serta kesan faktor peramal. Namun demikian, hasil dapatan bagi kesan moderator tidak berapa tepat memandangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdapat beberapa kelemahan penggunaa perisian SPSS. Seterusnya, meskipun soal selidik ini telah dihantar kepada semua sektor dalam PKS, namun maklum balas yang diterima daripada sektor perlombongan dan pengkuarian serta pembinaan adalah kurang. Kebanyakan respons yang datang daripada sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Pengkaji juga menghadapi masalah dari segi akses kepada teknousahawan wanita yang menjadi responden kajian. Populasi kajian yang dijalankan ini merangkumi kepada lokasi teknousahawan di seluruh Malaysia. Oleh hal yang demikian, pengkaji mengambil masa yang agak lama dalam proses mendapatkan semula borang soal selidik daripada responden. Jangka masa bagi proses kutipan data mengambil masa selama hampir enam bulan. Selanjutnya, limitasi yang melibatkan persoalan bias atau sikap semasa pemilik atau pengurus perniagaan menjawab soal selidik turut berlaku. Kajian ini bergantung kepada data yang dilaporkan oleh pemberi maklumat tunggal dan keadaan ini di luar kawalan pengkaji untuk memastikan sama ada benar atau tidak pemilik atau pengurus PKS sendiri yang menjawab borang *Google form*.

Limitasi seterusnya adalah berkaitan dengan penggunaan instrument soal selidik khususnya item-item yang digunakan dalam menentukan latihan sebagai moderator dengan kejayaan teknousahawan yang tidak menepati kehendak kejayaan. Item-item latihan yang digunakan dalam kajian ini menilai kejayaan dari dimensi keseimbangan kerja-keluarga dan kepuasan kendiri. Maka, pengkaji gagal menentukan peranan latihan sebagai moderator dalam hubungan dengan kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Cadangan Sumbangan Hasil Kajian

Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha dan mengambil berat ke atas pembangunan teknousahawan dengan melancarkan pelbagai program, pembiayaan dan sokongan. Namun demikian daripada hasil dapatan kajian, pengkaji mencadangkan beberapa perkara penambahbaikan yang boleh diambil kira dalam usaha memperkasakan teknousahawan wanita PKS di Malaysia.

Bagi memperkasakan program pemantauan secara berkesan dalam kalangan teknousahawan di Malaysia, pengendali program seperti agensi-agensi kerajaan, GIATMARA, MARA dan SME Corp. adalah penting untuk mewujudkan satu garis panduan khusus. Pelaksanaan program pemantauan ini secara berkala adalah perlu untuk memastikan kejayaannya yang berterusan, memenuhi keperluan khusus kumpulan ini seperti pembiayaan, latihan kemahiran lanjutan, premis, infrastruktur, bimbingan keusahawanan, dan keperluan lain yang berkaitan. Bagi meningkatkan keberkesanan program pemantauan ini, satu mekanisme khas yang dikenali sebagai program *buddy system* atau program *mentoring* perlu dilaksanakan. Program *buddy system* atau *mentoring* yang melibatkan teknousahawan berjaya dapat membimbing usahawan baharu dalam bidang teknologi serta secara tidak langsung akan menjadi *role model* untuk berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburi (DKN 2030, 2019). Dengan mengikut pendekatan terancang ini, pemantauan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan mudah mengenal pasti kelemahan program yang dijalankan.

Seperti kita sedia maklum bilangan teknousahawan wanita yang berjaya di Malaysia adalah kurang berbanding dengan kaum lelaki. Faktor penyebab fenomena ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terjadi boleh dikaitkan dengan pelaksanaan latihan kemahiran teknousahawan wanita serta matlamat utama untuk memupuk tenaga kerja yang cekap yang menyokong industri yang dipacu teknologi di dalam dan di luar negara amat berkurangan. Bagi menggalakkan lagi kemunculan teknousahawan wanita di Malaysia, adalah mustahak bagi kerajaan untuk melancarkan kempen kesedaran yang berterusan dan memberi impak yang mendalam mengenai kelebihan bidang teknokeusahawanan. Kempen ini harus disertakan dengan latihan kemahiran yang diberikan akses kepada program khusus yang merangkumi kursus keusahawanan intensif, bantuan kewangan untuk permulaan perniagaan, serta khidmat nasihat dan tunjuk ajar yang berterusan untuk suatu jangka masa tertentu (Janain, Burut, 2018). Proses ini seharusnya berterusan dari semasa ke semasa bagi melihat kecederungan mereka kepada teknokeusahawanan dalam memastikan kualiti teknousahawan yang dilahirkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, bagi melahirkan teknousahawan wanita yang berjaya mengembangkan perniagaan mereka sokongan dari segi pembiayaan adalah sangat penting (Saifuzzaman Ibrahim, 2020). Oleh yang demikian, penawaran sokongan kewangan daripada pelbagai agensi pembangunan teknousahawan akan menggalakkan penglibatan teknousahawan wanita baharu dalam bidang teknokeusahawanan PKS. Selain itu, sokongan pembiayaan kewangan ini mampu mengubah corak perniagaan tradisional kepada perniagaan yang berasaskan teknologi. Hal ini juga memberi nafas baharu kepada teknousahawan wanita dalam usaha mengakses pembiayaan dengan mudah dan cepat.

Satu lagi cadangan yang penting dan harus dilaksanakan oleh kerajaan adalah mewujudkan inkubator khas kepada teknousahawan yang bebas serta fleksibel dari segi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemasukan. Pusat tersebut harus berfungsi sebagai pusat maklumat yang utama dalam kalangan teknousahawan (Muhammad Ridhuan Abdul Rahman, 2019). Selain itu, maklumat berkaitan modal perniagaan, kemahiran digital yang terkini, kemahiran pemasaran yang kreatif, latihan teknousahawan yang khusus dan asas kepada teknokeusahawanan diselitkan sebagai antara pengisian yang boleh dilaksanakan di pusat inkubator.

Selain daripada itu, kaedah pemberian insentif kepada teknousahawan wanita juga harus diberi perhatian yang sewajarnya. Pemberian insentif kepada teknousahawan wanita akan menggalakkan mereka menghasilkan pelbagai produk yang berinovatif tinggi yang menyumbang kepada pendapatan negara. Skim pemberian geran kepada teknousahawan wanita yang melakukan pembaharuan dalam penciptaan juga akan menjadi satu elemen dorongan mereka berdaya saing (DKN 2030, 2019). Hal ini juga akan sentiasa menggalakkan teknousahawan wanita melakukan inovasi dalam produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Galakkan, sokongan dan penghargaan daripada pihak kerajaan akan menjadi pemangkin kepada teknousahawan wanita mengorak kejayaan dalam bidang teknokeusahawanan.

Seterusnya, bagi tujuan teknousahawan wanita meneroka peluang perniagaan baharu, agensi dan kementerian membantu teknousahawan wanita memperluas akses kepada pasaran (Nurul Suhada Ismail,Farah Farhana Johari, & Nur Aina Makhtarudin, 2022). Langkah akses kepada pasaran yang lebih luas dapat dijalankan dalam bentuk promosi dan pembangunan produk dan hal ini membolehkan teknousahawan wanita menghasilkan potensi baharu bagi meningkatkan pendapatan. Di samping membantu akses kepada pasaran, agensi dan kementerian juga boleh menyediakan platform

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemasaran produk dan perkhidmatan. Perkara ini membolehkan teknousahawan wanita dapat mencipta *visibility* produk dan perkhidmatan dalam pasaran tempatan. Oleh hal yang demikian, usaha ini mampu membina jaringan dan mengukuhkan hubungan perniagaan antara teknousahawan PKS dengan syarikat-syarikat besar seperti syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat multinasional. Hal ini meberi peluang kepada teknousahawan wanita PKS tempatan memasuki pasaran baharu dengan mudah.

